



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL PERSIDANGAN KEEMPAT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KEEMPAT BELAS**

SOALAN BERTULIS DAN JAWAPAN

30 OGOS 2021 – 2 SEPTEMBER 2021

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL PERSIDANGAN KEEMPAT**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS**

No. Soalan	Kandungan	Muka Surat
XIV	Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye)	913 - 959
XV	Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah)	960 - 997
XVI	Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim)	997 - 1064
XVII	Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor)	1065 - 1139
XVIII	Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid)	1139 - 1237

XIV. Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

1. Penularan wabak COVID-19 bermula pada awal bulan Mac 2020 tahun lalu. Kes-kes COVID-19 semakin meningkat.
 - (a) Apakah persediaan awal yang telah dilakukan Kerajaan Negeri dari segi penyediaan tempat pesakit COVID-19, peralatan pernafasan (ventilator), tenaga petugas dan bantuan kecemasan apabila bilangan kes COVID-19 ini semakin tinggi?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

1. (a) Antara persiapan awal yang telah dilaksanakan bagi menangani bilangan kes COVID-19 yang semakin meningkat adalah seperti berikut:-
 - (i) Mengenalpasti keperluan katil ICU dan *ventilator* serta sumber manusia yang diperlukan serta meningkatkan bilangan katil bagi pesakit COVID-19 di Hospital Pulau Pinang, Hospital Kepala Batas dan Hospital Bukit Mertajam;
 - (ii) Mendapatkan bantuan Angkatan Tentera Malaysia dalam penyediaan ICU Lapangan di Hospital Kepala Batas;
 - (iii) Menyumberluarkan kes-kes bukan COVID-19 ke fasiliti kesihatan lain dan menangguhkan pembedahan dan prosedur elektif di hospital;
 - (iv) Menggerakkan anggota perubatan secara mobilisasi dalaman untuk bertugas membantu di tempat yang memerlukan penambahan petugas seperti di Penjara Reman, Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 berisiko rendah (PKRC), Hospital, Klinik Kesihatan dan Pusat Pemberian Vaksin (PPV); dan
 - (v) Menyediakan PKRC bagi pesakit Kategori 1 dan 2 di Kompleks Masyarakat Penyayang, Kompleks Sukan Balik Pulau, Pusat Latihan Zakat dan Mara Excellence Center Jawi secara berperingkat.

Maklumat Ringkas tentang PKRC seperti di **LAMPIRAN A** dan kes kes di MEC di **LAMPIRAN B**.

- (i) Membentuk *Penang Unified Command Centre* (PUCC) bagi menyelia dan menguruskan pergerakan pesakit COVID-19 dari rumah ke pusat rawatan yang dikenal pasti, menggunakan ambulan, bas khas dari Pejabat Setiausaha Kerajaan, Jabatan Kesihatan, Rapid Penang dan agensi-agensi kerajaan yang lain;
- (ii) Membentuk dan menyediakan PPV di setiap Daerah; dan
- (iii) Menggembleng tenaga petugas dan pemberi bantuan kecemasan dari agensi-agensi yang lain seperti APM, PDRM, RELA dan lain-lain untuk bertugas di PKRC dan PPV.

Penambahbaikan Perkhidmatan Pra Hospital bagi Kes-kes Kecemasan Covid-19

Dr Leong Head of PKRC Kompleks Masyarakat Penyayang with Oxygen facilities for Category 3-4 telah menubuhkan COVID-19 *Emergency Response Team* telah dapat konsensus dari pakar-pakar perubatan

kecemasan untuk menambah baik perkhidmatan pra hospital untuk kes-kes kecemasan COVID-19. Ambulans, telefon dan sebagainya telah sedia ada. 24 sukarelawan sedang dilantik di Dewan PINTAR Taman Guar Perahu, Penanti menjadi *Back-End* untuk bantu panggilan kecemasan 999.

(i) **Ringkasan Eksekutif**

Bilangan kes COVID-19 melonjak secara mendadak sejak 3 minggu yang lalu. Sejajar dengan lonjakan ini, maka bilangan panggilan kecemasan ke talian 999 juga meningkat melepasi ambang jumlah panggilan yang diterima sebelum ini. Keadaan ini, jika tidak ditangani dengan penambahbaikan dalam model penyampaian perkhidmatan sedia ada akan melumpuhkan keseluruhan system perkhidmatan pra hospital di Negeri Pulau Pinang.

Untuk memastikan setiap panggilan kecemasan melalui 999 ditangani dengan baik, maka beberapa cadangan di bawah dikemukakan:

- (a) Pengalihan panggilan kecemasan COVID-19 yang tidak mengancam nyawa ke COVID-19 *Emergency Helpline*
- (b) Mewujudkan perkhidmatan Kenderaan Pesakit COVID-19 Berisiko Tinggi (COVID-19 *High Risk Patient Transport Service Vehicle*)

(ii) **Penang COVID-19 *Emergency Helpline***

Satu talian khusus untuk menguruskan semua pesakit COVID-19 yang memohon bantuan melalui talian 999 perlu diwujudkan dengan kadar segera. Talian ini hanya berfungsi sebagai talian sokongan kepada talian 999 sekiranya panggilan memenuhi tiga kriteria seperti berikut:

- (a) Bukan panggilan kecemasan yang mengancam nyawa (*event code: ECHO*).
- (b) Panggilan adalah berkaitan dengan pesakit positif COVID-19 samada melalui ujian makmal maupun ujian sendiri.
- (c) Pesakit tidak mengalami sesak nafas dan tidak mampu berjalan

(iii) **Petugas di Penang COVID-19 *Emergency Helpline*** Penang COVID-19 *Emergency Helpline* akan menggunakan khidmat sukarelawan bukan perubatan. Mereka akan bekerja dalam 2 syif dan 2 petugas setiap syif.

(iv) **Lokasi Penang COVID-19 *Emergency Helpline***

Pusat Panggilan

Jabatan Kecemasan dan Trauma,
Hospital Pulau Pinang,
Jalan Residensi, 10990 Pulau Pinang

Back-End Support

Dewan PINTAR Taman Guar Perahu, Penanti

(v) **Waktu Operasi**

8 pagi – 4 petang, 4 petang – 12 tengah malam

(vi) **Pengoperasian**

- (a) Menerima nombor telefon pemanggil dari MECC Seberang Jaya
- (b) Mendapatkan informasi lanjut dari pesakit
- (c) Dispatch pasukan COVID-19 *High Risk* PTSV
- (d) Keputusan keperluan untuk menggunakan ambulans

(e) Keputusan untuk pesakit tetap berada di rumah

LAMPIRAN B menunjukkan Proposal daripada Dr.Leong

BIL.	PERKARA	JUMLAH (ORANG/%)	CATATAN
1.	PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID-19 BERISIKO RENDAH (PKRC)		
	MEC JAWI, SPS	Lelaki: 260/510 225 (WN) 35 (BWN) Perempuan: 275/498 260 (WN) 15 (BWN)	Lelaki: 260/510 225 (WN) 35 (BWN) Perempuan: 275/498 260 (WN) 15 (BWN)
	PULAZA	Standby Mode 3/8/2021	Standby Mode 3/8/2021
	KOMPLEKS MASYARAKAT PENYAYANG	5/16 (31%)	Mula beroperasi pada 20/8/2021 96 Katil
	LRCC PENJARA JAWI	112/200 (56%)	Mula beroperasi pada 15 Jun 2021
	PENJARA SATELLITE BUKIT MERTA JAM	4/341 (1.2%)	Mula beroperasi pada 15 Jun 2021
	PENJARA REMAN PULAU PINANG	0/20 (0%)	Mula beroperasi pada 27 Jun 2021
2.	PERSON UNDER SURVEILLANCE (PUS)		
	HOTEL RAINBOW PARADISE	76	124 - Kosong
	HOTEL BAHANG BAY	140	60 - Kosong
3.	HOTEL YANG DIJADIKAN PUSAT KUARANTIN		
	HOTEL VOUK, GEORGETOWN	73/230 (32%) 98 pax	Dibuka pada 24 Mei 2021 Caj sebilik – RM150.00 Sharing – RM200.00

LAMPIRAN A

LAMPIRAN B

**Penambahbaikan
Perkhidmatan Pra Hospital bagi
Kes-kes Kecemasan COVID-19**

Kertas Kerja

Perkhidmatan Kecemasan dan Trauma


ID267/01



Pengenalan	2
Ringkasan Eksekutif	2
COVID-19 <i>Emergency Helpline</i>	3
Sistem Panggilan Kecemasan	3
Penang COVID-19 <i>Emergency Helpline</i>	3
COVID-19 <i>High Risk</i> PTVS	9
Pengangkutan Pesakit COVID-19 di Negeri Pulau Pinang	9
Modifikasi Van Penumpang untuk digunakan sebagai <i>High Risk Patient Transport Service Vehicle</i>	10
Modus Operandi	9
Penutup	16

Ringkasan Eksekutif

Bilangan kes COVID-19 melonjak secara mendadak sejak 3 minggu yang lalu. Sejalan dengan lonjakan ini, maka bilangan panggilan kecemasan ke talian 999 juga meningkat melepasi ambang jumlah panggilan yang diterima sebelum ini. Keadaan ini, jika tidak ditangani dengan penambahbaikan dalam model penyampaian perkhidmatan sedia ada akan melumpuhkan keseluruhan system perkhidmatan pra hospital di Negeri Pulau Pinang.



Untuk memastikan setiap panggilan kecemasan melalui 999 ditangani dengan baik, maka beberapa cadangan di bawah dikemukakan:

1. Pengalihan panggilan kecemasan COVID-19 yang tidak mengancam nyawa ke COVID-19 Emergency Helpline
2. Mewujudkan perkhidmatan Kenderaan Pesakit COVID-19 Berisiko Tinggi (COVID-19 High Risk Patient Transport Service Vehicle)

Kedua-dua mekanisme baru di atas akan dapat mengekalkan mutu perkhidmatan sedia ada tanpa mengabaikan pesakit COVID-19. Cadangan ini juga telah mengambil kira kekangan bilangan ambulans sedia ada dan juga sumber manusia kesihatan yang terhad.

Sistem Panggilan Kecemasan

Talian 999 merupakan nombor utama untuk pengurusan kes-kes kecemasan perubatan di Malaysia. Pesakit yang memerlukan bantuan kecemasan atau ambulans akan menghubungi talian 999 dan diproses menggunakan sistem *Medical Priority Dispatch System* (MPDS) yang berasaskan *evidence base* dan bertaraf antarabangsa.

Namun begitu, dengan peningkatan jumlah panggilan yang terlalu mendadak dalam gelombang COVID-19 pada masa ini, kekangan dalam jumlah *work station* dan sumber manusia terlatih untuk mengekalkan standard perkhidmatan talian 999 akan tergugat.

Oleh yang demikian, satu mekanisme baru yang tidak bergantung pada *work station* maupun sumber manusia terlatih perlu dilaksanakan dengan kadar segera. Disamping itu, sistem ini haruslah mampu digandingkan dengan sistem MPDS sedia ada dan menyokong pesakit-pesakit COVID-19 yang memohon bantuan menerusi talian 999.

Penang COVID-19 Emergency Helpline

Satu talian khusus untuk menguruskan semua pesakit COVID-19 yang memohon bantuan melalui talian 999 perlu diwujudkan dengan kadar segera. Talian ini hanya berfungsi sebagai talian sokongan kepada talian 999 sekiranya panggilan memenuhi tiga kriteria seperti berikut:


1. Bukan panggilan kecemasan yang mengancam nyawa (*event code: ECHO*).
2. Panggilan adalah berkaitan dengan pesakit positif COVID-19 samada melalui ujian makmal maupun ujian sendiri.
3. Pesakit tidak mengalami sesak nafas dan tidak mampu berjalan.

COVID-19 Emergency Helpline

3

5

Carta Alir Penerimaan Panggilan Kecemasan MERS 999 di MECC Seberang Jaya Semasa Pandemik COVID-19



Rajah 1: Cadangan carta alir pengalihan panggilan kecemasan ke COVID-19 Emergency Helpline dari MECC Seberang Jaya

Sebaik sahaja ketiga-tiga kriteria dipenuhi, penerima panggilan (*call taker*) akan melakukan tindakan berikut:

1. Menetapkan *event code* sebagai 26-A-2C (*sick person with sign/symptom of COVID-19*)
2. *Exit case* dari sistem
3. Menamatkan panggilan dengan jaminan bahawa pemanggil akan dihubungi semula oleh petugas Penang COVID-19 Emergency Helpline dalam kadar segera
4. Memberikan nombor telefon kepada petugas di Penang COVID-19 Emergency Helpline

Semua kes-kes yang tidak berkaitan dengan COVID-19 dan semua kes mengancam nyawa (samaada COVID-19 atau bukan), kes-kes sesak nafas dan tidak mampu berjalan perlulah diuruskan dengan protokol sedia ada di MECC Seberang Jaya.

Petugas di Penang COVID-19 Emergency Helpline

Penang COVID-19 Emergency Helpline akan menggunakan khidmat sukarelawan bukan perubatan. Mereka akan bekerja dalam 2 syif dan 2 petugas setiap syif.

Lokasi Penang COVID-19 Emergency Helpline


Pusat Panggilan, Jabatan Kecemasan dan Trauma,
Hospital Pulau Pinang,
Jalan Resideni, 10990 George Town,
Pulau Pinang

Waktu Operasi

8 pagi – 4 petang, 4 petang – 12 tengah malam

ID267/01

Carta Alir Penang COVID-19 Emergency Helpline



Rajah 2: Cadangan carta alir pengurusan pesakit di Penang COVID-19 Emergency Helpline

Pengoperasian

1. Menerima nombor telefon pemanggil dari MECC Seberang Jaya
 - a. Nombor telefon pemanggil akan diberikan kepada petugas COVID-19 *Emergency Helpline* selepas mengenal pasti pesakit yang tidak mengancam nyawa.
2. Mendapatkan informasi lanjut dari pesakit
 - a. Petugas COVID-19 *Emergency Helpline* akan menghubungi pemanggil untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai demografi pesakit.
 - b. Maklumat-maklumat yang diperlukan adalah nama pesakit, nombor kad pengenalan / nombor pengenalan diri pesakit, dan alamat / lokasi dimana pesakit berada.
3. Dispatch pasukan COVID-19 High Risk PITSV
 - a. Pasukan COVID-19 *High Risk PITSV* yang paling dekat dengan lokasi pesakit akan diaktifkan oleh petugas COVID-19 *Emergency Helpline* bagi semua kes tanpa kecuali.
 - b. Maklumat yang telah diperoleh dari pemanggil akan dihantar kepada pasukan COVID-19 *High Risk PITSV* berkenaan.
4. Keputusan keperluan untuk menggunakan ambulans
 - a. Selepas penilaian dilakukan oleh pasukan COVID-19 *High Risk PITSV*, dan jika timbul keperluan untuk menggunakan perkhidmatan ambulans, maka petugas COVID-19 *Emergency Helpline* akan menerima arahan dari pasukan COVID-19 *High Risk PITSV* untuk mengaktifkan ambulans untuk pesakit berkenaan.
 - b. Petugas COVID-19 *Emergency Helpline* akan menghubungi MECC dengan segera untuk memohon pengaktifan ambulans sebagai *tier 2 respond*.
 - c. Ambulans akan dihantar oleh MECC untuk mengambil alih rawatan pesakit berkenaan dari pasukan *High Risk PITSV* di lokasi.
5. Keputusan untuk pesakit tetap berada di rumah

- a. Sekiranya pasukan COVID-19 High Risk PTSV membuat keputusan bahawa pesakit boleh kekal berada di rumah dan tak perlu dibawa ke fasiliti kesihatan, maka petugas COVID-19 Emergency Helpline akan diberitahu.
- b. Petugas COVID-19 Emergency Helpline akan melengkapkan surat rujukan mengikut templat yang telah disediakan dan memanjangkan rujukan tersebut ke CAC yang berkenaan.


Keperluan

1. 2 unit telefon untuk membuat panggilan keluar
2. 1 unit telefon pintar untuk membuat panggilan Whatsapp
3. 1 unit desktop / laptop (Processor i5 11th generation atau lebih baik) untuk memasukkan data

Pengangkutan Pesakit COVID-19 di Negeri Pulau Pinang

Sejak 28 Disember 2019, pesakit COVID-19 berisiko rendah yakni kategori 1 dan 2, adalah diangkut menggunakan kenderaan bukan ambulans yang disediakan oleh Pusat Kawalan Bersepadu Negeri Pulau Pinang (PUCC), manakala semua kes yang berisiko tinggi, yakni kategori 3, 4 dan 5 adalah menggunakan ambulans yang disediakan oleh perkhidmatan pra hospital Negeri Pulau Pinang. Perkhidmatan kenderaan bukan ambulans yang disediakan oleh PUCC telah berjaya mengekalkan fungsi perkhidmatan ambulans di seluruh Negeri Pulau Pinang tanpa terjejas oleh lonjakan kes-kes COVID-19 sehingga akhir bulan Julai 2021.

Seiring dengan peningkatan kes-kes berisiko tinggi bagi pesakit COVID-19 sejak bulan Julai 2021 yang lalu, maka purata permohonan bagi perkhidmatan ambulans kecemasan juga meningkat lebih dari 60% pada bulan Ogos berbanding dengan bulan Jun 2021. Adalah dianggarkan bahawa jumlah permohonan perkhidmatan ambulans kecemasan akan terus meningkat melebihi 200 kes setiap hari pada bulan September 2021.



Majoriti perkhidmatan ambulans kecemasan adalah disediakan oleh pihak Jabatan Kecemasan dan Trauma di 6 hospital di seluruh Negeri Pulau Pinang. Disamping itu, beberapa klinik kesihatan dan NGO juga turut terlibat untuk membekalkan perkhidmatan ambulan kecemasan berdasarkan kemampuan masing-masing.

Setiap ambulans hanya mampu membawa 3 pesakit duduk dan seorang pesakit berbaring pada satu-satu masa. Ambulans juga hanya mampu membawa 2 pesakit yang memerlukan bantuan oksigen pada saat yang sama.


Menurut pemerhatian, kebanyakan panggilan kecemasan yang dipohon oleh pesakit COVID-19 adalah stabil, dan hanya sebahagian kecil yang benar-benar memerlukan ambulans. Kes-kes yang stabil hanya memerlukan penilaian oleh petugas kesihatan untuk meyakinkan mereka bahawa mereka adalah dalam keadaan stabil.

Oleh yang demikian, suatu sistem yang kreatif perlu dilaksanakan untuk mengoptimalkan penilaian dan pengangkutan pesakit-pesakit COVID-19 di luar hospital supaya tidak melumpuhkan keseluruhan sistem perkhidmatan ambulans di Negeri Pulau Pinang.

Modifikasi Van Penumpang untuk digunakan sebagai High Risk Patient Transport Service Vehicle

Van penumpang menjadi kenderaan pilihan untuk dimodifikasi menjadi COVID-19 High Risk Patient Transport Service Vehicle (COVID-19 High Risk PTSV) kerana boleh memuatkan lebih ramai pesakit dengan selesa. Van juga mampu menembusi jalan-jalan kecil di sekitar Pulau Pinang untuk mencapai pesakit dengan lebih mudah. Dengan penambahan 4 – 6 tong oksigen saiz F (1.4 L), van ini berupaya membekalkan oksigen kepada 4 – 6 pesakit sekaligus, menjadikannya kenderaan yang optima untuk menghadapi lonjakan pesakit COVID-19.

Skema Pengubahsuaian Van Penumpang



Petunjuk:

- Tempat duduk petugas
- Tempat duduk pesakit
- Tong oksigen

Setiap van akan mampu mengangkut sekitar 6 – 8 pesakit berdasarkan kapasiti tempat duduk penumpang di kabin van. Dalam pada itu, sekitar 4 – 6 pesakit dapat dirawat menggunakan oksigen bergantung pada jumlah tong oksigen yang dipasang dalam van.

Tong oksigen dipasang dengan menggunakan tali pengikat berkancing berkualiti industri. Beberapa tali pengikat dipasang dengan ketat untuk memastikan kestabilan tong oksigen terjamin. Tali pengikat berkancing digunakan kerana mudah dipasang, mudah diketatkan dan mudah ditanggalkan.

Waktu Operasi

10 pagi – 10 malam

Modus Operandi

Pengoperasian COVID-19 High Risk PTSV adalah berdasarkan konsep "Multiple Tier Response", "Treat and Transport" dan "Treat, Refer and Release". Konsep ini akan memastikan proses pengangkutan yang optima supaya dapat menyampaikan perkhidmatan kepada semua pesakit COVID-19 yang memohon perkhidmatan ambulans. COVID-19 High Risk PTSV akan bertindak sebagai pasukan Tier 1 untuk membuat penilaian awal terhadap pesakit sebelum membuat keputusan selanjutnya. Berikut merupakan perincian modus operandi perkhidmatan COVID-19 High Risk PTSV di Pulau Pinang.

1. Kenderaan COVID-19 High Risk PTSV akan dipandu mengelilingi daerah yang ditetapkan. Penolong pegawai perubatan dan pemandu sudah siap memakai PPE dan sedia menerima pesakit pada bila-bila masa.
2. Pasukan COVID-19 High Risk PTSV yang terdekat dengan lokasi pesakit akan diaktifkan oleh petugas Penang COVID-19 Emergency Helpline. Mereka akan dibekali dengan nama pesakit, nombor kad pengenalan / nombor pengenalan diri pesakit, dan alamat / lokasi dimana pesakit berada melalui aplikasi pesanan ringkas telefon bimbit.
3. Pasukan COVID-19 High Risk PTSV bergerak ke lokasi pesakit.
4. Penilaian pesakit dibuat secara fizikal di lokasi pesakit berada. Ia meliputi:
 - a. Keluhan utama
 - b. Tanda-tanda bahaya (warning signs)
 - c. Faktor risiko
 - d. Tanda-tanda vital

- e. Rawatan awal
 - f. Keperluan untuk dibawa ke hospital
 - g. Keperluan untuk menggunakan ambulans
 - h. Kesesuaian untuk kuarantin di rumah
5. Sekiranya pesakit sesuai untuk meneruskan kuarantin di rumah, maka pesakit akan diberikan informasi mengenai "Home Monitoring", diberikan Annex 14 (Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Bagi Kontak COVID-19), dan gelang merah jambu oleh Penolong Pegawai Perubatan. Informasi pesakit juga akan dipanjangkan kepada Penang COVID-19 Emergency Careline untuk dirujuk ke CAC yang berkenaan.
 6. Sekiranya pesakit memerlukan ambulans untuk dibawa ke hospital kerana keadaan pesakit yang serius, atau memerlukan usungan, maka pasukan COVID-19 High Risk PTSV akan menghubungi petugas Penang COVID-19 Emergency Careline untuk dipanjangkan ke MECC bagi mengaktifkan pasukan ambulans (Tier 2 response).
 7. Sekiranya pesakit memerlukan rawatan lanjut di fasiliti kesihatan dan sesuai menaiki kenderaan COVID-19 High Risk PTSV, maka pesakit akan dibawa bersama dalam kenderaan tersebut sambil menerima rawatan. Kenderaan COVID-19 High Risk PTSV akan meneruskan pergerakan mengelilingi daerah yang ditetapkan sambil menuju ke lokasi pesakit yang selanjutnya. Kenderaan hanya akan menurunkan pesakit di fasiliti kesihatan jika kenderaan sudah penuh, ataupun sudah selesai mengelilingi daerah masing-masing.

Penutup

16

Penambahbaikan ini adalah sesuatu yang amat penting dan perlu dilaksanakan dalam masa terdekat untuk mengelakkan lumpuhnya perkhidmatan pra hospital di Negeri Pulau Pinang. Ia direka dengan teliti, mengambil kira kekangan sumber manusia dan ambulans yang sedang kritikal pada ketika ini. Penambahbaikan ini bukan sahaja selaras dengan operasi MECC dan perkhidmatan ambulans sedia ada di negeri Pulau Pinang, malah akan membantu dalam memberikan perkhidmatan yang selamat dan sewajarnya kepada semua pemanggil yang memohon perkhidmatan ambulans untuk kes-kes COVID-19.

Adalah diharapkan agar kertas kerja ini dilaksanakan dengan kadar segera demi kesejahteraan rakyat Pulau Pinang.

Disediakan oleh,

16 Ogos 2021


DR. LEONG YUEN CHIN

Pakar Perubatan Kecemasan
Hospital Pulau Pinang

17

Konsensus bersama:

17 Ogos 2021


DR. NOOR AZLEEN AYOP
DR. NOOR AZLEEN BT AYOP
Pakar Perubatan Kecemasan
Jabatan Kecemasan & Trauma
Hospital Seberang Jaya
(MPPM 34531, NGR 132210)

Ketua Perkhidmatan Kecemasan dan Trauma

Negeri Pulau Pinang

Pakar Perunding Kanan dan Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma

Hospital Seberang Jaya


DR. TEO AIK HOWE
Pakar Perunding Kanan
Jabatan Kecemasan dan Trauma
Hospital Pulau Pinang


DR. KWANHATHAI DARIN WONG
Pakar Perunding dan Ketua Jabatan
Jabatan Kecemasan dan Trauma
Hospital Pulau Pinang



DR. SURESH NAIDU A/L NOOK NAIDU
Pakar Perunding
Jabatan Kecemasan dan Trauma
Hospital Seberang Jaya

DR. SURESH NAIDU A/L NOOK NAIDU
MRBSS, MRMED, EM (U.M)
Pakar Perubatan Kecemasan
Jabatan Kecemasan & Trauma
Hospital Seberang Jaya
No. Pendaftaran: 36593

ID267/01

LAMPIRAN B

Kadar Kes di MEC PKRC



ID267/01

2. Pesakit COVID-19 akan kuarantin di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) MEC Jawi.
 - (a) Sila nyatakan bilangan pesakit COVID-19 telah dihantar ke PKRC MEC mengikut kaum, jantina dan warganegara.
 - (b) Sila nyatakan kos perbelanjaan harian untuk setiap pesakit dan kos dicaj bagi warga bukan negara untuk sehari.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

2. (a) PKRC MEC Jawi telah mula beroperasi pada 10 Mac 2021 yang lalu. Sehingga 11 Ogos 2021, jumlah kumulatif 14,644 pesakit telah dimasukkan di PKRC MEC Jawi. Daripada jumlah tersebut, 6,106 pesakit adalah warganegara dan 8,538 adalah bukan warganegara. Pecahan mengikut kaum bagi kategori warganegara adalah:-

Kaum	Bilangan
Melayu	3,563
Cina	1,572
India	891
Lain-lain	80

- (b) Anggaran kos perbelanjaan harian bagi setiap pesakit di PKRC MEC Jawi adalah RM55.00. Kos ini meliputi makan minum, kos utiliti dan juga kos sanitasi. Manakala kos discaj bagi seorang pesakit bukan warganegara adalah RM73.70 sehari. Maka RM737.00 bagi 10 hari kuarantin. Kos ini tidak termasuk kos ubat-ubatan dan lain-lain yang diberi sekiranya perlu untuk bukan warganegara.
3. Adakah Kerajaan Negeri telah menaik taraf sistem pendaftaran iSejahtera?
 - (a) Sekiranya ada, apakah yang telah membuat penyelidikan secara terperinci terlebih dahulu berkaitan penggunaan sistem pendaftaran iSejahtera baru ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

3. Kerajaan Negeri telah menaik taraf sistem pendaftaran i-Sejahtera dan mula digunakan pada 1 Ogos 2021. Pembangunan sistem ini dimulakan dengan melakukan kajian keperluan pengguna yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan dari lima (5) Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), wakil dari Pusat Khidmat Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Pejabat Masyarakat Penyayang, Jabatan Kebajikan Masyarakat, pemilik sistem iaitu Bahagian Perancang Ekonomi Negeri dan pasukan teknikal dari Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (BTMKN).

Beberapa sesi semakan dan pengujian telah diadakan bagi setiap modul yang dibangunkan. Ini bagi memastikan modul-modul yang dibangunkan dalam sistem i-Sejahtera baharu menepati keperluan setiap program yang berbeza dan memenuhi keperluan dan syarat yang ditetapkan. Sehingga 13 Ogos 2021, sebanyak tujuh (7) sesi latihan telah diadakan bersama pengguna. Sesi

latihan ini bertujuan untuk memberikan pendedahan penggunaan sistem dan meningkatkan kebolehan pengguna dalam membantu melancarkan pengurusan penyaluran pelbagai bantuan kebajikan dan penghargaan Kerajaan Negeri kepada rakyat Pulau Pinang.

4. Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (AES) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memberi manfaat kepada rakyat jelata.
 - (a) Sila nyatakan langkah-langkah dan masa proses untuk satu permohonan sehingga pemohon terima bantuan.
 - (b) Sila nyatakan kos yang telah dibelanja oleh Kerajaan Negeri mengikut tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

4. Kerajaan Negeri memberi bantuan kewangan secara bulanan melalui Program Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) untuk membantu dan membasmi kemiskinan di Pulau Pinang. Pemberian BAES merupakan kesinambungan pemberian Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang dijenamakan semula daripada Program Agenda Ekonomi Saksama (AES). Kadar pendapatan per kapita (PPK) iaitu RM260.00 telah digunakan mulai September 2020 bagi penyaluran bantuan berkaitan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri.
 - (a) Langkah-langkah dan masa proses untuk satu permohonan sehingga pemohon terima bantuan adalah seperti berikut :
 - (i) Pengendalian permohonan bantuan dibuat di peringkat Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dengan mengisi Borang Permohonan Bantuan (JKM 18);
 - (ii) Setiap permohonan yang didaftarkan akan dijalankan siasatan untuk penilaian (*means-tested*) bagi mengesahkan kelayakan bantuan kepada pemohon;
 - (iii) Setelah siasatan dijalankan, proses kelulusan akan dibuat oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD);
 - (iv) Tempoh keputusan kelulusan adalah 30 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah.
 - (b) Kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri mengikut tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021 bagi program BAES adalah berjumlah **RM15,012,589.00** seperti di berikut:

Tahun	Jumlah Perbelanjaan (RM)
2018	4,174,116.00
2019	2,460,584.00
2020	3,404,104.00
2021 (sehingga Ogos)	4,973,785.00
Jumlah	15,012,589.00

5. Sila nyatakan bilangan saman di bawah kesalahan langgar Prosedur Operasi Standard (SOP) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah dikeluarkan sejak tahun 2020 sehingga bulan Jun 2021 mengikut 5 daerah di Pulau Pinang.

- (a) Apakah tindakan yang diambil kepada sesiapa yang tidak mampu membayar saman?
- (b) Sejak penguatkuasaan dilakukan, adakah pesalah dihukum disebabkan tidak mampu buat bayaran saman?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

5. Bilangan saman yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang di bawah kesalahan langgar SOP (KKM) yang telah dikeluarkan sejak tahun 2020 sehingga bulan Jun 2021 adalah 7410. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Timur Laut	- 2085
Barat Daya	- 671
Seberang Perai Utara	- 2669
Seberang Perai Tengah	- 1812
Seberang Perai Selatan	- 173

- (a) Tindakan yang diambil terhadap mereka yang tidak mampu membayar saman adalah tindakan mahkamah iaitu mendaftarkan kes di mahkamah. Setakat ini, bilangan yang telah dihukum di mahkamah adalah sebanyak 104 kes iaitu denda 30 kes, penjara 1 kes, denda dan dipenjara 1 kes, dan DNAA (*discharge not amounting to an acquittal*) 72 kes.
- (b) Bilangan saman di bawah kesalahan langgar SOP (KKM) yang telah dikeluarkan sejak tahun 2020 sehingga bulan Jun 2021 adalah 7410. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Bilangan saman yang dikeluarkan oleh PDRM di bawah kesalahan langgar Prosedur Operasi Standard (SOP).

BIL	DAERAH	JUMLAH ORANG KENA KOMPAUN
		09/04/2020 - 30/06/2021
1	TIMUR LAUT	2046
2	BARAT DAYA	611
3	SEBERANG PERAI UTARA	3538
4	SEBERANG PERAI TENGAH	1822
5	SEBERANG PERAI SELATAN	327
JUMLAH		8344

6. Sila nyatakan perkembangan kedua-dua projek perumahan penempatan semula bagi Ladang Byram dan Ladang Kalidonia,
- (a) Adakah kedua-dua projek ini dapat disiapkan ikut jadual atau dijadual semula bagi tarikh baru?
 - (b) Adakah unit lebihan bagi Projek Ladang Kalidonia akan dibuka untuk permohonan bagi penduduk di Ladang Victoria?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

6. (a) Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk menyelesaikan isu perumahan di Ladang Kaledonia, Ladang Byram dan Ladang Victoria di daerah Seberang Perai Selatan demi kebajikan penduduk asal di kedua-dua tapak berkenaan.

Ladang Kalidonia

Tanah Kerajaan PT2195 (Lot lama 1534), Mukim 11 di daerah Seberang Perai Selatan seluas 15.106 ekar telah diberimilik kepada Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) bagi tujuan pembangunan perumahan mampu milik. Majlis Pecah Tanah telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang pada 24 Oktober 2020.

Kerja-kerja tanah telah bermula pada bulan Oktober 2020 dimana fasa pertama dijangka siap pada Oktober 2022, manakala Fasa kedua pada tahun 2025 mengambilkira tempoh pemindahan penduduk sedia ada ke Fasa I. Pemajuan melibatkan penyediaan 272 unit RMM A iaitu Fasa I sebanyak 112 unit dan Fasa II sebanyak 160 unit.

Peratusan kemajuan bagi kerja tanah telah selesai 100%, manakala peratusan kemajuan bagi kerja-kerja bangunan adalah 10%. Kemajuan bagi projek ini terjejas akibat daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan dan rangkaian bekalan bahan-bahan pembinaan belum pulih seperti sedia kala. Melihat kepada keadaan semasa, projek dijangka mengalami kelewatan tiga (3) bulan, namun pihak pemaju memaklumkan akan berusaha mempercepatkan kerja-kerja apabila keadaan kembali normal.

Ladang Byram

Tanah Kerajaan PT2194 (Lot lama 7578), Mukim 11 di daerah Seberang Perai Selatan seluas 8.75 ekar telah diberimilik kepada Perbadanan Ketua Menteri (CMI) sebagai tapak penempatan semula penduduk, kuil dan SJK(T) Ladang Byram.

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah dilantik sebagai pengurus projek (PMO) bagi projek penempatan semula tersebut dan kos pembangunan projek ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan anggaran kos pembinaan RM15.44juta.

Pembangunan ini adalah melibatkan pembinaan 68 unit rumah kos rendah, sebuah sekolah 2 tingkat dan sebuah kuil. Kerajaan Negeri juga telah bersetuju dengan kaedah penawaran rumah secara sewa beli kepada 59 buah keluarga yang merupakan penduduk asal Ladang Byram.

Kerja-kerja tanah bagi projek pembangunan tersebut telah bermula pada bulan Oktober 2020 dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2023. Kerja-kerja pembinaan telah dihentikan sementara bermula 1 Jun 2021 disebabkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan

dan tidak dapat diteruskan sehingga kini memandangkan tidak mencapai syarat-syarat yang ditetapkan oleh MITI bagi PPN Fasa 1 dan Fasa 2. Peratusan kemajuan kerja atas tapak adalah 8.46%.

Melihat kepada keadaan semasa, PDC selaku pengurus projek menjangkakan akan berlaku kelewatan dalam tempoh penyiapan projek dan tidak dapat disiapkan mengikut jadual asal. Tempoh penyiapan baru akan dijadualkan semula dengan mengambil kira tempoh PKP 3.0.

- (b) Kerajaan Negeri juga telah memutuskan bahawa kesemua 80 penduduk/setinggalan Ladang Kalidonia akan diberikan rumah secara percuma dengan pajakan 60 tahun, manakala baki 192 unit rumah akan ditawarkan kepada penduduk Ladang Victoria serta keutamaan kepada penduduk yang tercicir daripada senarai nama bancian Ladang Kalidonia dan Ladang Byram tertakluk kepada syarat dan dasar perumahan sedia ada.

7. TSila nyatakan jumlah unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jawi dan PPR Nibong Tebal diikuti unit kosong sedia ada boleh diduduki dan unit perlu dibaiki.

- (a) Minta penjelasan adakah unit-unit kosong rumah PPR ini masih dikekalkan sebagai simpanan bagi penduduk-penduduk Ladang Byram?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

7. Program Perumahan Rakyat (PPR) yang diperkenalkan sejak tahun 2002 memabitkan peruntukan pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan di atas tanah milik Kerajaan Negeri. Aspek pengurusan dan pengisian unit PPR ini ditentukan oleh Kerajaan Negeri termasuk syarat kemasukan dan juga penguatkuasaan. Terdapat dua (2) konsep PPR iaitu PPR Disewakan dan PPR Dimiliki. Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2004 hingga kini, telah menerima empat (4) projek PPR dengan bilangan unit sebanyak 999 unit. Bagi menampung kekurangan ini, Kerajaan Negeri turut mempunyai unit Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) yang keseluruhannya berjumlah 2,081 di mana bagi daerah Seberang Perai Selatan, ia terletak di Rumah Pangsa Jawi III dan Rumah Pangsa Nibong Tebal. Maklumat baki ke atas jumlah unit dan baki adalah seperti berikut:

Bil.	Skim	Jumlah Unit	Baki	Jumlah Bilik	Kadar Sewa
1.	Rumah Pangsa Jawi III	33	21	2	RM100.00
2.	Rumah Pangsa Nibong Tebal	5	5	2	RM100.00

Unit -unit ini memerlukan tindakan pembaikan sebelum boleh dihuni dan bergantung kepada jenis dan tahap kerosakan.

- (a) Unit-unit masih dikekalkan sebagai simpanan bagi penduduk Ladang Byram sekiranya mereka perlu dipindahkan kerana berada di dalam jarak 500 meter zon penampakan Tapak Pelupusan Sampah (TPS) Pulau Burung berdasarkan syarat *Environmental Impact Analysis* (EIA) Jabatan Alam Sekitar. Ia penting sebelum pelan Operasi Fasa 3 dapat diluluskan.

8. Sila nyatakan rumah Kos Rendah yang telah dibina oleh pihak swasta sejak tahun 2018 dan telah mendapat Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) diikuti nama,kawasan dan jumlah unit.
- (a) Sila nyatakan unit yang masih boleh dipohon untuk setiap rumah Kos Rendah.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

8. Jumlah rumah kos rendah yang telah dibina oleh pihak swasta serta telah mendapat Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) sejak tahun 2018 di daerah Seberang Perai Selatan (SPS) adalah seperti di **Lampiran A**.
- (a) Terdapat baki 86 unit rumah daripada tujuh (7) buah projek Rumah Mampu Milik (RMM) Kos Rendah Jenis A di daerah Seberang Perai Selatan masih dibuka untuk tawaran. Perincian projek dan baki unit adalah seperti di **Lampiran B**.

LAMPIRAN A

**JUMLAH RUMAH KOS RENDAH YANG TELAH DIBINA OLEH PIHAK SWASTA SERTA
TELAH MENDAPAT SIJIL PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC) SEJAK TAHUN
2018 DI DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN (SPS)**

BIL.	NAMA PEMAJU	KAWASAN	JENIS	UNIT	BORANG B (Mula Kerja)	TARIKH CCC
1.	UDI PROPERTY SDN. BHD.	TAMAN HALAMAN INDAH, JALAN PAYA KEMIAN, MK. 6, JAWI, SPS	RUMAH TERES KOS RENDAH	211	20/08/2007	13/06/2018
2.	LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)	SEBAHAGIAN PT 270, JLN. SELAMAT, SG. BAKAP, MK. 5, SPS	RUMAH KLUSTER KOS RENDAH	72	04/11/2014	26/1/2021
3.	JKP SDN. BHD.	SEBAHAGIAN LOT 8019 (LOT LAMA PT 841) JALAN ILMU, TAMAN ILMU, MK. 9, NIBONG TEBAL, SPS	RUMAH BANDAR KOS RENDAH	160	07/05/2019	BELUM SIAP
4.	ECO MEADOWS DEVELOPMENT SDN. BHD.	(FASA 1) DIATAS LOT 980, JALAN SINAR 1, MK.9, SPS	RUMAH PANGSA KOS RENDAH	260	21/04/2016	BELUM SIAP
5.	SERI DUNIA HARTANAH SDN. BHD.	(FASA 1) DI ATAS LOT 1276, MK.15, SPS	RUMAH TERES KOS RENDAH	29	30/03/2021	BELUM SIAP

LAMPIRAN B

PROJEK RUMAH MAMPU MILIK (RMM) KOS RENDAH JENIS A YANG MASIH MEMPUNYAI BAKI TAWARAN BOLEH DIPOHON SEHINGGA BULAN JULAI 2021 BAGI DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN

BIL.	NAMA PROJEK	PEMAJU	BILANGAN UNIT	BAKI UNIT
1.	RUMAH PANGSA MUTIARA INDAH	PALMINTON	279	7 (DLM PROSES TAWARAN)
2.	TAMAN SUNGAI JAWI	ABT JAYA	77	1 (DLM PROSES TAWARAN)
3.	TAMAN TEKUKUR INDAH	LAI KEAT	73	3
4.	TAMAN WIDURI	SPNB	638	1 (DLM PROSES TAWARAN)
5.	TAMAN SG DURI PERMAI	ASAS DUNIA	224	5 (DLM PROSES TAWARAN)
6.	TMN SG DURI PERMAI (SEWA BELI)	LPNPP	104	29
7.	TMN SERULING EMAS (SEWA BELI)	LPNPP	51	40
	JUMLAH		1,446	86

9. Sejak penularan wabak COVID-19, pelbagai insentif dan bantuan telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan khas kepada nelayan-nelayan pesisir pantai yang mana golongan ini terjejas teruk kerana tidak dapat turun ke laut sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan? Sekiranya ada sila nyatakan.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

9. Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai langkah proaktif untuk menangani impak daripada penularan wabak COVID-19 di Negeri Pulau Pinang. Antara langkah utama yang diambil adalah menyediakan bayaran insentif/bantuan melalui Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19) untuk membantu golongan yang terkesan akibat pandemik ini termasuklah bantuan kepada nelayan pesisir pantai.

Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri telah menyalurkan bayaran Bantuan Khas Kewangan secara *one-off* berjumlah RM400.00 seorang kepada 3,999 nelayan pesisir pantai (Zon A) melalui Pakej Bantuan Khas Fasa 2 dengan kos keseluruhan berjumlah RM1,599,600.00 dan bagi tahun 2021, 535 lesen nelayan telah diluluskan walaupun dalam Perintah Kawalan Perintah (PKP).

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan bantuan kotak insulasi kepada nelayan darat/sungai dengan implikasi

10. Sila nyatakan status projek pembinaan dewan badminton di Jalan Bukit Panchor.
- (a) Sekiranya tender telah dibuka, bilakah kerja-kerja awal akan dijalankan serta kos sebenar bagi keseluruhannya.
- (b) Seperti mana perbahasan saya pada Sidang DUN tahun lepas berkenaan permohonan satu kolam renang dibina dalam Seberang Perai Selatan (SPS). Minta penjelasan status terkini.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

10. (a) Projek telah dikeluarkan Surat Setuju Terima pada 29 Julai 2021 dengan tarikh milik tapak pada 16 Ogos 2021. Mesyuarat Pra-Pembinaan telah diadakan pada 12 Ogos 2021 yang dipengerusikan oleh Pengarah Kerja Raya Pulau Pinang. Kontraktor yang dilantik bagi projek Cadangan Pembinaan Nibong Tebal Arena, Daerah Seberang Perai Selatan adalah Cemara Binajaya (M) Sendirian Berhad dengan kos kontrak berjumlah **RM8,781,388.25**. Tarikh siap projek adalah pada 26 Februari 2023 dengan tempoh pembinaan selama 80 minggu.
- (b) Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) telah menyiapkan pelan konsep Cadangan *Sport City* Batu Kawan di mana salah satu daripada komponen projek tersebut ialah pembinaan sebuah kolam renang atau "*aquatic centre*" yang bertaraf antarabangsa.
11. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersedia untuk menyediakan satu peruntukan khas kepada setiap Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) ini untuk aktiviti-aktiviti dan pembangunan dalam komuniti setempat dan semua perbelanjaan akan dikawal oleh ADUN kawasan masing-masing?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

11. Mesyuarat MMKN Bilangan 44 Tahun 2020 pada 17 Disember 2020 dan disahkan pada hari yang sama telah meluluskan pelantikan keanggotaan 372 MPKK bagi tahun 2021. Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM9,076,800.00 bagi tujuan bayaran elaun ahli MPKK bagi tahun 2021 yang meliputi Elaun Pengerusi sebanyak RM700.00, Elaun Setiausaha RM600.00 yang dibayar setiap bulan. Elaun kehadiran mesyuarat sebanyak RM50.00 kepada semua ahli yang hadir dan elaun pengendalian mesyuarat sebanyak RM1,000.00 setahun. Di samping itu, Mesyuarat MMKN Bilangan 29 Tahun 2021 pada 4 Ogos 2021 dan disahkan pada hari yang sama telah meluluskan pertandingan Komuniti Zon Hijau COVID-19 MPKK Negeri Pulau Pinang Tahun 2021 di mana setiap penyertaan MPKK akan menerima RM500.00. Pertandingan ini juga menawarkan hadiah berbentuk geran pembangunan dimana Tempat Pertama akan mendapat RM20,000.00, Tempat Kedua RM10,000.00, Tempat Ketiga RM5,000.00, Tempat Keempat dan Kelima adalah sebanyak RM1,000.00.

Dengan itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang tiada cadangan untuk menyediakan peruntukan khas kepada setiap MPKK bagi tujuan pembangunan dalam komuniti setempat memandangkan pelbagai imbuhan telah diberi oleh Kerajaan Negeri.

12. Sila nyatakan perkembangan dan kontraktor untuk projek tambun tanah oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di Batu Kawan Industrial Park (BKIP2) Byram.
- (a) Adakah projek ini telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS)?
- (b) Sila nyatakan semua lot tanah dan keluasan di bawah projek PDC untuk BKIP2.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

12. Perkembangan dan kontraktor untuk projek tambun tanah oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di Batu Kawan Industrial Park (BKIP2) Byram adalah seperti berikut:

- (i) Kerja Menambun Tanah Fasa 1A

Kontraktor: Ban Cheong Construction Sdn Bhd

Status: Kerja-kerja tidak dapat dijalankan disebabkan oleh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. Permohonan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah dibuat pada 2 Jun 2021 dan rayuan telah dibuat pada 10 Jun 2021 tetapi tidak diluluskan.

- (ii) Kerja Membaikpulih Tanah Fasa 1A

Kontraktor: JNH Bina Sdn Bhd

Status: Kerja-kerja tidak dapat dijalankan disebabkan oleh penguatkuasaan PKP 3.0. Permohonan kepada MITI telah dibuat pada 3 Jun 2021 dan rayuan telah dibuat pada 8 Jun 2021 tapi tidak diluluskan.

Surat sokongan dari YAB Ketua Menteri bertarikh 27 Julai 2021 telah dikemukakan kepada YB Dato' Seri Menteri Kanan MITI.

- (a) Projek-projek di atas telah mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) pada 18 Mac 2021 dan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) pada 20 April 2021 daripada Jabatan Alam Sekitar.
- (b) Keseluruhan lot tanah dan keluasan di bawah projek PDC untuk BKIP2 adalah seperti di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A

SENARAI LOT TANAH BERSERTA KELUASAN DI BAWAH PROJEK PDC UNTUK BKIP2

BIL	LOT	KELUASAN (EKAR)
1	1331	21.22
2	1332	18.04
3	1333	21.56
4	1334	23.16
5	1336	24.12
6	1337	23.09
7	1338	23.59
8	1346	25.87
9	1347	23.09
10	1349	26.31
11	1481	18.04
12	1577	25.31
13	1578	25.81
14	1339	23.44
15	1345	28.22
16	1377 (LL 287(i))	0.45
17	1369	13.44
18	3903	15.40
19	1611	31.12
20	1612	29.75
21	1615	18.80
22	1616	5.29
23	1617	3.64
24	3917	6.88
25	1613	30.75
26	1614	30.78
27	1416	3.12
28	1430	1.29
29	10001	8.71
30	3916	15.08
31	3926	1.21
32	1321	14.94
33	1322	13.01
34	1323	13.11
35	1324	13.06
36	1325	13.02
37	1326	12.06
38	1327	11.74
39	1328	8.72
40	1329	6.15
41	1368	10.56
42	1375	9.35
43	1959	7.85
44	1960	9.79
45	3906	1.95
46	3907	7.77
47	3915	21.83
48	1391	20.12
49	5697	3.15
50	1353	16.67
Jumlah Kecil		781.43

BIL	LOT	KELUASAN (EKAR)
51	1354	11.82
52	1445	1.37
53	3899	4.94
54	5696	1.05
55	1359	2.12
56	3910	17.06
57	3911	11.26
58	3912	4.58
59	3913	18.93
60	3914	22.17
61	6228	11.33
62	1482	10.34
63	6229	11.33
64	3908	9.03
65	3909	1.92
66	1330	4.16
67	3900	4.47
68	1370	7.90
69	1371	1.80
70	3898	6.59
71	2011	20.25
72	2010	20.25
73	1374	6.59
74	3905	5.08
75	1344	24.34
76	1386	39.34
77	1390	21.53
78	1352 -9987	10.17
79	1352-9988	5.09
80	1352-9989	10.17
81	5694	1.16
82	1362	17.90
83	1363	18.86
84	1366	9.34
85	1387	22.28
86	1388	23.41
87	2325	14.24
88	3902	4.28
89	5693	2.39
90	5695	1.00
91	5698	1.50
92	3901	4.30
93	1365	0.51
94	1367	0.51
95	1372	0.32
96	1392	0.20
97	1957	5.07
Jumlah Kecil		454.25

Jumlah Keseluruhan: 1,235.68 Ekar

13. Sila nyatakan perkembangan projek Seri Tanjung Pinang (STP2) di Tanjung Tokong.
- (a) Apakah rancangan untuk STP2 pada masa hadapan dan jangka masa untuk siap bagi projek tersebut.
 - (b) Adakah tanah yang ditambah akan jual kepada orang awam?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

13. Projek Seri Tanjung Pinang (STP2) merujuk kepada Cadangan Pembangunan Perumahan Dan Perdagangan Di Atas Kawasan Tebusguna Tanah Tanjong Tokong (Fasa 2), Daerah Timur Laut. Pelan Induk bagi projek STP2 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 11 April 2011 melalui no. rujukan JPBD/P2/Tanjung Pinang/110411.

- (a) Merujuk kepada Akta Perancangan Bandar & Desa 1976 (Akta 172) PLANMalaysia@Pulau Pinang adalah sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) bagi kawasan di luar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah meluluskan permohonan Kebenaran Merancang bagi tebusguna tanah Seri Tanjung Pinang (Fasa 2) termasuk pembangunan perumahan dan perdagangan seperti berikut :

- (i) Perumahan
 - (a) Kediaman Kepadatan Sederhana 1771 Unit
 - (b) Kediaman Kepadatan Tinggi 520 Unit
 - (c) Rumah mampu Milik 593 Unit
- (ii) Plot Perdagangan
 - (a) Marina
- (iii) Infrastruktur
 - (a) Tangki Air
 - (b) Pencawang Masuk Utama
 - (c) Loji Pembentukan Mekanikal
 - (d) Rezab Balai Polis

Kerja-kerja tebusguna tanah bagi Fasa2A seluas 252.81 ekar telah disiapkan seratus peratus (100%) pada tahun 2018. Manakala, tebusguna bagi Fasa 2B (248.31ekar) telah mencapai sepuluh peratus (10%) dan Fasa 2C (258.88ekar) belum dimulakan. Tarikh siap adalah masing-masing pada 31 Disember 2025 dan 31 Disember 2028.

- (b) Projek STP2 adalah projek tebusguna tanah oleh pihak swasta iaitu Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd. Penjualan tanah yang ditambah adalah tertakluk kepada rancangan perniagaan pihak pemaju.
14. Kerajaan Negeri telah meluluskan bayaran minima sebanyak RM200 dari Tabung Amanah TYT.
- (a) Bilakah pindaan Arahan Amanah (trust deeds) akan dibuat oleh Jabatan Kewangan Negeri untuk memasukkan nilai minimum RM200.00 ke dalam Arahan Amanah dan pelaksanaan Bayaran

Bantuan Minimum dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh Pejabat Daerah?


JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

14. Setakat 16 Ogos 2021, Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang (JKN) belum menerima apa-apa permohonan rasmi untuk pindaan kepada had pembayaran kepada mangsa-mangsa seperti yang diperuntukkan di dalam Arahan Amanah Akaun Amanah Tabung TYT Negeri Pulau Pinang. Penilaian semula had pembayaran kepada mangsa-mangsa perlulah mengikut prosedur seperti ketetapan pada WP 10.4 Tatacara Pengurusan Akaun Amanah / Kumpulan Wang Amanah yang menyatakan bahawa sebarang pindaan terhadap kandungan Arahan Amanah sedia ada hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan setelah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pentadbiran Akaun dan pandangan daripada Bahagian Undang-undang Kementerian. Cadangan pindaan hendaklah selaras dengan tujuan penubuhan Akaun Amanah / Kumpulan Wang Amanah.(JKN)
15. Sila nyatakan seluruh Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Negeri Pulau Pinang termasuk dengan PPV Swasta dan Mobile PPV diikuti bilangan vaksin untuk setiap PPV.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat menambahkan lebih banyak Mobile PPV di kawasan luar bandar?
 - (b) Sila nyatakan langkah-langkah untuk permohonan Mobile PPV bagi satu kawasan.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

15. Senarai PPV di Pulau Pinang serta kapasiti PPV yang terbabit setakat 23 Ogos 2021 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Keperluan Mobile PPV bergantung kepada kawasan dan penduduk yang memerlukan disebabkan kesukaran ke Pusat Pemberian Vaksin di dewan.
 - (b) Untuk memohon program mobile / outreach di sesuatu kawasan, perlu mendapat persetujuan daripada Jawatankuasa Program Imunisasi COVID-19 (CITF) daerah, yang akan kemudiannya diluluskan di peringkat CITF negeri.

LAMPIRAN A



ID543/03

16. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membeli vaksin dengan menggunakan pakai dana negeri sendiri untuk mencapai imuniti kelompok memandangkan bekalan daripada Kerajaan Persekutan adalah lambat dan tidak tiba seperti yang dijanjikan?
- (a) Sekiranya ya, berapakah bilangan akan dicadangkan?
- (b) Sekiranya tidak, sila beri penjelasan atau sebab-sebabnya.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

16. Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk membeli vaksin dengan menggunakan pakai dana negeri sendiri untuk mencapai imuniti kelompok memandangkan bekalan diterima daripada Kerajaan Persekutan. Ini kerana Kerajaan Persekutuan telah memberi jaminan bahawa setiap rakyat Malaysia ini akan diberikan vaksin secara percuma oleh pihak Kerajaan. Di samping itu, strategi Kerajaan adalah untuk memastikan sebanyak yang mungkin penduduk di Malaysia menerima vaksin bagi menyelamatkan nyawa seluruh rakyat negara ini dalam tempoh secepat yang mungkin. Turut dimaklumkan bahawa program vaksinasi ini adalah secara percuma kepada semua warganegara dan bukan warganegara Malaysia.

Pada 26 Ogos 2021, Kerajaan Negeri mengumumkan bahawa Selangor telah bersetuju untuk meminjamkan 200,000 dos vaksin Covid-19 kepada Pulau Pinang bagi tujuan pemvaksinan penduduk negeri ini yang masih belum mendapat suntikan vaksin. Sebanyak 225,226 penduduk masih belum mendapat suntikan vaksin dos pertama dimana kebanyakan mereka adalah dari daerah Seberang Perai Tengah (SPT). Selain itu, 75,000 hingga 80,000 lagi pekerja di kilang-kilang kecil yang telah mendaftar dengan Program Imunisasi Industri Covid-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) juga masih belum menerima suntikan vaksin. Persetujuan penghantaran vaksin daripada Menteri Besar Selangor dan klinik SelCare ini diharap akan membolehkan semua penduduk Pulau Pinang menerima suntikan dos pertama vaksin Covid-19 pada minggu pertama bulan September. 16.

17. Terdapat kajian terbaru bahawa ada keperluan bagi dos ketiga sebagai *booster* bagi Pfizer.
- (a) Sekiranya dipersetujui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), adakah Kerajaan Negeri akan beli vaksin sebelum munculnya kekurangan bekalan di dunia?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

17. Sehingga kini CITF Kebangsaan dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) belum mengeluarkan kenyataan untuk keperluan bagi dos ketiga sebagai *booster* bagi vaksin Pfizer. Sehubungan itu tiada keperluan lagi bagi Kerajaan Negeri untuk mengambil keputusan mengenai perkara ini.
18. Adakah apa-apa rancangan pembinaan Digital Library terbaru di Negeri Pulau Pinang? Khasnya di kawasan Seberang Perai Selatan (SPS), Jawi untuk membawa manfaat kepada golongan muda dan pelajar di kawasan luar bandar.
- (a) Berapakah kos dalam Ringgit Malaysia untuk satu set sistem pengurusan Digital Library di Butterworth dan di Pulau?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

18. Kerajaan Negeri telah menubuhkan Butterworth Digital Library (BDL) di Daerah Seberang Perai Utara pada 17 Oktober 2020 untuk membolehkan penduduk di kawasan Seberang Perai mendapat peluang untuk menggunakan perkhidmatan perpustakaan digital.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk membangunkan perpustakaan digital di KADUN Jawi pada masa ini memandangkan BDL telah dibangunkan di kawasan Seberang Perai dan konsep perpustakaan digital adalah penggunaan atau akses bahan bacaan elektronik melalui sistem dari mana-mana lokasi atau bangunan.

- (a) Sistem bagi Perpustakaan Digital telah dibangunkan oleh syarikat Keysight Technologies yang merupakan *Technology Partner* bagi projek Perpustakaan Digital. Kos yang ditanggung oleh syarikat Keysight untuk membangunkan sistem PDL adalah berjumlah RM250,000.00 manakala Kerajaan Negeri telah menanggung kos untuk penyediaan peralatan dan kelengkapan ICT bagi kesemua Perpustakaan Digital serta kos penyelenggaraan bagi sistem dan peralatan yang berkaitan. Kos pembangunan dan kos kelengkapan ICT yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Perpustakaan	Kos Pembangunan	Kelengkapan ICT
1.	Penang Digital Library (PDL) Fasa 1	RM1 juta – Kerajaan Negeri RM1 juta – E&O Bhd	RM500,000.00 (termasuk pembelian e-books)
2.	PDL Fasa 2	RM10.8 juta	RM722,000.00
3.	BDL	RM6.6 juta	RM400,000.00

Kos penyelenggaraan sistem Perpustakaan Digital adalah berjumlah RM23,982.00 sebulan (RM287,784.00 setahun) untuk PDL dan BDL.

19. Sejak pandemik COVID-19 bermula tahun 2020, kes bunuh diri semakin meningkat.

- (a) Sila nyatakan bilangan kes bunuh diri sejak Januari 2020 sehingga Jun 2021 mengikut daerah, jantina, umur dan bangsa.
- (b) Apakah langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan kes bunuh diri tidak meningkat?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

19. (a) Bilangan kes bunuh diri sejak Januari 2020 sehingga Jun 2021 mengikut daerah, jantina, umur dan bangsa seperti dibawah.

TAHUN	DAERAH	WARGANE GARA/BANGSA										BUKAN W/N		JUMLAH	UMUR																	
		MELAYU		CINA		INDIA		LAIN-LAIN		TIDAK DIKETAHUI					17-20		21-30		31-40		41-50		51-60		61-70		71-80		81-90		TIDAK DIKETAHUI	
		L	P	L	P	L	P	L	P		L	P	L																		P	L
2020	TIMUR LAUT	2		14	8	2						4		30			3	4		5	5	7	2							4		
	SEBERANG PERAI UTARA				1	2	2							5			2	3														
	SEBERANG PERAI TENGAH	1		7	2	6	5					5		26	2	9	4	2		6			3									
	SEBERANG PERAI SELATAN	1		4		4	1							10			5	2			2	1										
	BARAT DAYA			4	1	1	1							7	1	2					2	1										
JUMLAH		4	0	29	12	15	9	0	0	0	0	9	0	78	9	21	13	9	13	8	7	0	4									
		4	0	41	24	9	0	0	0	0	0	9	0	78																		

TAHUN	DAERAH	WARGANE GARA/BANGSA										BUKAN W/N		JUMLAH	UMUR																	
		MELAYU		CINA		INDIA		LAIN-LAIN		TIDAK DIKETAHUI					17-20		21-30		31-40		41-50		51-60		61-70		71-80		81-90		TIDAK DIKETAHUI	
		L	P	L	P	L	P	L	P		L	P	L																		P	L
2021	TIMUR LAUT	1		8	1	1	1				1	4		17	1	4	4	3	3	1			1	1						1		
	SEBERANG PERAI UTARA			5	1	1						1		8			4	1			1	1	1	1								
	SEBERANG PERAI TENGAH	1		6	1	3				1	8	20	1	6	3	3	4			1									3			
	SEBERANG PERAI SELATAN	1		2		1	1				5	11			4	4	3															
	BARAT DAYA	1		3	1	1		1	0	2	20	1	65	2	18	13	11	9	3	2	1	6										
JUMLAH		4	0	24	4	7	2	1	0	2	21	65	3	18	13	11	9	3	2	1	6											
		4	0	28	9	1	2	1	0	2	21	65																				

- (b) Kerajaan Negeri telah berusaha bersama-sama NGO untuk memberi kaunseling secara atas talian. Hebahan maklumat cara perhubungan atau panggilan kepada kaunselor juga dipertingkatkan. Semua pejabat khidmat ADUN, Wakil Rakyat dan Pegawai Seranta telah diberi kursus kaunseling. Ini adalah perancangan semoga mereka lebih arif dalam usaha kaunseling/ bagi membantu golongan yang tertekan dan terkesan akibat pandemik Covid-19. Gabungan PgCare juga membantu kes *mental health* yang dirujuk oleh orang ramai dan pejabat khidmat ADUN. Media massa juga diminta elakkan hebahan cara dan gambar mangsa bunuh diri bagi mengurangkan *copycat suicide*.
20. Apakah rancangan untuk menyelesaikan masalah homeless yang telah menyebabkan pencemaran alam sekitar di kawasan George Town dan sekitar kawasan-kawasan hotspot yang terdapat terlalu ramai orang baik hati yang menderma?
- (a) Adakah Kerajaan akan menubuhkan satu jawatankuasa dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk mengkoordinasikan pembekalan makanan yang ditaja oleh orang ramai untuk meminimumkan pembaziran makanan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

20. Pemberian sumbangan makanan yang tidak sistematik khususnya di kawasan George Town dan KOMTAR merupakan satu masalah yang perlu ditangani. Kerajaan Negeri sedang meneliti cadangan untuk mewujudkan *Designated Distribution Centres* di Pulau Pinang bagi menguruskan sumbangan makanan kepada golongan sasar dengan lebih sistematik serta mengelakkan pembaziran.

Sebagai permulaan, kawasan KOMTAR akan dijadikan sebagai projek perintis di bawah seliaan Kerajaan Negeri manakala Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terpilih menguruskan *Designated Distribution Centres* di premis masing-masing. Undang-undang akan dikuatkuasakan bahawa tiada lagi pemberian sumbangan dan penerimaan makanan di kawasan stesen bas KOMTAR selepas satu (1) bulan projek berjalan dengan lancar. Pusat Transit Gelandangan di Jalan C.Y. Choy yang sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada Januari 2022 akan turut berfungsi sebagai *Designated Distribution Centres*.

Penubuhan Jawatankuasa Operasi di setiap *Designated Distribution Centres* adalah di bawah pengurusan dan perancangan YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan. Berkonsepkan penerima dan pemberi sumbangan berdaftar, berikut merupakan cadangan pelaksanaan yang sedang dalam penelitian Kerajaan Negeri:

- (i) Organisasi atau individu yang ingin memberikan sumbangan makanan perlu diteliti terlebih dahulu oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi memastikan penyumbang memenuhi syarat daripada segi keselamatan, kesihatan dan status makanan yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Operasi;

- (ii) Jawatankuasa Operasi akan mendaftarkan pemberi sumbangan dan diberikan panduan penyediaan makanan dan perkara berkaitan;
- (iii) Penyumbang menghantar makanan mengikut jadual yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Operasi;
- (iv) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan menjalankan siasatan bagi mengumpul data golongan sasar seterusnya mengenal pasti bentuk bantuan yang diperlukan sama ada bantuan makanan, tempat tinggal, pekerjaan, rawatan dan sebagainya;
- (v) Status pemohon telah disahkan oleh pihak JKM akan didaftarkan di bawah Program *Homeless Food Aids* sebagai penerima tetap sumbangan makanan dan diberikan satu kad identiti yang disertakan *QR Code*;
- (vi) Setiap *Designated Distribution Centre* akan menggunakan satu sistem rekod yang sama dan mengimbas *QR Code* penerima setiap kali makanan diambil; dan
- (vii) Pemberian makanan akan diutamakan kepada individu yang mempunyai kad pendaftaran atau mempunyai rekod nama di dalam sistem. Manakala, maklumat individu yang belum mendaftar akan direkodkan dan disusulkan kepada pihak JKM untuk siasatan lanjut.

Selain daripada cadangan penubuhan *Designated Distribution Centres*, Kerajaan Negeri juga sedang meneliti cadangan pemberian sumbangan makanan melalui *food dispenser vending machine*.

21. Apakah tujuan bagi Program Penang Saring COVID-19 (PSC-19)?
- (a) Sila nyatakan bilangan penyertaan bagi semua lokasi diikuti dengan peraturan yang dikesan positif.
 - (b) Sila nyatakan kos bagi semua program ini.
 - (c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang membeli rapid test kit untuk setiap ADUN?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

21. Program Saringan COVID-19 (PSC19) merupakan suatu inisiatif oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memperkasa langkah kesihatan awam di Negeri Pulau Pinang dalam menangani penularan pandemik COVID-19 menerusi kaedah 3T iaitu saringan massa (mass testing), pengesanan kontak (tracing) dan rawatan (treatment). Program PSC19 yang merupakan program saringan komuniti secara bersasar melibatkan 40,000 saringan iaitu 1,000 saringan bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) juga dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sebagai memenuhi tanggungjawab bagi menyediakan satu platform untuk warga Pulau Pinang mendapat akses kepada saringan COVID-19 dengan percuma. Selain itu, objektif pelaksanaan program PSC19 ini adalah seperti berikut:
- (i) Menenalpasti seramai mungkin individu yang dijangkiti COVID-19;
 - (ii) Mengasingkan individu yang positif COVID-19 bagi tujuan memutuskan rantai; dan
 - (iii) Mengawal dan mengelakkan jangkitan merebak ke kawasan bukan kluster sasaran terutamanya oleh *silent carrier* COVID-19.

- (a) Bilangan peserta program Penang Saring COVID-19 (PSC19) setakat 22 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

Lokasi	Jumlah Pradaftar	Jumlah Saring	RTK-Ag -ve	RTK-Ag +ve
43	44,915	39,524	36,891 (93.33%)	2,623 (6.63%)

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan peruntukan sebanyak RM3.52 juta bagi melaksanakan program PSC19 secara percuma dan kos ini adalah melibatkan 40,000 saringan secara percuma di seluruh negeri atau 1,000 saringan bagi setiap kawasan DUN.
- (c) Kerajaan Negeri pada masa ini tidak mempunyai sebarang rancangan untuk membeli *rapid test kit* bagi diedarkan kepada setiap ADUN memandangkan fokus Kerajaan Negeri selepas ini adalah terhadap proses vaksinasi penduduk negeri ini. Sehubungan itu, pelbagai program vaksinasi komuniti telah dilaksanakan untuk mempercepatkan usaha mencapai imuniti kelompok di negeri ini.
22. Adakah hospital-hospital di Negeri Pulau Pinang menghadapi kekurangan katil bagi pesakit COVID-19?
- (a) Berapakah jumlah katil yang telah disedia untuk pesakit COVID-19?
- (b) Apakah peralatan hospital yang amat diperlukan untuk rawatan pesakit COVID-19 sekiranya ada penyumbang daripada pihak orang awam ingin menyumbang?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

22. Pihak hospital sedang menghadapi situasi kekurangan katil yang amat kritikal terutamanya bagi pesakit COVID-19 yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi. Manakala bagi pesakit Kategori 1 & 2 pula kapasiti sedia ada di PKRC masih dapat menampung peningkatan kes dalam masa terdekat.
- (a) Bilangan katil yang disediakan bagi pesakit COVID-19 di Pulau Pinang adalah seperti berikut: (data sehingga 13/08/2021)

HOSPITAL / FASILITI	BIL KATIL WAD	BIL KATIL ICU	BIL KATIL STEP DOWN CARE	JUMLAH KATIL COVID-19	BIL PESAKIT COVID
HOSPITAL PULAU PINANG	312	37	236	585	503
HOSPITAL KEPALA BATAS	160	32	37	229	208
HOSPITAL BUKIT MERTAJAM	120	0	0	120	82
HOSPITAL SEBERANG JAYA	64	0	0	64	25
PKRC MEC*	1008	0	0	1008	434
PKRC PULAZA*	196	0	0	196	0
PKRC PENJARA*#	440	0	0	440	195
JUMLAH	2300	69	273	2642	1447
* Pesakit Kategori 1 & 2 sahaja #kegunaan penjara				beroperasi	


	13/8/21
--	---------

Penggunaan katil keseluruhan untuk katil COVID-19 di Penang seperti **LAMPIRAN A.**

- (b) Pihak Jabatan mengalu-alukan semua bentuk sumbangan namun peralatan yang ingin didermakan haruslah mematuhi syarat dan peraturan penerimaan hadiah dan mempunyai sijil peranti perubatan (MDA). Mana-mana pihak yang ingin menyumbang bolehlah menghubungi Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) bagi mendapat maklumat terkini keperluan dan kesesuaian sumbangan. Bagi sebarang urusan berhubung sumbangan peralatan, sila hubungi Pegawai Perubatan (Bahagian Perubatan) JKNPP, Dr. A. Lingeshwaran di talian 012-594 4347 atau Ketua Penolong Pegawai Perubatan (Bahagian Perubatan) JKNPP, Abdul Halim Abdul Hamid, 012-407 3200.

Ringkasan maklumat sehingga 24 Ogos 2021 tentang PKRC dan Pesakit Berada di wad hospital dan ICU seperti di **LAMPIRAN B.**

OVERALL BOR FOR COVID-19 BEDS IN PENANG



The BOR of Low Risk Bed dropped sharply. Acute Bed BOR in the state has continued to rise from the trough in late June. They had exceeded the previous peak even though more beds were added over last week. BOR of ICU has close to 100% over the last 2 weeks.

1. Increase number of Covid-19 beds

Indicator	6/8	7/8	8/8	9/8	10/8	11/8	12/8
No. of beds (kadar penggunaan)	385/424 = 90.8%	388/424 = 91.5%	400/458 = 87.3%	433/486 = 89.1%	422/486 = 86.8%	476/486 = 97.9%	486/518 = 93.8%
No. of PKRC beds (kadar penggunaan)	1008 (28.5%)	1008 (32%)	1008 (33%)	1008 (32.4%)	1008 (31%)	1008 (35%)	1008 (37%)
No. of ICU beds (kadar penggunaan)	69 (99%)	69 (91%)	69 (96%)	69 (94%)	69 (100%)	69 (101%)	69 (101%)

No of new decanted (private) (Daily)

pts pending in ED >24hours (daily)

IPPT – Daycare patients from HKB

More plans

Decanting of non-Covid-19 patients out to private facilities to make more inpatient Covid-19 beds and reduce numbers of patients waiting in EDs.

Number of ICU beds still short of what is required – around 10% of total admission. HR issues. Ventilator outside ICUs.

Full Covid – Hospital Kepala Batas.
Hybrid Covid – Hospital Pulau Pinang, Hospital Bukit Mertajam, KIV other Hospitals too.

Field ICU have been established in HKB, ATM Field ICU (12 Beds and 12 HDU) and Hybrid ICU (10) – Additional to 10 ICU beds in the main building, HPP – 37 ICU Beds.

Modifications have been made to allow hospital to increase capacity to house Covid-19 patients: OPD – 130 beds. Repurpose Non Covid wards are also in the pipe line

KMP – To be converted to 100 bedded Pusat Rawatan Risiko Tinggi (PRRT) to manage Cat 3 & 4 patients

Capacity of MEC has been ramped up to receive 20 Cat 3 patients – Will start on 16/8/2021

LAMPIRAN B

RINGKASAN MAKLUMAT COVID-19 DI NEGERI PULAU PINANG SEHINGGA 24 OGOS 2021			
BIL.	PERKARA	JUMLAH (ORANG/%)	CATATAN
1.	PESAKIT BERADA DI WAD HOSPITAL	366/428 (85.5%) 145/160 (91%) 107/120 (89%) 48/64 (75%) 124/236 (52.5%) 15/37 (40%)	HPP: 428 Katil HKB: 160 Katil HBM: 120 Katil HSJ: 64 Katil HPP (<i>Step Down</i>) HKB (<i>Step Down</i>)
2.	PESAKIT BERADA DI ICU	GICU: 40/37 (108%) 10/10 (100%) 12/12 (100%) 10/10 (100%) 12/12 (100%)	37 Katil ICU di HPP 10 Katil ICU di HKB 12 <i>Field</i> ICU HKB 10 <i>Hybrid</i> ICU HKB 12 <i>Tentages</i> (HDU)
3.	PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID-19 BERISIKO RENDAH (PKRC)		
	MEC JAWI, SPS	Lelaki: 260/510 225 (WN) 35 (BWN) Perempuan: 275/498 260 (WN) 15 (BWN)	Lelaki: 260/510 225 (WN) 35 (BWN) Perempuan: 275/498 260 (WN) 15 (BWN)
	PULAZA	<i>Standby Mode</i> 3/8/2021	<i>Standby Mode</i> 3/8/2021

	KOMPLEKS MASYARAKAT PENYAYANG	5/16 (31%)	Mula beroperasi pada 20/8/2021 96 Katil
	LRCC PENJARA JAWI	112/200 (56%)	Mula beroperasi pada 15 Jun 2021
	PENJARA SATELLITE BUKIT MERTAJAM	4/341 (1.2%)	Mula beroperasi pada 15 Jun 2021
	PENJARA REMAN PULAU PINANG	0/20 (0%)	Mula beroperasi pada 27 Jun 2021
4.	<i>PERSON UNDER SURVEILLANCE (PUS)</i>		
	HOTEL RAINBOW PARADISE	76	124 - Kosong
	HOTEL BAHANG BAY	140	60 - Kosong
5.	HOTEL YANG DIJADIKAN PUSAT KUARANTIN		
	HOTEL VOUK, GEORGETOWN	73/230 (32%) 98 pax	Dibuka pada 24 Mei 2021 Caj sebilik – RM150.00 Sharing – RM200.00

3. Sila nyatakan setiap projek tambakan laut yang telah diluluskan di Negeri Pulau Pinang sejak 2008 hingga 2021.
- Adakah Kerajaan Negeri mendapat manfaat dalam projek tambakan laut ini? Minta penjelasan.
 - Adakah perancangan untuk tambakan laut di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) pada masa hadapan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

23. Senarai projek tambakan laut yang telah diluluskan di Pulau Pinang sejak 2008 hingga 2021 adalah seperti berikut:

Bil	Lokasi	Keluasan (ekar)	Tahun
1	Seri Tanjung Pinang Fasa 2, Tanjong Tokong	891	2011
2	Bayan Mutiara, Batu Uban	59.992	2016
3	Bayan Bay (Berhadapan Queensbay Mall)	25.79	2016
4	Penang South Island	4500	2016
5	Bagan Ajam hingga Teluk Air Tawar, Butterworth	1606	2019

- Antara manfaat yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri daripada projek tambakan laut adalah seperti berikut:
 - Tanah rezab kerajaan;
 - Kemudahan awam,
 - Kawasan lapang;
 - Promenade*; dan
 - Bayaran premium.

Selain itu, projek tambakan laut juga memberi manfaat dari segi ekonomi kepada negeri Pulau Pinang dengan pertumbuhan bandar-bandar baharu dan penyediaan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat

- Merujuk kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSNPP 2030) yang diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Jilid 63 Tambahan No : 3/22 bertarikh 24 Oktober 2019, Kenyataan Warta No. 1068, terdapat perancangan untuk tambakan laut di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) iaitu berdekatan dengan Bandar Cassia.

24. Banyak sektor perindustrian terjejas akibat pandemik COVID-19.

- Sila nyatakan tindakan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah penutupan kilang atau masalah pekerjaan.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

24. Antara tindakan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah penutupan kilang atau masalah pekerjaan adalah seperti berikut:

- Menganjurkan program *Career Exploration Week: My Penang, My Workplace* yang berlangsung secara virtual pada 26 September hingga

2 Oktober 2020 bagi membantu pencari kerja terutamanya yang terjejas dengan pandemik COVID-19;

- (ii) Penyediaan khidmat fasilitasi untuk pemadanan pekerjaan (*job matching*) melalui *Penang Career Assistance and Training Centre* (Pusat CAT). Kerajaan Negeri melalui Pusat CAT menjalankan pemadanan kerja secara berkumpulan (*group job matching*) untuk membantu pencari kerja termasuk pekerja yang hilang pekerjaan dengan menjalankan pemadanan jawatan bersesuaian apabila menerima permintaan dari majikan/syarikat. Sepanjang setengah tahun pertama 2021, sebanyak 2 siri webinar telah dianjurkan pada bulan Mac dan Mei yang melibatkan 8 buah syarikat manakala 3 siri lagi akan dijalankan pada bulan Ogos dan suku ke-4 tahun 2021;
 - (iii) Kerjasama dengan PERKESO dalam membantu pencari kerja melalui program-program yang ditawarkan oleh PERKESO (latihan, kaunseling, insentif kewangan & lain-lain);
 - (iv) Kerjasama dengan *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA) dalam mempromosikan program di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) iaitu program JomKerja & JomNiaga melalui saluran komunikasi sedia ada seperti laman sesawang *InvestPenang*, Pusat CAT serta menyalurkan inkuiri daripada golongan yang disasarkan terus kepada pihak yang berkaitan;
 - (v) Kerjasama dengan *TalentCorp* dalam mempromosikan program *Career Comeback* melalui *Facebook* Pusat CAT Centre serta menyalurkan inkuiri daripada golongan yang disasarkan terus kepada pihak yang berkaitan; dan
 - (vi) Pada 11 Ogos, Kerajaan Negeri bersama-sama NGO (badan-badan bukan kerajaan), para pemain industri utama serta golongan profesional di negeri ini berkolaborasi membentuk *PgCare Alliance* atau gabungan *PgCare* bertujuan memberi sokongan dan bantuan kepada masyarakat yang terjejas akibat pandemik Covid-19. Gabungan tersebut bakal berfungsi berlandaskan 4 teras utama iaitu kesihatan mental, pekerjaan, makanan, dan perlindungan serta kewangan. Layari laman web <https://www.pgcarealliance.com> atau melalui *Facebook*, *pgalliance* bagi perincian lanjut.
 - (vii) Oleh kerana PKP 3.0, satu karnival kerjaya maya dikenali sebagai *Penang Virtual Career Fair 2021* telah diadakan mulai 26 hingga 29 Ogos anjuran PYDC dan PERKESO, *Invest Penang*, MPSP, SAMENTA dengan kerjasama Pusat *PgCare*, FMM dan institusi-institusi pendidikan bagi membantu graduan mendapatkan pekerjaan.
 - (viii) Kerajaan Negeri juga melalui mesyuarat MMK pada 25 Ogos telah meluluskan Skim Pinjaman PEKA PKS 3.0 bernilai RM5 juta bagi membantu PKS khususnya yang tidak dapat menjalankan perniagaan sewaktu PKP 3.0.
25. Sektor perindustrian pelancongan merupakan satu pendapatan bagi Kerajaan Negeri dan rakyat Pulau Pinang.
- (a) Apakah langkah telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu sektor industri ini?

- (b) Sila senaraikan hotel-hotel yang terpaksa berhenti operasi atau penutupan terus akibat pandemik COVID-19 diikuti bilangan bilik bagi setiap hotel.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

25. (a) Berikut merupakan bantuan kewangan dan subsidi yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu sektor pelancongan di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2021.

Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.0

- (i) Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM200 secara *one-off* kepada penarik beca; dan
- (ii) Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara *one-off* kepada peniaga yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang merangkumi peniaga perkhidmatan spa, refleksologi dan sebagainya.

Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1

Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara *one-off* kepada:

- (i) Pemandu bas/ van persiaran, kereta sewa/ limosin pelancongan;
 - (ii) Pemandu pelancong berdaftar;
 - (iii) Pengusaha kuda rekreasi Pulau Pinang;
 - (iv) Pengendali perkhidmatan *mobile spa*;
 - (v) Pengusaha lancang air (*watercraft operator*) di Pulau Pinang;
 - (vi) Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM 1000 secara *one-off* kepada *Tourist Attraction Operators*;
 - (vii) **Pengecualiaan fi hotel sehingga 31 Disember 2021;**
 - (viii) **Pemberian subsidi untuk bil Tenaga Nasional Berhad (TNB)** kepada penggiat-penggiat industri pelancongan dengan tabung sebanyak RM1 juta;
 - (ix) Melancarkan *Skim Pinjaman Kelangsungan Perusahaan (PEKA)*, yang **memperuntukkan RM10 juta pinjaman tanpa faedah untuk menyokong perniagaan yang terjejas dalam industri pelancongan; dan**
 - (x) **Pemberian bantuan secara *moratorium*** untuk bil air, cukai petak, cukai tanah, cukai pintu dan fi lesen perniagaan kepada pengusaha-pengusaha sektor pelancongan.
- (a) Berdasarkan sumber Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), berikut merupakan senarai hotel yang telah berhenti operasi:

Bil.	Nama Hotel	Jumlah Bilik
1.	Copthorne Orchid Penang	318
2.	Holiday Inn	350
3.	Jazz Hotel Penang	255

26. Apakah langkah yang akan diambil oleh Perbadanan Bekalan Air (PBA) untuk menangani isu pencemaran air Sungai Dua yang sering didakwa oleh pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan dengan sisa rawatan air dibuang ke dalam sungai?

(a) Adakah Jabatan Alam Sekitar (JAS) bersetuju dengan tindakan yang dilakukan oleh PBA.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

26. Pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah menghantar Pelan Tindakan Pengurusan Sisa Air ke Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang pada 8 Februari 2021 susulan daripada Notis Arahan yang dikeluarkan oleh JAS pada 11 Januari 2021 semasa penguatkuasaan dibuat ke atas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.

Pemantauan berkala sedang dijalankan oleh pihak JAS bagi memastikan pelan tindakan yang dikemukakan oleh PBAPP adalah dilaksanakan mengikut perancangan.

27. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan membina sebatang jambatan yang merentasi Sungai Tengah di antara Batu Kawan Industrial Park (BKIP) dan BKIP2.

(a) Adakah tender untuk projek ini telah diiklankan atau telah diwartakan kepada kontraktor?

(b) Sila nyatakan kos pembinaan, jangka masa untuk pembinaan dan tarikh mula kerja.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

27. Projek pembinaan jambatan merentasi Sungai Tengah yang akan dilaksanakan oleh pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) ini akan menghubungkan laluan dari Taman Perindustriaan Batu Kawan Industrial Park (BKIP) sedia ada di Batu Kawan dengan Taman Perindustrian yang baharu iaitu BKIP2 di Byram.

(a) Tender untuk projek ini telah diiklankan pada 25 Jun 2021 dan tarikh tutup tender ialah pada 8 September 2021.

(b) Tempoh pembinaan ialah selama 26 bulan dan tarikh dijangka mula kerja pada November 2021. Walau bagaimanapun, kos pembinaan hanya akan dimuktamadkan selepas tawaran tender ditutup dan tender telah ditawarkan kepada kontraktor.

28. Adakah Kerajaan Negeri perlu menanggung kos bagi Mobile PPV di setiap kawasan?

(a) Sekiranya perlu, sila nyatakan kos perbelanjaan.

(b) Sila senaraikan cadangan oleh Kerajaan Negeri bagi Mobile PPV pada masa akan datang.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

28. (a) Kos bagi Mobile PPV untuk 2 buah bas Rapid Penang adalah berdasarkan kontrak yang sedia ada bersama Kerajaan Negeri manakala kos bagi bas Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) adalah untuk tol dan petrol sahaja. Bagi kos

bas Rapid, Penang caj adalah sebanyak RM800.00 sehari bagi sebuah bas. Bilangan hari adalah mengikut jadual pergerakan yang telah ditetapkan oleh *Task Force Mobile* PPV CITF Negeri bagi setiap bulan.

- (b) Memandangkan Mobile PPV yang sedia ada sekarang ini telah memenuhi keperluan serta objektif yang telah ditetapkan maka sebarang cadangan penambahan Mobile PPV akan dikaji berdasarkan keperluan serta kekuatan tenaga sumber yang dibawah Jabatan Kesihatan Negeri sepenuhnya pada masa ini.

29. Sila nyatakan staus perkembangan bagi pembinaan gerai di Jeti Nelayan Kampung Changkat.

- (a) Adakah tender ini sudah diiklankan dan sila nyatakan kos untuk projek ini?
- (b) Adakah gerai ini akan diberi hak kepada Persatuan Nelayan Changkat atau di bawah Pejabat Daerah pada masa hadapan?


JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:



29. (a) Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang telah mengemukakan cadangan reka bentuk konsep terkini projek pembinaan Gerai di Jeti Nelayan Kampung Changkat berdasarkan kepada skop yang telah dicadangkan oleh pihak YB. EXCO Agroteknologi dan Keselamatan Makanan Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan untuk kelulusan pada 17 Ogos 2021 dan pada 25 Ogos 2021 YB. EXCO telah ambil maklum serta bersetuju dengan cadangan reka bentuk tersebut. Surat rasmi akan dihantar kepada JKR pada masa terdekat dan anggaran kos akan dikemukakan kelak. Perincian cadangan reka bentuk konsep terkini projek pembinaan Gerai di Jeti Nelayan Kampung Changkat dilampirkan dalam **LAMPIRAN A**.
- (b) Sekiranya gerai tersebut disiapkan kelak, hak pengurusan bagi gerai tersebut akan diserahkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan (PDTSPS) dan ia akan diuruskan sepertimana gerai-gerai lain di bawah seliaan PDTSPS.









LUKISAN SENIBINA


PEMBINAAN GERAI DI JETI NELAYAN KAMPUNG CHANGKAT,
SEBERANG PERAI SELATAN

BAHAGIAN ARKITEK, JKR PULAU PINANG
20.7.2021









XV. Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

1. Mohon dijelaskan status terkini tanah Masjid Bandar Ayer Itam.
 - (a) Adakah tanah masjid tersebut sudah ditukar menjadi milik Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)?
 - (b) Status dan nombor lot bersebelahan masjid yang diminta oleh jawatankuasa masjid.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

1. Tanah berkaitan Masjid Bandar Ayer Itam melibatkan dua (2) Plot iaitu plot A yang merupakan tapak masjid dan kawasan parkir manakala Plot 1 pula adalah kawasan lapang. Pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah mengemukakan permohonan ke Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut (PDTDTL) pada 3 September 2020 bagi pemberimilikan tanah kerajaan di atas Plot A iaitu keseluruhan tanah Lot 7739, Mukim 13, DTL dengan keluasan berjumlah 8,485 meter persegi dan sebahagian Lot 7738, Mukim 13, DTL dengan keluasan berjumlah 4,625 meter persegi bagi tujuan tapak Masjid Bandar Baru Air Itam dan lain-lain aktiviti keagamaan. Keseluruhan tanah yang dimohon berkeluasan 13,111 meter persegi bersamaan 3.23 ekar dan telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 10 Februari 2021.
 - (a) Pihak MAINPP juga telah menerima surat kelulusan pemberimilikan tanah berkenaan bertarikh 30 Mac 2021 dari PDTDTL dan bayaran bagi proses Notis Genap Masa Hasil Tanah Dibayar (Borang 5A) telah dibuat oleh pihak MAINPP kepada pihak PDTDTL bertarikh 23 April 2021.
 - (b) Pihak MAINPP telah mengemukakan permohonan tambahan berimilikan tanah kerajaan ke PDTDTL pada 9 Februari 2021 bagi pemberimilikan tanah kerajaan di atas Plot 1 untuk baki Lot 7738, Mukim 13, DTL dengan keluasan berjumlah 5,874 meter persegi bersamaan 1.45 ekar untuk tujuan sekolah agama rakyat dan lain-lain aktiviti keagamaan. Pada masa kini, MAINPP belum menerima Notis Genap Masa Hasil Tanah Dibayar (Borang 5A) untuk pembayaran.
2. Senaraikan organisasi Yayasan Islam Negeri Pulau Pinang (YIPP).
 - (a) Apakah visi dan misi YIPP?
 - (b) Apa projek yang telah berjaya dilakukan dan projek semasa yang dilakukan?
 - (c) Berapakah dana yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada YIPP dari tahun 2018 sehingga sekarang?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

2. Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) adalah sebuah organisasi yang ditubuhkan pada tahun 2012 oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. YIPP telah distruktur semula dengan diletakkan di bawah penyeliaan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pada tahun 2020.
 - (a) Visi YIPP adalah untuk merealisasikan agenda pembangunan ummah melalui pengurusan yang cekap dan berkualiti berlandaskan syariat Islam. Misi YIPP adalah untuk menjadi organisasi dalam

memperkasakan pembangunan ummah dan syiar Islam di Pulau Pinang.

(b) Antara projek yang telah berjaya dilaksanakan oleh YIPP adalah seperti berikut:

- (i) Kelas Bimbingan Pulau Pinang Mengajar yang merupakan kelas bantuan pelajaran khas untuk pelajar kurang berprestasi di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan luar bandar. Program ini telah membantu 181 orang pelajar yang berusia 7 hingga 11 tahun yang menghadapi masalah pembelajaran di luar bandar. 95 peratus (172 orang pelajar) daripada 181 orang pelajar telah menunjukkan peningkatan prestasi dalam pembelajaran;
- (ii) Program KAFA Menengah yang memberikan alternatif Pendidikan Islam untuk pelajar di peringkat menengah. Program ini bertujuan memberikan pendidikan Islam kepada pelajar peringkat menengah yang tidak berjaya melanjutkan pelajaran ke sekolah agama;
- (iii) Program Intervensi Hala Tuju Inklusif yang merupakan program dengan kerjasama Pusat Pengajian Pengurusan Universiti Sains Malaysia (USM) dan Giat MARA Tasek Gelugor yang bertujuan untuk memperkasa tahap ekonomi peserta daripada golongan B40 supaya mereka dapat memajukan diri dan keluarga serta meningkatkan pengetahuan dan tahap kemahiran melalui latihan khusus kemahiran teknikal dan pengurusan. 17 orang peserta terlibat dalam program ini yang dilaksanakan sebanyak enam (6) kelas latihan dan satu (1) kelas praktikal di Giat MARA Tasek Gelugor;
- (iv) Kelas Al-Quran dalam talian bagi membantu masyarakat Islam dewasa untuk membaca Al-Quran; dan
- (v) Program Inisiatif Membantu Usahawan Kecil Pasca PKP dengan kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Halal Foodie. Program ini untuk membantu usahawan bagi mempromosikan perniagaan mereka agar dapat beroperasi kembali dan menjana semula ekonomi mikro tempatan.

YIPP sedang melaksanakan projek pembangunan iaitu membina sebuah Hospital Islam Pulau Pinang 15 Tingkat yang terletak di atas Tanah Milik Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, PT 3095 (Lot Baru 72409) Mukim 12, Jalan Mayang Pasir 2, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.

(c) Dana yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada YIPP dari tahun 2018 hingga tahun 2021 adalah seperti berikut:

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
2018	800,000.00
2019	800,000.00
2020 (Disalurkan melalui MAINPP)	800,000.00
2021 (Disalurkan melalui MAINPP)	1,100,000.00

3. Senaraikan agensi kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri dan Persekutuan yang terdapat di Pulau Pinang. Mohon disenaraikan juga Pengerusi atau Pengarah setiap agensi.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

3. Perincian berkenaan agensi Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri dan Persekutuan yang terdapat di Pulau Pinang adalah seperti di **Lampiran.**

LAMPIRAN A

Senaraikan agensi kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri dan Persekutuan yang terdapat di Pulau Pinang. Mohon senaraikan juga Pengerusi atau Pengarah setiap agensi.

AGensi KERAJAAN & SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC) NEGERI PULAU PINANG			
Bil.	Agensi	Pengarah	Pengerusi (Lembaga Pengarah)
1.	Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang	Pn. Haryany binti Mohamad	YB. Yeoh Soon Hin
2.	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abd Rahman	
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang	Pn. Sharimah binti Salleh	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy
4.	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)	YBhg. Dato' Mohd Bazid bin Hj. Abd Kahar	YAB. Tuan Chow Kon Yeow
5.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	En. Ooi Chok Yan	YB. Yeoh Soon Hin
6.	George Town World Heritage Incorporated	YBrs. Dr. Ang Ming Chee	YAB. Tuan Chow Kon Yeow
7.	Penang Stem Sdn Bhd	En. Richard Chung Chok Yin	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy
8.	Digital Penang Sdn Bhd	En. Tony Yeoh	YAB. Tuan Chow Kon Yeow
9.	Penang Science Cluster	Encik Ooi Peng Ee	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy
10.	PGC Strategies Sdn Bhd (Penang Green Council)	Pn. Josephine Tan Mei Ling	YAB. Tuan Chow Kon Yeow
11.	Penang Tech Centre Bhd	En. Khoo Boo Wooi	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy
12.	PYDC Strategies Sdn. Bhd.	YBrs. Dr. Gwee Sai Ling	YB. Soon Lip Chee
13.	PWDC Sdn. Bhd.	Pn. Ong Bee Leng	YB. Chong Eng
14.	PICEB Sdn. Bhd.	Encik Ashwin Gunasekaran	YB. Yeoh Soon Hin
15.	Penang FC Sdn. Bhd.	En. Jeffrey Chew Gim Eam	YB. Soon Lip Chee
16.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	Puan Aida Lim Abdullah	YB. Dato' Hj. Abdul Halim bin Hussain
17.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	En. Au Chong Yee	YB. Chong Eng
18.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	YBhg. Dato' Seri Farizan bin Darus	YAB. Tuan Chow Kon Yeow
19.	Penang Health Alliance Sdn. Bhd.	Tidak Aktif sejak diperbadankan	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abd Rahman
20.	Penang Asia Pacific Masters Games Sdn. Bhd.	Dalam proses penggulungan	YB. Chong Eng
21.	Syarikat Bas Negeri Pulau Pinang	Syarikat tidak aktif	YAB. Tuan Chow Kon Yeow
22.	Invest-In-Penang Berhad	YBhg. Dato' Loo Lee Lian	YAB. Tuan Chow Kon Yeow
23.	Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang	YBhg. Dato' M. Ramachandran	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy
24.	Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.	YBhg. Dato' Ir. Jaseni bin Maidinsa	YAB. Tuan Chow Kon Yeow
25.	Perbadanan Bekalan Air Holdings Berhad	YBhg. Dato' Ir. Jaseni bin Maidinsa	YAB. Tuan Chow Kon Yeow
26.	Penang Institute	YBhg. Dato' Ooi Kee Beng	YAB. Tuan Chow Kon Yeow
27.	Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang	En. Harry Chai Heng Hua	YB. Soon Lip Chee
28.	Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang	YBhg. Dato' Cheok Lay Leng	YAB. Tuan Chow Kon Yeow

4. Senaraikan aset dan status aset Baitulmal yang terdapat di Pulau Pinang.
- (a) Berapakah jumlah nilai terkumpul aset tersebut secara terperinci?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

4. Ringkasan senarai aset-aset Baitulmal yang terdapat di negeri Pulau Pinang.

BIL	DAERAH	BILANGAN LOT	RM (NOMINAL)
1.	Seberang Perai Utara	270	270
2.	Seberang Perai Tengah	142	142
3.	Seberang Perai Selatan	32	32
4.	Timur Laut	18	18
5.	Barat Daya	108	108
	Jumlah	570	570

- (a) Jumlah keseluruhan aset Baitulmal adalah sebanyak 570 Lot. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) hanya akan membuat penilaian aset Baitulmal dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan dan urusan aset yang berkenaan. Untuk tujuan pelaporan, nilai nominal diguna pakai bagi aset-aset yang terlibat.
5. Dari manakah sumber kewangan yang hendak diberikan kepada nelayan-nelayan yang jadi mangsa daripada Projek Tambakan Selatan Pulau Pinang (PSR)?
- (a) Mengapakah perbelanjaan ini tidak dibentangkan dalam Belanjawan Negeri?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

5. Kerajaan Negeri akan menyediakan sumber kewangan bagi bayaran bantuan kewangan untuk Pakej Bantuan (*ex-gratia*) kepada nelayan yang terkesan dengan projek *Penang South Reclamation* (PSR) di bawah Pelan Pengurusan Impak Sosial. Di bawah Pelan Pengurusan Impak Sosial bagi projek PSR, Kerajaan Negeri telah memuktamadkan pakej *ex-gratia* seperti berikut:-
- (i) Pakej Bantuan Hidup (bayaran saguhati (*ex-gratia*)) dan bantuan bot dan enjin bot). Jumlah bayaran saguhati ini dibuat kepada nelayan mengikut tahap lokasi nelayan sama ada tahap 1 atau tahap 2. Bantuan bot dan enjin bot akan ditawarkan kepada pemilik bot (tekong) di tahap 1 iaitu dari unit nelayan Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbar dan Gertak Sanggul;
- (ii) Pakej Pemerkasaan (jeti nelayan baharu, koperasi nelayan, skim tuisyen dan pendidikan untuk anak-anak nelayan, skim latihan atau kursus seperti kursus jurumudi, pembuatan bot, penyelenggaraan bot dan sebagainya untuk nelayan dan anak-anak mereka, dan peluang pekerjaan bagi mereka yang berkecayaan); dan

- (iii) Keutamaan bagi pendaftaran Rumah Mampu Milik (bagi membantu nelayan yang belum memiliki rumah sendiri).

Jumlah nilai bagi setiap bantuan hanya dapat dihuraikan setelah pelaksanaan menyeluruh skim SIMP bermula selepas projek PSR diberi kelulusan bagi Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) dan penambahan dibenarkan bermula.

- (a) Perbelanjaan ini tidak dimasukkan dalam Belanjawan Negeri pada tahun 2021 memandangkan perincian bayaran ini masih belum dimuktamadkan ketika itu. Kerajaan Negeri juga perlu memastikan kesemua nelayan yang terkesan akan diberikan bantuan dan saguhati yang sewajarnya. Oleh itu, pembiayaan bayaran-bayaran yang berbangkit pada tahun 2021 akan menggunakan penjimatan peruntukan Kerajaan Negeri.

6. Mohon dinyatakan garis panduan penyembelihan ayam di Seberang Perai.

- (a) Bagaimanakah pelaksanaan yang akan dibuat di sebelah Pulau?
- (b) Nyatakan nama syarikat-syarikat yang terlibat dalam penyembelihan ayam ini.
- (c) Adakah syarikat-syarikat tersebut milik Bumiputera?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

6. Majlis Bandaraya Seberang Perai menggunakan Garis Panduan Penyembelihan Ayam yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP).

Secara dasarnya, garis panduan bagi pusat penyembelihan ayam, itik dan lain-lain unggas di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah merujuk kepada Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 1 Tahun 2014.

Bagi garis panduan berkenaan dengan loji pemprosesan unggas yang mempunyai pensijilan *Veterinary Health Mark* (VHM) dan *Good Veterinary Hygienic Practice* (GVHP), ia perlu merujuk kepada *Code of Veterinary Practise For Poultry Processing Plant* (Documentation No: COVP 0001: 2019(VHM.1))

Bagi Peraturan-Peraturan Pengawalan Perladangan Unggas pula dinyatakan berkaitan larangan penyembelihan di dalam ladang unggas. Sebarang aktiviti penyembelihan hendaklah dijalankan di rumah sembelih unggas yang dilesenkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Selain merujuk kepada semua garis panduan yang disediakan oleh pihak JPVPP, pihak MBSP turut menggariskan syarat-syarat pelesenan Premis Penyembelihan Ayam yang mesti dipatuhi oleh pengusaha seperti berikut:-

- (i) Sisa kotoran binatang hendaklah ditanam dengan sempurna;
 - (ii) Kawasan di sekeliling rumah sembelih hendaklah dijaga bersih setiap masa; dan
 - (iii) Sediakan sebuah *intercepting chamber* untuk menapis air kotoran dari tempat penyembelihan.
- (a) Pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) turut menguna pakai garis panduan yang disediakan oleh pihak JPVPP untuk operasi pusat sembelihan ayam di kawasan Pulau Pinang. Selain itu, antara tindakan tambahan yang telah dilaksanakan oleh pihak MBPP adalah seperti berikut:-

- (i) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada April 2006 telah menetapkan dasar supaya tidak membenarkan semua aktiviti penyembelihan ayam/itik di pasar-pasar di dalam kawasan PBT. Dasar ini akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut Klausa 5(5), Undang-undang Kecil di bawah Seksyen 73 (1)(e) (iv), Undang-undang Kecil, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
 - (ii) Notis Pemberitahuan kepada peniaga ayam/itik bertarikh 29 November 2019 yang memaklumkan bahawa larangan aktiviti penyembelihan di premis MBPP yang sepatutnya dikuatkuasakan selepas dua (2) tahun mulai dari Oktober 2021, dasar tersebut diawalkan ke bulan Mac 2020 berikutan penularan wabak COVID-19 dengan mengambil kira sebab-sebab kebersihan, kesihatan awam dan keselamatan makanan. Peniaga-peniaga ayam dibenarkan untuk menjual ayam bersih di pasar-pasar MBPP; dan
 - (iii) Bagi memudah cara pelaksanaan dasar ini, MBPP turut merancang dan membina sebuah Pusat Penyimpanan dan Pengedaran Ayam di Batu Lancang. Projek ini telah diberikan kepada sebuah syarikat tempatan melalui tender terbuka. Namun, semua penjual ayam bersih di dalam MBPP diberikan kebebasan untuk mendapatkan bekalan daripada pembekal masing-masing.
- (b) Syarikat-syarikat penyembelihan loji ayam yang mempunyai VHM dan GVHP dan di bawah pemantauan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia ialah:-
- (i) Ayamplus Food Corporation Sdn. Bhd.;
 - (ii) Integrated Poultry Industries Sdn. Bhd.;
 - (iii) LTC Ayam Sdn. Bhd.; dan
 - (iv) PG Lean Hwa Trading Sdn Bhd.
- (c) Ayamplus Food Corporation Sdn. Bhd., LTC Ayam Sdn. Bhd. dan PG Lean Hwa Trading Sdn. Bhd., bukan merupakan syarikat Bumiputera. Namun, hanya syarikat Integrated Poultry Industries Sdn. Bhd. adalah syarikat milik Bumiputera.

7. Nyatakan Dasar Perumahan Negeri Pulau Pinang.

- (a) Adakah pembinaan rumah ibadah adalah pra-syarat untuk setiap projek?
- (b) Siapakah wakil Majlis Agama dalam mesyuarat OSE?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

- 7. (a) Penyediaan kemudahan masyarakat termasuk surau dan rumah ibadah telah ditetapkan bagi pemajuan perumahan baharu mengikut Pihak Berkuasa Tempatan seperti berikut:
 - (i) Majlis Bandaraya Pulau Pinang menggunakan Garis Panduan Untuk Penyediaan Kemudahan Masyarakat Di Kawasan Pemajuan Perumahan Baru (GP KM) pada 14 Disember 1989 bagi kegunaan masyarakat seperti tapak surau dan RIBI yang disediakan oleh

pemaju dan disyaratkan di dalam Pelan Kebenaran Merancang. Tapak bagi tujuan keagamaan seperti masjid, tokong dan gereja merupakan kemudahan masyarakat peringkat yang lebih tinggi yang perlu dirujuk kepada pihak berkuasa dan organisasi berkenaan.

- (ii) Majlis Bandaraya Seberang Perai pula menetapkan syarat tapak surau berdasarkan keperluan dan ulasan teknikal Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)
- (b) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang hanya terlibat di Mesyuarat Jawatankuasa Setempat (OSC) Majlis Bandaraya Seberang Perai.

8. Nyatakan garis panduan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang.

- (a) Mohon dijelaskan perkembangan projek ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

8. Kajian perunding bagi Rancangan Tebatan Banjir (RTB) merangkumi lapan (8) aspek kajian iaitu *Cost Benefit Analysis (CBA)*, *Environmental Management Plan (EMP)*, *Value Management (VM)*, *Heritage Impact Assessment (HIA)*, *Socio Economy Impact Assessment (SEIA)*, *Social Impact Assessment (SIA)*, *Traffic Impact Assessment (TIA)* dan *Road Safety Audit (RSA)*. Kelapan-lapan laporan bagi setiap projek RTB ini perlu dikemukakan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia untuk semakan.

- (a) Sebagai makluman, pelaksanaan Projek RTB Sungai Pinang sedang berjalan mengikut perancangan. Status semasa projek ini adalah di peringkat penyediaan reka bentuk terperinci oleh perunding yang telah memakan masa yang lebih panjang daripada perancangan asal akibat pandemik COVID-19. Pada masa sekarang perunding sedang dalam fasa terakhir bagi menyediakan reka bentuk terperinci sebelum tawaran tender diiklankan. Manakala pihak juruukur yang dilantik oleh pihak JPS sedang membuat penandaan rizab di sepanjang Sungai Pinang bermula dari Jambatan Jalan Patani sehingga ke Jambatan Jalan Dato Keramat.

Berdasarkan perancangan semasa, kerja fizikal akan ditender pada suku ketiga tahun 2021. Proses tender akan memakan masa lebih kurang empat (4) bulan. Oleh itu, pelaksanaan kerja fizikal di tapak dijangka akan bermula pada awal tahun 2022.

Pakej pertama (Pakej 1) projek RTB Sungai Pinang dijangka mengambil masa selama empat (4) tahun dan lokasi tapak merangkumi beberapa lokasi di Sungai Pinang dan Sungai Jelutong. Skop projek adalah seperti berikut:

- (i) *Sungai Pinang River Improvement, River Corridor Improvement and Beautification, Pedestrian Bridge Upgrading;*
- (ii) *Transition Sungai Air Itam and Sungai Air Terjun;*
- (iii) *Mechanical and Electrical Associated Works;* dan
- (iv) *Sungai Jelutong Flood Wall.*

9. Apakah perkembangan terkini gerak kerja pembersihan Sungai Nipah, Batu Maung?
- Syarikat manakah yang bertanggungjawab untuk pembersihan sungai ini dan berapakah kali kekerapan pembersihan dilakukan?
 - Apakah tindakan kerajaan kepada syarikat ini memandangkan kebersihan sungai masih gagal diatasi sehingga kini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

9. (a) Syarikat Puncak Ara Enterprise telah dilantik untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sungai dan parit di kawasan Batu Maung bagi tahun 2021. Kerja-kerja penyelenggaraan tersebut dijalankan sebanyak 10 pusingan setahun. Kerja-kerja penyelenggaraan bagi kutipan sampah pada tahun 2021 di lokasi perangkap sampah di Sungai Nipah ini telah ditambah baik kepada tiga (3) kali seminggu berbanding satu (1) kali seminggu pada tahun 2020.
- (b) Setakat kini, tiada tindakan diambil terhadap syarikat kontraktor tersebut kerana kerja-kerja yang dijalankan adalah mengikut spesifikasi dan skop yang telah ditetapkan di dalam sebut harga kerajaan. Tambahan, masalah kebersihan sungai yang dikatakan masih gagal diatasi sehingga kini bukan hanya disebabkan oleh faktor penyelenggaraan tetapi ia juga melibatkan banyak faktor lain yang saling berkait rapat seperti pencemaran sampah oleh beberapa pengusaha kilang barangan lusuh dan sisa buangan pepejal dan cecair dari setinggan di Kampung Naran yang berada di tepi Sungai Nipah.
10. Nyatakan garis panduan tarik kereta oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).
- Berapakah jumlah kereta yang sudah ditarik dari tahun 2017 sehingga sekarang.
 - Nyatakan jumlah denda yang dikutip sepanjang tahun tersebut.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

10. Garis panduan tarik (tunda) kereta yang digunakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) masing-masing adalah seperti di **LAMPIRAN A** dan **LAMPIRAN B**.

- Jumlah kereta yang sudah ditarik (tunda) dari tahun 2017 hingga 31 Julai 2021 adalah seperti berikut:


Tahun	Bilangan Kereta Ditunda	
	MBPP	MBSP
2017	5,162	30
2018	4,186	103
2019	4,394	122
2020	4,222	31
2021	1,753	82
Jumlah	19,717	368

- (b) Jumlah kutipan denda yang dikutip dari tahun 2017 hingga 31 Julai 2021 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kutipan Denda (RM)	
	MBPP	MBSP
2017	RM560,925.00	RM4,640
2018	RM408,800.00	RM13,100
2019	RM427,900.00	RM12,500
2020	RM419,500.00	RM25,160
2021	RM157,850.00	RM14,710
Jumlah	RM1,974,975.00	RM70,110


LAMPIRAN A


GARIS PANDUAN (SOP) TINDAKAN TUNDA KENDERAAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG




LAMPIRAN B

**TATACARA OPERASI STANDARD (SOP) BAGI PENGUATKUASAAN HALANGAN
AM**







**TATACARA OPERASI STANDARD (SOP) BAGI PENGUATKUASAAN KENDERAAN
YANG MEMPUNYAI KOMPAUN TERTUNGGAH MELEBIHI 10 KOMPAUN**



TATACARA OPERASI STANDARD (SOP) BAGI PENGUATKUASAAN KENDERAAN BURUK





11. Apakah perkembangan terkini Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah pencemaran Sungai Kereh?
- (a) Apakah tindakan yang akan diambil kepada penternak babi yang telah mencemarkan sungai tersebut?
 - (b) Mohon dinyatakan kronologi pendakwaan terhadap penternak.
 - (c) Mengapakah Timbalan Pendakwa Raya dari Kerajaan Negeri tidak meneruskan pendakwaan kepada pihak penternak?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

11. Bagi menyelesaikan masalah pencemaran Sungai Kereh, Kerajaan Negeri telah menubuhkan dua (2) buah jawatankuasa bagi menangani masalah pencemaran sungai tersebut iaitu seperti berikut:
- (i) Jawatankuasa *Task Force* Pengurusan Pencemaran Sungai Dari Ladang Penternakan Babi di Negeri Pulau Pinang diurussetiakan oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN); dan
 - (ii) Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Sisa Pencemaran Dari Ladang Ternakan Babi Di Negeri Pulau Pinang diurussetiakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPVPP).

Beberapa usaha dan ikhtiar dari segi penguatkuasaan Akta Ternakan Babi yang mensyaratkan ladang tertutup (*Closed Farm* dan *Zero Discharge*) dan penguatkuasaan Akta Pembekalan Air 1998 dengan memberi kuasa kepada Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jurutera Daerah JPS dan BKSA untuk menguatkuasakan hukuman yang lebih berat terhadap penternak yang membuang sisa kumbahan najis babi ke parit dan sungai.

YB EXCO Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan juga telah menghantar bantahan terhadap cadangan zonkan 199 hektar di Kampung Selamat sebagai zon Ternakan Babi dalam Pelan Tempatan Seberang Perai 2030 kerana kawasan ternakan babi yang sediaada sudah memadai dan SSL sudah melebihi 200.

Selain pembinaan weir oleh JPS untuk *divert* najis babi dari memasuki sawah, YB EXCO telah memohon kepada Dato' Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam mesyuarat Exco agar najis babi yang sudah 40 tahun lama dibawa ke Tapak Pelupusan Pulau Burong untuk ditanam sebagai '*Trenching Site*' sementara dan telah dipersetujui semasa mesyuarat bersama Timbalan Ketua Menteri I (TKM1) dan Persatuan Penternak Babi Kampung Selamat pada 6 Ogos 2021. Selain itu, Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) Kualiti Air juga akan mencuci parit utama selama empat bulan.

65 penternak babi Kampung Selamat juga telah bersetuju untuk bekerjasama dengan syarikat Biogas dan kerja-kerja pemasangan tangki dan peralatan untuk ambil najis dari ladang babi. Di anggarkan 900 ton najis *slurry* sehari (90% liquid) akan di ambil Syarikat Biogas untuk jana 1.2 megawatt energy tanpa perlu menjual kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Usaha-usaha ini untuk menyelesaikan masalah bau busuk dan pembuangan sisa kumbahan najis babi ke Sg Kereh.

- (a) Antara tindakan yang akan diambil kepada penternak babi yang telah mencemarkan Sungai Kereh adalah seperti berikut:
 - (i) Mengeluarkan notis dan kompaun;
 - (ii) Membatalkan lesen;

- (iii) Mengambil tindakan mahkamah;
 - (iv) Mengadakan usahasama dengan agensi luar bagi menangani isu pencemaran mengikut bidang kuasa masing-masing;
 - (v) Memberikan pendidikan kepada penternak tentang pencemaran daripada aktiviti penternakan; dan
 - (vi) Mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas selepas tamat tempoh pemutihan.
- (b) Buat masa kini, tiada pendakwaan dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri terhadap penternak babi di kawasan terbabit.
- (c) Berdasarkan kertas siasatan, terdapat seramai 75 orang pengusaha penternak babi di kawasan Kampung Selamat. 11 daripada mereka tidak mempunyai lesen ternakan memandangkan penternakan yang dijalankan telah dimulakan hampir 60 tahun yang lalu. Hampir kesemua penternak sekarang merupakan generasi kedua dan penyewa baharu di kawasan terbabit. Pada masa awal operasi penternakan dijalankan, tiada peruntukan undang-undang khas untuk mengawal ladang seperti ini diadakan.

Siasatan kes ini juga telah dibuat di bawah peruntukan Seksyen 430, Kanun Keseksaan (Akta 574). Walau bagaimanapun, tiada keterangan yang kukuh untuk menyatakan pencemaran air sungai di Sungai Kereh adalah disebabkan aktiviti penternakan babi semata mata. Terdapat juga faktor lain yang turut menyumbang kepada Kualiti air sungai Kereh yang tercemar. Ketiadaan system rawatan kumbahan (loji Indah Water Konsortium-IWK) untuk merawat najis daripada rumah penduduk penduduk di Kampung Selamat, aktiviti komersial seperti pasar dan restoran serta aktiviti lain di kawasan Kampung Selamat turut sama mengalirkan bahan buangan terus ke saluran akhirnya masuk ke dalam Sungai Kereh juga boleh mengakibatkan pencemaran.

Walaupun terdapat pencemaran yang berlaku di dalam Sungai Kereh, pencemaran tersebut tidak dapat dikaitkan secara langsung kepada penternak-penternak babi sekarang kerana keadaan sekarang adalah '*accumulated effect*', kesan daripada penternakan yang tidak terkawal sejak tahun 1980-an.

Cadangan untuk membuat pertuduhan di bawah Seksyen 430, Kanun Keseksaan (Akta 574) iaitu perbuatan khianat dengan membencanakan perjalanan tali air juga tidak dapat dibuat kerana keterangan sedia ada tidak menunjukkan sebarang pembuangan sisa ladang babi secara langsung ke dalam Sungai Kereh. Sebaliknya, keterangan menunjukkan sisa kumbahan (yang telah diproses) dilepaskan ke tali air setiap ladang dan akhirnya tiba mengalir masuk ke dalam Sungai Kereh.

Dalam apa keadaan, tindakan perundangan hanya boleh diambil selepas 31 Disember 2021 dengan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pelesenan Penternakan Babi (Pulau Pinang) 2020 pada 1 Januari 2022 berdasarkan sampel yang boleh diambil terus dari titik pelepasan air setiap kandang. Sekiranya pada masa tersebut, pelepasan efluen dari titik pelepasan air dari ladang babi tersebut adalah melebihi had parameter yang dibenarkan, tindakan perundangan boleh diambil terus kepada penternak berkenaan.

12. Kawasan mana yang terlibat dalam pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP)?
- (a) Siapakah yang menerima pampasan dan berapakah pampasan yang diberikan kepada pemilik tanah untuk projek pembesaran LTAPP?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

12. Berdasarkan semakan dengan pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), pihaknya dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) masih dalam tindakan untuk memperincikan kawasan-kawasan yang terlibat dalam pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).

Buat masa ini, maklumat mengenai penerima dan jumlah pampasan hanya akan diketahui setelah proses-proses pengambilan tanah untuk projek pembesaran LTAPP dimuktamadkan.

13. Apakah perkembangan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Lahar yang dimohon dalam RMK 11?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

13. Projek Tebatan Banjir Lembangan Sungai Lahar Endin telah dimohon oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang melalui peruntukan bajet RMKe-12. Projek ini sedang di peringkat perancangan iaitu penyediaan reka bentuk terperinci dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Selanjutnya, peringkat pelaksanaan secara fizikal di tapak dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2023 tertakluk kepada kelulusan permohonan peruntukan RMKe-12.

14. Tapakah status pemasangan lampu isyarat di Simpang Tiga Pasir Gebu?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

14. Projek pemasangan lampu isyarat di Simpang Tiga Pasir Gebu ini telah siap dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang pada 3 Ogos 2021. Proses penyerahan kepada pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) juga telah dilakukan pada 17 Ogos 2021 bagi tujuan pemantauan dan penyelenggaraan.

15. Sejauh manakah penyelesaian dan perancangan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas di Pekan Penaga terutama pada hari Ahad?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

15. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan lalu lintas di Pekan Penaga terutamanya pada hari Ahad yang disebabkan oleh penganjuran aktiviti pasar pagi di kawasan tersebut. Antara penyelesaian dan perancangan oleh pihak MBSP bagi mengatasi isu tersebut adalah seperti berikut:
- (a) Membatalkan permit penganjuran pasar pagi daripada pihak MPKK kawasan seterusnya melantik Non-Governmental Organization (NGO) setempat sebagai penganjur sementara pada tahun 2018 kerana kegagalan pihak Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) melaksanakan syarat-syarat yang ditetapkan; dan

- (b) Mengeluarkan surat peringatan / tunjuk sebab kepada penganjur untuk mematuhi syarat-syarat dan menjalankan kawalan lalu lintas agar lebih lancar dan tidak menyebabkan kesesakan yang teruk di kawasan tersebut. (Setelah surat berkaitan dikeluarkan, terdapat penambahbaikan yang telah diambil oleh pihak penganjur dan keadaan lalu lintas menjadi lebih lancar.)

Walau bagaimanapun sekiranya masih berlaku kesesakan lalu lintas yang teruk, pihak MBSP akan mengambil tindakan yang lebih tegas termasuklah membatalkan permit penganjuran, melantik penganjur yang lebih baik bagi mengawal pengurusan dan kawalan atau memindahkan pasar pagi tersebut ke lokasi baru tertakluk kepada cadangan penganjur.

16. Senaraikan sungai-sungai yang berada pada tahap 4 dan 5 di Negeri Pulau Pinang.

- (a) Apakah Prosedur Operasi Standard (SOP) Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah pencemaran sungai ini?
- (b) Apakah tindakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri kepada industri ternakan yang mencemarkan sungai-sungai tersebut?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

16. Sehingga Ogos 2021 dua (2) sungai utama telah dikenalpasti berada pada kelas 4 seperti berikut :-

- (i) Sungai Kereh di Lembangan Perai; dan
- (ii) Sungai Tengah di Lembangan Jawi.

Tiada sungai yang berada pada kelas 5 di Negeri Pulau Pinang.

- (a) Kerajaan Negeri telah mewujudkan Jawatankuasa Pasukan Khas Menangani Isu Pencemaran Sungai dan Laut Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh YB Zairil Khir Johari, Pengerusi Jawatankuasa MMK Infrastruktur dan Pengangkutan. Mesyuarat ini diadakan 4 kali setahun bagi membincangkan isu-isu pencemaran sungai dan laut di Pulau Pinang. Di samping itu, Jawatankuasa Pencemaran Peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah turut ditubuhkan untuk mengambil langkah pencegahan, penguatkuasaan dan mitigasi untuk mengatasi masalah pencemaran di setiap daerah.
- (b) Tindakan terhadap pencemaran parit dan sungai oleh najis ternakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dilaksanakan melalui Jawatankuasa Pasukan Khas Bagi Menangani Isu Pencemaran Sungai dan Laut. Tindakan yang dilaksanakan adalah tertakluk kepada punca kuasa jabatan-jabatan berkaitan seperti berikut:-
 - (i) Pemantauan secara berterusan oleh MBSP di setiap ladang ternakan serta mengeluarkan notis, mengenakan kompaun, pembatalan lesen dan tindakan mahkamah bagi ladang yang melanggar syarat-syarat pelesenan oleh MBSP;
 - (ii) Penyiasatan oleh JPV mengenai punca buangan sisa ladang ke dalam sungai serta mengarahkan penternak untuk

menghentikan buangan sisa secara terus (*direct discharge*) ke dalam sungai;

- (iii) Mengarahkan supaya sisa ternakan disalurkan ke sistem kumbahan ladang sedia ada dan dirawat bagi menangani isu pencemaran bau di ladang yang dikenal pasti oleh JPV;
- (iv) Menetapkan supaya bacaan Biological Oxygen Demand (BOD) tidak melebihi 50 ppm bagi pelepasan sisa ladang. Ladang yang merekodkan bacaan BOD melebihi 50 ppm akan digantung permit pemindahan ternakan; dan
- (v) Pemantauan kualiti air sungai secara berkala oleh JAS dan JPS bagi memastikan tindakan segera dapat diambil ke atas punca-punca pencemaran jika bacaan parameter kualiti air yang dikesan melebihi piawai yang ditetapkan.

17. Mohon penjelasan mengenai satu tapak masjid Bandar Air Putih Balik Pulau, geran 101491 Lot 1100 keluasan 2.7 ekar yang masih belum lagi diserahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) seperti mana dalam Akta Perancang. Sudah lebih 10 tahun namun masih gagal diselesaikan.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

17. Lot 1100, Mukim 4, Daerah Barat Daya yang berkeluasan 12,155 meter persegi merupakan tapak bagi pembangunan Masjid Bandar Baru Air Putih, Balik Pulau. Hasil semakan mendapati lot tersebut telah dicagar dan digadai oleh pemilik tanah iaitu MTT Properties & Development Sdn. Bhd kepada Affin Bank Berhad sejak 23 Februari 2006. Pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah berulang kali menggesa agar pemaju melepaskan gadaian dan menyerahkan tanah tersebut bagi tujuan perancangan pembangunan masjid di kawasan pembangunan berkenaan. Pihak MAINPP juga telah mengemukakan permohonan kemasukan kaveat pendaftar pada 21 Disember 2019 ke atas lot tanah tersebut. Sehubungan dengan itu, pihak MAINPP juga telah menulis surat kepada pihak Jabatan Perancangan Pembangunan MBPP dan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya pada 27 April 2021 agar membantu MAINPP untuk menggesa pemaju melaksanakan proses pelepasan gadaian dan pindah milik tanah kepada pihak MAINPP.

Pihak pemaju pada 28 April 2021 telah mengemukakan cadangan penggantian tapak masjid berkenaan. Perkara ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Hal Ehwal Tanah & Aset MAINPP pada mesyuarat yang akan datang untuk diperhalusi untuk dibuat keputusan selanjutnya.

18. Apakah status pembinaan asrama warga asing di Teluk Kumbar?
- (a) Namakan pemaju terlibat dan operator yang bertanggungjawab mengurus operasi asrama tersebut.
 - (b) Bilakah Kajian Impak Sosial (SIA) dibuat dan nyatakan dokumen SIA tersebut?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

18. (a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri telah menerima permohonan pelingkungan semula daripada Tetuan Zantalite Enterprise bagi pemajuan asrama pekerja di Lot 1435 & 1437 Mukim 9, Teluk Kumbar di daerah Barat Daya. Komponen pemajuan terdiri daripada:

- (i) Tujuh (7) blok asrama pekerja setinggi 25 tingkat di mana setiap blok mengandungi 300 unit dan tiga (3) tingkat kemudahan sokongan;
- (ii) Rumah pangsa kos rendah 12 tingkat mengandungi 50 unit bagi pampasan setinggan;
- (iii) Tempat letak bas 200 petak termasuk ruang bas menunggu; dan
- (iv) Kemudahan kedai tiga (3) tingkat dan stesen minyak.

Pemaju yang terlibat dalam mengemukakan permohonan pelingkungan semula adalah Tetuan Zantalite Enterprise (M) Sdn. Bhd. (342504-T) yang beralamat di No. 103-A, Jalan Shaik Madar, Ayer Itam 10500 Pulau Pinang manakala pemilik bersama adalah Tetuan Ong Han Meng Construction Sdn. Bhd. (179532-T) beralamat di 119A & C, Macalister Lane, 10400 George Town, Pulau Pinang. Buat masa ini, operator bagi asrama pekerja ini tidak dimaklumkan lagi.

(b) Kelulusan Kajian *Social Impact Assessment* (SIA) di bawah Akta 172 perlu dikemukakan dan diluluskan sebelum kebenaran merancang diberikan dimana setakat ini tiada lagi Permohonan Kebenaran Merancang bagi pembinaan asrama pekerja asing diterima oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

19. Apa perkembangan loji janakuasa Biogas Power Plant di Valdor?

- (a) Senaraikan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) projek ini.
- (b) Adakah loji ini dapat menyelesaikan masalah pencemaran di Sungai Valdor dan Kereh?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

19. Cadangan Projek Stesen Janakuasa 1 Megawatt Elektrik Berasaskan Biogas dan Biomass Sisa Ternakan di Kampung Valdor, Seberang Perai Selatan (SPS), Pulau Pinang merupakan inisiatif oleh Syarikat Timeless Green Sdn. Bhd. Pelaksanaan projek ini merupakan satu kaedah bagi mengalihkan (diversion) sisa kumbahan ladang ternakan dari disalur terus (direct discharge) ke sistem perparitan dan sungai.

Projek Loji Janakuasa Biogas Power Plant di Valdor telah mendapat kelulusan Laporan EIA daripada ibu pejabat JAS pada 22 Januari 2021 di bawah Jadual Pertama, Aktiviti 14(c)(ii) Pengolahan dan Pelupusan Buangan Kumbahan: Kemudahan rawatan enap cemar.

- (a) Senarai syarat-syarat kelulusan Laporan EIA adalah seperti berikut:
 - (i) Pematuhan;
 - (ii) Penerangan bagi aktiviti yang ditetapkan;

- (iii) Konsep dan rekabentuk projek;
 - (iv) Pemberitahuan bertulis;
 - (v) *Land disturbing-pollution prevention and mitigation measure* (LD-P2M2);
 - (vi) Kawalan dan pengawasan kualiti air;
 - (vii) Kawalan dan pengawalan kualiti udara;
 - (viii) Kawalan dan pengawasan bunyi bising dan getaran;
 - (ix) Pengendalian bahan buangan;
 - (x) Kawalan dan pencegahan;
 - (xi) Pelan pengurusan alam sekitar (*Environmental Management Plan, EMP*);
 - (xii) Audit Alam Sekeliling;
 - (xiii) Pelaporan; dan
 - (xiv) Pentadbiran
- (b) Teknologi *Biogas Power Plant* ini adalah bagi mengolah *pig waste slurry* dengan menukarkannya kepada gas metana dan sisa pepejal yang kemudiannya ditukar menjadi baja. Dengan penggunaan teknologi rawatan *Anaerobic Digester*, *Aerated Lagoon* dan *Wetland*, pengurusan sisa daripada ladang ternakan babi iaitu air basuhan dan najis babi adalah lebih baik berbanding sebelum ini, seterusnya dapat mengurangkan impak pencemaran ke sungai.
- Walau bagaimanapun, bagi menyelesaikan masalah pencemaran di Sungai Valdor dan Sungai Kereh, beberapa faktor berikut hendaklah diambil kira dan dijalankan seiring dengan pemasangan sistem kawalan pencemaran seperti berikut:
- (i) Penternakan babi dijalankan secara moden bagi memastikan setiap buangan diuruskan dengan teratur;
 - (ii) Penternakan secara pelepasan sifar (*zero discharge*) ke sungai;
 - (iii) Sistem kawalan pencemaran dipasang secara lebih menyeluruh melibatkan setiap ladang ternakan babi;
 - (iv) Pemantauan prestasi dan penyelenggaraan sistem secara berkala bagi memastikan pematuhan berterusan; dan
 - (v) Penguatkuasaan dan tindakan susulan pematuhan oleh agensi penguatkuasa dan pemantauan kualiti air sungai secara berkala.

20. Sila nyatakan berapa peratus tanah milikan Pulau Pinang kepunyaan warga tempatan dan warga asing setakat 2021.

- (a) Senaraikan pemilikan tanah-tanah negeri ini oleh Kerajaan Negeri, syarikat atau individu kepunyaan warga tempatan di setiap daerah.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

20. Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang tidak dapat menyediakan jawapan bagi soalan ini secara tepat memandangkan sistem e-Tanah tidak memperuntukkan carian bagi menentukan tanah milikan warga tempatan dan warga asing. Kategori tersebut adalah pelbagai dan perlu ditentukan secara

satu persatu mengikut id hakmilik berdasarkan nombor pengenalan pihak berkepentingan yang unik. Selain itu juga, bilangannya juga terlalu banyak dan tidak dapat ditentukan secara tepat serta berubah-ubah.

- (a) Tanah kerajaan adalah tanah yang tidak dikeluarkan hakmilik. Tanah ini meliputi tanah yang terdapat di setiap daerah dan digunakan untuk pelbagai tujuan seperti tapak pejabat, tapak kuarters, simpanan jalan, simpanan parit, kawasan lapang, kawasan tadahan air dan sebagainya. Tanah kerajaan juga boleh diwujudkan akibat daripada pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 dan juga akibat perembalian tanah tersebut kepada Kerajaan Negeri disebabkan pelanggaran syarat dan sebagainya. Senarai tanah kerajaan tidak dapat diberikan memandangkan bilangannya yang terlalu banyak, tidak dapat ditentukan secara tepat serta berubah-ubah.

Pemilikan tanah oleh syarikat atau individu kepunyaan warga tempatan di setiap daerah juga tidak dapat disediakan sepertimana maklumat yang dinyatakan di atas.

21. Berapakah kos penyelenggaraan sungai yang ditanggung akibat daripada pencemaran enapcemar yang dibuang terus daripada Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua?
- (a) Senaraikan LRA yang masih tak mempunyai kemudahan rawatan enapcemar (*treat facility*).
- (b) Nyatakan dokumen ISO 14001:2015 bagi LRA Sungai Dua.
- (c) Adakah persijilan ini masih sah?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

21. Kos penyelenggaraan ke atas Sungai Merbau Kudong sehingga Sungai Perai Mati untuk tempoh dua (2) tahun dari 15 Julai 2020 hingga 14 Julai 2022 adalah berjumlah RM154,950.00 dengan enam (6) kali pencucian untuk tempoh tersebut.

Hanya tiga (3) buah loji sahaja daripada sembilan (9) buah loji yang dioperasikan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) yang dilengkapi dengan sistem rawatan enap cemar. Loji-loji rawatan air (LRA) yang masih belum dilengkapi dengan sistem rawatan enap cemar adalah seperti berikut:

- (i) LRA Sungai Dua;
- (ii) LRA Bukit Toh Allang;
- (iii) LRA Bukit Panchor;
- (iv) LRA Guillemard;
- (v) LRA Sungai Pinang; dan
- (vi) LRA Bukit Bendera

Loji-loji yang tidak dilengkapi dengan sistem rawatan enap cemar tidak termasuk di dalam skop pensijilan ISO14001:2015 yang diperoleh PBAPP. Hanya loji-loji yang mempunyai sistem rawatan enap cemar berada di dalam senarai pensijilan ini iaitu LRA Air Itam, LRA Waterfall dan LRA Batu Ferringhi.

22. Senaraikan statistik bunuh diri dan masalah rumah tangga dari tahun 2017 sehingga kini.
- (a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam mengurangkan statistik ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

22. Statistik bunuh diri (seperti di **Lampiran A**) dan masalah rumah tangga (seperti di **Lampiran B**) dari tahun 2017 sehingga kini.
- (a) Kerajaan Negeri telah berusaha bersama NGO semoga memberi kaunseling secara talian. Hebahan maklumat cara perhubungan atau panggilan kepada kaunselor juga dipertingkatkan. Semua pejabat khidmat ADUN, wakil rakyat dan pegawai seranta telah diberi kursus kaunseling. Ini adalah perancangan semoga mereka lebih arif dalam usaha kaunseling/ kepada membantu golongan yang tertekan dan terkesan akibat pandemik COVID-19. Gabungan PgCare juga membantu kes *Mental Health* yang dirujuk oleh orang ramai dan pejabat khidmat. Media masa juga diminta elakkan hebahan cara dan gambar mangsa bunuh diri semoga kurangkan "*Copypast Suicide*".

LAMPIRAN A

STATISTIK BUNUH DIRI SEJAK TAHUN 2017 HINGGA JULAI 2021

TARIKH	DAERAH	WARGA NEGARA/BUANGSA						JUMLAH MELARIKAN DIRI		BUKUAN WARGA NEGARA										JUMLAH BUKUAN WARGA NEGARA		JUMLAH KESELURUHAN					
		MELAYU		CINA		INDIA		LA PI-LAH		TEKAK DEKATAN		INDONESIA		MYANMAR		NEPAL		KANDAKANDI		TOLAK DIBETULI							
		L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P						
2017	TEBUK LAUT	1		6	7	2	2					9	9			1	2					1	1	3	2	23	
	SERANG PERAN UTARA			4		3						7	0		1										1	0	8
	SERANG PERAN TUNGGU	2		10	2	4						16	2				1		1						1	1	20
	SERANG PERAN SELATAN			3	1	3	2					6	3				1		2						3	0	12
	SARAT DATA	1	7	1	3							10	2	1						1					2	0	14
	JUMELAH	3	1	30	11	15	4	0	0	0	0	48	16	1	0	1	0	2	1	4	1	1	0	1	1	10	3
		4		41		19		0	0	0	64		1		1		3		5		1		2		13		77

TARIKH	DAERAH	WARGA NEGARA/BUANGSA						JUMLAH MELARIKAN DIRI		BUKUAN WARGA NEGARA										JUMLAH BUKUAN WARGA NEGARA		JUMLAH KESELURUHAN					
		MELAYU		CINA		INDIA		LA PI-LAH		TEKAK DEKATAN		INDONESIA		MYANMAR		NEPAL		KANDAKANDI		TOLAK DIBETULI							
		L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P						
2018	TEBUK LAUT	1		16	3	1	2	2	1			20	6			1				2					2	1	29
	SERANG PERAN UTARA	2		6	3	1						9	3		1										0	1	13
	SERANG PERAN TUNGGU	1		8	5	1	2					10	7						2		2				5	0	22
	SERANG PERAN SELATAN	1		2		2	1					5	1												0	0	6
	SARAT DATA	1	5	1	1	1						6	2							1					1	0	9
	JUMELAH	6	0	37	12	5	6	2	1	0	0	50	19	0	1	0	1	0	0	2	0	5	0	1	0	8	2
		6		49		11		3	0	0	69		1		1		0		2		5		1		10		79

TARIKH	DAERAH	WARGA NEGARA/BUANGSA						JUMLAH MELARIKAN DIRI		BUKUAN WARGA NEGARA										JUMLAH BUKUAN WARGA NEGARA		JUMLAH KESELURUHAN							
		MELAYU		CINA		INDIA		LA PI-LAH		TEKAK DEKATAN		MYANMAR		NEPAL		KANDAKANDI		TOLAK DIBETULI											
		L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P								
2019	TEBUK LAUT	3		15	5	1		3	1			22	6		1			1								0	2	30	
	SERANG PERAN UTARA	2		1		1						4	0													0	0	4	
	SERANG PERAN TUNGGU	2	1	13	4		3					22	1						1	1						1	1	25	
	SERANG PERAN SELATAN			5	1	2	1					8	1													0	0	9	
	SARAT DATA			1	1							1	1										2			2	0	4	
	JUMELAH	7	1	35	7	8	0	7	1	0	0	57	9	0	1	0	0	0	1	0	1	1	0	2	0	0	3	3	72
		8		42		8		8	0	0	66		1		0		1		1		1		2		0		6	0	72

TARIKH	DAERAH	WARGA NEGARA/BUANGSA						JUMLAH MELARIKAN DIRI		BUKUAN WARGA NEGARA										JUMLAH BUKUAN WARGA NEGARA		JUMLAH KESELURUHAN						
		MELAYU		CINA		INDIA		LA PI-LAH		TEKAK DEKATAN		MYANMAR		NEPAL		KANDAKANDI		TOLAK DIBETULI										
		L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P							
2020	TEBUK LAUT	2		14	8	2						18	8			1	3									4	0	30
	SERANG PERAN UTARA					1	2	2				2	3													0	0	5
	SERANG PERAN TUNGGU	1		7	2	6	5					14	7	1	3					1		5	0			26		
	SERANG PERAN SELATAN	1		4		4	1					9	1												0	0	10	
	SARAT DATA			4	1	1	1					5	2												0	0	7	
	JUMELAH	4	0	29	12	15	9	0	0	0	0	48	21	1	0	4	0	3	0	1	0	9	0			9	0	78
		4		41		24		0	0	0	69		1		4		3		1		9				7		78	

TARIKH	DAERAH	WARGA NEGARA/BUANGSA						JUMLAH MELARIKAN DIRI		BUKUAN WARGA NEGARA										JUMLAH BUKUAN WARGA NEGARA		JUMLAH KESELURUHAN							
		MELAYU		CINA		INDIA		LA PI-LAH		TEKAK DEKATAN		THAILAND		INDIA		VIETNAM		MYANMAR		NEPAL			KANDAKANDI		TOLAK DIBETULI				
		L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P		L	P	L	P	L	P	
2021	TEBUK LAUT	1		8	1	1	1			1		10	2														4	0	17
	SERANG PERAN UTARA			5	1	1						6	1					1								1	0	8	
	SERANG PERAN TUNGGU	1		6	1	3				1		10	1	1			1	1	4				1		8	0	20		
	SERANG PERAN SELATAN	1		2		1	1					4	1			1				2		2	1			5	1	11	
	SARAT DATA	1	3	1	1	1						6	1											2		2	0	9	
	JUMELAH	4	0	24	4	7	2	1	0	2	2	36	6	1	0	2	0	1	0	6	0	6	1	1	0	3	0	20	1
		4		28		9		1	2	2	42		1		2		1		6		7		1		3		21		65

**STATISTIK KES KEGANASAN RUMAH TANGGA BAGI TAHUN 2017 SEHINGGA
JULAI 2021**

DAERAH / TAHUN	2017	2018	2019	2020	2021 (*JULAI)
TIMUR LAUT	28	39	111	82	83
BARAT DAYA	22	42	38	58	56
SEBERANG PERAI UTARA	30	52	60	81	64
SEBERANG PERAI TENGAH	65	36	86	112	84
SEBERANG PERAI SELATAN	40	57	48	35	13
JUMLAH	185	226	343	368	300

23. Nyatakan pelanggaran syarat Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Pembangunan yang dilakukan oleh Pusat Penyembelihan Soon Seang Meat Sdn Bhd di Valdor.
- (a) Nyatakan dokumen Pelan Pengurusan Alam Sekitar(EMP) dan Penilaian Impak Sosial (SIA) bagi projek ini.
 - (b) Sejauh manakah projek ini memberi kesan kepada alam sekitar dan sosial setempat?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

23. Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan bagi cadangan Pusat Penyembelihan Soon Seng Meat Sdn. Bhd. di Valdor (Lot 129, Kamping Valdor, Sungai Bakap Mukim 15, Seberang Perai Selatan) telah diberi kelulusan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada 9 Mac 2016 manakala sijil Perakuan Siap & Pematuhan (CCC) dikeluarkan oleh perunding pada 11 Mac 2020. Semasa CCC dikeluarkan, loji rawatan air sisa tidak dibina di atas tapak tersebut tetapi sambungan kumbahan dilakukan ke loji yang dibina di atas lot bersebelahan.
- (a) Aktiviti penyembelihan binatang ternakan adalah tidak tertakluk kepada keperluan penyediaan laporan mengenai kesan kepada alam sekeliling (*Environmental Impact Assessment*, EIA) di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 berikutan aktiviti ini tidak disenaraikan sebagai aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015. Selain itu, semasa kebenaran merancang diluluskan oleh MBSP tiada syarat Penilaian Impak Sosial (SIA) dikenakan kepada pemaju.
 - (b) Projek ini pada masa ini tidak memberi kesan yang ketara kepada alam sekitar dan keadaan sosial setempat. Bagi tujuan tersebut MBSP telah mengenakan syarat supaya aktiviti penyembelihan ini mengamalkan konsep industri secara tertutup dengan langkah-langkah berikut:
 - (i) Haiwan sembelihan (khinzir) hendaklah sentiasa berada di dalam kawasan yang tertutup;
 - (ii) Bangunan ini hendaklah dilengkapi dengan ekzos fan untuk meminimalkan pencemaran bau dan bising;
 - (iii) Semua sisa kumbahan hendaklah dirawat secara tertutup dan tiada sisa kumbahan akan dialirkan ke parit, sungai atau parit tanah (*zero discharge*); dan
 - (iv) Menggunakan konsep hijau mesra alam dimana bangunan dibina secara tertutup dan bebas daripada sisa tercemar yang berbau.
24. Senaraikan langkah-langkah pemulihan ekonomi Kerajaan Negeri dari Fasa 2 dan 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

24. Langkah-langkah pemulihan ekonomi Kerajaan Negeri dari Fasa 2 dan 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) adalah seperti berikut:
- (i) Pemulihan ekonomi adalah bersandarkan kepada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dan program saringan massa untuk memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 dalam komuniti. Kerajaan

Negeri telah mengguna pakai strategi 3T (*testing, tracing, treatment*) bertujuan mengenal pasti, mengasingkan serta merawat individu pembawa COVID-19. Kerajaan Negeri mensasarkan bahawa 100% populasi penduduk Pulau Pinang yang berumur 18 tahun ke atas akan menerima sekurang-kurangnya satu (1) dos vaksin pada awal bulan September 2021;

- (ii) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Jawatankuasa *Penang Socio Economic Recovery Consultative Council* (PSERCC) bagi membincangkan tindakan-tindakan yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan impak pandemik COVID-19 serta mengaktifkan kembali sektor ekonomi negeri yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19. Di bawah PSERCC, enam (6) Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan iaitu bagi Sektor Industri/SMI/SME/Peruncitan, Sektor Pasaran Tenaga Kerja, Sektor Perumahan, Sektor Infrastruktur dan Pengangkutan, Sektor Pelancongan, Sektor Industri Makanan; dan
- (iii) Pihak Berkuasa Tempatan membantu dalam pemulihan ekonomi seperti berikut:
 - (a) Pemberian rebat cukai taksiran bagi tahun 2021 yang merangkumi pemberian rebat 100% bagi kategori rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah kampung bagi perbezaan kenaikan cukai taksiran dalam Senarai Nilai Baru 2020 berbanding cukai taksiran dari tahun 2019, dan pemberian rebat sebanyak 50% bagi kategori harta lain bagi perbezaan kenaikan cukai dalam Senarai Nilai Baru 2020 berbanding cukai taksiran dari tahun 2019;
 - (b) Penangguhan kenaikan sewa 10% pada tahun 2021 bagi Penyewaan Awam milik PBT;
 - (c) Pengecualian bayaran sewa sebanyak 50% bagi tempoh 6 bulan mulai Julai hingga Disember 2021 kepada penyewa-penyewa premis komersial milik PBT;
 - (d) Sewa premis komersial milik MBPP dengan kadar 50% selama 6 bulan bagi 247 unit;
 - (e) Moratorium bagi bayaran Cukai Taksiran sehingga 31 Disember 2021 (pengecualian Notis Cukai Taksiran);
 - (f) Pengecualian sewa premis-premis perniagaan Kerajaan Negeri dan PBT mulai bulan Julai hingga Disember 2021;
 - (g) Pengeluaran lesen serta merta untuk permohonan lesen premis dan iklan (tidak berisiko dalam skim), lesen penjaja dan lesen veteriner;
 - (h) Menyediakan lokasi penjajaan baharu untuk membantu golongan B40;
 - (i) Mengeluarkan lesen bertempoh kepada kilang dan premis perniagaan;
 - (j) Pemberian diskaun 20% kepada pemilik papan iklan yang membayar tunggakan lesen 2020 pada bulan September hingga Disember 2020 dan dilanjutkan untuk pembaharuan lesen 2021;
 - (k) Mempertimbangkan permohonan tukar guna premis kediaman kepada premis perniagaan di kawasan terpilih;

- (l) Mengadakan promosi pengurangan bayaran kompaun tempat letak kenderaan;
- (m) Memberikan kebenaran mula kerja (COW) sebelum Pelan Bangunan diluluskan;
- (n) Memberikan keputusan Permohonan Kebenaran Merancang dalam tempoh 71 hari;
- (o) Mempercepatkan kelulusan (*fast track*) pembangunan yang menggunakan 15% *Renewable Energy*, industri sesebuah dan berkembar dalam kawasan industri, *budget hotel*, tempat mencuci kereta manual, rumah kediaman sesebuah;
- (p) Menaiktaraf Pasar Awam Jalan Jeti Lama dan menyediakan tapak trak makanan (*Food Truck*); dan
- (q) Pengurangan kadar bayaran caruman pamaritan RM50,000/ekar kepada RM30,000/ekar diberikan kepada pemaju yang memulakan kerja-kerja pembinaan dalam tempoh 10 Jun 2020 sehingga 30 Jun 2022 berdasarkan Perlaksanaan Dasar *Home Ownership Campaign* (HOC) Negeri Pulau Pinang dan Dasar Rangsangan Sektor Hartanah Peringkat Negeri Pulau Pinang.

25. Mengapa jajaran lebuh raya Pan Island Link (PIL1) melalui kawasan tadahan air yang masuk kategori cerun bukit KSAS (kawasan sensitif alam sekitar)?

- (a) Bagaimanakah kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dapat diperolehi apabila jajaran tersebut berdekatan 3 punca pengambilan air (water intake) bagi Loji Rawatan Air (LRA) Air Itam?
- (b) Berapakah anggaran kos terkini bagi pembinaan projek PIL1?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

25. Projek Lebuh raya Pan Island Link (PIL1) merupakan salah satu komponen projek di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) yang berjarak keseluruhan 19.5km merupakan laluan alternatif yang bertujuan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Lebuh raya Tun Dr Lim Chong Eu serta memendekkan tempoh perjalanan di antara kawasan selatan dan utara pulau. Jajaran PIL 1 ini merangkumi beberapa siri terowong (tunnel) sepanjang 10.1km, bahagian jejambat (viaduct) sepanjang 7.6km dan juga bahagian enbankment sepanjang 1.8km. Jajaran PIL 1 ditetapkan setelah kajian opsi-jajaran dilaksanakan di peringkat perancangan yang mengambil kira pelbagai aspek termasuklah kebolehlaksanaan pembinaan, kesan terhadap alam sekitar, kos pembinaan dan kesan sosial yang terlibat.

Jajaran Lebuh raya PIL 1 yang ditetapkan dirancang untuk mengelakkan lokasi-lokasi yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seperti kawasan Padang Tembak, Air Itam, dan Paya Terubong. Mengambil kira hal ini, jajaran lebuh raya PIL 1 dirancang untuk melalui kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) dengan menggunakan rekabentuk terowong dan jejambat (viaduct) yang dapat meminimalkan impak terhadap alam sekitar terutamanya yang melibatkan kawasan tadahan air serta kawasan cerun bukit.

Laporan kajian impak alam sekitar (EIA) bagi cadangan jajaran Lebuh raya PIL 1 telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan diluluskan secara bersyarat pada 10 April 2019 setelah mengambil kira serta mempertimbangkan impak kepada alam sekitar yang terlibat.

- (a) Bagi mengelakkan lokasi berkepadatan penduduk yang tinggi di Air Itam dan Paya Terubong, jajaran lebuh raya PIL 1 akan melalui kawasan berhampiran tiga (3) punca pengambilan air (water intake) atau muka sauk iaitu Tat's Stream, Air Itam Side Stream dan juga Air Itam Main Stream. Jajaran PIL 1 yang berdekatan 3 kawasan muka sauk ini menggunakan rake bentuk terowong dan jejambat (viaduct) bagi meminimalkan dan mengelakkan impak terhadap kawasan-kawasan terbabit seperti perincian di bawah :
- (i) Tat's Stream – Bahagian jajaran yang berdekatan kawasan ini direka sebagai jajaran jenis terowong di bawah tanah. Jarak kawasan tapak ini dengan jajaran PIL 1 adalah sekitar 140 meter;
 - (ii) Air Itam Side Stream – Bahagian jajaran yang berdekatan kawasan ini direka sebagai jajaran jenis terowong di bawah tanah. Jarak kawasan tapak ini dengan jajaran PIL 1 adalah sekitar 350 meter; dan
 - (iii) Air Itam Main Stream – Bahagian jajaran yang berdekatan kawasan ini direka sebagai jajaran jenis jejambat (viaduct) yang berada di atas permukaan tanah. Jarak kawasan tapak ini dengan jajaran PIL 1 adalah sekitar 100 meter.

Berkaitan perkara di atas, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) memaklumkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) menerusi surat bertarikh 20 Ogos 2018 dan 3 Oktober 2018 perihal keperluan dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh perunding dan kontraktor yang akan melaksanakan projek PIL 1. Pihak PBAPP menyatakan bahawa perunding PIL 1 perlu memastikan semua aktiviti letupan, penggerudian dan pembinaan tidak akan menjejaskan struktur empangan dan mana-mana aset lain termasuk punca pengambilan air, saluran paip dan takungan air terawat yang berhampiran dengan jajaran lebuh raya tersebut. Pihak PBAPP juga turut menyatakan bahawa pihak perunding jajaran PIL 1 juga perlu mematuhi keperluan Perintah Bekalan Air (Kawasan Tadahan) 2004 dan 2009 serta dikehendaki untuk mengemukakan satu Laporan Kejuruteraan berkaitan Kajian Getaran (engineering vibration study report) berhampiran kawasan aset PBAPP.

Lanjutan itu, pihak PBAPP telah mengeluarkan kenyataan pada 21 Februari 2020 yang menyatakan bahawa pembinaan infrastruktur seperti projek lebuh raya boleh dibina berhampiran empangan dan kawasan punca pengambilan air sepertimana yang dilaksanakan di empangan Muda, empangan Beris serta di kawasan Sungai Muda yang merupakan punca air utama negeri Pulau Pinang.

Memandangkan Laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) telah diluluskan pada 10 April 2019 iaitu selepas pengemukaan surat PBAPP kepada pihak JAS bertarikh 20 Ogos 2018 dan 3 Oktober 2018, maka adalah jelas bahawa pada penilaian pihak JAS, impak pelaksanaan projek PIL 1 ini berhampiran 3 kawasan punca pengambilan air (water intake) adalah tidak menjejaskan serta dapat dikawal menerusi langkah-langkah mitigasi ke atas risiko yang telah digariskan dalam Laporan EIA.

- (b) Anggaran kos pembinaan projek PIL 1 adalah sebanyak RM7.5 billion. Walau bagaimanapun, kos pembinaan sebenar hanya dapat dimuktamadkan setelah proses tender terbuka dilaksanakan.

26. Senaraikan statistik bilangan gelandangan mengikut Parlimen dan bangsa di seluruh Negeri Pulau Pinang.

(a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam membantu mereka?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

26. Berdasarkan Seksyen 2, Akta Orang-orang Papa 1977, orang papa didefinisikan seseorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kegusaran kepada orang yang lazim mengunjungi tempat itu ataupun hingga menimbulkan kacau ganggu; atau seseorang peleser yang dijumpai di sesuatu tempat awam sama ada atau tidak dia mengemis, yang tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan. Jabatan Kebajikan mengendalikan kes-kes berkaitan pengemis dan kutu rayau di bawah Akta Orang Papa 1977.

(a) Data yang dikemukakan lebih menjurus kepada aduan dan kes yang diselamatkan merujuk kepada punca kuasa di bawah Akta tersebut.

DAERAH	BANGSA				
	Melayu	Cina	India	Lain-Lain	Jumlah
Timur Laut	30	22	10	0	62
Seberang Perai Utara	38	18	35	1	92
Seberang Perai Tengah	24	11	11	0	46
Barat Daya	5	2	16	0	23
Seberang Perai Selatan	0	0	0	0	0
JUMLAH	97	53	72	1	223

Bilangan kes orang papa yang diselamatkan mengikut bangsa dan daerah bagi tempoh Januari 2021 sehingga Julai 2021 oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang adalah seramai 223 orang seperti di bawah. Bilangan tersebut merupakan kes-kes yang diselamatkan oleh JKJ Negeri Pulau Pinang berdasarkan aduan-aduan yang diterima. Disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak tahun Mac 2020, operasi-operasi menyelamatkan orang papa ini telah ditangguhkan sebagai langkah keselamatan pegawai dan juga tiada kemasukan ke institusi pada masa ini dibenarkan bagi membendung penularan jangkitan COVID-19 kepada penghuni institusi sedia ada.

(b) Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat dan agensi-agensi yang berkenaan dalam menangani isu-isu berkaitan kumpulan ini adalah seperti berikut:

- (i) Menyewakan empat (4) unit bilik Program Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Sungai secara percuma;
- (ii) Membina Pusat Transit Gelandangan di Jalan C.Y.Choy;

- (iii) Merancang penganjuran program “*Empowering the Street Citizens*” yang bertujuan untuk membantu dan mendayaupayakan golongan gelandangan di Pulau Pinang yang menggabungkan sektor kerajaan, swasta dan pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO); dan
 - (iv) Menyediakan perkhidmatan Anjung Singgah dengan kemudahan penginapan sementara bagi golongan yang diklasifikasikan sebagai gelandangan (produktif, bekerja tetapi tiada tempat menginap melalui agensi Yayasan Kebajikan Negara (YKN) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat.
27. Meskipun di musim COVID-19, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) tetap meneruskan usaha membanteras dadah.
- (a) Senaraikan statistik penjualan dan penangkapan dadah di musim COVID-19.
 - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam usaha mengurangkan statistik ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

27. (a) Senaraikan statistik penjualan dan penangkapan dadah di musim COVID-19.

TAHUN	SEKSYEN										JUMLAH
	39B ADB	39A(2) ADB	39A(1) ADB	12(3) ADB	6B ADB	6 ADB	9 AR	30(3) AR	15(1)(a) ADB	ADB (LLPK)	
2020	746	393	1,029	3,989	5	230	-	586	1,719	163	8,860
2021 (Hingga Julai)	436	211	620	2,042	-	113	-	321	934	81	4,758
Jumlah	1,182	604	1,649	6,031	5	343	-	907	2,653	244	13,649

Nota:

ADB: Akta Dadah Berbahaya 1952

ADB (LLPK): Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985

AR: Akta Racun 1952

- (a) Kerajaan Negeri, terutamanya Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) IPK Pulau Pinang mengambil tindakan berterusan bagi membendung aktiviti penyalahgunaan dadah walaupun dalam tempoh COVID-19 antaranya:
 - (i) Mengumpul risikan, mengesan, menangkap seterusnya mendakwa pesalah-pesalah dadah terutamanya terhadap ketua sendiket atau pengedar.
 - (ii) Mengesan, menyita dan melucuthak harta-harta hasil dari aktiviti pengedaran dadah bagi melumpuhkan sumber kewangan sendiket dadah.
 - (iii) Melaksanakan tindakan pencegahan iaitu:
 - (a) Mengambil tindakan ke atas ketua-ketua sendiket dadah melalui Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985.

- (b) Menuduh pengguna dadah berulang di bawah Seksyen 39C ADB 1952 yang mana hukumannya adalah sekurang-kurang 5 tahun dengan sebatan tidak lebih 3 kali sebatan.
- (c) Menganjur program-program bagi meningkatkan kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya dadah serta menjalinkan kerjasama antara pelbagai agensi oleh PDRM di peringkat IPK, IPD serta Balai Polis seperti:
 - (i) Mengedar risalah berkaitan bahaya dadah
 - (ii) Mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua masyarakat bagi membincangkan isu-isu penyalahgunaan dadah.
 - (iii) Mengadakan ceramah serta pameran
 - (iv) Kolaborasi antara agensi berkaitan seperti AADK, Kementerian Pendidikan, Kerajaan Negeri dan lain-lain.

28. Senarai kuari dan pengoperasi kuari di Pulau Pinang.

- (a) Nyatakan perkembangan status pendakwaan isu kuari di Teluk Bahang.
- (b) Senaraikan pendakwaan isu kuari jika berlaku tempat lain.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

28. Senarai kuari adalah seperti di **Lampiran A**.

- (a) Tindakan pendakwaan telah diambil terhadap pemilik tanah/pengusaha kuari berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 70A, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Seksyen 26, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172). Mahkamah telah mengenakan denda sebanyak RM15,000.00 bagi kesalahan di bawah Akta 133 dan RM50,000.00 bagi kesalahan di bawah Akta 172. Difahamkan bahawa pemilik tanah/pengusaha kuari telah memfailkan rayuan ke atas keputusan Mahkamah ini.
- (b) Tiada pendakwaan isu kuari

SENARAI KUARI PULAU PINANG

Bil.	Nama Kuari	Alamat	Mukim	Daerah
1	Kuad Sdn. Bhd.	660, Kg. Tok Kangar, Juru, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang	Mukim 12	Seberang Perai Tengah
2	Teik Granite Quarry Sdn. Bhd.	Lot 401, Mk.20, Kuari Penanti, 14400 Bukit Mertajam, Pulau Pinang	Mukim 20	Seberang Perai Tengah
3	Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd.	Lot 1509, Mk. 20, Guar Ipoh, Kubang Semang, 14400 Bukit Mertajam, Pulau Pinang	Mukim 20	Seberang Perai Tengah
4	Foo Yen Soo & Sons Sdn. Bhd.	2519, Mk.17, Jalan Berapit, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang	Mukim 17	Seberang Perai Tengah
5	Saw Chong Teok Quarry Sdn. Bhd.	63, Lebuhr Pantai, 10300 Pulau Pinang	Mukim 12	Seberang Perai Tengah
6	CMAx Aggregates Sdn. Bhd.	1461, Jalan Batu Kawan, Bukit Tambun, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang	Mukim 14	Seberang Perai Selatan
7	Welepeq Sdn. Bhd.	63, Lebuhr Pantai, 10300 Pulau Pinang	Mukim 3	Seberang Perai Selatan
8	Hanson Quarry Products (Northern) Sdn. Bhd.	Lot 1308, Mk.12, Jalan Telok Tempoyak, Bayan Lepas, Pulau Pinang	Mukim 10	Barat Daya
9	Teik Granite Quarry Sdn. Bhd.	Level 10, Unit 10 (C) & (D), Wisma Boon Siew 1, Penang Road, 10000 Pulau Pinang	Mukim 18	Timur Laut
10	Asas Dunia Berhad	Mukim 4, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	Mukim 4	Seberang Perai Selatan
11	Wee Lian Construction Sdn. Bhd.	73, Jalan Siam, 10400 Georgetown, Pulau Pinang	Mukim 13	Timur Laut
12	Pearl Island Resort Development Sdn. Bhd.	No. 25, Persiaran Kelicap, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang	Mukim 12	Barat Daya
13	Perbadanan Bekalan Air P. Pinang (PBA)	PT 658, Mukim 12, Juru, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang	Mukim 12	Seberang Perai Tengah

29. Apakah persediaan dan perancangan Kerajaan Negeri dalam menarik minat pengundi 18 tahun untuk keluar mengundi dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU 15)?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

29. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyedari kepentingan golongan belia kepada pembangunan negara dan negeri. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jawatankuasa Belia dan Sukan telah melancarkan inisiatif Belia Untuk Masa Depan yang telah menggariskan usaha-usaha yang telah ataupun akan dilaksanakan untuk memantapkan pembangunan belia negeri Pulau Pinang dari segi pembangunan sosial.

Salah satu objektif perancangan pembangunan sosial dalam inisiatif Belia Untuk Masa Depan adalah untuk meningkatkan kesedaran sivik golongan belia terutamanya kepentingan hak mengundi dan sistem demokrasi negara kita. Dengan peningkatan kesedaran sivik ini, Kerajaan Negeri yakin ia akan menggalakkan pengundi 18 tahun untuk memainkan peranan secara proaktif dalam Pilihan Raya Umum ke-15 sekiranya Undi18 yang telah dilulus dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Dalam pada itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Belia dan Sukan telah mengenalpasti dan menggariskan dua strategi utama untuk mencapai matlamat objektif tersebut. Antaranya termasuklah melalui strategi (1) meningkatkan kesedaran politik belia melalui program pendidikan sivik serta (2) menggalakkan penglibatan belia dalam pembuatan keputusan.

Untuk meningkatkan kesedaran politik belia melalui program pendidikan sivik, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah menganjurkan Bengkel Demokrat Muda di bawah Program Sidang Muda bagi melengkapkan peserta-peserta Bengkel Demokrat Muda dengan pengetahuan tentang ilmu demokrasi dan sivik yang dapat meningkatkan kesedaran mereka terhadap kepentingan hak dan tanggungjawab seorang warganegara untuk mengundi ketika pilihan raya. Bengkel ini juga menawarkan sesi perbahasan secara maya kepada peserta-peserta untuk membahaskan isu mengenai pelaksanaan Undi18 di negara kita. Sebanyak 230 peserta telah mengambil bahagian dalam bengkel tersebut dari 2018 hingga 2021.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui PYDC juga telah mengambil inisiatif pada Disember 2020 untuk menganjurkan sesi taklimat mengenai Kempen Undi18 secara atas talian. Sesi taklimat ini juga mendapat kerjasama daripada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) Negeri Pulau Pinang bagi meningkatkan kesedaran golongan belia tentang kepentingan mengundi. Sememangnya sesi taklimat ini dapat menyalurkan maklumat lengkap supaya mereka yang berumur 18 tahun dapat memahami tanggungjawab mereka dan tahu bagaimana untuk mendaftar sebagai pemilih dan seterusnya menjalankan tanggungjawab sebagai pengundi.

Untuk makluman, sebelum penularan pandemik Covid-19, SPR Negeri Pulau Pinang juga menjalankan program kesedaran Undi18 di sekolah-sekolah negeri Pulau Pinang. Sebelum pengumuman pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020, PYDC bercadang untuk bekerjasama dengan SPR dalam pelaksanaan inisiatif tersebut bersama-sama. Walaubagaimanapun dengan pelaksanaan PKP di Malaysia, pelan tersebut terpaksa ditangguh disebabkan penularan wabak Covid-19 dan penutupan sekolah-sekolah.

PYDC juga akan menjalin kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan belia dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) di negeri Pulau Pinang untuk

menganjurkan program-program untuk meningkatkan kesedaran golongan belia termasuklah pengundi 18 tahun mengenai kepentingan hak mengundi dan sistem demokrasi negara selaras dengan penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun.

Untuk meningkatkan kesedaran sivik golongan belia terutamanya kepentingan hak mengundi dan sistem demokrasi negara kita, Kerajaan Negeri melalui PYDC juga menggalakkan penglibatan belia dalam pembuatan keputusan supaya ia tidak secara langsung akan menggalakkan penyertaan pengundi 18 tahun dalam PRU 15. Oleh itu, PYDC juga memberi peluang kepada peserta-peserta untuk mengemukakan pendapat dan cadangan berkaitan polisi kerajaan yang membenarkan had umur layak mengundi 18 tahun bagi pertimbangan SPR dalam Kempen Undi18 yang dijalankan secara atas talian pada Disember 2020.

Di samping itu, Sidang Muda juga telah dijalankan oleh PYDC untuk memberi pendedahan kepada golongan belia khususnya bagi mereka yang telah mengikuti bengkel demokrasi dengan proses penggubalan dasar pada peringkat negeri dan negara. Para peserta diberi peluang untuk mengemukakan usul dan membahaskan usul masing-masing di Dewan Undangan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Sebarang cadangan dan isi kandungan perbahasan yang dikemukakan oleh Ahli Sidang Muda juga akan dikumpulkan dan ditujukan kepada barisan EXCO/ADUN yang berkenaan untuk pertimbangan dan rujukan. Seramai 68 ahli Sidang Muda telah mengambil bahagian dalam program ini dari 2018 hingga 2020.

Bagi menggalakkan penglibatan golongan belia negeri Pulau Pinang dalam pembuatan keputusan, Kerajaan Negeri melalui PYDC juga telah melancarkan kajian soal selidik pindaan had umur calon ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang mengumpulkan pandangan golongan belia negeri ini atas pindaan had umur calon ADUN di Pulau Pinang. Melalui kajian ini, sebanyak 1211 responden yang berumur dari 15-18 tahun telah mengambil bahagian dalam kajian ini.

Meneliti usaha-usaha ini, Kerajaan Negeri percaya bahawa ia adalah usaha yang wajar dilaksanakan untuk menggalakkan penglibatan belia terutamanya pengundi 18 tahun dalam PRU-15 untuk memberi impak positif kepada pembangunan negeri dan negara.

30. Adakah kerajaan berhasrat mewujudkan ADUN lantikan di kalangan wanita?
- (a) Sekiranya ya, bilakah akan dilaksanakan? Minta jelaskan proses lantikan

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

30. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan inisiatif *Top-Up Women-Only Additional Seats* (TWOAS) atau Kerusi Tambahan Untuk Wanita bagi memastikan sekurang-kurangnya 30% perwakilan wanita di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang. Ini merupakan salah satu inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menambah perwakilan wanita dalam DUN melalui pelantikan sekiranya keahlian ADUN wanita tidak mencapai 30%. TWOAS merupakan sistem demokrasi yang mencerminkan komposisi terkini parti politik di DUN iaitu berdasarkan peratusan undi yang diperoleh parti politik ketika pilihan raya umum. Selain itu, ia menunjukkan kepelbagaian dan diversiti

masyarakat kita dengan memastikan perwakilan wanita dan lelaki yang seimbang.

- (a) Sehingga kini, dua puluh (20) sesi libat urus telah diadakan melibatkan wakil-wakil rakyat, ahli-ahli parti politik, Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan orang awam. Empat (4) sesi libat urus bersama orang awam telah dianjurkan dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil melalui Facebook Live sepanjang bulan Mac dan April 2021. Input dan maklum balas yang diperoleh melalui sesi-sesi libat urus ini akan digunakan bagi memperkukuhkan dan memantapkan pelaksanaan TWOAS di Negeri Pulau Pinang.

Jawatankuasa Kerja TWOAS telah menyediakan draf penggubalan Perlembagaan Negeri dan telah mendapat ulasan daripada Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Seterusnya satu Kertas Putih TWOAS akan disediakan untuk mendapat pandangan orang ramai. Selepas itu, usul penggubalan Perlembagaan Negeri akan dibentangkan dalam Sidang Dewan Undangan Negeri terdekat.

XVI. Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

1. Perumahan di Pulau Pinang.

- (a) Berapakah peratusan rumah Kos Rendah yang sepatutnya disediakan oleh pihak pemaju pada setiap kawasan yang dibangunkan?
- (b) Apakah syarat bagi pemaju bagi penyediaan tapak masjid dan surau di setiap kawasan tersebut. Perincikan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

1. (a) Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah/Kos Sederhana Rendah dimana pemaju dikenakan syarat untuk membina kandungan RMM A atau B atau kombinasi keduanya sehingga 30 peratus kepada pemajuan yang membina unit kediaman melebihi 99 unit di kawasan bandar dan 149 di kawasan luar bandar. Sekiranya mereka tidak membina secara fizikal, pemaju akan dikenakan kadar sumbangan seperti berikut:
- (i) bagi kawasan Pulau (Majlis Bandaraya Pulau Pinang), sebanyak RM120,000.00 seunit bagi pemaju Pulau Pinang dan RM150,000.00 seunit bagi pemaju luar; dan
- (ii) bagi kawasan Seberang Perai (Majlis Bandaraya Seberang Perai), sebanyak RM50,000.00 seunit bagi 350 unit pertama dan RM72,500.00 unit seterusnya bagi pemaju tempatan bagi Daerah Seberang Perai Selatan. Manakala kadar sebanyak RM72,500.00 seunit pula bagi Daerah Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Utara.
- (b) Penyediaan kemudahan masyarakat termasuk surau dan rumah ibadah telah ditetapkan bagi pemajuan perumahan baharu mengikut Pihak Berkuasa Tempatan seperti berikut:
- (i) Majlis Bandaraya Pulau Pinang menggunapakai Garis Panduan Untuk Penyediaan Kemudahan Masyarakat Di Kawasan Pemajuan Perumahan Baru (GP KM) pada 14 Disember 1989 bagi keperluan tapak surau dan disyaratkan didalam pelan

Kebenaran Merancang. Tapak masjid merupakan kemudahan masyarakat peringkat yang lebih tinggi yang hendaklah disediakan tertakluk kepada keperluan muktamad oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP) dan tidak disyaratkan didalam Pelan Kebenaran Merancang.

- (ii) Majlis Bandaraya Seberang Perai pula menetapkan syarat tapak surau berdasarkan ulasan teknikal Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

2. Pembangunan Perumahan Kepada Belia B40.

- (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan pembangunan, pelaksanaan atau penyediaan masa hadapan perumahan belia B40?
- (b) Jika tiada, mengapakah ia tidak diusahakan secara total kerana ini akan meningkatkan pemilikan ekuiti bagi golongan belia B40 secara tidak langsung?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

2. Kerajaan Negeri telah menyasarkan pembinaan sebanyak 220,000 unit menjelang 2030 bagi memenuhi hasrat 1 Keluarga 1 Kediaman di bawah Penang 2030 iaitu meningkatkan daya huni sebagai peningkatan kualiti hidup.

- (a) Kerajaan Negeri buat masa ini tidak menetapkan sebarang dasar atau perancangan yang khusus untuk membantu golongan muda dalam memperolehi unit Rumah Mampu Milik (RMM). Ini kerana dasar sedia ada adalah untuk memastikan unit-unit kediaman dengan harga berpatutan ini dibekalkan kepada rakyat Pulau Pinang yang berpendapatan rendah dan sederhana tanpa mengira peringkat usia. Selain daripada itu, syarat permohonan Rumah Mampu Milik Negeri Pulau Pinang yang membenarkan permohonan seawal usia 21 tahun memberi lebih kelebihan kepada golongan belia untuk memiliki rumah termasuklah skim Sewa Beli.
- (b) Pemilikan rumah mampu milik tidak seharusnya dianggap sebagai ekuiti atau pelaburan sebaliknya perlu berdasarkan kelayakan untuk membolehkan kebajikan khususnya di kawasan bandar yang mempunyai kekangan tanah bagi membina rumah dan kadar sewa yang tinggi. Berdasarkan rekod Sistem Maklumat Perumahan (SMP) senarai menunggu RMM A dan B mengikut daerah dan data pengumuran adalah seperti di bawah.

DAERAH PILIHAN	RUMAH MAMPU MILIK A					RUMAH MAMPU MILIK B				
	21-30	31-40	41-50	51-60	61 DAN KE ATAS	21-30	31-40	41-50	51-60	61 DAN KE ATAS
Timur Laut	301	1057	572	307	344	2272	5430	1721	880	708
Barat Daya	737	1486	639	334	240	758	760	208	93	38
Seberang Perai Utara	431	1124	625	276	107	312	570	177	66	16
Seberang Perai Tengah	488	961	524	240	104	279	436	134	37	14
Seberang Perai Selatan	256	525	321	155	34	278	649	232	75	18
Jumlah	2213	5153	2681	1312	829	3899	7845	2472	1151	794
	12188					16161				
	28349									

3. Penjaja dan Peniaga Kecil.
- (a) Adakah perancangan Kerajaan Negeri bagi mewujudkan tempat yang strategik, kemas dan teratur untuk mereka bagi setiap kawasan di Pulau Pinang?
 - (b) Dilihat banyak tempat-tempat penjaja kecil yang mengakibatkan berlakunya kesesakan. Apakah langkah yang diambil untuk mengatasi perkara ini?
 - (c) Kesan kepada tindakan ini.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

3. Kerajaan Negeri sememangnya prihatin terhadap nasib rakyat yang terjejas akibat pandemik COVID-19 yang melanda dunia sejak tahun 2020 terutamanya kepada penjaja dan peniaga kecil.
- (a) Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengenal pasti lokasi khas/ sementara penjaja dalam mewujudkan tempat yang strategik, kemas dan teratur bagi membantu dan memudahkan aktiviti penjajaan golongan tersebut. Bilangan lokasi khas/ sementara untuk penjaja yang diperuntukkan di kawasan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah sebanyak 21 lokasi bagi 106 penjaja manakala di kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pula adalah sebanyak 25 lokasi bagi 583 penjaja. Senarai lokasi khas/ sementara bagi penjaja adalah seperti di **LAMPIRAN A** untuk MBPP dan **LAMPIRAN B** untuk MBSP.
 - (b) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengenal pasti beberapa langkah yang boleh diambil berikutan kedudukan penjaja-penjaja kecil di beberapa tempat yang boleh mengakibatkan kesesakan. Antaranya adalah seperti berikut:
 - (i) Meluluskan lesen/permit sementara di lokasi yang tidak menimbulkan halangan lalu lintas dan berhampiran dengan simpang keluar/masuk;
 - (ii) Mensyaratkan penjaja yang diberi kelulusan agar tidak meletakkan peralatan perniagaan melebihi had sempadan yang dibenarkan;
 - (iii) Menyusun atur semula penjaja ke lokasi baharu yang lebih sesuai dan kurang isu berbangkit berkaitan halangan lalu lintas dan kesesakan; dan
 - (iv) Meluluskan aktiviti penjajaan secara konsep penganjuran sekiranya melibatkan penjaja dalam jumlah yang besar yang mana penganjur akan terlibat secara langsung dalam kawalan aktiviti tersebut meliputi kawalan lalu lintas, kebersihan dan sebagainya.
 - (c) Secara keseluruhannya, kesan daripada perancangan serta langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah memberikan impak positif terhadap aktiviti penjajaan yang dijalankan dengan menjadikan kawasan perniagaan lebih teratur dan tersusun sekaligus dapat mengurangkan aduan orang awam berkaitan isu kesesakan lalu lintas. Selain itu, langkah-langkah yang diambil oleh PBT ini semestinya akan mendapat sambutan yang lebih menggalakkan dari orang ramai kerana penjaja-penjaja telah dikumpulkan ke suatu lokasi secara berpusat dan

memudahkan kawalan dibuat sama ada oleh penganjur atau pemegang lesen/permit. Setiap tindakan yang diambil telah dikaji secara teliti dan menyeluruh meliputi aspek perancangan dan sosial bagi mencari jalan atau cadangan penyelesaian yang terbaik bagi kedua-dua pihak iaitu penjaja dan orang awam.

LAMPIRAN A

LOKASI PENEMPATAN KHAS / SEMENTARA PENJAJA BAGI KAWASAN MBPP

BIL	BIL TAPAK	LOKASI
1	4	Lot 1242, Mk 6, Balik Pulau
2	2	(Off) Jalan Hill Railway
3	8	Kuala Jalan Bahru
4	3	Jalan Sitiawan
5	5	Jalan Sungai Rusa
6	10	Lintang Delima 14
7	3	Jalan Free School
8	6	Persiaran Sungai Emas
9	6	Di Sebelah Taman Jelutong Berhampiran Jalan Jelutong
10	3	Jalan Gertak Sanggul
11	2	Teluk Kumbar
12	4	Sungai Batu, Teluk Kumbar
13	4	Jalan Sungai Batu
14	5	Lebuhraya Nipah, Sungai Nibong
15	8	Jalan Sultan Azlan Shah
16	3	Jalan Bukit Gambir
17	4	Cangkat Bukit Gambir 2
18	6	Balik Pulau
19	10	Jalan Sungai Tiram
20	5	Jalan Sungai Ara 1
21	5	Bukit Relau
Jumlah Penjaja	106	

LAMPIRAN B**LOKASI PENEMPATAN KHAS / SEMENTARA PENJAJA BAGI KAWASAN MBSP**

BIL	BIL PENJAJA	LOKASI
1	10	Taman Penaga Permai
2	6	Taman Seri Indah (Kg. Paya)
3	60	Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir (Kayangan)
4	3	Permatang Berangan (Hadapan Jalan Besar bersebelahan Pejabat Pos)
5	25	Kompleks Desa Murni
6	14	Taman Robina (Teluk Air Tawar)
7	8	Dalam Pasar Bagan Ajam
8	8	Bagan Jermal (Hadapan Sekolah Kwang Hwa)
9	14	Bagan Dalam (Dalam perkarangan Pasar Awam Taman Bagan)
10	10	Hadapan Masjid Al-Hidayah, Jalan Baru
11	20	Jalan Tenggara
12	13	Taman Penanti Indah (Kadun Penanti)
13	19	Tapak luar Pasar Awam Penanti
14	25	Taman Seri Akasia, Mengkuang - dalam proses semakan tanah
15	12	Pasar Pagi Perkampungan Berapit
16	10	IKS Bukit Minyak
17	80	Pasar Pagi Taman Sri Kijang
18	80	Perkarangan Pasar Awam Tmn Kota Permai
19	25	Berhampiran Bulatan Batu Kawan
20	30	Lorong Perindustrian Bukit Minyak 6 (Kadun Bukit Tengah)
21	30	Jalan Merak 2, Taman Merak
22	6	Taman Seri Saujana, Nibong Tebal (Kadun Jawi)
23	60 (47)	Taman Nibong Tebal Jaya
24	25	Taman Puteri Gunung
25	50	Pekan Sungai Aceh
Jumlah Penjaja	583	

4. Gerai sewaan Pejabat Daerah dan seumpamanya.
 - (a) Pemilik gerai adalah Pejabat Daerah namun sewaan gerai masih dikutip oleh Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) walaupun tidak boleh beroperasi. Apakah arahan mengenai kutipan tersebut sewaktu musim pandemik ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

4. Buat masa kini, Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya (PDTDBD) menguruskan 52 unit gerai di 12 lokasi secara langsung tanpa melibatkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) seperti berikut:

Bil.	Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)	Bilangan Gerai (Buah)
1.	Lintang Pondok Upeh	6
2.	Kongsi	2
3.	Sungai Rusa	2
4.	Bestari Sungai Pinang	1
5.	Sungai Pinang	4
6.	Kuala Sungai Pinang	2
7.	Tropical Spice Garden	3
8.	Anjung Indah	6
9.	Permatang Damar Laut	6
10.	Teluk Tempoyak	2
11.	Medan Ikan Bakar	9
12.	Airport Corner	9
JUMLAH		52

Semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0, bayaran sewa bulanan gerai-gerai di bawah kendalian PDTDBD diberikan pengecualian selama tiga (3) bulan iaitu dari bulan April sehingga Jun 2020.

Bagi tahun 2021 pula, permohonan pengecualian bayaran sewaan sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) iaitu dari bulan Jun sehingga Disember 2021 telah dimohon ke Bahagian Khidmat Pengurusan, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri dan masih dalam pertimbangan pihak Kerajaan Negeri.

5. Surau dan masjid di kawasan yang dibangunkan.
 - (a) Berapakah kemudahan surau dan masjid yang belum atau masih dalam proses (merujuk kepada Botanica City, Bandar Baru Air Putih Balik Pulau) penyerahan kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)? Perincian.
 - (b) Sebutkan jangka masa proses di atas yang sepatutnya diselesaikan.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

5. (a) Bagi pemajuan di Botanica City, Bandar Baru Air Putih, Balik Pulau melibatkan satu (1) tapak surau dan satu (1) tapak masjid. Permohonan pemberimilikan tapak surau berkeluasan 0.266 ekar di atas sebahagian Lot 1014, Mukim 4, Daerah Barat Daya oleh pemaju kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah diluluskan pada 24 Mac 2021. Bayaran Notis Genap Masa Hasil Tanah Dibayar (Borang 5A) juga telah dijelaskan pada 30 Julai 2021. Pejabat Daerah dan

Tanah Barat Daya sedang memproses pengeluaran hak milik bagi tapak surau berkenaan.

Lot 1100, Mukim 4, Daerah Barat Daya yang berkeluasan 12,155 meter persegi merupakan tapak bagi pembangunan Masjid Bandar Baru Air Putih, Balik Pulau. Hasil semakan mendapati lot tersebut telah dicagar dan digadai oleh pemilik tanah iaitu MTT Properties & Development Sdn. Bhd kepada Affin Bank Berhad sejak 23 Februari 2006. Pihak MAINPP telah berulang kali menggesa agar pemaju melepaskan gadaian dan menyerahkan tanah tersebut bagi tujuan perancangan pembangunan masjid di kawasan pembangunan berkenaan. Pihak MAINPP juga telah mengemukakan permohonan kemasukan kaveat pendaftar pada 21 Disember 2019 ke atas lot tanah tersebut. Sehubungan dengan itu, pihak MAINPP juga telah menulis surat kepada pihak Jabatan Perancangan Pembangunan MBPP dan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya pada 27 April 2021 agar membantu MAINPP untuk menggesa pemaju melaksanakan proses pelepasan gadaian dan pindah milik tanah kepada pihak MAINPP.

Pihak pemaju pada 28 April 2021 telah mengemukakan cadangan penggantian tapak masjid berkenaan. Perkara ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Hal Ehwal Tanah & Aset MAINPP pada mesyuarat yang akan datang untuk diperhalusi untuk dibuat keputusan selanjutnya.

- (b) Bagi tapak surau di Lot1014, Mukim 4, Daerah Barat Daya, proses pengeluaran hak milik kepada MAINPP dijangka dapat diselesaikan dalam tempoh tarikh bayaran Notis Genap Masa hasil Tanah Dibayar (Borang 5A) iaitu pada 30 Julai 2021. Proses untuk tapak masjid menjadi milik MAINPP dijangka dapat diselesaikan dalam tempoh dua bulan dari tarikh pemaju menyerahkan lot berkenaan pada MAINPP.

6. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

- (a) Tindakan yang diambil semasa pandemik untuk asnaf, peniaga kecil dan mereka yang terkesan. Huraikan jenis bantuan, bilangan, penerima mengikut kategori setiap daerah.
- (b) Jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan.
- (c) Peratusan daripada jumlah penerimaan zakat dari pembayar zakat.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

- 6. (a) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dengan Zakat Pulau Pinang telah melaksanakan Skim Bantuan Khas COVID-19 PKP 3.0 pada tahun 2021 bagi membantu golongan asnaf, peniaga kecil dan golongan yang terkesan daripada pandemik COVID-19. Perincian jenis bantuan, penerima mengikut kategori dan daerah adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Peruntukan sejumlah RM1,383,000.00 telah dibelanjakan pada tahun ini sehingga 31 Julai 2021.
- (c) Jumlah bantuan yang disalurkan oleh Zakat Pulau Pinang kepada golongan asnaf, peniaga kecil dan golongan terkesan iaitu RM1,383,000 adalah 4.88 peratus (4.88%) daripada jumlah penerimaan zakat bagi suku tahun pertama 2021 sebanyak RM28.3 juta.

LAMPIRAN A

**LAPORAN SKIM BANTUAN KHAS ZAKAT COVID-19, PKP 3.0 2021,
ZAKAT PULAU PINANG, MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG
SEHINGGA 31 JULAI 2021.**

BIL	KATEGORI	DAERAH	PENERIMA	JUMLAH (RM)
1	Pekerja Gaji Harian/Bulanan	Barat Daya (DBD)	250	125,000.00
		Bukit Mertajam (SPT)	470	235,000.00
		Butterworth (SPU)	215	107,500.00
		Kepala Batas (SPU)	218	109,000.00
		Nibong Tebal (SPS)	115	57,500.00
		Timur Laut (DTL)	143	71,500.00
		JUMLAH	1,411	705,500.00
2	Pemandu Teksi/ E-Hailing, Pemandu Bas/Van Sekolah	Barat Daya (DBD)	292	146,000.00
		Bukit Mertajam (SPT)	162	81,000.00
		Butterworth (SPU)	69	34,500.00
		Kepala Batas (SPU)	79	39,500.00
		Nibong Tebal (SPS)	34	17,000.00
		Timur Laut (DTL)	174	87,000.00
		JUMLAH	810	405,000.00
3	Peniaga Pasar Malam/Pasar Tani	Barat Daya (DBD)	75	37,500.00
		Bukit Mertajam (SPT)	125	62,500.00
		Butterworth (SPU)	74	37,000.00
		Kepala Batas (SPU)	86	43,000.00
		Nibong Tebal (SPS)	45	22,500.00
		Timur Laut (DTL)	42	21,000.00
		JUMLAH	447	223,500.00
4	Guru Agama/ Pendakwah Bebas Bertauliah	Barat Daya (DBD)	3	1,500.00
		Bukit Mertajam (SPT)	12	6,000.00
		Butterworth (SPU)	1	500.00
		Kepala Batas (SPU)	7	3,500.00
		Nibong Tebal (SPS)	3	1,500.00
		Timur Laut (DTL)	3	1,500.00
		JUMLAH	29	14,500.00
5	Keluarga/ Pesakit COVID-19 (Sedang dalam kuarantin)	Barat Daya (DBD)	20	10,000.00
		Bukit Mertajam (SPT)	12	6,000.00
		Butterworth (SPU)	4	2,000.00
		Kepala Batas (SPU)	10	5,000.00
		Nibong Tebal	4	2,000.00
		Timur Laut (DTL)	19	9,500.00
		JUMLAH	69	34,500.00
JUMLAH KESELURUHAN			2,766	1,383,000.00

7. Kadar Pengangguran.
- (a) Kadar pengangguran secara relatif di musim pandemik ini.
 - (b) Langkah Kerajaan Negeri dalam mengatasi penyusutan pendapatan isi rumah dalam jangka masa pendek dan panjang.
 - (c) Langkah Kerajaan Negeri dalam penyediaan pekerjaan dan peluang kepada generasi Belia B40.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

7. (a) Berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Pulau Pinang mencatatkan kadar pengangguran sebanyak 2.1 peratus (2.1%) pada suku pertama tahun 2020 sebelum COVID-19 melanda dan memberi impak negatif kepada pasaran buruh negara. Namun begitu, pada suku kedua tahun 2021, kadar pengangguran di Pulau Pinang telah mencatatkan nilai sebanyak 3.9 peratus (3.9%) dan menunjukkan pola penurunan berbanding pada suku kedua tahun 2020 iaitu 4.3 peratus (4.3%).
- (b) Sejak pandemik COVID-19 melanda, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sejumlah RM176.44 juta untuk Pakej Bantuan Khas Rakyat Pulau Pinang (Penang Lawan COVID-19) dalam mengatasi penyusutan pendapatan isi rumah dalam jangka masa pendek. Bagi tahun 2020, peruntukan telah disediakan dalam tiga (3) fasa iaitu Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 2.1 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM155.23 juta. Bagi tahun 2021 pula, sehingga kini peruntukan berjumlah RM21.21 juta telah disediakan di bawah Fasa 3.0 dan 3.1 untuk tujuan ini.

Peruntukan bagi bantuan ini telah disalurkan di dalam lima (5) fasa agihan seperti berikut:

Tahun	Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19)	Peruntukan (RM juta)
2020	Fasa 1	75.06
	Fasa 2	76.07
	Fasa 2.1	4.10
2021	Fasa 3.0	10.88
	Fasa 3.1	10.33
JUMLAH		176.44

Perincian Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang tersebut adalah seperti di **Lampiran 1**.

Dalam jangka masa panjang, Kerajaan Negeri menerusi InvestPenang melaksanakan usaha berterusan untuk menambah pekerjaan yang berkualiti dan berpendapatan tinggi kepada rakyat Negeri Pulau Pinang melalui kemasukan pelaburan yang strategik. Antara strategi yang dilaksanakan oleh InvestPenang untuk menyokong perkembangan ini adalah seperti berikut:

- (i) Membangunkan daya saing Pulau Pinang dalam sektor pembuatan berteknologi canggih dan maju dan seterusnya menjadikan Pulau Pinang sebagai hab industri teknologi perubatan;

- (ii) Menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pembuatan peralatan yang menawarkan kepakaran *front-to-back end* di peringkat serantau dan global;
- (ii) Menggalakkan syarikat multinasional untuk melokalisasikan (*localise*) rantai bekalan dan memberi perkhidmatan mudahcara dalam pepadanan perniagaan yang secara tidak langsung akan membuka peluang pekerjaan kepada syarikat tempatan;
- (iv) Membuka peluang kepada industri tempatan di Pulau Pinang melalui rekonfigurasi rantai bekalan, percambahan teknologi mengganggu (*disruptive technologies*) dan perkembangan pesat di wilayah Asia Pasifik;
- (v) Memperkukuhkan lagi kedudukan Pulau Pinang sebagai pusat Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) untuk menambahkan peluang pekerjaan yang bernilai tinggi dalam bidang kewangan, teknologi maklumat (IT), perisian, seni kreatif dan sumber manusia; dan
- (vi_ Menjalinkan kerjasama berterusan dengan pemegang taruh bagi memastikan:
 - persekitaran perniagaan yang kondusif dapat dikekalkan melalui dasar yang memberi penekanan kepada kesenangan untuk menjalankan perniagaan (*ease of doing business*) di Pulau Pinang;
 - penawaran kos yang kompetitif kepada industri dalam menjalankan perniagaan; dan
 - pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur dan taman perindustrian adalah setara dengan piawaian antarabangsa.
- (a) Kerajaan Negeri menerusi Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) menyediakan pekerjaan dan peluang kepada generasi belia yang merangkumi belia daripada kumpulan B40 melalui inisiatif-inisiatif seperti berikut:
 - (i) *We Want You* – Portal Carian Kerjaya serta padanan majikan-pekerja yang dilancarkan pada tahun 2020. Platform ini menjadi saluran untuk golongan belia mendapatkan pekerjaan baharu. Setakat ini, terdapat 376 majikan yang mendaftar dalam pelantar ini dan mengiklankan sebanyak 508 peluang pekerjaan. Seramai 875 belia telah mendaftar sebagai pengguna di pelantar ini; dan
 - (ii) Program “*Virtual Career Fair 2021 – Explore, Connect and Get Hired*” yang dianjurkan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Program ini bertujuan untuk menjadi medium padanan antara majikan yang mencari pekerja dan belia yang kehilangan pekerjaan serta calon yang berpotensi seterusnya merapatkan jurang antara permintaan dan penawaran di pasaran pekerjaan. Selain itu, program ini juga menawarkan aktiviti untuk menyediakan para belia ke alam pekerjaan seperti *Career Assessment & Counseling*, *Live Industrial Talks*, *Career Readiness Workshop*, dan *Live Interview* bersama majikan.

Setakat ini, terdapat 79 majikan yang mendaftar untuk menyertai program ini dan menawarkan sebanyak 6,580 peluang pekerjaan. Seramai 910 orang belia telah mendaftar untuk menyertai program ini.

LAMPIRAN A

SENARAI BANTUAN DI BAWAH PAKEJ BANTUAN RAKYAT PULAU PINANG (PENANG LAWAN COVID-19)

FASA 1

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	One-off RM500 kepada peniaga dan penjaja berlesen	7,072,000.00	11,456 peniaga (MBPP - 6,806, MBSP - 4,518, FAMA - 132)	5,728,000.00
2	Bekalan peralatan keselamatan diri (<i>face mask, hand sanitizer</i> dll.)	10,000,000.00	Rakyat Pulau Pinang dan kakitangan barisan hadapan	8,416,587.00
3	Bantuan tunai one-off kepada pesakit COVID-19 Pulau Pinang	300,000.00	92 (pesakit dan waris pesakit COVID-19)	46,500.00
4	One-off RM500 kepada pemandu pelancong berdaftar	685,000.00	751	375,500.00
5	One-off RM500 kepada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan AES di bawah BPEN	9,328,500.00	18,747 (JKM - 18,087, AES - 660)	9,373,500.00
6	Penambahan RM200 dalam wang insentif tahunan kepada penarik beca dan <i>upfront</i> RM300 (April, Mei, Jun)	63,600.00	189 penarik beca	94,500.00
7	Penambahan RM200 dalam wang insentif tahunan kepada pemandu teksi dan <i>upfront</i> RM300 (bayaran fasa 2)	449,600.00	2,221 pemandu teksi	1,110,500.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
8	One-off RM300 kepada pemandu e-hailing	3,000,000.00	8,390 pemandu e-hailing	2,517,000.00
9	Bantuan kewangan khas kepada masjid dan surau	495,000.00	702 (226 masjid, 476 surau)	464,000.00
10	Bantuan Khas Kewangan one-off RM300 kepada kakitangan barisan hadapan kedua-dua PBT	1,437,300.00	4,983 kakitangan (MBPP – 1,892, MBSP - 3,091)	1,494,900.00
11	Bantuan Khas Kewangan one-off RM300 kepada 10,511 kakitangan barisan hadapan Jabatan Persekutuan	3,300,000.00	8,048 kakitangan (ATM - 240, RELA - 164, PDRM - 1,787, JKNPP - 5,107, APM - 300, JIM - 450)	2,414,400.00
12	Peruntukan khas RM30,000 kepada setiap ADUN	1,200,000.00	40 ADUN	1,200,000.00
13	Pinjaman Tanpa Faedah Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang (<i>Penang Business Continuity Zero Interest Loan</i>)	30,000,000.00	1,651 SME dan mikro	28,740,000.00
14	Bantuan zakat sebanyak RM3 juta kepada golongan asnaf	3,000,000.00	6,000 golongan asnaf	3,000,000.00
15	Pengecualian sewa bulanan Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) kelolaan Kerajaan Negeri	932,844.00	Anggaran 4,860 keluarga	932,844.00
16	Pengecualian sewa premis-premis perniagaan Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT)	1,610,000.00	Anggaran 10,999 premis perniagaan	1,610,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
17	Penangguhan tempoh pembayaran kepada Kerajaan Negeri bagi cukai tanah/petak, bayaran skim sewa beli RSKN dan pinjaman (SPH, TUT dan penuntut)	-	Rakyat Pulau Pinang	-
18	Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri (Tasek Gelugor/Kepala Batas dan Balik Pulau)	60,000.00	Rakyat di kawasan Parlimen berkaitan	60,000.00
19	Pengawai Penyelaras KADUN Penaga, Sungai Dua dan Permatang Berangan (YAB KM)	90,000.00	Rakyat di KADUN berkaitan	90,000.00
20	Bantuan untuk pelarian Rohingya (NGO)	100,000.00	-	100,000.00
21	Peruntukan kepada <i>Penang Science Cluster</i> untuk menyediakan <i>facemask</i> bagi petugas barisan hadapan	60,000.00	Petugas barisan hadapan	60,000.00
22	Bantuan Barang Keperluan Harian kepada rakyat yang kurang berkemampuan	1,032,500.00	20,650 keluarga	1,032,500.00
23	Bantuan Khas Kewangan one-off RM300 kepada kakitangan barisan hadapan Bahagian Perumahan, PSUKPP	15,300.00	51 kakitangan	15,300.00
24	Peruntukan Makanan dan Minuman Petugas Ops COVID-19 PDRM	120,000.00	Petugas Ops COVID-19	120,000.00
25	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 kepada pengusaha kuda	4,500.00	9 pengusaha kuda	4,500.00
26	Bantuan Khas Kewangan one-off RM200 kepada pemandu bas dan <i>upfront</i> RM300 bayaran Fasa 2	260,500.00	463 pemandu bas	231,500.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
27	Pembelian <i>facemask</i> bagi perlindungan dan mitigasi ancaman COVID-19	35,000.00	Rakyat Pulau Pinang	35,000.00
28	Projek Penyediaan Makmal Minilab di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas	186,100.00	-	90,000.00
29	Peruntukan kepada Kelab PDRM untuk pembelian khemah semasa tempoh PKPB	225,000.00	-	225,000.00
JUMLAH BESAR		75,062,744.00	100,302	69,582,031.00

FASA 2.0

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Rebat bagi cukai taksiran tahun 2020	47,311,854.20	Anggaran 597,806 (MBPP - 281,949, MBSP - 315,857)	47,311,854.20
2	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara one-off penjaja/penggerai yang berniaga dalam kompleks makanan/ kedai persendirian (<i>shoplot</i>)	1,551,500.00	1,670 penjaja/ penggerai (MBPP - 1,229, MBSP - 441)	835,000.00
3	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara <i>one-off</i> kepada penjaja/penggerai yang mempunyai <i>tagging</i> dan berdaftar dengan PBT	2,833,000.00	1,586 penjaja/ penggerai (MBPP - 1,345, MBSP - 241)	793,000.00
4	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM300 secara <i>one-off</i> kepada kakitangan barisan hadapan yang	1,853,700.00	6,390 kakitangan (PDRM - 4,090, ATM - 1,436, APM - 60,	1,917,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
	terlibat dalam menangani wabak COVID-19		RELA - 239, Vet. Askar Wataniah - 277, BOMBA - 211, PSUKPP Pengawal Keselamatan - 77)	
5	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM300 secara <i>one-off</i> kepada ahli MPKK dan JPWK sebagai penghargaan dalam usaha membantu Kerajaan Negeri membendung penularan wabak Covid 19	1,815,000.00	3,383 ahli (MPKK - 3,074, JPWK - 309)	1,014,900.00
6	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara <i>one-off</i> kepada pemandu bas/van persiaran, kereta sewa / limosin pelancongan	165,500.00	351 pemandu	175,500.00
7	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM300 secara <i>one-off</i> kepada pengusaha lancang air (<i>watercraft operator</i>) di Pulau Pinang	6,900.00	21 pengusaha	6,300.00
8	Peruntukan RM200,000 untuk pelaksanaan Show Penang, sebuah projek bagi membangunkan kandungan digital (<i>digital content</i>) sektor seni, budaya dan warisan yang pertama dalam negara	200,000.00	24 penerima	64,830.00
9	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara <i>one-off</i> kepada pengusaha taska dan pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar dengan	322,500.00	494 pengusaha (Tadika - 314, Taska – 118, Pusat Jagaan Kanak-Kanak - 62)	247,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
	Jabatan Masyarakat dan tadika yang berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang			
10	Peruntukan RM100,000 kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu yang membantu masyarakat Pulau Pinang menangani masalah keganasan rumah tangga	100,000.00	5 NGO dan individu	65,000.00
11	Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM400 secara <i>one-off</i> kepada Nelayan Pesisir Pantai (Zon A)	2,325,600.00	3,999 nelayan	1,599,600.00
12	Bantuan kotak insulasi (RM180) kepada 250 nelayan darat/sungai	45,000.00	250 nelayan darat/sungai	38,750.00
13	Insentif makanan ternakan bagi penternak tradisional untuk komoditi unggas, ruminan dan babi	200,147.00	988 penternak	200,001.50
14	Pinjaman Tanpa Faedah Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang (<i>Penang Business Continuity Zero Interest Loan</i>) - Pelancongan	10,000,000.00	93 peniaga	3,245,000.00
15	Bantuan Zakat	5,000,000.00	3,769 penerima	1,884,500.00
16	Pengecualian Kadar Sewaan dan Pajakan bagi Projek-projek CMI dan SSI bagi bulan April dan Mei 2020	271,926.00	33 pengusaha/ syarikat	271,926.00
17	Diskaun dan Pengecualian Kadar Sewaan bagi bulan	1,030,000.00	387 syarikat/ premis/ penghuni	1,030,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
	April, Mei dan Jun 2020 bagi premis-premis tertentu milik PDC			
18	Konsesi sewa kepada 24 lot komersial Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang untuk setengah bulan pada Januari dan Februari 2020, dan sepenuhnya untuk Mac, April dan Mei 2020. Bantuan <i>one-off</i> RM500 kepada pengendali servis jip di Bukit Bendera.	448,253.00	24 lot komersial / 13 pengendali jip	448,253.00
19	Pengecualian Sewa Bulanan RSKN dan PPR untuk bulan Jun dan Julai 2020	516,000.00	2,911 unit	516,000.00
20	Pengecualian bayaran sewa bagi unit kedai di bawah pengurusan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri untuk bulan Mei, Jun dan Julai 2020	76,741.00	122 unit	76,741.00
JUMLAH BESAR		76,073,621.20	624,306	61,741,155.70

FASA 2.1

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 kepada pengusaha kantin sekolah berdaftar di Pulau Pinang	219,500.00	462 pengusaha kantin	231,000.00
2	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 kepada syarikat penganjur acara (<i>event management</i>) di Pulau Pinang	100,000.00	160 syarikat	80,000.00
3	Bantuan Khas Kewangan one-off RM1,000 kepada	1,711,000.00	601 pertubuhan	601,000.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 2.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
	Pertubuhan Rumah Ibadat Bukan Islam			
4	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 kepada Pertubuhan/Persatuan yang aktif dan berdaftar dengan ROS di Pulau Pinang.	1,740,500.00	634 pertubuhan/persatuan	317,000.00
5	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 bagi pengusaha penjual akhbar dan buku Pulau Pinang	75,000.00	243 pengusaha	121,500.00
6	Bantuan Khas Kewangan one-off RM500 bagi Persatuan Belia Pulau Pinang	257,500.00	12 persatuan	6,000.00
JUMLAH BESAR		4,103,500.00	2,112	1,356,500.00

ASA 3.0

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM500 kepada: i) peniaga dan penjaja berlesen; ii) penjaja/penggerai yang berniaga dalam kompleks makanan/kedai persendirian (shoplot); iii) penjaja/penggerai yang mempunyai tagging dan berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan iv) peniaga pasar tani (FAMA)	7,356,000.00	16,322 peniaga (i) MBPP - 6,930, MBSP - 5,770; (ii) MBPP - 1,296, MBSP - 661; (iii) MBPP - 1,410, MBSP - 173; (iv) FAMA – 82]	8,161,000.00
2	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM200 kepada penarik beca	57,600.00	157 penarik beca	31,400.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
3	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM500 kepada pengusaha kantin sekolah berdaftar di Pulau Pinang	231,000.00	435 pengusaha kantin	217,500.00
4	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM500 kepada peniaga yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT): i) perkhidmatan gunting rambut/salun rambut; ii) perkhidmatan salun kecantikan dan spa; iii) perkhidmatan pusat refleksologi; dan iv) perkhidmatan bekam	1,464,500.00	869 peniaga (i) MBPP - 225, MBSP - 354; (ii) MBPP - 95, MBSP - 137; (iii) MBPP - 38, MBSP - 19; (iv) MBPP - 0, MBSP - 1]	434,500.00
5	Peruntukan Khas RM30,000 kepada semua ADUN, Ahli Parlimen Kerajaan Negeri, ADUN Angkat, Pegawai Penyelaras KADUN dan Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri untuk membantu rakyat yang terkesan dengan PKP 2.0	1,770,000.00	59 penerima	1,770,000.00
JUMLAH BESAR		10,879,100.00	17,842	10,614,400.00

FASA 3.1

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Geran pensijilan halal berjumlah RM320 kepada usahawan mikro baharu dan sedia ada melalui Penang Halal International	288,000.00	88 usahawan	10,720.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
2	Bantuan Khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada SME yang berdaftar dengan SME Association Malaysia (SAMENTA)	1,000,000.00	333 SME	333,000.00
3	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha kegiatan sukan dan aktiviti kecergasan yang berdaftar dengan PBT	97,000.00	38 pengusaha	19,000.00
4	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada pengendali perkhidmatan Mobile SPA	31,500.00	42 pengusaha	21,000.00
5	Insentif makanan ternakan bagi penternak tradisional untuk komoditi unggas, ruminan dan babi di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	574,424.00	1,088 penternak	0.00
6	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pemandu bas/van persiaran, kereta sewa / limosin pelancongan	175,500.00	142 pemandu	71,000.00
7	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pemandu pelancong berdaftar	683,500.00	587 pemandu pelancong	293,500.00
8	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha lancang air (watercraft operator) di Pulau Pinang	11,500.00	21 pengusaha lancang air	10,500.00
9	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha kuda rekreasi Pulau Pinang	4,500.00	9 pengusaha kuda	4,500.00
10	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha kantin dan kafeteria di IPTA/IPTS/Kolej/Institut Latihan	250,000.00	31 pengusaha kantin	15,500.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
11	Bantuan Peralatan Kesihatan Dan Penyediaan Kelengkapan Program Imunisasi COVID-19 Negeri Pulau Pinang	2,000,000.00	5 PDT	1,351,420.95
12	Bantuan khas kewangan RM5,000 secara one-off kepada pusat jagaan kanak-kanak / warga emas/ OKU /perlindungan wanita di Pulau Pinang	520,000.00	94 pusat jagaan	470,000.00
13	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada <i>Tourist Attraction Operators</i>	60,000.00	10 pengusaha	10,000.00
14	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada kuil-kuil yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	83,000.00	46 pertubuhan	46,000.00
15	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada Rumah Ibadat Bukan Islam yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	539,000.00	286 pertubuhan	286,000.00
16	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada surau berdaftar di bawah JHEAIPP	600,000.00	600 surau	600,000.00
17	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada guru-guru sekolah agama rakyat berdaftar di bawah JHEAIPP	467,500.00	935 guru	467,500.00
18	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada Pemegang Tauliah Mengajar yang berdaftar dan diperakukan oleh JHEAIPP	27,500.00	55 pemegang tauliah mengajar	27,500.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
19	Program kerjasama pintar dengan penyedia platform marketplace digital commerce	1,000,000.00	-	353,438.00
20	Bantuan khas kewangan RM10,000.00 kepada Persatuan BOMBA Sukarela dan Pasukan CERT	360,000.00	36 persatuan	360,000.00
21	Pengecualian 2 bulan sewaan dan pajakan bagi projek-projek CMI dan SSI yang berkaitan kepada pengusaha/syarikat	381,000.00	20 pengusaha/ syarikat	381,000.00
22	Peruntukan tambahan RM20,000.00 kepada YB ADUN Kerajaan Negeri, YB Parlimen Kerajaan Negeri, YB ADUN Angkat, Pegawai Penyelaras KADUN dan Pegawai Penyelaras Khas YAB Ketua Menteri bagi membantu golongan terjejas	1,180,000.00	59 penerima	1,180,000.00
JUMLAH BESAR		10,333,924.00	4,525	6,311,578.95

8. Peningkatan Ekonomi Belia dan Wanita.

- (a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan ekonomi belia dan wanita di musim pandemik ini. Perincikan.
- (b) Adakah sebarang kajian dilakukan dalam mendapatkan jumlah belia yang terjejas?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

8. (a) Dalam usaha pemerkasaan ekonomi golongan belia Negeri Pulau Pinang, Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah mengambil beberapa inisiatif bagi meningkatkan ekonomi belia pada musim pandemik COVID-19 iaitu dengan mengadakan program-program seperti berikut:

(i) **Program Penang Young Digital Talent**

Program ini merupakan satu program pensijilan yang akan melayakkan para belia menerima sijil yang diperakui oleh Kerajaan Negeri dan pihak industri. Program ini akan menawarkan modul teras dan modul kemahiran insaniah kepada peserta di mana pembelajaran ilmu dan kemahiran ini adalah dijalankan secara teori.

Selain itu, para peserta juga perlu menjalani sesi praktikal untuk memastikan mereka mempraktikkan segala ilmu yang telah dipelajari. Dengan corak pembelajaran sebegini, para peserta akan menerima pendedahan yang lebih menyeluruh serta lebih efektif dalam meningkatkan pembangunan mereka khususnya dalam kursus yang diminati.

Antara kursus-kursus yang telah ditawarkan adalah:

Tempoh	Kursus	Bilangan Peserta
Suku tahun pertama 2021	Kursus <i>Key Opinion Leader</i>	21 orang
	Kursus <i>Digital Marketing</i>	24 orang
	Kursus <i>e-Commerce</i>	25 orang
	Kursus <i>Web Design</i>	26 orang
Suku tahun kedua 2021	Kursus <i>Digital Marketing</i>	44 orang
	Kursus <i>e-Commerce</i>	20 orang
	Kursus <i>Web Design</i>	35 orang
	Kursus <i>Basic Graphic Design</i>	23 orang
Jumlah	8 Kursus	218 orang

Program-program anjuran PYDC di atas adalah dijalankan secara maya dan bilangan peserta setiap program adalah dihadkan 30 orang peserta supaya jurulatih program boleh menjalankan kawalan pengajaran secara lebih efektif. Walau bagaimanapun, jika program tertentu mendapatkan sambutan yang terlalu hangat, pihak PYDC akan membenarkan bilangan peserta lebih daripada 30 orang tetapi terhadap di bawah 50 orang.

(ii) **Virtual Career Fair 2021**

Program ini dianjurkan hasil kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam membina medium antara majikan dan belia yang kehilangan pekerjaan. Selain itu, program ini juga akan menawarkan beberapa aktiviti tambahan untuk menyediakan para belia ke arah alam pekerjaan seperti *Career Assessment & Counselling*, *Live Industrial Talks*, *Career Readiness Workshop* dan sesi *Live Interview* bersama para majikan yang turut serta.

(iii) **Tales of Entrepreneur**

Program ini dijadikan sebagai platform untuk mengenali kisah keusahawanan golongan belia Pulau Pinang serta

mempromosikan perniagaan usahawan belia tempatan secara percuma.

Dalam program ini, Perbadanan Pembangunan Belia Pulau (PYDC) akan berkunjung ke gerai atau kedai usahawan belia untuk sesi temu bual dan mendapatkan bahan-bahan publisiti seperti gambar dan video. Selepas itu, pihak PYDC akan berkongsi kisah keusahawanan belia Pulau Pinang kepada orang ramai dan secara tidak langsung turut mempromosikan perniagaan mereka.

Selain itu, usahawan-usahawan belia yang telah berjaya akan dijemput untuk memperkenalkan kisah kejayaan keusahawanan mereka bagi menyuntik aspirasi kepada golongan belia yang berminat menjadi seorang usahawan supaya terus berusaha dan tidak berputus asa.

Di samping itu, program ini juga akan menjadi platform perkongsian pencapaian para usahawan yang merupakan anak jati Pulau Pinang kepada orang ramai.

Setakat ini, seramai 26 orang usahawan belia telah dihubungi untuk menyertai program ini.

(iv) **Tales of Entrepreneur Digital Talent**

Program ini merupakan program lanjutan hasil kombinasi antara dua (2) program iaitu *Tales of Entrepreneur* (ToE) dan *Penang Young Digital Talent* (PYDT). Peranan PYDC adalah sebagai pengantara bagi menghubungkan para peserta program PYDT yang telah diterapkan dengan kemahiran yang dipelajari supaya dapat berganding bahu dengan usahawan belia yang turut ingin mempelajarinya. Ini adalah selaras dengan objektif ToE dan PYDT iaitu bagi memastikan proses pembelajaran menjadi lebih efektif dan lebih menyeluruh kepada peserta PYDT melalui pendedahan secara praktikal dan bagi mempromosikan perniagaan usahawan belia Pulau Pinang.

(v) **Digitalise Penang For Youth**

Program ini bertujuan bagi merencanakan pembangunan serta transformasi digital dalam kalangan belia Pulau Pinang. Program ini menawarkan peluang kepada para pelajar dari seluruh Malaysia yang berumur dari 15 hingga 35 tahun untuk mempelajari penggunaan *Web Hosting* atau *Virtual Private Server* (VPS) secara percuma selama satu (1) tahun yang ditaja sepenuhnya oleh Exabytes Sdn Bhd. Program ini akan memberi manfaat kepada anak-anak muda terutamanya yang bukan berlatarbelakangkan pendidikan dalam bidang teknologi informasi dan seumpamanya. Para peserta yang layak boleh menggunakan platform ini sebaik mungkin sama ada untuk tujuan peribadi mahupun perniagaan dan sekali gus memastikan para belia kita tidak ketinggalan dalam zaman teknologi informasi yang semakin canggih ini.

Exabytes menaja sebanyak 1,000 orang belia untuk penyertaan program ini. Kini, program masih dijalankan dan penyertaan masih terbuka kepada golongan belia untuk mendaftar.

Program-program yang dirancang ini telah berjaya membantu sebahagian golongan belia untuk meningkatkan ekonomi mereka. Sebagai contoh, hasil perniagaan mereka telah meningkat setelah mempraktikkan teknik-teknik digital yang telah dipelajari melalui kursus-kursus yang ditawarkan.

Selain itu, hasil perniagaan usahawan belia juga meningkat setelah kisah mereka dikongsikan melalui platform yang disediakan oleh PYDC dalam musim pandemik COVID-19 ini.

Bagi pemerkasaan bidang ekonomi golongan wanita di Negeri Pulau Pinang pula, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah mengatur Program Mentor Usahawan Wanita Pulau Pinang (PWEMP) yang dilancarkan pada tahun 2020 bagi melahirkan lebih ramai usahawan wanita di Pulau Pinang selaras dengan visi Penang2030 yang menyasarkan sebanyak 40 peratus usahawan wanita di Negeri Pulau Pinang menjelang tahun 2030. Seramai 105 orang usahawan wanita telah menyempurnakan program pementoran selama enam (6) bulan dan hasil daripada program ini mendapati terdapat 30 peratus peningkatan dalam pendapatan mereka.

Program Wanita Jana Rezeki dan PWEMP pula akan diteruskan pada tahun 2021 untuk membantu golongan wanita mengharungi kesukaran ekonomi pada zaman kesukaran ketika penularan pandemik COVID-19 di mana ia termasuklah golongan ibu tunggal yang turut terjejas. Justeru itu, Projek Sokong Biz Ibu Tunggal juga diwujudkan sebagai satu usaha dalam membantu mereka menjana pendapatan. Sebanyak 100 penyertaan telah diterima sehingga kini.

Selain itu, Projek Kudapan Raya 2021 menyasarkan wanita daripada golongan B40 dan juga ibu tunggal untuk membantu mereka dalam menjana pendapatan lebih sebagai persediaan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini. Sebanyak 21 Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) telah mengambil bahagian dalam Projek Kudapan Raya 2021 dan 60 orang pengusaha wanita menjana lebih kurang RM35,000 dalam tempoh tersebut dengan penghasilan kuih raya dan kudapan untuk diedarkan kepada *frontliners*.

- (b) Tiada sebarang kajian yang dilakukan oleh PYDC setakat ini dan pihak PWDC juga tiada maklumat berkaitan kajian yang tersebut.

9. Lesen Pendudukan Sementara (LPS).

- (a) Adakah Kerajaan Negeri telah memansuhkan kutipan bayaran jaminan untuk LPS mengikut Seksyen 74 Kanun Tanah Negara?
- (b) Adakah pemberitahuan mengenai perkara ini telah dimaklumkan kepada pemilik dalam perubahan syarat ini?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

- 9. (a) Seksyen 74, Kanun Tanah Negara adalah peruntukan mengenai deposit berkenaan dengan permit untuk mencabut, memindah dan mengangkut bahan batuan. Bayaran yang dikenakan pada masa ini ialah RM10,000.00 setiap ekar setahun atau sebahagian daripadanya

untuk setiap permit yang dikeluarkan mengikut Kaedah-Kaedah Tanah Pulau Pinang 2005. Kutipan bagi perkara ini masih lagi berkuatkuasa dan tidak dimansuhkan.

(b) Tidak berkenaan.

10. Program Pemulihan Negara.

(a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri membantu Kerajaan Pusat dalam mempercepatkan peralihan fasa ke tiga serta mengurangkan peningkatan keberjangkitan COVID-19?

(b) Adakah Kerajaan Negeri mengambil tindakan berkaitan Pendidikan Kesihatan berkenaan COVID-19 kepada rakyat Pulau Pinang? Perincian.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

10. (a) Strategi bagi bagi mempercepatkan peralihan ke Fasa 3 serta mengurangkan peningkatan kes Covid 19 termasuklah:-

(i) Memutuskan rantai transmisi melalui aktiviti saringan bagi pengesanan kes dan kontak serta mengukuhkan aktiviti surveilans Covid 19 melalui saringan kes-kes influenza like illness (ILI) dan severe acute respiratory illness (SARI);

(ii) Mencapai imuniti kelompok melalui pelaksanaan Program Imunisasi Covid 19 Kebangsaan (PICK);

(iii) Meningkatkan kesedaran orang awam dengan pembudayaan normal baharu dan pematuhan SOP;

(iv) Memperkukuhkan pemerksaan komuniti melalui pendekatan Cegah, Amal, Patuh dan Pantau di bawah District Risk Reduction Program (DRRP); serta mengaktifkan semula pelaksanaan Program Agen Basmi Covid 19 (ABC-19). Penglibatan YB Kawasan, Pegawai Daerah, lain-lain agensi serta ketua-ketua komuniti hendaklah diperkukuhkan;

(v) Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan yang dilakukan secara operasi bersepadu melibatkan pihak PDRM, Kesihatan, PBT, MITI dan KPDNHEP melalui pemeriksaan ke atas premis; di mana pengeluaran kompauan, penutupan premis dan/atau tindakan pendakwaan dibuat berdasarkan ketidakpatuhan yang dilakukan; dan

(vi) Penubuhan PPV sektor ekonomi.

Bil.	Jenis PPV	Nama PPV	Kapasiti Harian
1.	Sektor Pengangkutan	SPP	200
2.	Mobile	Pelbagai Lokasi	350
3.	PIKAS (MITI)	BBraun Medical	400
4.	PIKAS (MITI)	Keysight Technologies	800

5.	PIKAS (MITI)	Osram Opto Semiconductor	400
6.	PIKAS (MITI)	Jabil	1500
7.	PIKAS (MITI)	Intel	1000
8.	PIKAS (MITI)	Plexus	1500
9.	PIKAS (MITI)	Flextronic	1000
10.	PIKAS (MITI)	Molex	800
11.	PIKAS (MITI)	Mattel	300
12.	PIKAS (MITI)	Inari	1500
13.	PIKAS (MITI)	Hotel Ixora	1000
14.	PIKAS (MITI)	Hotel Equatorial	1500
15.	PIKAS (MITI)	Hotel Pearlview	1500
16.	PIKAS (Negeri)	Bukit Jawi Golf Resort	1500
17.	Swasta	Hospital Gleneagles	200
18.	Swasta	Penang Adventist Hospital	200
19.	Swasta	Optimax Eye Specialist	200
20.	Swasta	Hospital Lam Wah Ee	400
21.	Swasta	Bagan Specialist Centre	200
22.	Swasta	Hospital Loh Guan Lye	200
23.	Swasta	Hospital Pantai	200
24.	Swasta	KPJ Penang Specialist	200
25.	Swasta	Georgetown Specialist Hospital	200
26.	Swasta	Klinik <i>General Practitioners (GP)</i> – 58 buah	1630
27.	CIVAC (CIDB)	Sunway carnival Covention Centre	1300
28.	RIVAC (KPDNHEP)	Gurney Paragon	1200
29.	RIVAC (KPDNHEP)	Design Village	800
30.	Mobile Taskforce	Pelbagai Lokasi	350

Berkaitan dengan membantu Kerajaan Pusat mempercepatkan peralihan fasa ke tiga serta mengurangkan peningkatan keberjangkitan adalah melalui pelaksanaan aktiviti Promosi Kesihatan yang menggalakkan rakyat Negeri Pulau Pinang mengamalkan tingkahlaku pencegahan jangkitan COVID-19. Tingkahlaku pencegahan ini memfokuskan kepada amalan mematuhi Prosedur Standard Operasi (SOP) Norma Baharu, mematuhi Undang-undang dan Peraturan Kawalan Penyakit, mengamalkan 3W serta mengelakkan 3C dan menggalakkan pengambilan vaksin COVID-19. Tingkahlaku pencegahan ini dapat dibentuk dengan meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan kefahaman orang ramai berkaitan dengan maklumat asas tentang penyakit COVID-19, keperluan pembudayaan Norma

baharu dalam komuniti, kepentingan pengambilan Vaksin COVID-19, pembentukan daya tahan kesihatan diri untuk mengelak jangkitan COVID-19 dan kewajiban tidak menyebarkan maklumat palsu yang mendatangkan kesan buruk kepada orang ramai.

Seterusnya, melalui Program Pengurangan Risiko Daerah (*District Risk Reduction Program* – DRRP) yang berteraskan Pemerkasaan Komuniti, 5 Strategi DRRP iaitu Kawalan Sempadan, Kawalan Pergerakan, Penjarakan Fizikal, Perlindungan Diri dan Ketahanan Diri. DRRP juga menekankan tiga tonggak utama iaitu melindungi keluarga, komuniti dan daerah. Melalui program DRRP ini adalah diharapkan daerah hijau dapat dikekalkan dan daerah kuning dapat ditukar menjadi daerah hijau. Kejayaan program DRRP ini akan membantu Kerajaan Pusat dalam mempercepatkan peralihan fasa ke tiga serta mengurangkan peningkatan keberjangkitan.

- (b) Kerajaan Negeri mengambil tindakan berkaitan Pendidikan Kesihatan berkenaan COVID-19 kepada rakyat Pulau Pinang dengan melaksanakan Kempen Memerangi COVID-19 yang memfokuskan kepada meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan kefahaman rakyat negeri Pulau Pinang berkenaan dengan Pembudayaan Norma Baharu Dalam Komuniti, Pematuhan Undang-undang dan Peraturan Kawalan Penyakit, Pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) Norma Baharu Kehidupan, Mengamalkan 3W dan Mengelakkan 3C, Mengambil Suntikan Vaksin COVID-19, Tidak Menyebarkan Maklumat Palsu dan Tidak Membawa Masuk COVID-19 Dalam Rumah, Komuniti dan Daerah.

Peningkatan pengetahuan, kesedaran dan kefahaman yang berkaitan direalisasikan melalui penyebaran maklumat yang berkaitan kepada rakyat negeri Pulau Pinang melalui Media Massa (media elektronik dan media cetak), Media Sosial, Mobilisasi Komuniti (Pemerkasaan Individu, Komuniti dan Organisasi), Aktiviti Temuseru (*Out Reach*) dan Latihan.

Lampiran 1 menunjukkan PPV dan jumlah penerima vaksin.



11 AKTIVITI EKONOMI

DALAM SEKTOR PERDAGANGAN DAN PENGEDARAN BOLEH KEMBALI BEROPERASI DI FASA 2

KEMENTERIAN/AGENSI BERTANGGUNGJAWAB : PDRM, KPDNHEP

TERPAKAI KE ATAS FASA 2 PPN YANG
MAHA KADAR VAKSINASI LENGKAP
BAGI POPULASI DEWASA

DI NEGERI BERKUALITI
TELAN MENGAJAI
SEKURANG-KURANGNYA 50%

16 OGOS 2021

PELANGGAN YANG INGIN MEMANFAATKAN KEMUDAHAN INI MESTI TELAH LENGKAP VAKSINASI

2 DOS
SUNTIKAN

PFIZER, ASTRAZENECA DAN SINOYAC
SELEPAS HARI KE-14 DARI TARIKH
SUNTIKAN DOS KEDUA.

1 DOS
SUNTIKAN

JOHNSON & JOHNSON DAN CANSINO
SELEPAS HARI KE-28 DARI TARIKH
SUNTIKAN.

KEMUDAHAN	FASA 2
 KEDAI BARANG FOTOGRAFI DAN PERKHIDMATAN FOTOGRAFI	
 KEDAI BARANGAN TERPAKAI	
 KEDAI BUNGA DAN NURSERI	
 KEDAI KRAFTANGAN DAN CENDERAHATI	
 KEDAI ANTIK	
 KEDAI ALAT PERMAINAN	
 KEDAI PERMAIDANI	
 KEDAI KANDUNGAN KREATIF DAN PERALATAN INDUSTRI KREATIF	
 KEDAI PERALATAN OUTDOOR (TERHASUK PERALATAN PERKHEMAHAN, MEMANCING DAN LAIN-LAIN)	
 KEDAI KOSMETIK, PENJAGAAN KULIT DAN MINYAK WANGI	
 KEDAI TEMBAKAU (TERMASUK VAPE DAN ROKOK ELEKTRONIK)	

FASA-FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA

SETAKAT 15 OGOS 2021



FASA 1	FASA 2	FASA 3
KEDAH SELANGOR W.P. KUALA LUMPUR NEGERI SEMBILAN	MELAKA JOHOR W.P. PUTRAJAYA PULAU PINANG PERAK KELANTAN TERENGGANU	PAHANG SABAH PERLIS SARAWAK LABUAN



KERAJAAN

MALAYSIA

11 AKTIVITI EKONOMI DALAM SEKTOR PERDAGANGAN DAN PENGEDARAN BOLEH KEMBALI BEROPERASI DI FASA 2

KEMENTERIAN/AGENSI BERTANGGUNGJAWAB: PDRM, KPDRHEP

TERPAKAI KEATAS FASA 2 PPN YANG
SARAF KAD / SJIJIL DIGITAL VAKSINASI LENGKAP
BAGI POPULASI DEWASA
DI NEGERI MELAYU
SEKURANG
16 OGOS 2021

PELANGGAN YANG INGIN MEMANFAATKAN KEMUDAHAN INI MESTI TELAH LENGKAP VAKSINASI

2 DOS SUNTIKAN	1 DOS SUNTIKAN
PRIFER, ASTRAZENCA DAN SINOYAC SELEPAS HARI KE-14 DARI TARIKH SUNTIKAN DOS KEDUA.	JOHNSON & JOHNSON DAN CANSINO SELEPAS HARI KE-12 DARI TARIKH SUNTIKAN.

KEDAI BARANG FOTOGRAFI DAN PERKHIDMATAN FOTOGRAFI

KEDAI BARANGAN TERPAKAI

KEDAI BUNGA DAN NURSURI

KEDAI PERALATAN OUTDOOR
(TERBUKA KELOMPOK DAN PERKHIDMATAN, TAPAK, KEMAS DAN LAIN-LAIN)

KEDAI KRAFTANGAN DAN CENDERAMAHATI

KEDAI ANTIK

KEDAI ALAT PERMAINAN

KEDAI TEMBAKAU
(TERBUKA VAPOR DAN ROKOK ELEKTRONIK)

KEDAI PERHAJIAN

KEDAI KANDUNGAN KREATIF DAN PERALATAN INDUSTRI KREATIF

KEDAI KOSMETIK, PENJAJAAN KULIT DAN MINYAK WANGI

PERATURAN DAN GARIS PANDUAN

Pemilik premis wajib sediakan kod QR MySejahtera, buku pendaftaran kehadiran pelanggan, hand sanitizer dan pengimbas suhu

Pemilik premis, pekerja dan pelanggan wajib check in guna MySejahtera atau buku pendaftaran kehadiran pelanggan

Pemilik premis perlu pastikan amalan pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal sentiasa dipatuhi

Pemilik premis perlu pastikan pelanggan yang ingin memasuki premis/pasar mesti menunjukkan kod/sijil digital vaksinasi COVID-19 yang membuktikan pelanggan tersebut telah divaksinasi lengkap

Suhu lebih 37.5 darjah celsius tidak dibenarkan memasuki premis

Memakai gloves, menghadkan masa urusan antara pekerja dan pelanggan serta tidak membuka fitting room

FASA-FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA SETAKAT 15 OGOS 2021

FASA 1		FASA 2	FASA 3
KEDAH SELANGOR W.P. KUALA LUMPUR NEGERI SEMBILAN	MELAKA JOHOR W.P. PUTRAJAYA	PULAU PINANG PERAK KELANTAN TERENGGANU	PAHANG SABAH PERLIS SARAWAK LABUAN

KERAJAAN MALAYSIA

19 Ogos 2021

KEMUDAHAN TAMBAHAN SEKTOR SOSIAL DAN EKONOMI BAGI INDIVIDU VAKSINASI LENGKAP (FASA 1 PPN & SETERUSNYA) BERKUATKUASA : JUMAAT, 20 OGOS 2021

MAKSUD VAKSINASI LENGKAP

VAKSIN COVID-19 2 SUNTIKAN (Pfizer, AstraZeneca dan SinoVac)	14 HARI SELEPAS SUNTIKAN DOS KEDUA	VAKSIN COVID-19 1 SUNTIKAN (Cansino dan Johnson & Johnson)	28 HARI SELEPAS SUNTIKAN
--	---------------------------------------	--	-----------------------------

AKTIVITI DINE-IN BAGI NEGERI-NEGERI FASA 1 PPN

- Menyediakan lebih banyak ruang tempat makan di bahagian luar premis bagi pengudaraan yang lebih baik.
- Pemilik premis kedai makan perlu pastikan individu yang memasuki premis untuk dine-in MESTI menunjukkan Kad / Sijil Digital Vaksinasi COVID-19.
- DIBENARKAN** membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah untuk dine-in di premis tersebut dengan mematuhi protokol kesihatan umum.
- Masa : 6.00 pagi - 10.00 malam
- Patuhi penjarakan fizikal dan dilakukan di kawasan terbuka (outdoor) termasuk separa terbuka.
- Aktiviti di club house :
 - Dine-in di restoran / kafe - **DIBENARKAN** (selaras dengan kebenaran dine-in)
 - Operasi bilik persalinan / bilik mandi - **TIDAK DIBENARKAN**
- Joging, senaman, taichi, berbasikal, skateboarding, memancing, equestrian, memanah, mendaki, tenis (single), badminton (single), golf, permotoran & seumpamanya.
- Perkelahan & perkhemahan :
 - Penyertaan anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah adalah **DIBENARKAN** dengan mematuhi SOP yang ketat.
- PASTIKAN** pelanggan yang memasuki kawasan pasar malam / pasar minggu MESTI menunjukkan Kad / Sijil Digital Vaksinasi COVID-19.

AKTIVITI SUKAN, REKREASI & RIADAH Tanpa sentuhan fizikal & bukan berkumpulan

- Joging, senaman, taichi, berbasikal, skateboarding, memancing, equestrian, memanah, mendaki, tenis (single), badminton (single), golf, permotoran & seumpamanya.
- Perkelahan & perkhemahan :
 - Penyertaan anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah adalah **DIBENARKAN** dengan mematuhi SOP yang ketat.
- PASTIKAN** pelanggan yang memasuki kawasan pasar malam / pasar minggu MESTI menunjukkan Kad / Sijil Digital Vaksinasi COVID-19.

OPERASI PASAR MALAM & PASAR MINGGU

- PASTIKAN** pelanggan yang memasuki kawasan pasar malam / pasar minggu MESTI menunjukkan Kad / Sijil Digital Vaksinasi COVID-19.

www.mkn.gov.my
[Majlis Keselamatan Negara](#)
[@MKNJPM](#)
[Majlis Keselamatan Negara \(Rasmi\)](#)
[mkn_rasmi](#)
[MKNTV](#)

11. Denggi dan Chikungunya.
- Berapakah jumlah pesakit untuk tahun dari 2020 berakhir Julai 2021 di kawasan Parlimen Balik Pulau?
 - Apakah tindakan yang telah diambil dalam menangani wabak ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

11. (a) Jumlah pesakit bagi Kawasan Parlimen Balik Pulau dari tahun 2020 hingga Julai 2021 adalah seperti berikut:-
- Penyakit Chikungunya sebanyak 21 kes.
 - Penyakit Demam Denggi sebanyak 25 kes.
 - Pada tahun 2020 terdapat 1 kawasan wabak penyakit Chikungunya dilaporkan iaitu di Kawasan Lorong Nelayan manakala pada tahun 2021 sehingga Julai tiada wabak dilaporkan.
- (b) Dalam usaha memastikan semua kejadian penyakit Demam Denggi serta Penyakit Chikungunya ini dapat dikawal dari tempoh 2020 sehingga Julai 2021, Jabatan Kesihatan Negeri melalui Pejabat Kesihatan Daerah Barat Daya telah menjalankan aktiviti kawalan kes dengan pencapaian seperti berikut :-

Penyakit	Bilangan premis diperiksa untuk pembiakan Nyamuk Aedes	Bilangan tempat pembiakan ditemui dan dimusnahkan	Bilangan rumah / premis disembur racun (fogging)
Demam Denggi	1238	70	5155
Chikungunya	1204	75	4963

12. Kemiskinan dan Bantuan.
- Berapakah jumlah keluarga di bawah garis kemiskinan terkini mengikut daerah di Pulau Pinang?
 - Berapakah jumlah bantuan yang dikeluarkan kepada mereka ini untuk tahun 2020 hingga Julai 2021?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

12. Kerajaan Negeri memberi bantuan kewangan secara bulanan melalui Program Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) untuk membantu dan membasmi kemiskinan di Pulau Pinang. Pemberian BAES merupakan kesinambungan pemberian Bantuan Am Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang dijenamakan semula daripada Program Agenda Ekonomi Saksama (AES). Kadar pendapatan per kapita (PPK) iaitu RM260 telah digunakan mulai September 2020 bagi penyaluran bantuan berkaitan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri.
- Jumlah keluarga di bawah garis kemiskinan terkini mengikut daerah di bawah Program Agenda Ekonomi Saksama (BAES) adalah seramai 1,573 orang ketua isi rumah (KIR) seperti di **LAMPIRAN A**.
 - Jumlah bantuan yang telah dibelanjakan bagi tahun 2020 dan 2021 di bawah Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) dari tahun 2020 hingga Julai 2021 adalah berjumlah **RM8,229,789.00** manakala Bantuan Persekutuan bagi tempoh yang sama adalah berjumlah **RM130,999,600.00**.

Kes terkini bagi bantuan persekutuan adalah seperti di **LAMPIRAN B** dan jumlah perbelanjaan bagi bulan Ogos 2021 bagi Skim Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

LAMPIRAN A

BILANGAN KETUA ISI RUMAH (KIR) DI BAWAH GARIS KEMISKINAN SEHINGGA OGOS 2021 MENGIKUT DAERAH NEGERI PULAU PINANG

Daerah	Bilangan Ketua Isi Rumah (KIR)
Timur Laut	644
Barat Daya	177
Seberang Perai Utara	385
Seberang Perai Tengah	188
Seberang Perai Selatan	179
Jumlah	1,573

Daerah	Skim Bantuan					Jumlah Kes Sehingga Ogos 2021
	BKK	BWE	EPOKU	BPT	BTB	
Timur Laut	463	2473	1398	213	938	5,485
Barat Daya	425	762	739	125	387	2,438
Seberang Perai Utara	481	1299	1391	221	855	4,247
Seberang Perai Tengah	294	1076	1410	214	879	3,873
Seberang Perai Selatan	250	469	706	172	448	2,045
Jumlah	1,913	6,079	5,644	945	3,507	18,088

LAMPIRAN B

BILANGAN PENERIMA SKIM BANTUAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT BULAN OGOS 2021

Daerah	Skim Bantuan					Jumlah Kes Sehingga Ogos 2021
	BKK	BWE	EPOKU	BPT	BTB	
Timur Laut	463	2473	1398	213	938	5,485
Barat Daya	425	762	739	125	387	2,438
Seberang Perai Utara	481	1299	1391	221	855	4,247
Seberang Perai Tengah	294	1076	1410	214	879	3,873
Seberang Perai Selatan	250	469	706	172	448	2,045
Jumlah	1,913	6,079	5,644	945	3,507	18,088

Nota:

1. BKK = Bantuan Kanak-Kanak
2. BWE = Bantuan Warga Emas
3. EPOKU = Elaun Pekerja OKU
4. BPT = Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik/OKU Terlantar
5. BTB = Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja

ID619/07

LAMPIRAN C

JUMLAH PERBELANJAAN BAGI SKIM BANTUAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT BULAN OGOS 2021

Daerah	Skim Bantuan					Jumlah (RM)
	BKK	BWE	EPOKU	BPT	BTB	
Timur Laut	187,550	1,236,500	629,100	110,000	281,400	2,444,550
Barat Daya	194,250	381,000	332,550	62,500	116,100	1,086,400
Seberang Perai Utara	213,700	649,500	625,950	113,500	246,500	1,859,150
Seberang Perai Tengah	139,100	538,000	634,500	110,000	263,700	1,685,300
Seberang Perai Selatan	115,050	234,500	317,700	86,500	134,400	888,150
JUMLAH	849,650	3,039,500	2,539,800	482,500	1,052,100	7,963,550

Nota:

1. BKK = Bantuan Kanak-Kanak
2. BWE = Bantuan Warga Emas
3. EPOKU = Elaun Pekerja OKU
4. BPT = Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik/OKU Terlantar
5. BTB = Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja

13. Projek Tambakan Selatan Pulau Pinang (PSR).
- (a) Status terkini. Perincian.
 - (b) Ahli Parlimen seperti Yang Berhormat Nurul Izzah menolak projek ini. Bagaimanakah pihak Kerajaan Negeri dapat meyakinkan masyarakat bahawa projek ini amat bermanfaat bagi mereka sedangkan ada kalangan Ahli Parlimen yang menentang?
 - (c) Apakah penjelasan mengenai perkara ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

13. (a) Projek *Penang South Reclamation* (PSR) telah dibentangkan kepada Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) pada 18 April 2019. MPFN telah memberi 18 nasihat bagi pelaksanaan projek ini. Selain itu, projek ini juga telah mendapat kelulusan Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) pada 25 Jun 2019 dengan 72 syarat. PSR juga telah memperoleh surat kelulusan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) daripada PLAN Malaysia pada 27 Ogos 2019.

Secara keseluruhannya, Projek PSR telah mendapat kesemua kelulusan wajib yang diperlukan daripada Kerajaan Persekutuan. Lanjutan daripada kelulusan EIA, salah satu syarat adalah menyediakan Laporan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) bagi kelulusan JAS Negeri Pulau Pinang. Laporan EMP ini akan mensyaratkan kontraktor yang dilantik mematuhi segala syarat-syarat kelulusan EIA semasa kerja-kerja penambakan dilaksanakan. Langkah-langkah kawalan alam sekitar dan program pengawasan alam sekitar di dalam Laporan EMP ini perlu dipatuhi sepenuhnya oleh kontraktor yang bakal dilantik.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih menantikan kelulusan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) yang telah dikemukakan pada 31 Mei 2021 kepada Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang untuk diluluskan. Sementara menunggu keputusan JAS, aktiviti pra-pembinaan seperti kerja ukur (*survey works*) dan siasatan tanah (*soil investigation*) akan diteruskan di tapak projek. Walau bagaimanapun, kerja-kerja penambakan tidak akan dilaksanakan sehingga kelulusan EMP diberikan oleh JAS dan Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa pelaksanaan projek PSR ini hanya akan bermula setelah kelulusan EMP ini diberikan.

Bagi pelaksanaan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP), Kerajaan Negeri telah menawarkan bantuan saguhati *ex-gratia*, bantuan bot, peluang perniagaan/pekerjaan dan skim latihan/pendidikan terhadap komuniti individu nelayan yang layak dan terkesan dengan projek PSR. Selain itu, pembinaan jeti nelayan moden yang dilengkapi pelbagai kemudahan, dan alur navigasi yang membolehkan para nelayan untuk ke laut bagi tempoh 24 jam sehari tanpa mengira keadaan air laut pasang atau surut turut akan dibina. Pelan SIMP ini akan bermula selepas projek PSR diberi kelulusan EMP oleh JAS dan penambakan dibenarkan bermula.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui pihak *Project Delivery Partner* (PDP) juga telah melantik beberapa perunding bagi tujuan pelaksanaan dan audit *PSR Ecology Offset Program* (PEOM). Ini merangkumi kerja-kerja pelabuhan tukun tiruan dan unjam, pelepasan benih ikan dan udang, penambahbaikan ekologi pesisir pantai

(*shoreline eco enhancement*), dan geran penyelidikan (kesan bunyi terhadap hidupan laut, kajian migrasi udang dan kajian-kajian ekologi marin yang lain). Manakala, bagi *Green River Program* dan projek penanaman bakau pula telah dipertanggungjawabkan kepada agensi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perhutanan. Langkah-langkah ini akan dijalankan untuk mewujudkan habitat baharu bagi hidupan laut dan menyumbang kepada kelestarian alam sekitar dan industri perikanan.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited dalam melaksanakan projek PSR bagi menjamin pertumbuhan ekonomi negeri bagi jangka masa panjang. Projek ini adalah penyumbang utama kepada pelaburan infrastruktur dan pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang.

PSR yang juga dikenali sebagai pembangunan *Penang South Islands* (PSI) telah dikenal pasti oleh Majlis Perundingan Pemulihan Sosioekonomi Pulau Pinang (PSERCC) sebagai pemacu pemulihan ekonomi untuk menghadapi kesan pandemik COVID-19 ke atas ekonomi.

Bagi jangka masa pendek, pelaksanaan PSR akan menjana peluang perniagaan kepada banyak syarikat-syarikat pembekal bahan pembinaan dan perkhidmatan tempatan. Peluang perniagaan ini membolehkan syarikat-syarikat ini menjana pendapatan dan mengekalkan pekerja mereka, selain membayar cukai kepada kerajaan.

Bagi jangka masa panjang, PSR mensasarkan *Foreign Direct Investment* (FDI) dengan anggaran sebanyak RM70 bilion, dan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dianggarkan sebanyak RM1.5 trilion, serta mewujudkan lebih 300,000 pekerjaan menjelang 2050. Pembangunan ini akan menjadi pemangkin perkembangan sektor pembuatan dan perkhidmatan yang memacu ekonomi negeri.

Pulau A akan dibangunkan sebagai taman perindustrian teknologi tinggi *Green Tech Park* untuk menarik pelabur antarabangsa dalam sektor elektrik dan elektronik (E & E) berteknologi tinggi di masa hadapan.

Pembangunan taman perindustrian baru ini akan mengembangkan Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas yang terkenal sebagai Lembah Silikon Timur (*Silicon Valley of the East*) untuk membolehkan kita terus berdaya saing bagi menjamin kedudukan Pulau Pinang sebagai penyumbang penting dalam sektor E & E negara dan dunia yang semakin membangun akibat perkembangan teknologi.

Hasrat ini juga adalah selaras dengan visi Penang 2030 yang menggerakkan usaha pembangunan negeri ke arah menambah baik taraf kehidupan (*liveability*) dan kualiti hidup; menaik taraf ekonomi untuk meningkatkan pendapatan isi rumah; dan memperkasakan rakyat melalui penyertaan sivik.

Kerajaan Negeri percaya segala usaha yang diambil akan memberi keyakinan kepada rakyat dan pelabur bahawa PSI adalah sebuah pembangunan hijau yang mampan yang dapat membawa pembaharuan serta pertumbuhan kepada ekonomi, kehidupan rakyat dan masa depan Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi perindustrian, perniagaan dan pelancongan antarabangsa yang unggul.

- (c) Bagi meyakinkan pihak berkepentingan berkenaan projek PSR ini, Kerajaan Negeri telah mengadakan sesi libat urus (*engagement*) sebanyak 1,425 sesi bersama 21,691 orang termasuk nelayan, pihak berkepentingan, wakil rakyat, penduduk, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) sejak Disember 2015 hingga Jun 2021.

Laporan EIA PSR juga dipamerkan kepada pihak awam sebanyak dua (2) kali pada tahun 2017 dan 2019 sebelum mendapat kelulusan pada 25 Jun 2019. Semasa sesi pameran awam ini, orang awam telah diberi peluang mendapatkan maklumat tepat mengenai PSR dan memberi maklum balas mereka. Sebanyak 371 maklum balas bertulis diterima daripada orang awam dan agensi-agensi teknikal pada 2017, dan 834 lagi diterima pada 2019. Kesemua maklum balas dan isu yang dibangkitkan berhubung dengan PSR telah dijawab secara bertulis dan lisan melalui penerangan secara individu dan berkumpulan seperti di dialog awam dan melalui sidang Dewan Undangan Negeri (DUN).

Kerajaan Negeri yakin rakyat Pulau Pinang semakin menyedari akan kepentingan pelaksanaan PSR dalam merangsang ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan untuk membantu proses pemulihan daripada kemelesetan akibat pandemik COVID-19. Ramai yang percaya bahawa pembangunan PSR, yang juga dikenali sebagai *Penang South Islands* (PSI) adalah sebuah projek jangka masa panjang yang akan membawa transformasi yang menjamin perkembangan ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat pada masa depan.

Sejak dahulu lagi, Kerajaan Negeri telah mengamalkan pendekatan yang terbuka dan telus dalam menghadapi bantahan nelayan, pihak berkepentingan dan pertubuhan bukan kerajaan. Kerajaan Negeri bersama pihak PDP juga turut mengambil inisiatif menghebahkan maklumat projek melalui Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) yang ditubuhkan pada 3 Mei 2016 di Permatang Damar Laut dan 3 Mac 2017 di Gertak Sanggul. Kerajaan Negeri kini sedang dalam perancangan membina PPSN ketiga di Sungai Batu yang dijangka akan mula beroperasi pada akhir tahun 2021. Selain itu, Kerajaan Negeri juga giat menghebahkan maklumat sahih Projek PSR melalui media sosial dan keratan akhbar tempatan dan antarabangsa.

Kerajaan Negeri akan sentiasa meneruskan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan dengan berkongsi maklumat sahih dalam membantu rakyat memahami keperluan dan kepentingan PSR kepada Pulau Pinang.

14. Rancangan Tebatan Banjir (RTB).

- (a) Berapakah yang telah dibelanjakan daripada keseluruhan peruntukan RTB bagi kawasan Parlimen Balik Pulau mengikut DUN?
- (b) Adakah RTB ini telah menyelesaikan masalah banjir di Parlimen Balik Pulau secara total berbanding dengan perbelanjaan yang telah dikeluarkan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

14. (a) Peruntukan bagi pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang telah diluluskan untuk Parlimen Balik Pulau adalah seperti berikut:

(i) **RTB Pondok Upeh/Sg. Burong:**

- (a) DUN Pulau Betong
- (b) Kelulusan siling RMKe-11 sebanyak RM10 juta.
- (c) Status semasa adalah penyediaan reka bentuk terperinci oleh perunding dengan kos sebanyak RM364,265.63. Kerja ukur pula telah siap dilaksanakan pada April 2021 dengan jumlah kos RM250,612.94. Kerja penyiasatan tanah dijangka bermula pada September 2021.
- (d) Pembinaan fizikal dijangka bermula pada suku kedua tahun 2022.

(ii) **RTB Teluk Bahang:**

- (a) DUN Teluk Bahang
- (b) Kelulusan siling RMKe-11 sebanyak RM8 juta.
- (c) Status semasa adalah penyediaan reka bentuk terperinci oleh perunding dengan perbelanjaan sebanyak RM321,563.13. Kerja ukur telah siap dilaksanakan pada Julai 2021 dengan kos sebenar RM321,298.40. Kerja penyiasatan tanah dijangka bermula pada Januari 2022.
- (d) Pembinaan fizikal dijangka bermula pada suku kedua tahun 2022.

(b) Memandangkan kemajuan projek semasa masih dalam peringkat awalan yang merangkumi reka bentuk, kerja ukur dan penyiasatan tanah, maka *output dan outcome* pengurangan risiko banjir daripada pelaksanaan kedua-dua projek RTB ini akan diperoleh selepas projek pembinaan fizikal RTB ini siap sepenuhnya. Pembinaan fizikal projek RTB ini dijangka akan bermula pada pertengahan 2022 dan siap pada pertengahan 2024.

15. Penerokaan tanah haram di Pulau Pinang.

- (a) Sila perincikan penerokaan tanah haram dalam segala bentuk di Pulau Pinang, contohnya penerokaan untuk tanaman durian, penempatan haram dan sebagainya.
- (b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam hal ini dan sebutkan tindakan-tindakan yang telah diambil.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

15. (a) Penerokaan tanah haram melibatkan pendudukan tanah kerajaan tanpa kebenaran yang selalunya melibatkan aktiviti seperti berikut:

(1) Pembinaan premis seperti:

- (i) Rumah kediaman,
- (ii) Kedai/gerai,
- (iii) Setor simpanan barang; dan

- (iv) Pondok
 - (2) Aktiviti pertanian seperti penanaman pokok buah-buahan, sayuran dan sebagainya.
 - (b) Tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 425 dan 426A Kanun Tanah Negara 1965 akan diambil sekiranya penceroboh tidak mengambil tindakan sewajarnya selepas pemberian notis atau tindakan segera bagi premis yang baru dibina di bawah tempoh enam (6) bulan.
16. Kesan COVID-19 terhadap ekonomi Pulau Pinang.
- (a) Apakah kesan-kesan terhadap ekonomi Negeri Pulau Pinang akibat pandemik COVID-19?
 - (b) Nyatakan hasil pendapatan Kerajaan Negeri pada tahun 2018, 2019 dan 2020.
 - (c) Nyatakan jumlah pelaburan luar negeri dan dalam negeri pada tahun 2018, 2019 dan 2020.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

16. (a) Kesan pandemik COVID-19 terhadap ekonomi Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-
- (i) Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Pulau Pinang pada tahun 2020 telah menguncup sebanyak 2.1%. Ekonomi Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2021 dijangka akan menyerupai prestasi ekonomi pada tahun 2020. Meskipun begitu, prestasi tersebut adalah lebih baik berbanding pertumbuhan di peringkat nasional yang mencatatkan penguncupan 5.6% pada tahun 2020. KDNK yang direkodkan oleh Pulau Pinang merupakan yang ke-empat tertinggi di Malaysia bagi tahun yang sama.
 - (ii) Penurunan KDNK Pulau Pinang pada tahun 2020 adalah dipengaruhi oleh sektor perkhidmatan yang menguncup 5.7% (2019: 5.5%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, penginapan dan makanan & minuman. Selain itu, penurunan dalam subsektor pengangkutan & penyimpanan, hartanah serta perkhidmatan perniagaan turut mempengaruhi prestasi sektor ini. Walau bagaimanapun, pertumbuhan lebih baik dalam produk elektrik, elektronik & optikal pada tahun 2020 menyokong prestasi sektor pembuatan untuk meningkat kepada 2.8% (2019: 2.7%). Secara keseluruhannya, pertumbuhan positif di sektor pembuatan telah mengurangkan kesan kemerosotan ekonomi di Pulau Pinang pada tahun 2020.
 - (iii) Pertumbuhan sektor pembuatan adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan dunia untuk produk elektrik, elektronik dan optikal. Subsektor ini telah menyumbang sebanyak 30.8% dalam KDNK Pulau Pinang meningkat sebanyak 6.4% pada tahun 2020 dan menyumbang 35.8% daripada jumlah keluaran E&E di seluruh negara. *Trend* ini diramalkan akan berterusan bagi tahun 2021 dengan anggaran pertumbuhan yang lebih tinggi. Semasa PKP3.0 dilaksanakan, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) bagi produk E&E menunjukkan pertumbuhan sebanyak 21.6% pada bulan Mei 2021. Nilai jualannya juga meningkat sebanyak 31%

dalam bulan yang sama. Beberapa syarikat yang membuat pengumuman awam berkenaan dengan pelaburan di Pulau Pinang pada tahun 2021 juga adalah daripada sektor ini, contohnya Simmtech Holdings Inc., JHM, Greatech, dan JV antara Applied Engineering dan QES.

- (iv) Sektor pembinaan bagi tahun 2021 dijangka akan terjejas disebabkan oleh peningkatan kes COVID-19 dan pelaksanaan PKP3.0. Sektor ini mencatatkan penurunan paling tinggi berbanding sektor yang lain, iaitu sebanyak 15.5% pada tahun 2020. Pembinaan bangunan adalah lebih perlahan disebabkan oleh permintaan harta benda yang lebih lembap, selain peningkatan harta tidak terjual (*overhang property*). Pulau Pinang berada di tempat kedua bagi unit harta kediaman yang tidak terjual dengan 4,477 unit, di belakang Negeri Johor (6,001 unit).
- (v) Sektor perkhidmatan bagi tahun 2021 juga dijangka mencatatkan penurunan berbanding tahun sebelumnya. Sektor ini telah menguncup sebanyak 5.7% pada tahun 2020 di mana perdagangan borong dan runcit, makanan dan minimum dan penginapan mengalami kemerosotan yang agak signifikan (-9.5%). Sektor ini didorong oleh aktiviti pelancongan yang sangat terkesan dengan pandemik COVID-19, di mana pelancong antarabangsa tidak dibenarkan memasuki negara sejak Mac 2020. Selain itu, pelancong domestik ke Pulau Pinang juga telah mencatatkan penurunan sebanyak 42.2%. Pelancongan perubatan (*Medical Tourism*) dan pelancongan MICE (*Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions*) juga telah merosot dengan penurunan pelancong. Justeru, lebih banyak inisiatif yang kreatif dan inovatif perlu diberi tumpuan untuk membina semula sektor ini dengan kerjasama penggiat sektor pelancongan.
- (vi) Sektor pertanian dijangka tidak akan mengalami perubahan yang ketara. Bagi tahun 2020, sektor Pertanian mencatatkan penurunan 0.8% berbanding tahun sebelumnya. *Trend* ini dijangka lebih kurang sama walaupun sektor ini dibenarkan beroperasi semasa PKP3.0. Perkara ini disebabkan oleh jangka masa beroperasi yang lebih pendek, masalah logistik, kekurangan tenaga kerja dan peningkatan kes COVID-19 di kebun-kebun Cameron Highlands yang mendorong peningkatan harga sayur-sayuran berikutan kekurangan sayur-sayuran dalam pasaran.
- (vii) Kerajaan Negeri menganggarkan kutipan hasil negeri bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM506.02 juta. Walau bagaimanapun, kutipan hasil dari sumber yang dijangka adalah jauh lebih rendah daripada anggaran. Sehingga 31 Julai 2021, kutipan hasil adalah berjumlah RM502.20 juta iaitu 99.24% daripada anggaran hasil 2021. Namun sejumlah RM250.74 juta daripada kutipan tersebut merupakan hasil daripada bayaran premium tanah yang tidak dianggarkan di mana anggaran kutipan hasil premium tanah bagi tahun 2021 hanyalah RM53.52 juta. Selain itu, terdapat beberapa kategori hasil utama yang dijangka tidak akan mencapai prestasi kutipan yang memberangsangkan bagi tahun 2021 iaitu hasil pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, cukai hiburan, bayaran lesen dan permit, faedah dan keuntungan pelaburan, bayaran perkhidmatan dan kutipan sewaan bangunan kerajaan.

- (b) Hasil pendapatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2018, 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Hasil (RM)
2018	987,050,138.69
2019	661,518,790.91
2020	467,277,197.91
Jumlah Keseluruhan (RM)	2,115,846,127.51

- (c) Jumlah pelaburan luar negeri dan dalam negeri di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2018, 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:-

Tahun	Pelaburan Luar Negeri Nilai Pelaburan Asing (FDI) (RM)	Pelaburan Dalam Negeri Nilai Pelaburan Domestik (DDI) (RM)	Jumlah (RM)
2018	3,693,372,127.00	2,087,578,462.00	5,780,950,589.00
2019	15,000,441,913.00	1,854,918,421.00	16,855,360,334.00
2020	10,550,167,752.00	3,562,795,021.00	14,112,962,773.00

Sumber: Pelaburan sektor pembuatan di Pulau Pinang, Malaysian Investment Development Authority (MIDA).

17. Pasaran Rumah dan Hartanah.

- (a) Berapakah jumlah rumah baru yang telah siap dibina melebihi satu (1) tahun tetapi masih belum dapat dijual?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri dapat menyenaraikan jumlah rumah tersebut mengikut keluasan, jenis, lokasi dan harga?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

17. *Overhang* merujuk kepada kategori unit telah siap dibina tetapi tidak dapat dijual melebihi sembilan (9) bulan dari tarikh Perakuan Siap dan Pematuhan / *Certificate of Completion and Compliance* (CCC).
- (a) Sehingga Suku Keempat Tahun 2020 (Q4 2020), kemaskini terkini oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negara (NAPIC) melalui *Unsold Property Enquiry System Malaysia* (UPESM) NAPIC telah melaporkan sebanyak 3,053 unit hartanah kediaman tidak terjual dengan nilai RM1.07 bilion. Ia adalah penurunan saganaki 19% peratus berbanding Suku Ketiga Tahun 2020 (Q3 2020) iaitu 3,743 unit hartanah tidak terjual dengan nilai RM2.77 bilion.
- (b) Berdasarkan sumber yang sama lokasi, jumlah, kategori rumah dan harga rumah yang berada dalam kategori *overhang* adalah seperti **Lampiran A**.

LAMPIRAN A

SENARAI HARTANAH KEDIAMAN DALAM KATEGORI TIDAK TERJUAL (OVERHANG) BAGI SUKUAN KEEMPAT TAHUN 2020

Peratusan Tidak Terjual (%)		Kawasan (Mukim/Seksyen)	Jumlah Tidak Terjual	Jumlah Unit Dilancar	Nilai Tidak Terjual (RM)
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)					
86.96		Jelutong Seksyen 3, Daerah Timur Laut	20	23	53,784,000.00
72.35		Mukim 13, Daerah Timur Laut	382	528	92,265,000.00
50		Mukim 3, Daerah Barat Daya	14	28	12,600,000.00
35.45		Jelutong, Daerah Timur Laut	134	378	92,598,000.00
29.71		Mukim 11, Daerah Barat daya	399	1,343	15,900,000.00
28.67		Mukim E, Daerah Barat Daya	41	143	14,822,000.00
23.32		Seksyen 1, Daerah Timur Laut	520	2,230	263,550,000.00
17.93		Mukim 12, Daerah Barat Daya	237	1,322	198,170,615.00
4.23		Mukim 10, Daerah Barat Daya	67	1,584	35,183,280.00
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)					
69.86		Mukim 12, SPU	51	73	17,952,000.00
47.93		Mukim 14, SPS	670	1,398	170,255,600.00
42.92		Mukim 11, SPT	94	219	54,636,000.00
40.74		Mukim 10, SPU	11	27	4,499,000.00
38.54		Bukit Mertajam Seksyen 6, SPT	37	96	16,243,000.00
33.04		Butterworth Seksyen 3, SPU	37	112	12,500,894.00
25.72		Mukim 15, SPS	214	832	150,783,672.00
25		Mukim 2, SPT	7	28	4,025,000.00
11.11		Mukim 1, SPT	8	72	4,792,000.00
9.38		Mukim 6, SPU	92	981	94,810,500.00
26.58		Jumlah Keseluruhan	3,035	11,417	1,072,175,561.00

**JUMLAH HARTANAH KEDIAMAN TIDAK TERJUAL (*OVERHANG*)
MENGIKUT JULAT HARGA**

Harga Rumah	Jumlah	Nilai (RM Juta)	Peratusan
<RM300,000.00	1,059	304.7	28.43
>RM300,000.00 - RM500,000.00	1,149	101.2	9.44
>RM500,001.00 - RM800,000.00	496	306.8	28.62
>RM800,001.00 - RM1,000,000.00	215	210.7	19.66
>RM1,000,001.00	116	148.6	13.86
JUMLAH	3,035	1.072	100.00

**JUMLAH HARTANAH TIDAK TERJUAL (*OVERHANG*)
MENGIKUT JENIS DAN NILAI**

Jenis Kediaman	Jumlah	Nilai (RM Juta)	Peratusan
Teres 2-3 Tingkat	199	138.8	6.56
Teres Berkembar 2-3 Tingkat	181	132.7	5.97
Rumah Sesebuah	160	159.1	5.27
<i>Townhouse</i>	12	6.3	0.4
Rumah Kos Rendah	6	0.4	0.2
Kondominium/Pangsapuri	2,477	634.8	81.6
JUMLAH	3,035	1.072	100.00

18. Perkhidmatan Kesihatan.
- (a) Nyatakan jumlah peruntukan tambahan yang diterima dari Kerajaan Persekutuan untuk kerja penambahbaikan infrastruktur perkhidmatan kesihatan Negeri Pulau Pinang.
- (b) Senaraikan projek yang terlibat.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

18. Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Negeri Pulau Pinang telah menyediakan peruntukan tahunan bagi kerja-kerja menambah baik infrastruktur perkhidmatan kesihatan di negeri ini. Bagi tahun 2021, sejumlah RM153,060,000 (siling Tahun 2021) telah diluluskan bagi membiayai sebanyak 15 projek di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Jumlah kos keseluruhan projek-projek tersebut adalah RM1.58 bilion. Daripada 15 projek yang telah diluluskan di bawah JKN, lima (5) projek merupakan projek baharu yang diluluskan di bawah RMKe-12 *Rolling Plan* 1.

Senarai 15 projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

- (i) *Multi Storey Block*, Hospital Seberang Jaya;
- (ii) Naik taraf Jabatan Kecemasan dan Pesakit Luar Hospital Balik Pulau, Pulau Pinang;
- (iii) Klinik Kesihatan Jenis 2 (KK2) Bandar Perda, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang;
- (iv) Klinik Kesihatan Jenis 3 (KK3) Dengan Kuarters Air Putih, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang;
- (v) Kuarters Hospital Pulau Pinang;
- (vi) Blok Wanita Dan Kanak-Kanak Hospital Pulau Pinang;
- (vii) Blok Klinik Pakar Dan Wad Hospital Pulau Pinang;
- (viii) Pembinaan Blok Baharu Pusat Perkhidmatan Stem Sel, Hospital Pulau Pinang;
- (ix) Klinik Kesihatan Jenis 2 (KK2) Dengan Kuarters, Bayan Lepas;
- (x) Klinik Kesihatan Jenis 3 (KK3) Bandar Tasek Mutiara, Seberang Perai Selatan;
- (xi) Penggantian Dan Pertambahan Perkakasan ICT Dan Rangkaian Bagi Menyokong *Hospital Information System* (HIS) Di Hospital Kepala Batas (Baharu);
- (xii) Naik taraf Sistem Bekalan Air Hospital Sungai Bakap, Pulau Pinang (Baharu);
- (xiii) Perolehan Peralatan Pasukan Pergigian Bergerak Pulau Pinang (Baharu);
- (xiv) Kerja Tanah Dan Kerja-Kerja Berkaitan Bagi Klinik Kesihatan (Jenis 3) Mak Mandin, Pulau Pinang (Gantian) (Baharu); dan
- (xv) Naik taraf Sistem Keselamatan Kebakaran Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang (Baharu).

19. Bantuan Bakul Makanan.

- (a) Sebutkan jumlah penerima bakul makanan yang direkodkan di Pulau Pinang sama ada melalui Ahli Parlimen, agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan seperti JKM, NGO dan sebagainya.
- (b) Adakah bantuan ini secara dasarnya sampai ke golongan sasaran?
- (c) Berapakah peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk perkara ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

19. Bantuan bakul makanan merupakan satu inisiatif Kerajaan untuk membantu masyarakat yang terkesan sepanjang pandemik COVID-19 bagi memastikan masyarakat dapat meneruskan kelangsungan hidup.

- (a) Berdasarkan rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pulau Pinang, jumlah penerima bakul makanan melalui Bakul Prihatin Negara dan Bakul Makanan di bawah Inisiatif PERMAI adalah seramai 53,868 orang. Manakala penerima bakul makanan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pula adalah seramai 30,800 orang. Jumlah ini menjadikan keseluruhan penerima bakul makanan di Pulau Pinang adalah seramai **84,668 orang**. Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai data bantuan bakul makanan yang disalurkan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO).
- (b) Secara dasarnya, bantuan bakul makanan telah diagihkan kepada kumpulan sasar yang memerlukan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa Pandemik COVID-19. Antara golongan yang disasarkan adalah seperti berikut :
 - (i) Penerima bantuan JKM;
 - (ii) Penerima bantuan Program Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES);
 - (iii) Penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau rumah kos rendah; atau
 - (iv) Mana-mana individu/keluarga yang telah dikenal pasti layak menerima bantuan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan.
- (c) Sejak bermulanya pandemik COVID-19 dari Mac 2020, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM1,540,000.00** bagi pembelian 30,800 bakul makanan. Selain itu, YB ADUN dan YB Parlimen juga telah diberikan peruntukan berjumlah RM50,000.00 di bawah Pakej Bantuan Khas (Penang Lawan COVID-19) untuk memberikan bantuan segera kepada penduduk yang terjejas di kawasan masing-masing termasuk penyediaan bakul makanan. Implikasi kos keseluruhan peruntukan khas ini adalah berjumlah **RM2.95 juta**.

20.

Pengangguran.

- (a) Kadar pengangguran akibat pandemik COVID-19. Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan peningkatan tahap kemahiran (upskilling), latihan semula kemahiran (reskilling) dan kemahiran yang pelbagai (multiskilling) agar yang terkesan dapat segera kembali ke pasaran kerja?
- (b) Peratusan program di atas yang berjaya didaftarkan dari keseluruhan yang terkesan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

20. (a) Berdasarkan rekod Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar pengangguran di Negeri Pulau Pinang sejak penularan pandemik COVID-19 bermula pada tahun 2020 sehingga separuh tahun pertama tahun 2021 adalah seperti berikut:

Tahun	Kadar Pengangguran (%)
2020	3.5
Separuh tahun pertama 2021	3.7

Antara usaha-usaha Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dan Digital Penang bagi membantu yang terkesan dapat segera kembali ke pasaran kerja menerusi peningkatan tahap kemahiran (*upskilling*), latihan semula kemahiran (*reskilling*) dan kemahiran yang pelbagai (*multiskilling*) adalah seperti berikut:

- (i) Program *Reskilling, Upskilling & New Skilling: PYDC Essential Skills Programme June 2021 Series*. Program ini menawarkan sebanyak lapan (8) modul untuk meningkatkan kebolehpasaran golongan belia yang sedang menganggur seperti *Personal Profile Building and Job Hunting, Self-Leadership for Personal Success, Personal Branding and Grooming, Communication and Interpersonal Skills* untuk memastikan pembangunan belia secara holistik. Seramai 1,183 peserta telah menyertai bengkel ini;
- (ii) *Career Readiness Workshop* yang dianjurkan oleh PYDC pada bulan April dan Ogos 2021 yang menumpukan kepada mahasiswa/i ataupun graduan baharu untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran yang berguna bagi permohonan pekerjaan. Setakat ini, seramai 125 peserta telah mendaftar untuk bengkal kerjaya ini;
- (iii) *Penang Young Digital Talent Programme* anjuran PYDC yang merupakan program pensijilan yang akan melayakkan para belia menerima sijil yang diperakui oleh Kerajaan Negeri dan pihak industri. Program ini menawarkan modul teras dan modul kemahiran insaniah kepada peserta secara teori daripada tahap asas untuk memberi peluang kepada para peserta untuk mempelajari kemahiran digital sebagai salah satu usaha untuk

upskilling. Selain itu, para peserta juga perlu menjalani 80 jam sesi praktikal untuk memastikan mereka mempraktikkan segala ilmu yang telah dipelajari. Dengan corak pembelajaran sebegini, para peserta akan menerima pendedahan yang lebih menyeluruh serta lebih efektif dalam meningkatkan pembangunan *upskilling* mereka. Sebanyak 220 peserta telah menyertai bengkel ini;

- (iv) Program *Digitalise Penang For Youth* anjuran PYDC yang bertujuan untuk merencanakan pembangunan serta transformasi digital dalam kalangan belia. Program ini menawarkan peluang kepada pelajar daripada seluruh Malaysia yang berumur dari 15 hingga 35 tahun untuk mempelajari menggunakan *Web Hosting* secara percuma selama satu (1) tahun di bawah tajaan penuh Exabytes Sdn. Bhd. Para peserta boleh menggunakan platform ini untuk tujuan membangunkan perniagaan sendiri;
- (v) Bengkel *upskilling* tentang cara menjual secara maya anjuran Digital Penang. Antara modul yang disediakan adalah “*Introduction to selling online*”, “*Domain, Hosting and VPS*” dan juga “Pemasaran Digital”. Bengkel-bengkel ini dilaksanakan dengan kerjasama pakar bidang sektor swasta. Setakat bulan Ogos 2021, seramai 314 individu telah menyertai bengkel tersebut; dan
- (vi) Program-program untuk membangunkan ekosistem keusahawanan berteraskan teknologi anjuran Digital Penang. Antara program yang telah dilaksanakan adalah bengkel tentang pelbagai topik keusahawanan seperti “*Design Thinking*”, “*Fund Raising*” dan “*Business Model Canvas*”. Setakat Ogos 2021, seramai 955 usahawan telah menyertai bengkel-bengkel tersebut. Pada tahun 2022, Digital Penang merancang untuk mengadakan *Startup Bootcamp* sebagai satu program *multiskilling* kepada para usahawan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyokong program *upskilling* dan *reskilling* yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) yang juga disertai oleh rakyat Negeri Pulau Pinang yang terkesan:

- (i) NCER *Strategic Intervention Programme* (NCSIP) iaitu program intervensi yang bertujuan untuk membantu pekerja syarikat yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Antara bantuan yang ditawarkan kepada pekerja-pekerja yang telah diberhentikan ialah padanan pekerjaan, peluang untuk meningkatkan kemahiran dan peluang keusahawanan;
- (ii) Program *empowerNCER* – Latihan dan Keusahawanan yang dirancang bagi menangani isu sosioekonomi berdasarkan keperluan sedia ada dengan meningkatkan kemahiran rakyat tempatan agar mereka mampu berdaya saing dan merebut peluang ekonomi yang sedia ada. Jumlah peserta setakat Jun 2021 adalah seramai 925 orang; dan

- (iii) *NCER Talent Enhancement Programme* (NTEP) yang merupakan satu program insentif modal insan kepada syarikat-syarikat yang melabur dan membuat pengambilan pekerja baharu di NCER. Selain itu, program ini yang terbuka kepada graduan, dapat menggalakkan syarikat untuk mengambil graduan yang baru menamatkan pengajian dan seterusnya dapat memberi latihan dan peluang pekerjaan. Jumlah penerima manfaat setakat Jun 2021 adalah seramai 1,309 orang.

Tambahan itu, di bawah inisiatif *PenjanaKerjaya* oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), majikan yang mengambil pekerja layak memohon subsidi agar pekerja tersebut menjalani latihan *reskilling* dan *upskilling* berdasarkan keperluan pekerjaan atau industri berkenaan, tertakluk kepada kadar antara RM4,000 hingga RM7,000.

- (b) Berdasarkan rekod PERKESO, jumlah pekerja yang diberhentikan sepanjang penularan pandemik COVID-19 dari Januari 2020 sehingga 13 Ogos 2021 adalah seramai 12,893 orang. Mengambil kira program di atas, hampir 40 peratus (5,031 orang) daripada keseluruhan yang terkesan telah berjaya didaftarkan untuk menyertai program-program tersebut. Walau bagaimanapun, bilangan peserta bagi program latihan *reskilling* dan *upskilling* oleh PERKESO tidak dapat diperolehi.

21. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

- (a) Berapakah jumlah pendaftaran untuk program ini di Pulau Pinang sehingga Julai 2021?
- (b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menggalakkan penduduk Pulau Pinang mendaftar untuk program ini terutamanya golongan warga emas?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

- 21. (a) Sehingga 22 Ogos 2021, sebanyak 1,300,273 penduduk Pulau Pinang telah mendaftar di MySejahtera, di mana 1,203,655 adalah dewasa berumur 18 tahun ke atas manakala 96,618 adalah di kalangan mereka yang berumur 17 tahun ke bawah.
- (b) Bermula 2 Ogos 2021, golongan warga emas sudah boleh *walk in* ke empat (4) Pusat Pemberian Vaksin terpilih iaitu SP Arena (SPT), SPICE *Convention Centre*, Dewan Milenium (SPU) dan Dewan Jawi (SPS).

22. Wakaf Pulau Pinang Sdn Bhd.

- (a) Senaraikan pengurusan tertinggi syarikat di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) ini.
- (b) Sejak ditubuhkan pada 2018, apakah peranan yang telah dijalankan oleh syarikat ini dalam memajukan pengurusan wakaf di Pulau Pinang.
- (c) Perincikan setiap transaksi penerimaan wakaf bermula dari 2018 hingga terkini.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

22. (a) Pengurusan tertinggi syarikat Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:

JAWATAN	NAMA
Pengerusi	YB Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abd. Rahman
Ahli Lembaga Pengarah	(i) Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd. Noor. (ii) YBhg. Dato' Haji Samsudin bin Bakar. (iii) YBhg. Dato' Haji Maktar bin Haji Shapee. (iv) YBhg. Datin Hajjah Nor Shafinaz binti J. Nulawadin. (v) YBhg. Dr. Nailul Murad bin Mohd Nor. (vi) YBhg. Tuan Amran bin Hazali. (vii) YBhg. Tuan Zulkiefly bin Saad.

- (b) Peranan yang telah dijalankan oleh syarikat ini dalam memajukan pengurusan wakaf di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (i) Menjalankan tanggungjawab membangun dan menguruskan harta wakaf sama ada harta alih atau harta tak alih dan harta yang diserahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) termasuk menjalankan pelaburan, penyelidikan dan penguatkuasaan ke atas tanah tersebut;
- (ii) Menjalankan kerja-kerja promosi dan publisiti bagi mengumpul dan menambah Dana Wakaf tunai MAINPP dan lain-lain bentuk wakaf; dan
- (iii) Melaksanakan polisi MAINPP berkaitan pengurusan wakaf dan hartanah dan mencadangkan polisi dan inovasi baru berkaitan pembangunan wakaf dan hartanah.

Transaksi penerimaan wakaf bermula dari tahun 2018 hingga terkini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A**TRANSAKSI PENERIMAAN WAKAF BERMULA DARI TAHUN 2018
HINGGA TERKINI**

BIL	TARIKH PEGANGAN HARTA	NO LOT	NO. RUJUKAN HARTA	KUANTITI YANG DIPEGANG (EKAR)
1	1 Januari 2018	924	Sek. 1, Bandar Jelutong, DTL	0.04
2	19 Januari 2018	5916	Mukim 7, SPS	0.15
3	19 Januari 2018	71077	Mukim 12, DBD	0.22
4	21 Januari 2018	1303	Mukim 21, SPT	1.104
5	10 Februari 2018	255	Sek. 1, Tg. Tokong, DTL	0.11
6	21 Mac 2018	20288	Mukim 11, DBD	0.18
7	29 Mac 2018	1373	Mukim 9, SPS	0.07
8	1 April 2018	650	Sek. 2, Bandar Batu Feringhi, DTL	0.03
9	1 Mei 2018	650	Sek. 2, Bandar Batu Feringhi, DTL	0.03
10	18 Jun 2018	PT 905	Mukim 14, SPS	0.27
11	9 Julai 2018	2283	Mukim 6, SPT	0.3634
12	14 Julai 2018	616	Sek. 2, Georgetown, DTL	1.18
13	26 Julai 2018	71667	MUKIM 12, DBD	1.24
14	26 Julai 2018	71668	MUKIM 12, DBD	0.38
15	26 Julai 2018	71669	MUKIM 12, DBD	1.03
16	31 Julai 2018	10061	Mukim 11, SPS	0.68
17	1 Ogos 2018	549	Mukim 10, SPS	0.9
18	1 Ogos 2018	10068	Mukim 8, SPS	0.5
19	1 Ogos 2018	6967	Mukim 15, SPS	0.09
20	1 Ogos 2018	3851	Mukim 9, SPS	1.70
21	10 September 2018	PT 1175	Mukim 1, SPU	0.504
22	2 Oktober 2018	6799	Mukim 13, DTL	0.04
23	18 Oktober 2018	2393	Mukim 2, SPU	0.869
24	26 Oktober 2018	109	Mukim 15, SPT	0.2028
25	26 Oktober 2018	110	Mukim 15, SPT	0.2083
26	12 November 2018	6811	Mukim 12, DBD	0.03
27	28 November 2018	66	Mukim D, DBD	0.16
28	16 Januari 2019	71077	Mukim 12, DBD	0.22
29	6 Mac 2019	398	Sek. 8, George Town, DTL	0.01
30	2 Mei 2019	341	Sek. 11 E, DTL	0.21
31	11 Mei 2019	10665	Mukim 5, SPS	0.21
32	9 Julai 2019	4836	Bandar Tanjung Bunga	0.05
33	9 Julai 2019	4837	Bandar Tanjung Bunga	0.1
34	19 Julai 2019	1434	Mukim 6, SPT	1.5
35	23 Julai 2019	10836	Mukim 11, SPS	0.05
36	30 Ogos 2019	2805	Mukim 9, SPU	0.68
37	04 September 2019	71723	Mukim 12, DBD	0.07

BIL	TARIKH PEGANGAN HARTA	NO LOT	NO. RUJUKAN HARTA	KUANTITI YANG DIPEGANG (EKAR)
38	7 Oktober 2019	2636	Mukim 11, SPU	0.55
39	15 Oktober 2019	20478	Mukim 11, DBD	0.23
40	16 Oktober 2019	4180	Geran 82948/M8/1/624 Mukim 6, SPT	0.04
41	17 Oktober 2019	679	Mukim 3, SPT	0.07
42	7 November 2019	110118	Sek. 2, Bandar Batu Feringhi, DTL	0.04
43	5 Disember 2019	72064	Mukim 12, DBD	0.09
44	3 Januari 2020	1670	Mukim 2, SPU	0.144
45	14 Januari 2020	1637	Mukim 16, SPT	0.125
46	14 Januari 2020	415	Mukim 8, SPT	0.03
47	14 Januari 2020	1010	Mukim 2, SPT	0.09
48	5 Februari 2020	3641	Mukim 5, SPU	2.9
49	26 Februari 2020	4214	Mukim 9, SPS	1.77
50	2 March 2020	3640	Mukim 5, SPU	0.3437
51	8 September 2020	2689	Mukim 12, SPU	1.86
52	8 September 2020	2333	Mukim 12, SPU	0.21
53	13 November 2020	10765	Mukim D, DBD	0.06
JUMLAH				21.1652

23. Dasar Pembasmian Kemiskinan Negeri Pulau Pinang.
- (a) Sejauh manakah dasar ini telah berjaya mengurangkan kemiskinan di Pulau Pinang.
 - (b) Sebutkan jumlah mereka yang telah berjaya keluar daripada kemiskinan dari tahun 2008 hingga 2020.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

23. Sebagai sebuah pentadbiran yang prihatin terhadap nasib rakyat, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat Pulau Pinang untuk keluar daripada kepompong kemiskinan. Dasar Pembasmian Kemiskinan diperkenalkan pada Januari 2013 dan bantuan difokuskan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) yang telah berjaya dikeluarkan daripada kemiskinan tegar.

- (a) Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:
 - (i) Menyalurkan bantuan kewangan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri. Bantuan-bantuan di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ini merangkumi Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) secara bulanan manakala bantuan-bantuan lain seperti Bantuan Pendidikan Pelajar Miskin, Bantuan Bencana Alam, Tabung Bantuan Segera Negeri, Bantuan Latihan Sambil Belajar dan Bantuan Alat Tiruan / Alat Sokongan;
 - (ii) Bantuan Bina Baru merupakan antara bantuan yang diberikan kepada golongan miskin untuk menampung perbelanjaan membina rumah kediaman yang lebih selamat dan sesuai untuk didiami. Bantuan Baik Pulih Rumah pula diberikan untuk menampung kos-kos membaik pulih rumah kediaman yang rosak agar bebanan implikasi kewangan tersebut kepada golongan miskin dapat dikurangkan. Sehingga tahun 2020, sebanyak 203 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin telah menikmati kediaman baru melibatkan kos perbelanjaan sebanyak **RM7,931,004.21**. Bagi rumah yang dibaik pulih pula, sebanyak 1,118 unit rumah telah dibaiki yang telah menelan belanja sebanyak **RM11,410,885.89**;
 - (iii) Mengadakan kursus-kursus kemahiran di bawah Program Pembangunan Modal Insan. Melalui program ini, keluarga miskin digalakkan menyertai kursus-kursus kemahiran tertentu seperti kursus masakan atau jahitan supaya kemahiran tersebut boleh dimanfaatkan untuk menjana pendapatan dan hidup berdikari tanpa perlu bergantung kepada bantuan kerajaan;
 - (iv) Melaksanakan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi di bawah Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi. Program ini memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang menjalankan perniagaan. Individu yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan berpendapatan kurang daripada RM3,000.00 sebulan adalah layak untuk mendapat bantuan peralatan dalam usaha mengembangkan lagi perniagaan sedia ada. Di bawah program ini pada tahun

2020, sebanyak **110 penerima** telah mendapat bantuan peralatan dengan kos sebanyak **RM186,249.07**;

- (v) Menyediakan kemudahan pinjaman kredit Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang. Tabung pinjaman mikro kredit tanpa faedah ini diwujudkan bagi memberi dorongan kepada penternak, petani dan nelayan dalam golongan B40 khususnya untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan punca pendapatan yang besar. Dahulunya dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) dan memfokuskan kepada belia, kini had umur tabung tersebut telah diperluas kepada peminjam berumur 18 hingga 60 tahun. Tabung ini telah dinikmati oleh **175 penerima manfaat** dengan jumlah sebanyak **RM980,000.00** telah dipinjamkan kepada pemohon; dan
- (vi) Memberi bantuan makanan kepada golongan sasar yang telah dikenal pasti termasuklah golongan miskin. Program yang dinamakan sebagai Program Mutiara Foodbank ini berkonsepkan pengagihan semula makanan yang diselamatkan dan masih boleh dimakan dari pelbagai pasar raya sekitar Pulau Pinang kepada penerima manfaat. Sejak diperkenalkan pada tahun 2017 sehingga Jun 2021, sebanyak **1,082 tan** (1,082,00kg) makanan telah berjaya diselamatkan dan diagihkan kepada **62,238 penerima manfaat**.
- (b) Kerajaan Negeri juga memberi bantuan kewangan secara bulanan melalui Program BAES untuk membantu dan membasmi kemiskinan di Pulau Pinang. Pemberian BAES merupakan kesinambungan pemberian Bantuan Am JKM yang dijenamakan semula daripada Program Agenda Ekonomi Saksama (AES). Kadar pendapatan per kapita (PPK) iaitu RM260.00 telah digunakan mulai September 2020 bagi penyaluran bantuan berkaitan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri. Sejak pelaksanaan program ini bermula dari tahun 2009 sehingga tahun 2020, seramai **12,282** Ketua Isi Rumah (KIR) telah berjaya dikeluarkan daripada kemiskinan dengan perbelanjaan oleh Kerajaan Negeri sebanyak **RM37,232,760.00**.

24. Sektor Pelancongan di Pulau Pinang.

- (a) Secara umumnya apakah jenis insentif yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pengusaha sektor pelancongan?
- (b) Apakah tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam menampung kekurangan pendapatan Kerajaan Negeri yang diperolehi sebelum ini yang dijana oleh sektor pelancongan?
- (c) Berapakah pengurangan yang direkodkan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

- 24. (a) Berikut merupakan bantuan kewangan dan subsidi yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu sektor pelancongan di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2021.
 - (i) **Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.**

- (a) Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM200 secara *one-off* kepada penarik beca;
 - (b) Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara *one-off* kepada peniaga yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang merangkumi peniaga perkhidmatan spa, refleksologi dan sebagainya.
- (ii) **Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1**
- (1) Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara *one-off* kepada :
 - (i) pemandu bas/van persiaran, kereta sewa / limosin pelancongan;
 - (ii) pemandu pelancong berdaftar;
 - (iii) pengusaha kuda rekreasi Pulau Pinang;
 - (iv) pengendali perkhidmatan *mobile spa*;
 - (v) pengusaha lancang air (*watercraft operator*) di Pulau Pinang; dan
 - (vi) bantuan Khas Kewangan sebanyak RM 1000 secara *one-off* kepada *Tourist Attraction Operators*.
 - (2) Pengecualiaan fi hotel sehingga 31 Disember 2021;
 - (3) Pemberian subsidi untuk bil Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada penggiat-penggiat industri pelancongan dengan tabung sebanyak RM1 juta.
 - (4) Melancarkan *SKIM Pinjaman Kelangsungan Perusahaan (PEKA)*, yang memperuntukkan RM10 juta pinjaman tanpa faedah untuk menyokong perniagaan yang terjejas dalam industri pelancongan.
 - (5) Pemberian bantuan secara moratorium untuk bil air, cukai petak, cukai tanah, cukai pintu dan fi lesen perniagaan kepada pengusaha-pengusaha sektor pelancongan
- (b) Kerajaan Negeri telah mensasarkan beberapa kempen pelancongan domestik untuk menarik kedatangan pelancong-pelancong tempatan bagi membantu pemulihan ekonomi pelancongan secara beransur-ansur.
 - (c) Pencapaian pendapatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dijana oleh sektor pelancongan (hiburan) bagi tahun 2020 dan sehingga bulan Julai 2021 adalah seperti berikut:

Tahun	Anggaran (RM Juta)	Kutipan Duti Hiburan (RM Juta)	Pencapaian (%)	Kurangan (RM Juta)
2020	17.00	5.98	35.18	11.02
2021	17.00	0.51	2.99	16.49

(Sehingga Julai 2021)				
--------------------------	--	--	--	--

Kerajaan Negeri telah memberikan pengecualian bayaran duti hiburan bermula bulan April hingga Disember 2021 disebabkan industri pelancongan (hiburan) terjejas akibat penularan wabak COVID-19.

25. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

- (a) Berapakah hasil yang dikutip oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk tahun berakhir 2019 hingga 2020?
- (b) Mengikut kenyataan yang dikeluarkan, MBPP mengalami defisit sejak 2016. Apakah tindakan yang dilakukan untuk mengawal defisit yang dicatatkan?
- (c) Adakah kenaikan cukai menjadi agenda utama dalam menampung defisit ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

25. (a) Hasil yang dikutip oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk tahun berakhir 2019 hingga 2020 adalah seperti di jadual berikut:

MBPP		MBSP	
Tahun	Jumlah Hasil (RM)	Tahun	Jumlah Hasil (RM)
2019	362,679,305	2019	277,555,421
2020	383,593,885	2020	258,468,861

- (b) Tindakan yang diambil oleh MBPP bagi mengawal defisit adalah seperti berikut:-
 - (i) Memfokuskan kepada projek sambungan dan tidak melaksanakan projek baharu;
 - (ii) Mengurangkan perbelanjaan bagi mesyuarat, dialog dan keraian seperti tidak menyediakan makanan dalam mesyuarat;
 - (iii) Mengurangkan pembaziran yang tidak diperlukan dan berbelanja secara berhemah;
 - (iv) Menjalankan operasi bagi mengutip tunggakan cukai taksiran MBPP.
- (b) Kenaikan cukai taksiran bukan agenda utama dalam menampung defisit MBPP kerana kajian penilaian semula hanya dilaksanakan pada tahun 2020 bagi tujuan mengemaskini Senarai Nilai Semasa pada tahun 2020. Berdasarkan peruntukan Seksyen 137, Akta Kerajaan Tempatan 1976, semakan semula Senarai Nilai baharu hendaklah disediakan dan disiapkan sekali tiap-tiap lima (5) tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Senarai Nilai Pihak Berkuasa Tempatan di Pulau Pinang sebelum ini telah diguna pakai selama 15 tahun iaitu sejak tahun 2005. Peruntukan Akta Kerajaan Tempatan membenarkan semakan semula setiap lima (5) tahun namun semakan Senarai Nilai Baharu telah ditangguhkan untuk tempoh 15 tahun oleh Pihak Berkuasa Negeri (Kerajaan Negeri) setelah mengambil kira tahap kemampuan/bebanan penduduk untuk membayar cukai yang dikenakan.

Meskipun Kerajaan Negeri telah menentukan kadar cukai selepas semakan senarai nilai baharu dibuat, Kerajaan Negeri telah memberi rebat 100% kepada semua kategori harta bagi perbezaan kenaikan cukai taksiran dalam Senarai Nilai Baharu 2020 berbanding cukai taksiran dari tahun 2019 kepada rakyat Pulau Pinang yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Selain itu, pemberian rebat 100% juga diberikan kepada rumah kampung, rumah kos rendah (LC) dan sederhana rendah (LMC) bagi perbezaan kenaikan cukai taksiran dalam senarai nilai baharu 2021 berbanding cukai taksiran dari tahun 2020 manakala rebat sebanyak 50% diberikan kepada lain-lain kategori harta.

26. Kutipan Zakat.

- (a) Berapakah jumlah yang telah dicatatkan pada tahun 2019 dan tahun 2020 bagi kutipan zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)?
- (b) Adakah tercatat peningkatan bagi kutipan zakat ataupun adakah berlakunya penurunan berbanding tahun-tahun yang sebelumnya? Perincikan.
- (c) Adakah kutipan zakat berkurangan susulan pandemik COVID-19 ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

26. (a) Jumlah kutipan zakat harta dan zakat fitrah bagi tahun 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:

JUMLAH ZAKAT	TAHUN	JUMLAH (RM)
Harta	2019	116,364,840.21
	2020	125,221,515.57
Fitrah	2019	5,066,040.00
	2020	5,547,550.95

Secara keseluruhannya, kutipan zakat harta dan zakat fitrah menunjukkan peningkatan masing-masing sebanyak RM8,856,675.36 (7.6%) dan RM481,510.95 (9.50%). Perincian bagi jumlah kutipan zakat harta dan zakat fitrah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Secara keseluruhannya, kutipan zakat harta dan zakat fitrah bagi tahun 2020 sewaktu pandemik COVID-19 jika dibandingkan pada tahun 2019 tidak berkurang, malah mencatatkan peningkatan. Pola kutipan zakat bagi tahun 2021 hanya dapat dikenal pasti pada hujung tahun ini.

LAMPIRAN A

LAPORAN PERBANDINGAN KUTIPAN ZAKAT BAGI TAHUN 2020 DAN 2019

Perbandingan Jumlah Kutipan Zakat Harta bagi Tahun 2020 dan 2019 (1 Januari hingga 31 Disember)

JENIS KUTIPAN	KUTIPAN TERKUMPUL		
	2020 RM	2019 RM	Perbezaan RM
Pendapatan	81,412,874.29	72,820,914.10	8,591,960.19
Perniagaan	24,156,221.98	25,341,054.15	-1,184,832.17
Wang Simpanan	11,758,222.14	11,041,081.38	717,140.76
Saham	824,472.01	543,610.72	280,861.29
KWSP	2,525,554.57	2,366,790.57	158,764.00
Emas	1,182,295.03	980,751.10	201,543.93
Perak	4,727.76	5,223.76	-496.00
Qadha	272,658.60	198,448.49	74,210.11
Zakat Dikembalikan	0.00	0.00	0.00
Harta	2,631,599.20	2,701,297.13	-69,697.93
Tanaman	440,989.99	358,168.81	82,821.18
Ternakan	11,800.00	7,500.00	4,300.00
Zakat Galian	100.00	0.00	100.00
Jumlah Zakat	125,221,515.57	116,364,840.21	8,856,675.36

Rumusan analisis jumlah kutipan zakat harta semasa bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

TAHUN	2020	2019	JUMLAH BEZA 2019/2020 (RM)	PERATUS BEZA 2019/2020 (%)
BULAN				
JAN-DIS	125.2 juta	116.3 juta	8.86 juta	7.6

Perbandingan Jumlah Kutipan Zakat Fitrah 1441H bagi tahun 1441H (2020) dan 1440H (2019)

TAHUN	PEMBAYAR ORANG	KUTIPAN (RM)	BEZA (RM)	KADAR PERATUSAN KUTIPAN (%)	BEZA (PEMBAYAR)	KADAR PERATUSAN PEMBAYAR (%)
2019	723,720	5,066,040.00	158,585.00	3.23	22,655	3.23
2020	756,948	5,547,550.95	481,510.95	9.50	33,228	4.59

27. Pelaburan Negeri.
- Jumlah pelaburan yang diterima dan dicatatkan berakhir tahun 2020.
 - Sila huraikan trend pelaburan yang diterima mewakili sektor ekonomi.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

27. (a) Jumlah pelaburan bagi Negeri Pulau Pinang untuk tahun 2020 adalah sebanyak RM14,112,962,773. Kebanyakan pelaburan untuk tempoh yang dimaksudkan adalah dalam sektor pembuatan.
- (b) Sektor mesin dan peralatan merupakan penyumbang terbesar pelaburan negeri untuk tahun 2020, dengan nilai RM 5.7 billion atau bersamaan 40% daripada keseluruhan pelaburan yang bernilai RM14,112,962,773.

Sektor kedua terbesar yang menyumbang kepada pelaburan negeri untuk tahun 2020 adalah sektor elektrik dan elektronik, dengan nilai RM 4.7 billion atau bersamaan 34% dari keseluruhan nilai.

Pecahan nilai pelaburan yang berjumlah RM14,112,962,773 mengikut sektor industri adalah seperti berikut :

Industri pembuatan (Subseksyen)	Nilai pelaburan (RM)	Sumbangan kepada jumlah keseluruhan sektor pembuatan (%)
Mesin & Peralatan	5,706,880,006	40%
Elektrik & Elektronik	4,734,542,770	34%
Peralatan saintifik & Pengukuran	2,080,136,369	15%
Lain-lain	1,591,403,628	11%
Total	14,112,962,773	100%

28. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Masalah pembuangan sampah haram dan *discharge* air sampah di Pulau Pinang. Mohon nyatakan statistik jumlah kes berkaitan yang telah dijatuhkan hukuman dari tahun 2018 sehingga sekarang.
 - Apakah peranan PBT dalam mengurangkan hal-hal seperti di atas?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

28. (a) Sejak tahun 2018 sehingga Julai 2021, sebanyak 7,342 tindakan telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi kesalahan pembuangan sampah haram merangkumi pengeluaran notis dan kompaun serta tindakan mahkamah. Perincian statistik tindakan yang telah diambil bagi kesalahan pembuangan sampah haram adalah seperti di **Lampiran A**.

Bagi kesalahan pelepasan air sampah pula, sebanyak 1,208 tindakan pengeluaran notis dan kompaun serta tindakan mahkamah telah diambil PBT sejak tahun 2018 sehingga Julai 2021. Perincian statistik tindakan yang telah diambil bagi kesalahan pelepasan air sampah adalah seperti di **Lampiran A**.

- (b) Peranan PBT dalam menangani isu pembuangan sampah haram dan pelepasan air sampah adalah seperti berikut:
- (i) Menjalankan tindakan penguatkuasaan mengikut peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa;
 - (ii) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu dengan semua agensi berkaitan untuk menguatkuasakan peruntukan undang-undang masing-masing khususnya Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Pejabat Daerah dan Tanah bagi kes di atas tanah milikan kerajaan;
 - (iii) Mewujudkan tempat pelupusan sampah di Pulau Burung yang lebih sistematik dan teratur;
 - (iv) Mendapatkan perkongsian maklumat pelaku, pemilik kenderaan dan pemilik tanah daripada jabatan yang relevan;
 - (v) Memantau aktiviti pembuangan sampah haram dengan menggunakan CCTV yang tetap dan mudahalih di kawasan lokasi *hotspot*;
 - (vi) Melakukan siasatan bagi mengenalpasti premis atau syarikat yang melakukan longgokan sampah haram; dan
 - (vii) Mengadakan dan menggalakkan amalan kitar semula.

LAMPIRAN A

STATISTIK TINDAKAN YANG DIAMBIL TERHADAP KESALAHAN PEMBUANGAN SAMPAH HARAM

PBT	2018			2019			2020			2021		
	Notis	Kompau	Tindakan Mahkamah	Notis	Kompau	Tindakan Mahkamah	Notis	Kompau	Tindakan Mahkamah	Notis	Kompau	Tindakan Mahkamah
MBPP	0	1491	0	6	1470	1	1	1276	1	2	759	0
MBSP	302	168	0	455	228	1	648	360	0	127	46	0
Jumlah	302	1659	0	461	1698	2	649	1636	1	129	805	0

STATISTIK TINDAKAN YANG DIAMBIL TERHADAP KESALAHAN PELEPASAN AIR SAMPAH

PBT	2018			2019			2020			2021		
	Notis	Kompau	Tindakan Mahkamah	Notis	Kompau	Tindakan Mahkamah	Notis	Kompau	Tindakan Mahkamah	Notis	Kompau	Tindakan Mahkamah
MBPP	0	336	0	0	419	0	0	300	0	0	153	0
MBSP	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah	0	336	0	0	419	0	0	300	0	0	153	0

29. Pusat Dialisis.
- Terdapat berapakah Pusat Dialisis di Pulau Pinang? Senaraikan.
 - Adakah Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk menambahkan lagi pusat-pusat dialisis kerana ianya merupakan satu bentuk keperluan untuk masa ini?
 - Terdapat berapakah pusat dialisis yang dikhaskan untuk golongan B40 dan seumpamanya di Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

29. (a) Berdasarkan kepada data terkini oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang, terdapat sebanyak 68 buah pusat hemodialisis di seluruh Pulau Pinang. Bilangan pusat-pusat hemodialisis mengikut daerah dan pecahan kategori adalah seperti berikut:

PUSAT HEMODIALISIS SWASTA & DIALISIS DALAM HOSPITAL SWASTA MENGIKUT DAERAH						
	DAERAH					JUMLAH
	TIMUR LAUT	BARAT DAYA	SPU	SPT	SPS	
PUSAT DIALISIS SWASTA	10	7	14	14	8	53
DIALISIS DALAM HOSPITAL SWASTA	7	1	0	1	0	9
PUSAT DIALISIS HOSPITAL KERAJAAN	1	1	1	2	1	6
JUMLAH	18	9	15	17	9	68

Senarai Pusat Dialisis di seluruh negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- Kerajaan Negeri sentiasa memantau dengan rapi akan keperluan untuk pertambahan pusat dialisis di sesuatu tempat. Walau bagaimanapun, buat masa sekarang Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan bagi membuat penambahan pusat dialisis.
- Buat masa ini, tiada pusat hemodialisis yang dikategorikan sebagai khas bagi golongan B40 atau seumpamanya. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa buah pusat hemodialisis yang dikendalikan oleh persatuan kebajikan/amal seperti Pusat Dialisis Buddhist Tzu-Chi, Pusat Haemodialisis Zakat (PHZ) (Zakat Pulau Pinang – ZPP) dan Pusat Dialisis CAT Balik Pulau (Kerajaan Negeri) yang mengutamakan pesakit yang mempunyai masalah kewangan.

LAMPIRAN A**PERINCIAN SENARAI NAMA DAN ALAMAT PUSAT HEMODIALISIS
MENGIKUT DAERAH
DI NEGERI PULAU PINANG****A: PUSAT HEMODIALISIS KERAJAAN**

BIL	DAERAH	NAMA PUSAT DIALISIS	ALAMAT
1	TIMUR LAUT	UNIT HEMODIALISIS HOSPITAL PULAU PINANG	Hospital Pulau Pinang, Jalan Residensi, 10990 Georgetown Pulau Pinang
2	BARAT DAYA	UNIT HEMODIALISIS HOSPITAL BALIK PULAU	Hospital Balik Pulau, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang
3	SPU	UNIT HEMODIALISIS HOSPITAL KEPALA BATAS	Hospital Kepala Batas, Jalan Bertam 2, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang
4	SPT	UNIT HEMODIALISIS HOSPITAL SEBERANG JAYA	Hospital Seberang Jaya, Jalan Tun Hussein Onn, 13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang
5		UNIT HEMODIALISIS HOSPITAL BUKIT MERTAJAM	Hospital Bukit Mertajam, Jalan Kulim, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang
6	SPS	UNIT HEMODIALISIS HOSPITAL SUNGAI BAKAP	Hospital Sungai Bakap, 14200 Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

B: PUSAT HEMODIALISIS SWASTA

BIL	DAERAH	NAMA PUSAT DIALISIS	ALAMAT
1	TIMUR LAUT	Pusat Hemodialisis Komuniti Pulau Pinang	44A, Jalan Grove 11400 Air Itam, Pulau Pinang.
2		Pertubuhan Dialisis Penyayang Pulau Pinang (Penang Caring Dialysis Society)	Wisma M.C.A. (Ground Floor) N0, 204, Jalan Transfer, 10050 George Town.
3		Jhm – Rotary Haemodialisis Centre (Dulu dikenali sebagai AMD Rotary Dialysis Centre) (Penang Rotary Charity Foundation)	86, Lebuah Acheen, 10200 Georgetown Pulau Pinang.
4		Neph Dialisis Centre	No. 10, Jalan Mas, Green Lane, 11600 Pulau Pinang.
5		Pusat Dialisis NKF - FO Yi (Unit II)	No. 29, Jalan Hamilton, 11600 Pulau Pinang.
6		Alkom Bakti Dialisis Sdn Bhd	Wisma Koperasi Melayu Pulau Pinang BHD. 56-A, Perak Plaza, Jalan Perak, 10150 Pulau Pinang.
7		Renal Link Dialisis Centre (Penang)	408-G-1, Jalan Perak, 11600 George Town, Pulau Pinang.
8		Prodiso Dialisis Centre	Pejabat Perkeso Pulau Pinang, Tingkat 2, No.269, Jalan Burma 10538 George Town, Pulau Pinang.
9		Buddhist Tzu-Chi Dialisis Centre (Penang)	No. 21, (Level 4 & 5), Jalan Perak, 10250 George Town, Pulau Pinang.
10		Pusat Hemodialisis Zakat (Georgetown)	Blok 3-1-1, Lebuah Buckingham, 10200 George Town Pulau Pinang.
11		Penang Adventist Hospital	46125 Jalan Burma, 10350 Pulau Pinang.
12		Hospital Lam Wah Ee	473, Jalan Tan Sri The Ewe Lim, 11600 Pulau Pinang.
13		Gleneagles Medical Centre Penang	NO 1, Jalan Pangkor, 10050 George Town, Pulau Pinang.
14		Loh Guan Lye Specialist Centre	19 & 21, Logan Road, 10400 Pulau Pinang.
15		Island Hospital	No 308, Jalan Macalister, 10450 Pulau Pinang.
16		Georgetown Specialist Hospital	No. 12-A, Jalan Masjid Negeri, 11600 George Town, Pulau Pinang.
17		Kek Lok Si Charitable Hospital	Lot 725, Jalan Balik Pulau, Pekan Ayer Itam, 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang.
18	BARAT DAYA	Pusat Dialisis Amal Fo Yi NKF - (Unit I)	No.889, Jalan Permatang Damar Laut, 11960 Batu Maung, Pulau Pinang.
19		Pusat Hemodialisis	Majlis Agama Islam Negeri Pulau

BIL	DAERAH	NAMA PUSAT DIALISIS	ALAMAT
		Zakat (Bayan Lepas)	Pinang No.58, Jalan Sungai Tiram 3, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.
20		Pusat Hemodialisis Bayan Baru	No 1, Lorong Mayang Pasir 5, Taman Sri Tunas, 11950 Bayan Baru, Pulau Pinang.
21		Pusat Hemodialisis Sri Tanjung	No 28 A & B, Sunway Prima, Lintang Sungai Tiram 5, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.
22		Neph Dialisis Centre	1B, Jalan Kenari, Sungai Ara, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.
23		Pusat Dialisis CAT Negeri Pulau Pinang (Daerah Barat Daya)	Ground Floor, Kompleks Pasar Awam MPPP, Balik Pulau, 11000 Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.
24		Pusat Hemodialisis Zakat (Balik Pulau)	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang No 20, Taman Seri genting, 11000 Balik Pulau, P.Pinang.
25		Pantai Hospital Penang	82, Jalan Tengah, Bayan Baru, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.
26	SPU	Buddhist Tzu-Chi Dialisis Centre (Butterworth)	No. 6664, (Tingkat 2 & 3) Jalan Bagan Ajam, 13000 Butterworth, Pulau Pinang.
27		Pusat Dialisis Pertama Kepala Batas (Dulu dikenali Pusat Dialisis Beyong Medicare-BMC)	No. 12, Lorong Bertam Indah 1/5, Taman Bertam Indah, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.
28		Happy Kid-ness Dialisis Centre Sdn. Bhd	No 5 & 7, Lorong Teras Jaya 9, Kawasan Perniagaan Teras Jaya ,13400 Butterworth, Pulau Pinang.
29		Pusat Haemodialisis Zakat Tasek Gelugor	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, No.1, Jalan Hashim Awang, 13300, Tasek Gelugor, Pulau Pinang.
30		Pusat Hemodialisis Bestari	17A, Pusat Bandar Bertam Perdana, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.
31		B.Braun Avitum (Butterworth) Dialisis Centre	No.25, Tingkat Mawar, Taman Mawar, Jalan Raja Uda, 12300 Butterworth, Pulau Pinang.
32		Bertam Dialysis Centre Sdn Bhd	No 20, Lorong Bertam Jaya 1, Taman Bertam Jaya, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.
33		Persatuan Kebajikan Pusat Hemodialisis Majid At-Taqwa Taman Bertam Indah	Masjid At-Taqwa Taman Bertam Indah, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.
34		Pusat Dialisis Prima Sdn. Bhd	No 3,5,7, Lorong Murni 9, Taman Desa Murni, 13800 Butterworth,

BIL	DAERAH	NAMA PUSAT DIALISIS	ALAMAT
			Pulau Pinang.
35		Foresight Dialisis Tasek Gelugor	No 51, Jalan Desa Ara, Taman Ara Indah, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang.
36		Pusat Hemodialisis Zakat (Butterworth)	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang No.22, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth.
37		Pusat Hemodialisis Zakat (Kepala Batas)	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang No.2104, Wisma Syeikh Abdullah Fahim, Jalan Bertam, 13200 Kepala Batas.
38		Happy Kid-ness Dialisis Centre Sdn. Bhd	No 5 & 7, Lorong Teras Jaya 9, Kawasan Perniagaan Teras Jaya ,13400 Butterworth, Pulau Pinang.
39		Pusat Haemodialisis Zakat Tasek Gelugor	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, No.1, Jalan Hashim Awang, 13300, Tasek Gelugor, Pulau Pinang.
40	SPT	Persatuan Kebajikan Haemodialisis St. Anne BM	NO. 11 - 17 (Tingkat Bawah) Tingkat Maju, Pusat Perniagaan Maju Jaya, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
41		Pertubuhan Dialisis Rotary - Satu Hati Seberang Perai	No 3 & 5, Lorong Tembikai 6, Kawasan Perniagaan Sungai Rambai, 14000 Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.
42		PWRM (BM) Dialisis Centre	No. 12 ,12A, & 18A Jalan Maju Jaya, Pusat Perniagaan Maju Jaya. 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
43		Pusat Dialisis Amal MAA Medicare (MAA Medicare Charity Dialisis Centre)	No 1021, Jalan Baru, Taman Bunga Raya, 14000 Seberang Perai, Pulau Pinang.
44		S.J Dialisis Center	No. 16, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13600 Seberang Jaya, Pulau Pinang.
45		Nucare Dialisis Centre Sdn Bhd	No. 5, Tingkat bawah, Jalan Kelisa Emas, Taman Kelisa Emas, 13700 Perai, Pulau Pinang.
46		Pusat Dialisis Tabung Rawatan Pesakit Buah Pinggang Seberang Perai (Province Wellesley Renal Medifund Dialisis	No.28, Jalan Maju Jaya, Pusat Perniagaan Maju Jaya, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

BIL	DAERAH	NAMA PUSAT DIALISIS	ALAMAT
		Centre)	
47		Pusat Dialisis Davita Seberang Perai (Dulu dikenali sebagai Pusat Dialisis Nefro Utama Sdn. Bhd)	No 3 & 5, Ground Floor. Lorong Desa Pauh 1, Taman Desa Pauh, 13700 Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.
48		Muhibah Renal Care (Pusat Dialisis Muhibah)	No.9 & 11, Lorong Kelasah 1, Taman Kelasah, 13700 Seberang Jaya, Perai, Pulau Pinang.
49		I Mercy Dialisis Sdn. Bhd.	No 21, Medan Limau Emas, Pusat Perniagaan Limau Emas, 1405300 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
50		Pusat Dialisis Serai Wangi (Dulu dikenali sebagai Pusat Rawatan Dialisis ISLAH)	No 42A & 46, Lorong Mengkuang Indah 2, Taman Mengkuang Indah, 14000 Kubang Semang, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
51		Carlatan Dialisis Centre	No 50 & 52, Lorong Tembikai 6, Pusat Komersial Sg. Rambai, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
52		Pusat Hemodialisis Zakat (Bukit Mertajam) TIDAK BERLESEN	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, No.503, Jalan Permatang Rawa, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
53		Pusat Rawatan Dialisis Islah (Cawangan B.Mertajam)	No. 2362 (Tingkat Bawah & 1) & No 2363, Jalan Permai Utama 1, Pusat Perniagaan Permai Utama, 14000 Bukit Mertajam Pulau Pinang.
54		KPJ Penang Specialist Hospital	570 Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam Pulau Pinang.
55	SPU	Pertubuhan Hemodialisis Seberang Perai Selatan	No. 6, 8 & 10, Jalan Besar, Taman Merak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang.
56		Pusat Hemodialisis Sinona Sdn Bhd	No. 2332, Jalan Permatang Keling, Nibong Tebal, 14300 Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.
57		SJ Dialisis Centre (Cawangan Sungai Bakap)	Lot 6, Jalan Besar, 14200 Sungai Bakap, Pulau Pinang.
58		Lim Boon Sho Dialisis Centre Sdn. Bhd	90, Lorong Jawi Jaya 1, Taman Jawi Jaya, 14200, Sungai Jawi, Pulau Pinang.
59		Pusat Dialisis Mukmin Simpang Ampat	No 3, Jalan Besar, Taman Tempua, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang.
60		Pusat Hemodialisis	Majlis Agama Islam Negeri PULAU

BIL	DAERAH	NAMA PUSAT DIALISIS	ALAMAT
		Zakat (Nibong Tebal)	Pinang, No.28, Jalan Jawi Jaya 1, Taman Jawi Jaya, Sg Jawi, 14200 Nibong Tebal. Pulau Pinang.
61		Pusat Dialisis Nucare Dilaysis Centre Sdn Bhd (Cawangan Nibong Tebal)	No 1, Jalan Bukit Panchor 1, Taman Bukit Panchor, 14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang.
62		Pertubuhan Hemodialisis Seberang Perai Selatan	No. 6, 8 & 10, Jalan Besar, Taman Merak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang

30. tPrestasi anak syarikat Kerajaan Negeri.

- (a) Bagaimanakah prestasi semua anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang setakat ini?
- (b) Mohon penjelasan tentang kedudukan kewangan dan keseluruhan prestasi perniagaan mereka.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

30. Terdapat 17 syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan dua (2) anak syarikat di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI).

- (a) Daripada keseluruhan 19 GLC di bawah CMI / SSI, 16 syarikat masih aktif namun 2 syarikat iaitu Penang Health Alliance Sdn. Bhd. dan Syarikat Bas Negeri Pulau Pinang dikategorikan sebagai syarikat tidak aktif. Manakala syarikat Penang Asia Pacific Masters Games Sdn. Bhd. pula kini dalam proses penggulangan. Kesemua 16 GLC yang masih aktif mendapat geran tahunan daripada Kerajaan Negeri dan merupakan syarikat yang menjalankan aktiviti bukan keuntungan (*non-profit activity*) dan tiada hasil kewangan yang disumbangkan kepada Kerajaan Negeri. Pelaksanaan aktiviti / program dibawah GLC banyak berteraskan kepada Visi Penang2030 dan telah dilaksanakan sebaik mungkin namun tergendala / tertangguh sejak pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.
- (b) Kedudukan kewangan dan keseluruhan prestasi perniagaan GLC bagi tahun 2018 sehingga 2020 adalah ditahap memuaskan. Terdapat perbelanjaan yang dilaksanakan mengikut perancangan namun terdapat juga geran yang tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya (lebih) sebagaimana yang ditetapkan susulan PKP 3.0.

Perincian kedudukan prestasi kewangan syarikat seperti di **LAMPIRAN**

A

LAMPIRAN A

KEDUDUKAN KEWANGAN DAN KESELURUHAN PRESTASI PERNIAGAAN
SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN NEGERI (GLC) DI BAWAH CMI / SSI

BIL	NAMA SYARIKAT	KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT		
		2018	2019	2020
CMI				
1	PENANG GLOBAL TOURISM SDN. BHD.	-696.00	3.00	0
2	PGC STRATEGIES SDN. BHD.	309,359.00	151,688.00	73,069.00
3	PWDC SDN. BHD.	-50,567.00	-143,779.00	112,418.00
4	PYDC STRATEGIES SDN. BHD.	722,222.00	115,278.00	62,191.00
5	DIGITAL PENANG SDN. BHD.	-32,000.00	-2,300.00	-1,303.00
6	PENANG STEM SDN. BHD.	124,046.00	57,234.00	84,844.00
7	PENANG SCIENCE CLUSTER	693,935.00	-153,385.00	1,223,519.00
8	GEORGE TOWN WORLD HERITAGE	72,077.00	-60,101.00	395,844.00
9	PENANG TECH CENTRE BHD.	-364,701.00	174,708.00	-918,057.00
10	PENANG CONVENTION AND EXHIBITION BUREAU	937.00	312.00	1,309.00
11	PENANG HALAL INTERNATIONAL SDN.	110,603.00	201,166.00	384,052.00
12	GEORGE TOWN CONSERVATION AND DEVELOPMENT CORPORATION (GTDC)	8,276.00	-10,241.00	0
13	HARMONICO	Ditubuhkan pada 10 Mac 2021		
14	PENANG FC SDN. BHD.	Ditubuhkan pada 8 Februari 2021		
15	PENANG INFRASTRUCTURE CORPORATION SDN. BHD.	Belum ditubuhkan		RM300,000.00 (kos operasi pengurusan) ditubuhkan Julai 2020
16	PENANG ASIA PACIFIC MASTERS GAMES SDN.	Dalam proses penggulungan		
17	PENANG HEALTH ALLIANCE SDN. BHD.	Tidak aktif		
SSI				
18	INVEST-IN-PENANG BERHAD	134,000.00	172,000.00	23,292.00
19	BAS NEGERI PULAU PINANG SDN. BHD.	Tidak aktif		

* Walaupun terdapat GLC yang menunjukkan defisit namun peruntukan *reserve* tahun sebelumnya (pendapatan lain) digunakan bagi menampung perbelanjaan tahun

XVII. Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Hin Mohd Noor) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

1. Senaraikan kawasan *hotspot* banjir kilat dan tanah runtuh di seluruh Negeri Pulau Pinang.
 - (a) Huraikan sebab-sebab berlakunya banjir kilat dan tanah runtuh serta strategi dan langkah-langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengatasi isu ini.
 - (b) Berapakah perbelanjaan yang telah dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah banjir kawasan *hotspot* ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

1. (a) Senarai kawasan *hotspot* banjir adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Punca utama berlakunya banjir kilat adalah berdasarkan faktor geografi negeri Pulau Pinang yang berada di hilir sungai-sungai utama seperti Sungai Muda, Sungai Perai, Sungai Junjung, Sungai Jawi, dan Sungai Kerian khususnya di kawasan Seberang Perai di mana kawasan tersebut akan menerima impak aliran hujan melalui sungai dari kawasan hulu dan berisiko tinggi untuk berlakunya banjir sekiranya terjadi pertembungan hujan lebat dan faktor air laut pasang.

Manakala isu banjir kilat di sekitar pulau juga adalah disebabkan oleh dua (2) faktor iaitu pertembungan air hujan lebat dan air laut pasang. Ini adalah kerana kebanyakan *hotspot* banjir terletak di kawasan hilir sungai-sungai utama.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan sebanyak RM150 juta bagi melaksanakan lapan (8) projek *high impact* di seluruh negeri Pulau Pinang sejak tahun 2017. Kerajaan Persekutuan pula telah memperuntukkan sebanyak RM303.5 juta bagi melaksanakan lapan (8) projek tebatan banjir melalui peruntukan sambungan RMKe-11 dan RMKe-12. Di samping itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga melalui peruntukan Caruman Pamaritan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan sebanyak RM47.5 juta bagi projek-projek berskala sederhana di lokasi-lokasi *hotspot*.

LAMPIRAN A

SENARAI KAWASAN HOTSPOT BANJIR NEGERI PULAU PINANG			
HOTSPOT	DAERAH	LEMBANGAN SUNGAI/SUB LEMBANGAN/ KAWASAN TADAHAN / CADANGAN RANCANGAN TEBATAN BANJIR	KAWASAN HOTSPOT BANJIR
1	TIMUR LAUT	Sungai Pinang Sungai Pinang Sungai Pinang Sungai Pinang Sungai Pinang Sungai Pinang Sungai Pinang Sungai Pinang Sungai Pinang Sungai Pinang	Kampung Makam Haji Kassim Jalan P. Ramlee Lilitan Stadium (Astaka Makan) Lorong Kulit Jalan Singgora Lintang Kg. Rawa Jalan York (Doby Ghaut) Lintang P. Ramlee Jalan Langkawi Jalan Patani (Blkg IPD DTL) Jalan P. Ramlee
2	TIMUR LAUT	Sungai Pinang/Sg. Air Terjun Sungai Pinang/Sg. Air Terjun Sungai Pinang/Sg. Air Terjun Sungai Pinang/Sg. Air Terjun Sungai Pinang/Sg. Air Terjun	Jalan Piggot Jalan Hospital Pulau Pinang (Pintu B) Jalan Rose Taman Scotland Seri Mutiara (Kediaman TYT)
3	TIMUR LAUT	Sungai Pinang/Sg. Kecil (Parit Lumba Kuda) Sungai Pinang/Sg. Kecil (Parit Lumba Kuda)	Taman Lumba Kuda Jalan Goh Guan Ho
4	TIMUR LAUT	Sg. Jelutong/Jelutong Diversion Sg. Jelutong/Jelutong Diversion Sg. Jelutong/Jelutong Diversion Sg. Jelutong/Jelutong Diversion Sungai Pinang/Sg. Jelutong Sungai Pinang/Sg. Jelutong Sungai Pinang/Sg. Jelutong	Jalan Van Praagh & Solok Van Praagh Jalan/Lorong Hijau Kampung Madrasah Pokok Asam Kampung Dodol Kampung Masjid Hashim Yahya Jalan P. Ramlee
5	TIMUR LAUT	Sungai Pinang/Sg. Ayer Itam	Persimpangan Jalan Masjid Negeri/ Jalan Air Itam
6	TIMUR LAUT	Sungai Pinang/Sg. Ayer Itam/Sg. Air Putih Sungai Pinang/Sg. Ayer Itam/Sg. Air Putih	Jalan Hye Keat Kg. Masjid Jalan Zoo
7	TIMUR LAUT	Sungai Pinang/Sg. Ayer Itam/Sg. Dondang	Lebuhraya Thean Teik
8	TIMUR LAUT	Sg. Gelugor	Changkat Minden (Lorong 3 & 6)
9	TIMUR LAUT	Sungai Batu Feringghi Sungai Batu Feringghi	Kampung Mutiara Kampung Kubur
10	TIMUR LAUT	Sungai Mas Sungai Mas	Kampung Chetti Flat Pinang Emas
11	TIMUR LAUT	Sg. Dua Sg. Dua Sg. Dua Sg. Dua Sg. Dua Sg. Dua Sg. Dua Sg. Dua	Halaman Bukit Gambir USM Taman Sri Saujana Tapak Pesta Lebuh Nipah Flat Hamna Kg. Dua Bukit J/PJ Batu Uban Klinik Kesihatan Sg. Dua
12	TIMUR LAUT	Sungai Relau Sungai Relau Sungai Relau	Kawasan Relau Jalan Paya Terubong (SK Seri Relau) Persiaran Paya Terubong
13	TIMUR LAUT	Sungai Bagan Jermal Sungai Bagan Jermal	Jalan Tanjung Tokong (Caltex) Kampung Masjid
14	TIMUR LAUT	Parit Tanjung Pinang	Jalan Siput Lala (Jalan JKR)
15	TIMUR LAUT	S10 S10 S10 S10	Lebuh Kimberly Lebuh Carnarvon Jalan Pintal Tali Lebuh Cintra
16	TIMUR LAUT	S18 S18	Jalan Anson (depan market) Lebuh Mc Nair
17	TIMUR LAUT	N9 N9	Jalan Khaw Sim Bee Lebuhraya Pykett
18	BARAT DAYA	Sg. Telok Bahang	Kg. Nelayan Telok Bahang
19	BARAT DAYA	Sg. Telok Awak	Flat Jalan Hassan Abbas
20	BARAT DAYA	Sungai Rusa	Kg. Sg. Rusa
21	BARAT DAYA	Sungai Pinang DBD Sungai Pinang DBD Sungai Pinang DBD Sungai Air Putih	Kg. Sg. Pinang Kg. Bukit Kechil Jalan Kuala Sungai Pinang (Perumahan Perda) Kg. Belakang Klinik Kesihatan Air Putih

ID330/03

LAMPIRAN A

SENARAI KAWASAN HOTSPOT BANJIR NEGERI PULAU PINANG			
HOTSPOT	DAERAH	LEMBANGAN SUNGAI/SUB LEMBANGAN/ KAWASAN TADAHAN / CADANGAN RANCANGAN TEBATAN BANJIR	KAWASAN HOTSPOT BANJIR
22	BARAT DAYA	Sungai Air Putih Sungai Air Putih	Taman Manggis Balai Bomba Sungai Air Putih
23	BARAT DAYA	Sungai Burong Sungai Burong/Sungai Batu Emas Sungai Burong	Taman Seri Indah Lintang Pondok Upeh Kg. Sungai Burong
24	BARAT DAYA	Sungai Teluk Kumbar Sungai Teluk Kumbar Sungai Teluk Kumbar Sungai Teluk Kumbar Sungai Teluk Kumbar	Bandar Baru Perda Kg. Nelayan Kg. Paya Kg. Suluk Kg. Matahari Naik Kg. Masjid
25	BARAT DAYA	Sungai Keluang/Sungai Relau Sungai Keluang/Sungai Relau Sungai Keluang/Sungai Relau Sungai Keluang/Sungai Relau Sungai Keluang/Sungai Relau Sungai Keluang/Sungai Relau/Sungai Relau B Sungai Keluang/Sungai Relau/Sungai Relau B	Jalan Mayang Pasir (Sunshine Bayan Baru) Jalan Mayang Pasir 2 (Hotel Seri Malaysia & Masjid Umar Al-Khatab) Jalan Tun Dr. Awang Jalan Mahsuri Persiaran Mahsuri Jalan Tengah Jalan Paya Terubong Persiaran Paya Terubong Jalan Dato' Ismail Hashim (Petronas/Golden Triangle/Persiaran Relau)
26	BARAT DAYA	Sungai Keluang/Sungai Ara Sungai Keluang/Sungai Ara	Depan SMK Sg. Ara Kampung Baru Sungai Ara
27	BARAT DAYA BARAT DAYA	Sungai Nibong Kecil Sungai Nibong Kecil	Jalan Kampung Relau (Hotel Alora) Kampung Jawa
28	BARAT DAYA	Sungai Bayan Lepas Sungai Bayan Lepas Sungai Bayan Lepas Sungai Bayan Lepas Sungai Bayan Lepas Sungai Bayan Lepas Sungai Bayan Lepas Sungai Bayan Lepas	Pekan Bayan Lepas Kg. Baroh Kg. Padang Kg. Bukit Kg. Seronok Jalan Mahkamah Jalan Dato' Ismail Hashim (Masjid Bayan Lepas) Kampung Binjai Jalan Kolam Ikan
29	BARAT DAYA	Sungai Bayan Lepas/Sungai Tiram Diversion Sungai Bayan Lepas/Sungai Tiram Diversion Sungai Tiram Sungai Keluang/Sungai Tiram Sungai Keluang/Sungai Tiram	Lapangan Terbang Bayan Lepas (LTABL) Jalan Dato' Ismail Hashim (Depan SMK Mutiara Perdana) Kampung Naran Jalan Sultan Azlan Shah & FIZ 1&2 Kg. Sg. Tiram
30	BARAT DAYA	Sungai Nipah Sungai Nipah	Kg. Batu Maung Taman Iping
31	SEBERANG PERAI UTARA	Sungai Perai Sungai Perai Sungai Perai Sungai Perai Sungai Perai/Parit Monsun Raja Uda Sungai Perai/Parit Monsun Raja Uda Sungai Perai	Kg. Merbau Kudung Taman Ampang Jajar Taman Kerapu Taman Desa Murni Taman Sintat Taman Bunga Raya Kg. Nyior Sebatang
32	SEBERANG PERAI UTARA	Sungai Perai/Sungai Nyiur Sungai Perai/Sungai Nyiur	SK Convent Butterworth Jalan Siram
33	SEBERANG PERAI UTARA	Sungai Perai/Sungai Tok Sani Sungai Perai/Sungai Tok Sani	Kampung Tok Sani Taman Puyu
34	SEBERANG PERAI UTARA	Sungai Perai/Sungai Mak Mandin Sungai Perai/Sungai Mak Mandin Sungai Perai/Sungai Mak Mandin Sungai Perai/Parit Monsun Sungai Perai/Parit Monsun Sungai Perai/Sungai Mak Mandin Sungai Perai/Sungai Mak Mandin Sungai Perai/Sungai Mak Mandin Sungai Perai/Sungai Mak Mandin Sungai Perai/Sungai Mak Mandin	SRJK(T) Mak Mandin SK Mak Mandin SMK Mak Mandin Taman Bagan Taman Cantek Kawasan Perindustrian Mak Mandin Pejabat POS Mak Mandin Flat Hijau Klinik Kesihatan Mak Mandin Kampung Malaysia

ID33Q/03

LAMPIRAN A

SENARAI KAWASAN HOTSPOT BANJIR NEGERI PULAU PINANG			
HOTSPOT	DAERAH	LEMBANGAN SUNGAI/SUB LEMBANGAN/ KAWASAN TADAHAN / CADANGAN RANCANGAN TEBATAN BANJIR	KAWASAN HOTSPOT BANJIR
		Sungai Perai/Sg. Mak Mandin/Parit Monsun	Taman Teratai
35	SEBERANG PERAI UTARA	Sungai Kulim	Kg. Tok Jawa
	SEBERANG PERAI TENGAH	Sungai Kulim	Kg. Tok Sardon
36	SEBERANG PERAI UTARA	Sungai Perai/Sungai Lokan	Kg. Telok
		Sungai Perai/Sungai Lokan	Kawasan Industri Sg. Lokan
		Sungai Perai/Sungai Lokan/Parit Hogen	Kg. Permatang Che Tak
37	SEBERANG PERAI UTARA	Sungai Perai/Sungai Maklom	Kg. Alor Merah
	SEBERANG PERAI UTARA	Sungai Perai/Sungai Maklom	Kg. Manggis
	SEBERANG PERAI UTARA	Sungai Perai/Sungai Maklom	Taman Selayang Utama
	SEBERANG PERAI UTARA	Sungai Perai/Sungai Maklom	Kg. Maklom
38	SEBERANG PERAI UTARA	Sg. Perai/Sg. Kreh	Kg. Lahar Yooi
		Sg. Perai/Sg. Kreh	Lubuk Meriam
		Sg. Perai/Sg. Kreh	Pdg Tonsun
		Sg. Perai/Sg. Kreh/Parit Besar Tasek Gelugor	Kg. Selamat
		Sg. Perai/Sg. Kreh	Kg. Pokok Macang
		Sg. Perai/Sg. Kreh	Kg. Permatang Saga
39	SEBERANG PERAI UTARA	Sg. Perai/Sg. Jarak	Kg. Paya Tok Akil
		Sg. Perai/Sg. Jarak	Kg. Desa Kacang Puri
		Sg. Perai/Sg. Jarak	Padang Cempedak
		Sg. Perai/Sg. Jarak/Parit Kg. Master	Taman Hj. Ahmad Jamil
		Sg. Perai/Sg. Jarak	Kg. Pmtg Berangan
40	SEBERANG PERAI UTARA	Sg. Lahar Endin	Kg. Datuk
		Sg. Lahar Endin	Kg. Setol
		Sg. Lahar Endin	Kg. Lahar Ikan Mati
		Sg. Lahar Endin	MPC Bertam
		Sg. Lahar Endin	Taman PGR Bertam
41	SEBERANG PERAI UTARA	Sg. Abdul	Kg. Kovil
		Sg. Abdul	Muara Sg. Abdul
		Sg. Abdul	Taman Wira
		Sg. Abdul	Taman Ratna
		Sg. Abdul	Taman Berlian
42	SEBERANG PERAI UTARA	Sg. Tembus	Taman Melati
		Sg. Tembus	Taman Meranti
43	SEBERANG PERAI TENGAH	Sungai Perai	Kg. Pmtg Tok Labu
		Sungai Perai	Muara Sg. Tembus (Kampung 20)
		Sungai Perai	Kampung Manis
		Sungai Perai	Kampung Labuh Banting
		Sungai Perai	Kampung Kota
		Sungai Perai	Kampung Kubu
		Sungai Perai	Kampung Guar Jering
		Sungai Perai	Kampung Terus
		Sungai Perai	Kg. Bukit Berangan
		Sungai Perai	Taman Kepar
		Sungai Perai	Taman Inderawasih
		Sungai Perai	Taman Kimsar
		Sungai Perai	BORR (Jalan Jelawat)
		Sungai Perai	Taman Semilang
44	SEBERANG PERAI TENGAH	Sungai Perai	Jalan Permatang Pauh (PLUS Highway)
		Sungai Perai	Taman Supreme
45	SEBERANG PERAI TENGAH	Sungai Perai	Taman Senangin
		Sungai Kulim/Sungai Mengkuang	Kampung Mengkuang Titi
		Sungai Kulim/Sungai Mengkuang	Kampung Kuala Mengkuang
		Sungai Kulim/Sungai Mengkuang	Kampung Mengkuang Semarak
		Sungai Kulim/Sungai Mengkuang	Kampung Mengkuang
45	SEBERANG PERAI TENGAH	Sungai Perai/Sungai Pertama	Kampung Pertama
		Sungai Perai/Sungai Pertama/Sungai Kubang Semang	Kampung Kubang Semang
		Sungai Perai/Sungai Pertama	Taman Chai Leng
		Sungai Perai/Sungai Pertama/Sungai Kubang Semang	Kampung Bukit Indera Muda
		Sungai Perai/Sungai Pertama/Sungai Kubang Semang	Kampung Tok Elong
		Sungai Perai/Sungai Pertama	Taman Siakap
		Sungai Juru	Kg. Kuala Juru
		Sungai Juru/Sungai Rambai	Taman Makok
		Sungai Juru/Sungai Rambai	Kg. Padang Lalang
		Sungai Juru/Sungai Rambai	Jalan Tembikai (Taman Mutiara)

ID33Q/03

LAMPIRAN A

SENARAI KAWASAN HOTSPOT BANJIR NEGERI PULAU PINANG			
HOTSPOT	DAERAH	LEMBANGAN SUNGAI/SUB LEMBANGAN/ KAWASAN TADAHAN / CADANGAN RANCANGAN TEBATAN BANJIR	KAWASAN HOTSPOT BANJIR
46	SEBERANG PERAI TENGAH	Sungai Juru/Sungai Rambai	Taman Sungai Rambai
		Sungai Juru/Sungai Rambai	Taman Sri Rambai
		Sungai Juru/Parit 4	Taman Belimbing
		Sungai Juru/Parit 4	Taman Desa Damai
		Sungai Juru/Parit 4	Taman Janggus
47	SEBERANG PERAI TENGAH	Sg Juru/Sg Rambai/Sg. Pmtg Rawa	Kg. Pmtg Rawa
		Sg Juru/Sg Rambai/Sg. Pmtg Rawa	Taman Guru
		Sg Juru/Sg Rambai/Sg. Pmtg Rawa	Perkampungan Berapit
		Sg Juru/Sg Rambai/Sg. Pmtg Rawa	Kg. Tanah Liat
48	SEBERANG PERAI TENGAH	Sg Juru/Sg. Ara	Kg. Pmtg Ara
		Sg Juru/Sg. Ara	Taman Tan Sai Gin
		Sg Juru/Sg. Ara	Kampung Cross Street
49	SEBERANG PERAI TENGAH	Sg. Juru/ Sg. Kilang Ubi	Kg. Baru Alma
		Sg. Juru/ Sg. Kilang Ubi	Kg. Alma
		Sg. Juru/ Sg. Kilang Ubi	Taman Alma
		Sg. Juru/ Sg. Kilang Ubi	Taman Kota Permai
		Sg. Juru/ Sg. Kilang Ubi	Taman Sejahtera
		Sg. Juru/ Sg. Kilang Ubi	Taman Sejahtera Permai
		Sg. Juru/ Sg. Kilang Ubi	Taman Selamat
		Sg. Juru/ Sg. Kilang Ubi	Taman Permai Jaya
		Sg. Juru/ Sg. Kilang Ubi	Jalan Bukit Minyak (Hadapan SMK Alma)
		Sg. Juru/ Sg. Kilang Ubi	Kampung Telok
50	SEBERANG PERAI TENGAH	Sg. Juru/ Parit 4	Kg. Kijang
		Sg. Juru/ Parit 4	Taman Nangka
		Sg. Juru/ Parit 4	Kg. Kebun Sireh
		Sg. Juru/ Parit 4	Kg. Siam
		Sg. Juru/ Parit 4	Taman Binjai
		Sg. Juru/ Parit 4	Kg. Kebun Nenas
		Sg. Juru/ Parit 4	Jalan Tembikai
51	SEBERANG PERAI TENGAH	Sg. Juru/ Parit 4	Taman Cempedak
		Sg. Juru/ Parit 5	Kawasan Industri Juru
		Sg. Juru/ Parit 5	Taman Mangga
		Sg. Juru/ Parit 5	Perkampungan Juru
		Sg. Juru/ Parit 5	Taman Pinang
52	SEBERANG PERAI TENGAH	Sg. Juru/ Parit 5	Taman Sentul
		Sg. Juru/ Parit 5	Taman Sentul Jaya
		Sg. Juru/ Parit 5	Taman Sentul Jaya
53	SEBERANG PERAI TENGAH	Sg. Tok Kedili	Taman Kerjasama
		Sg. Tok Kedili	Kg. Tok Panjang
		Sg. Tok Kedili	Shell Bukit Tengah
54	SEBERANG PERAI TENGAH	Sg. Junjung	Kg. Manggis
		Sg. Junjung	Kg. Kuala Tasek
55	SEBERANG PERAI TENGAH	Sg. Junjung/Sg. Machang Bubuk	Taman Machang Bubuk
		Sg. Junjung/Sg. Machang Bubuk	Kampung Machang Bubuk
		Sg. Junjung/Sg. Machang Bubuk	Kg. Tok Musa
		Sg. Junjung/Sg. Machang Bubuk	Taman Macang Manis
		Sg. Junjung/Sg. Machang Bubuk	Kg. Tok Konan
		Sg. Junjung/Sg. Machang Bubuk	Bukit Teh
		Sg. Junjung/Sg. Machang Bubuk	Kg. Berangan Sembilan
		Sg. Junjung/Sg. Machang Bubuk	Taman Jambu
56	SEBERANG PERAI TENGAH	Sg. Junjung Mati/Parit 6	Kg. Tok Subuh
		Sg. Junjung Mati/Parit 6	Taman Impian
		Parit 6	Taman Sukun
		Parit 6	Taman Amra
		Parit 6	Taman Murni
		Parit 6	Taman Alma Ria
57	SEBERANG PERAI TENGAH	Parit 6	Taman Sukun Indah
		Parit 6	Taman Seri Impian
		Parit 6	Taman Markisah
		Parit 6	Taman Seri Kijang
		Parit 6	Taman Seri Kijang
58	SEBERANG PERAI TENGAH	Parit 4 JPS	Taman Usaha
		Parit 4 JPS	Taman Usaha Jaya
		Parit 4 JPS	Kawasan Perindustrian Ringan Pmtg. Tinggi (Jalan Pala)
		Parit 4 JPS	Taman Impian Indah
		Parit 4 JPS	Taman Impian Ria

ID33Q/03

LAMPIRAN A

SENARAI KAWASAN HOTSPOT BANJIR NEGERI PULAU PINANG			
HOTSPOT	DAERAH	LEMBANGAN SUNGAI/SUB LEMBANGAN/ KAWASAN TADAHAN / CADANGAN RANCANGAN TEBATAN BANJIR	KAWASAN HOTSPOT BANJIR
		Parit 4 JPS	Perkampungan Pmtg. Tinggi
57	SEBERANG PERAI TENGAH	Parit Monsun Perindustrian MBSP	Kawasan Perindustrian Perai
58	SEBERANG PERAI SELATAN	Sungai Junjung Sungai Junjung/Parit A1(Sungai Simpang Ampat) Sungai Junjung Sungai Junjung/Parit A1(Sungai Simpang Ampat)	Kg. Sepulau Bandar Tasek Mutiara (Parit A1) Taman Jentayu Kg. Baru Simpang Ampat (Parit A1)
59	SEBERANG PERAI SELATAN	Sungai Jawi Sungai Jawi Sungai Jawi Sungai Jawi Sungai Jawi Sungai Jawi Sungai Jawi	Kampung Sethu Kampung Selut Kampung Jawi Taman Sg. Duri Permai Taman Jawi Jaya Taman Sg. Duri Indah Taman Desa Jawi
60	SEBERANG PERAI SELATAN	Sungai Bakap Sungai Bakap Sungai Bakap Sungai Bakap Sungai Bakap Sungai Bakap	Kampung Masjid Taman Seri Aman Taman Sungai Bakap Indah Kg. Masjid Baru Kg. Pengkalan Kg. Titi Hitam
61	SEBERANG PERAI SELATAN	Sungai Kerian Sungai Kerian Sungai Kerian Sungai Kerian Sungai Kerian	Taman Pekaka (Transkrian) Taman Sentosa Taman Nibong Tebal Taman Ilmu Kg. Sg. Udang (Sg. Acheh)
62	SEBERANG PERAI SELATAN	Sungai Kecil Sungai Kecil Sungai Kecil Sungai Kecil Sungai Kecil	Kampung Sungai Kecil Kampung Nenas Kampung Sg. Buaya Kampung Sungai Baong Kawasan Kilang Nibong Tebal Paper Mail
63	SEBERANG PERAI SELATAN	Sungai Kerian/Parit B2 Nibong Tebal Sungai Kerian/Parit B2 Nibong Tebal Sungai Kerian/Parit B2 Nibong Tebal Sungai Kerian/Parit B2 Nibong Tebal Sungai Kerian/Parit B2 Nibong Tebal Sungai Kerian/Parit B2 Nibong Tebal	Kg. Sanglang Taman Veerapen Taman Penting Taman Permai Taman Bukit Panchor Indah Kg. Stesen

2. Apakah langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang/ Jabatan Veterinar dalam meningkatkan sumbangan komoditi lembu, kerbau dan kambing?
- (a) Apakah bentuk transformasi yang dibuat dalam memastikan bekalan daging lembu, kerbau dan kambing mencukupi untuk rakyat Pulau Pinang? Jelaskan.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

2. (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPVPP) telah menyediakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan komoditi lembu, kerbau dan kambing seperti berikut:
- (i) Pemantauan dan khidmat nasihat oleh pegawai JPVPP kepada penternak bagi memastikan pengurusan ladang yang cekap serta kaedah yang betul agar penternak dapat meningkatkan kualiti dan kuantiti hasil penternakan masing-masing;
 - (ii) Pemberian bantuan kepada penternak seperti naik taraf kandang, bantuan peralatan dan mesin, makanan ternakan, baka ternakan (lembu dan kambing) dan lain-lain bagi memudahkan dan meningkatkan hasil ternakan penternak. Setiap pemberian bantuan akan dipantau dan dipastikan keberkesanannya dalam meningkatkan sumbangan komoditi lembu, kerbau dan kambing;
 - (iii) Menyediakan latihan modal insan secara berkala dalam mempersiapkan para penternak dengan ilmu penternakan dan perniagaan. Latihan turut diberikan merangkumi pelbagai aspek yang membantu penternak memahami dan mengaplikasi ilmu baharu, teknologi dan inovasi ke arah penternakan moden setanding dengan negara-negara maju;
 - (iv) Menyediakan perkhidmatan ambulatori iaitu rawatan di lapangan bagi mengurangkan penyakit dan kematian ternakan, meningkatkan kualiti hasil ternakan dan mengelakkan pengurangan hasil sekali gus membantu peningkatan pengeluaran; dan
 - (v) Perkhidmatan pernianian beradas (*Artificial Insemination* -AI) iaitu perkhidmatan yang menggunakan kaedah berteknologi dalam meningkatkan bilangan ternakan. Penggunaan kaedah AI ini akan menjimatkan masa dan kos kerana induk (ibu) tidak lagi memerlukan pejantan untuk menghasilkan anak.

Kerajaan Negeri melalui JPVPP juga akan menjalankan Projek Perintis Pembangunan Ternakan Ruminan dalam memastikan bekalan daging lembu, kerbau dan kambing mencukupi untuk rakyat Pulau Pinang.

Projek Perintis Pembangunan Ternakan Ruminan Tahun 2021 ini dilaksanakan bagi mentransformasikan lapan (8) orang penternak ruminan yang terdiri daripada empat (4) orang penternak ruminan besar (lembu/kerbau) dan empat (4) orang penternak ruminan kecil (kambing/bebiri) daripada skala penternakan kategori tradisional kepada semikomersial ataupun daripada penternak semikomersial kepada penternak komersial dengan matlamat meningkatkan pengeluaran daging dan pendapatan penternak.

Projek ini merupakan geran pepadanan di mana Kerajaan Negeri akan menyediakan sebanyak 90 peratus (90%) daripada nilai bantuan manakala baki 10 peratus (10%) akan ditanggung oleh penternak. Sumbangan 10

peratus (10%) daripada penternak ini adalah untuk memastikan komitmen dan kesungguhan para penternak untuk menjayakan projek ini. Penternak yang dipilih untuk menyertai projek ini akan ditapis dengan teliti dan ketat berbanding syarat bantuan biasa. Penternak akan diberikan bantuan dalam tempoh dua (2) tahun berturut-turut di mana pada tahun pertama (2021), peruntukan bagi pembinaan kandang baharu akan diberikan manakala pada tahun kedua (2022) projek, pemberian baka ternakan sebanyak satu (1) ekor jantan dan lima (5) ekor betina haiwan ruminan akan diberikan kepada penternak ruminan besar (lembu/kerbau) manakala pemberian baka ternakan sebanyak satu (1) ekor jantan dan sepuluh (10) ekor betina haiwan ruminan akan diberikan kepada penternak ruminan kecil (kambing/bebiri).

Pelaksanaan projek perintis ini diharap dapat meningkatkan populasi lembu/kerbau sekurang-kurangnya 32 ekor bersamaan 0.29 peratus (0.29%) populasi lembu/kerbau Negeri Pulau Pinang bagi empat (4) orang penternak ruminan besar (lembu/kerbau) dan juga meningkatkan populasi 240 ekor kambing iaitu 2.94 peratus (2.94%) populasi kambing Negeri Pulau Pinang bagi empat (4) orang penternak ruminan kecil (kambing/bebiri).

Projek perintis ini akan dilaksanakan dengan skala yang lebih besar sekiranya ia berjaya meningkatkan dan menjamin pengeluaran ternakan ruminan Negeri Pulau Pinang pada masa hadapan.

3. Berapakah luas tanah Baitulmal yang ekonomik yang menghadapi masalah tidak dipecah bahagian dengan pemilik tanah? Senaraikan mengikut daerah.
 - (a) Berapakah luas yang telah diselesaikan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)?
 - (b) Bagi tanah yang tidak ekonomik, berapakah luas yang telah dijual kepada waris?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

3. (a) Keluasan Tanah Baitulmal yang ekonomik yang belum dipecah dengan pemilik tanah adalah berjumlah 27.8 ekar mengikut perincian seperti berikut:

Daerah	Bilangan Lot	Guna Tanah Semasa	Keluasan (Ekar)
Barat Daya	1	Bendang	19.0
Timur Laut	1	Bangunan	0.1
Seberang Perai Utara	1	Bendang	3.5
Seberang Perai Tengah	1	Tanah kosong	1.2
Seberang Perai Selatan	1	Kelapa sawit	4.0
JUMLAH			27.8

- (b) Keluasan tanah Baitulmal yang ekonomik dan telah diselesaikan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dari tahun 2016 sehingga kini adalah berjumlah 20.29 ekar mengikut perincian seperti berikut:

Daerah	Bilangan Lot	Keluasan(Ekar)
Barat Daya	-	-
Timur Laut	-	-
Seberang Perai Utara	1	15.8
Seberang Perai Tengah	1	3.49
Seberang Perai Selatan	1	1.0
JUMLAH		20.29

- (c) Keluasan tanah Baitulmal yang tidak ekonomik dan telah dijual kepada waris dari tahun 2016 adalah berjumlah 193,985 kaki persegi mengikut perincian seperti berikut:

Daerah	Bilangan Lot	Keluasan (Kaki Persegi)
Barat Daya	14	67,953
Timur Laut	5	3,029
Seberang Perai Utara	16	97,159
Seberang Perai Tengah	4	21,332
Seberang Perai Selatan	1	4,512
JUMLAH		193,985

4. Bagi menuju Negeri Pintar, apakah yang telah dilaksanakan dan dicapai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sehingga kini? Jelaskan.
- (a) Negeri Hijau juga menjadi teras. Sila jelaskan konsep dan pelaksanaan Negeri Hijau ini di Pulau Pinang.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

4. Dalam mencapai hasrat untuk menjadi sebuah Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa selaras dengan Visi Penang2030: *A Family-Focused, Green & Smart State that Inspires the Nation*, Kerajaan Negeri telah menetapkan hala tuju Negeri Pintar merangkumi empat (4) teras strategik iaitu Tadbir Urus, Rakyat, Data dan Infrastruktur.

Bagi aspek tadbir urus, Jawatankuasa Pemandu Negeri Pintar Pulau Pinang telah ditubuhkan pada tahun 2017 dan dipengerusikan oleh Pengerusi MMK Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa bagi menyelaraskan dan memastikan inisiatif-inisiatif Negeri Pintar berjalan dengan lancar. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Digital Penang Corporation sebagai satu mekanisme untuk menyelaraskan usaha Negeri Pintar dengan penglibatan sektor swasta.

Penglibatan rakyat dalam pembangunan Negeri Pintar pula diterjemahkan melalui komponen 4P iaitu *Partnership, Private, Public & People*. Kerajaan Negeri menjalin kerjasama erat dengan ahli akademik, penyelidik, Badan Bukan Kerajaan, pemain industri dan rakyat bagi memastikan semua golongan menyumbang kepada pembangunan Bandar Pintar di Negeri Pulau Pinang.

Pengumpulan data merupakan teras yang amat penting dalam memastikan data yang diperolehi adalah tepat, sah dan berguna untuk rakyat dan kerajaan selaras dengan tema yang telah ditetapkan *Data Is King, Talent Is Everything*. Sebagai persediaan bagi menghadapi IR4.0, Kerajaan Negeri amat menggalakkan usaha jabatan dan agensi melalui pelaksanaan integrasi sistem-sistem, inisiatif tanpa tunai (*Cashless*) pendigitalan proses kerja, penggunaan *Internet of Things* (IoT), pengukuhan keselamatan siber, penggunaan analitis data raya (BDA), *Cloud Computing*, *machine learning*, dan *blockchain*.

Penyediaan infrastruktur Bandar Pintar di Negeri Pulau Pinang kini telah jauh lebih baik berbanding 10 tahun yang lalu. Ini adalah hasil usaha dan inisiatif Kerajaan Negeri dengan kerjasama pelbagai agensi termasuk pihak swasta yang sudi melabur dalam pembangunan teknologi IR4.0 di Negeri Pulau Pinang.

Setakat ini sebanyak 76 inisiatif telah, sedang dan akan dilaksanakan dalam membangunkan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Pintar. Kesemua inisiatif ini sedang didokumentasikan oleh Bahagian Kerajaan Tempatan dalam dokumen bertajuk Agenda Negeri Pintar Pulau Pinang yang dijangka akan dilancarkan pada bulan September 2021.

- (a) Konsep Negeri Hijau pula adalah berdasarkan Agenda Hijau Pulau Pinang 2030 iaitu suatu agenda yang telah dibangunkan oleh Penang Green Council (PGC) dan mengandungi strategi dan pelan tindakan termasuk penunjuk kemampanan pembangunan mengikut Matlamat Pembangunan Lestari PBB (UNSDGs) dalam menghadapi cabaran alam sekitar secara global pada masa hadapan berdasarkan teras-teras seperti berikut:-
 - (i) “Circularity”/ Pengurusan Sisa Lestari;
 - (ii) Krisis Perubahan Iklim dan Langkah Mengatasi; dan
 - (iii) Pembangunan secara Mampan.

Dalam konteks pelaksanaan Negeri Hijau, pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di peringkat komuniti, swasta, dan kerajaan dalam usaha melindungi alam sekitar dan menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri berteraskan Hijau. Program-program Hijau yang telah dilaksanakan adalah seperti Kempen Hari Tanpa Beg Plastik, Larangan Penggunaan Bekas Makanan Polisterin, pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca dan Kempen Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna.

Selain itu, projek SEA Circular dan projek rangka kerja inventori karbon turut dilaksanakan bagi pengurusan sisa plastik dan penyediaan platform data informasi terkini untuk kegunaan pengubal dasar bagi merangka serta membuat pelan pembangunan yang lebih tepat melibatkan pengurusan dan alam sekitar.

5. Jelaskan pakej insentif istimewa NCER bagi menarik pelaburan bernilai tinggi kelima daerah.
- (a) Apakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menambah Zon Industri di setiap daerah dan nyatakan tempat serta keluasan terlibat di setiap daerah.
 - (b) Jelaskan pencapaian dalam tiga (3) program iaitu Empower NCER, Entrepreneur NCER dan New Talent Enhancement Programme.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

5. NCER ialah agensi Kerajaan Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Bagi menarik pelaburan bernilai tinggi ke Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, dan utara Perak, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) secara amnya menawarkan pakej berikut ke kesemua wilayah di atas:

(i) Pakej Galakan Cukai NCER (NTAX)

NTAX merupakan sebuah pakej fiskal yang komprehensif yang ditawarkan untuk pelaburan strategik dalam sektor-sektor utama di NCER, khususnya pembuatan, perniagaan tani, petrokimia, ekonomi hijau dan sektor perkhidmatan seperti logistik, ekonomi digital, pelancongan, pendidikan dan ekonomi digital. Insentif yang dilanjutkan sehingga 2025 ini merangkumi:

- 70% peratus pengecualian cukai pendapatan sehingga 10 tahun;
- 70% peratus elaun cukai pelaburan sehingga 10 tahun; dan/atau
- Pengecualian duti import.

(ii) Pakej Rangsangan Insentif Pasca COVID-19 NCER

Pakej ini bertujuan untuk menarik pelaburan secara lebih agresif, MOF telah memberi kelulusan pakej galakan cukai khas yang merangkumi insentif fiskal dan bukan fiskal yang lebih berdaya saing dan menyeluruh. Pakej insentif akan menarik pelaburan-pelaburan baharu pasca COVID-19. Antara insentif yang ditawarkan adalah seperti:

- 100% pengecualian cukai pendapatan (*income tax exemption*) sehingga 15 tahun (10+5) dan tambahan 50% bagi 5 tahun selanjutnya;
- 100% Elaun Cukai Pelaburan (*Investment Tax Allowance*) sehingga 15 tahun;
- Pengecualian duti import; dan/atau
- Pengecualian duti setem.

(iii) Di kelima-lima daerah di Pulau Pinang pakej Rangsangan Insentif Negeri Pulau Pinang ialah seperti berikut:

Pakej ini menawarkan potongan harga sehingga 10% bagi pembelian tanah milik Kerajaan Negeri khusus untuk pelaburan yang bernilai lebih

dari RM1 billion, dalam tempoh 5 tahun perjanjian jual beli. Selain itu, pakej ini juga menawarkan pengecualian Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk pelaburan di Zon Industri Bebas (FIZ), Bayan Lepas Industrial Park (BLIP) dan kawasan-kawasan perindustrian lain di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

(a) Perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menambah Zon Industri seperti yang dikenal pasti dalam draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 seperti berikut:

- (i) Zon Industri Teknologi Tinggi Bertam di daerah Seberang Perai Utara dengan keluasan 360.39 hektar bagi industri automotif, R&D dan ICT;
- (ii) Zon Industri Jalan Siram, Butterworth di daerah Seberang Perai Utara dengan keluasan 16.38 hektar bagi industri ringan, sederhana, khas dan perkhidmatan;
- (iii) Zon Industri Kg Hujung Bukit Juru di daerah Seberang Tengah dengan keluasan 135.21 hektar bagi industri ringan, sederhana, khas dan perkhidmatan;
- (iv) Zon Penang Science Park 1, 2 & 3 di daerah Seberang Perai Tengah dan Selatan dengan keluasan 294.02 hektar bagi industri ICT, R&D atau berteknologi tinggi;
- (v) Zon Industri Bandar Cassia di daerah Seberang Perai Selatan dengan keluasan 440.81 hektar bagi industri ICT, R&D atau berteknologi tinggi;
- (vi) Zon Industri Byram di daerah Seberang Perai Selatan dengan keluasan 1,206.82 hektar bagi industri ICT, R&D atau berteknologi tinggi; dan
- (vii) Zon Industri Timur Batu Kawan di daerah Seberang Perai Selatan dengan keluasan 60.73 hektar bagi industri ICT, R&D atau berteknologi tinggi.

Kerajaan Negeri juga akan membangunkan taman perindustrian teknologi tinggi *Green Tech Park* dengan anggaran keluasan 700 ekar di Pulau A melalui projek *Penang South Islands*.

(b) Pencapaian tiga (3) program NCIA iaitu empowerNCER, entrepreneurNCER dan NCER *Talent Enhancement Programme* (NTEP) adalah seperti berikut:

(i) Program empowerNCER

Program empowerNCER (Latihan dan Keusahawanan) dirangka bagi menangani isu sosioekonomi berdasarkan keperluan sedia ada dengan meningkatkan kemahiran rakyat tempatan agar mereka mampu berdaya saing dan merebut peluang ekonomi yang sedia ada. Sehingga Jun 2021, jumlah penerima manfaat adalah 925 orang. Program empowerNCER (Akademik) pula direka untuk meningkatkan pencapaian pelajar dari segi akademik dan kemahiran sendiri, khususnya pelajar dari keluarga kumpulan B40, demi mewujudkan masyarakat yang lebih seimbang dan mencegah kemiskinan di masa depan. Sehingga Jun 2021, jumlah penerima manfaat adalah 1,300

orang. Kadar kelulusan peserta untuk SPM 2020 di Negeri Pulau Pinang mencapai 100% (purata negeri 86.7%) dan 10% mencapai 5A dan ke atas.

(ii) Program entrepreneur NCER

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Maybank dan Agrobank untuk menyediakan bantuan kewangan kepada usahawan-usahawan di NCER melalui kaedah top-up 50% daripada kadar keuntungan pinjaman serta sokongan perniagaan untuk meningkatkan dan memperkasakan usahawan-usahawan di NCER bagi mengembangkan perniagaan ke tahap yang lebih tinggi. Sehingga Jun 2021, jumlah penerima manfaat adalah 1,096 orang usahawan.

(iii) NCER *Talent Enhancement Programme* (NTEP)

NTEP merupakan satu program insentif modal insan kepada syarikat-syarikat yang melabur dan membuat pengambilan pekerja baharu di NCER. Selain itu, program ini yang terbuka kepada graduan, dapat menggalakkan syarikat untuk mengambil graduan yang baru menamatkan pengajian dan seterusnya dapat memberi latihan dan peluang pekerjaan. NCIA akan membiayai sebahagian atau 50% daripada kos gaji graduan sehingga RM 1,000 melalui kaedah pembayaran semula kepada syarikat. Sehingga Jun 2021, jumlah penerima manfaat adalah 1,309 orang melalui penglibatan 42 syarikat di Pulau Pinang.

6. Huraikan program-program yang dilaksanakan dalam dasar Keterangan Gender dengan peruntukan RM1.7juta secara terperinci.

(a) Nyatakan kesan dan outcome yang dicapai hasil daripada pelaksanaan program dengan peruntukan RM1.7juta.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

6. Kerajaan Negeri telah melancarkan Dasar Keterangan Gender (DKG) pada Mac 2019 bagi memastikan wujudnya keseimbangan gender dan mempromosikan kesaksamaan gender di semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah melaksanakan sebanyak 15 program di bawah DKG bagi tahun 2021. Perincian program adalah seperti di **Lampiran A**.

Walau bagaimanapun, tiada peruntukan khas bagi melaksanakan program-program DKG. Program-program DKG dilaksanakan menggunakan peruntukan operasi sedia ada PWDC.

(a) Kesan dan *outcome* DKG adalah seperti berikut:

(i) Pendekatan *Gender Responsive and Participatory* (GRPB) selaras dengan DKG telah diguna pakai dalam penyediaan bajet mengurus dan pembangunan bagi program/aktiviti di semua agensi dan jabatan Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sejak tahun 2019;

- (ii) Program/projek pembangunan yang mengguna pakai konsep GRPB sedang dilaksanakan oleh sepuluh (10) jabatan Kerajaan Negeri yang telah dipilih pada tahun 2019 dan 2020. Tujuh (7) jabatan Kerajaan Negeri lagi telah dipilih bagi tahun 2021 untuk melaksanakan program/projek perintis GRPB;
- (iii) Kerajaan Negeri telah melaksanakan konsep DKG dalam pelantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan dan Ahli Lembaga Pengarah Anak Syarikat sebagai usaha untuk meningkatkan perwakilan golongan wanita dalam peringkat pembuat keputusan. Kerajaan Negeri dalam tindakan untuk memastikan kuota 30 peratus (30%) wanita dalam ahli Majlis dan ahli Lembaga Pengarah dicapai dan tindakan sedang dilaksanakan secara berfasa;
- (iv) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam dalam proses melaksanakan inisiatif *Top-Up Women Additional Seats* (TWOAS) bagi memastikan terdapat sekurang-kurangnya 30 peratus (30%) perwakilan wanita di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) selaras dengan DKG; dan
- (v) Kerajaan Negeri juga telah mengguna pakai konsep DKG dalam pelantikan ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) iaitu pelaksanaan 30 peratus (30%) wanita dalam MPKK.

LAMPIRAN A**PROGRAM-PROGRAM DI BAWAH DASAR KETERANGKUMAN GENDER
TAHUN 2021**

BULAN	PROGRAM
24 Mac	Bengkel Intensif GRPB BootcampX Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang
24 Mac	Taklimat Dasar Keterangkuman Gender bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang
1 April	Bengkel Pemantapan dan Penyerahan Watikah Pelantikan Pegawai Focal Point Dasar Keterangkuman
5 April	Bengkel Dasar Keterangkuman Gender (DKG) dan GRPB untuk Ahli-ahli Majlis MBPP
7 April	Sesi Taklimat Dasar Keterangkuman Gender (DKG) dan GRPB bagi Ahli-ahli Majlis MBSP
9 April	Sesi Taklimat Keterangkuman Gender untuk PUSPANITA SPS
27 April	Taklimat Dasar Keterangkuman Gender bagi Perbadanan Bukit Bendera Negeri Pulau Pinang
3 Mei	Taklimat Dasar Keterangkuman Gender bagi Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang
16 Jun	Webinar DKG bersama Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Seberang Perai Utara (SPU)
21 Jun	Webinar "Tak Sama Tapi Saksama": Siri 1 (Gender Sensitisation)
5 Julai	Webinar DKG bersama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang (PPAPP)
12 Julai	Webinar DKG bersama Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (BTMKN)
14 Julai	Webinar DKG bersama Bahagian Pengurusan Majlis dan Protokol
4 Ogos	Webinar DKG bersama Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang
9 Ogos	Webinar DKG bersama Bahagian Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang

7. Daripada Syarikat Perniagaan Perkhidmatan Global (GBS) di Pulau Pinang, berapa buahkah syarikat yang dimiliki oleh bumiputera dan bukan bumiputera?
- (a) Nyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan jumlah Syarikat GBS yang dimiliki oleh usahawan bumiputera dan berapa matlamatnya?
 - (b) Bentangkan pencapaian GBS yang telah disusun oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

7. *Global Business Services (GBS)* merupakan model perniagaan yang menggabungkan dan mengintegrasikan pelbagai fungsi dan perkhidmatan syarikat kepada satu organisasi global yang berfokus pada peningkatan kecekapan proses dan pengurangan kos. Ia merangkumi sektor IT, penyelidikan dan pembangunan, kewangan dan perakaunan, pengurusan sumber manusia dan perkhidmatan pelanggan. Sebahagian besar syarikat GBS di Pulau Pinang dimiliki oleh syarikat asing dan penglibatan syarikat tempatan di sektor ini amat minimal. Kesemua 13 syarikat GBS yang menyewa bangunan PDC iaitu GBS@Mayang dan GBS@Mahsuri dimiliki oleh syarikat asing/syarikat *multinasional kategori* Sendirian Berhad (Sdn Bhd) dan dimiliki sepenuhnya oleh pelabur asing yang memegang majoriti ekuiti dalam syarikat GBS. Kesemua 13 syarikat GBS tersebut telah memenuhi 192,118 kaki persegi ruang pejabat PDC di kedua-dua bangunan tersebut dan telah mewujudkan 2,136 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.
- (a) Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan jumlah Syarikat GBS yang dimiliki oleh usahawan bumiputera adalah seperti berikut:
 - (i) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan untuk GBS. Skop GBS ketika ini meliputi kewangan, teknologi maklumat (IT), sumber manusia, perolehan dan sebagainya;
 - (ii) Menarik pelabur yang terlibat dalam aktiviti bernilai tinggi seperti Analisis Automasi Proses Robotik (RPA), Kecerdasan Buatan (AI), data dan keselamatan siber dan sebagainya di samping menggalakan penyertaan bumiputera di dalam aktiviti ini;
 - (iii) Bekerjasama dengan agensi Kerajaan Pusat dan badan berkaitan seperti Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), The National Tech Association of Malaysia (PIKOM) dan Outsourcing Malaysia (OM) bagi menyediakan sokongan bagi mempromosi dan mengembangkan Malaysia khususnya Pulau Pinang sebagai hab global untuk perkhidmatan perniagaan digital bernilai tinggi melibatkan usahawan bumiputera; dan
 - (iv) Memastikan penglibatan industri dengan mengadakan perbincangan bagi mendengar keperluan mereka, di samping menyediakan saluran bakat digital yang berkemampuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri buat masa ini tidak menetapkan jumlah/bilangan usahawan bumiputera yang akan terlibat dalam GBS di Pulau Pinang.
 - (b) Antara pencapaian GBS yang telah disusun oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ialah:
 - (i) **Pulau Pinang sebagai Pusat Inovasi ICT Global**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui InvestPenang terus mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC) di mana sehingga kini Pulau Pinang mempunyai lebih daripada 200 syarikat MSC dan lebih 90 peratus adalah syarikat yang terlibat dalam aktiviti GBS dan ICT (kedua tertinggi selepas Lembah Klang). Sehingga kini, terdapat 60 syarikat GBS di Pulau Pinang yang berjaya mewujudkan lebih 12,000 peluang pekerjaan berkualiti tinggi;

(ii) **Menyediakan infrastruktur bertaraf global**

Bagi membangunkan sektor perkhidmatan perniagaan global (GBS) yang berupaya dan meyakinkan pelabur asing untuk terus melabur, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PDC) telah membangunkan beberapa bangunan pejabat khusus untuk memenuhi permintaan pelabur baru dan sedia ada yang terlibat di dalam sektor ini seperti GBS@Mayang dan GBS@ Mahsuri di Bayan Baru. Kedua-dua bangunan pejabat ini bertaraf Koridor Raya Multimedia (MSC) yang menyediakan infrastruktur fizikal dan maklumat bertaraf dunia dan telah menerima sewaan yang memberangsangkan daripada syarikat-syarikat GBS terkemuka di dunia; dan

(iii) **Melancarkan “GBS Focus Group”**

Kerajaan Negeri melalui InvestPenang telah melancarkan pembentukan “GBS Focus Group” ataupun GFG Penang Chapter yang merupakan inisiatif kumpulan industri dengan InvestPenang untuk mewujudkan kumpulan khas bagi membolehkan pelbagai pihak berkepentingan memiliki platform dengan berkongsi maklumat, idea dan kebimbangan yang berkaitan dengan industri. Sehingga kini, pelbagai program telah dianjurkan bagi mempromosikan GBS di Pulau Pinang. Bagi tenaga kerja sedia ada pula, GBS Focus Group Penang sedang berusaha mewujudkan kesedaran serta membina laluan bakat dan kerjaya untuk industri ini melalui kursus GBS yang diiktiraf oleh *Human Resources Development Fund* (HRDF).

8. Berapakah jumlah peruntukan iSejahtera yang telah dibelanjakan untuk tahun 2020 hingga Julai 2021?
 - (a) Senaraikan kaedah pengagihan peruntukan iSejahtera ini dan pecahan agihannya.
 - (b) Berapakah jumlah bantuan Zakat Pulau Pinang (ZPP) yang telah disalurkan bagi tahun 2020 dan 2021?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

8. Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk tahun 2020 sehingga Julai 2021 adalah sebanyak **RM65,761,030.00**.
 - (a) Kaedah pengagihan peruntukan i-Sejahtera adalah melalui *Electronic Funds Transfer* (EFT) dan secara tunai. Walau bagaimanapun, pembayaran bagi kaedah tunai telah ditangguhkan sejak bulan Mac 2021 bagi mengurangkan penularan wabak COVID-19. Kerajaan Negeri sememangnya merancang dan mensasarkan agar sumbangan

i-Sejahtera dapat disalurkan melalui kaedah EFT kepada lebih ramai penerima. Meskipun begitu, pembayaran secara tunai dilihat masih perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan penyampaian sumbangan tetap dapat disalurkan kepada pemohon di bawah kategori mufliis, uzur dan sebagainya yang menghalang mereka untuk membuka akaun bank. Jumlah perbelanjaan bagi tahun 2020 dan 2021 adalah sebanyak **RM65,761,030.00** seperti pecahan agihan di bawah.

Program	Perbelanjaan 2020 (RM)	Perbelanjaan Sehingga Julai 2021 (RM)
Penghargaan Warga Emas	26,024,400.00	23,577,430.00
Bantuan Ibu Tunggal	1,121,600.00	983,900.00
Ibu Emas	4,778,300.00	4,272,100.00
Orang Kelainan Upaya (OKU)	1,764,300.00	1,645,800.00
Anak Emas	1,206,600.00	386,600.00
Jumlah	34,895,200.00	30,865,830.00

Bil.	Nama Asnaf	Agihan Terkumpul (RM)	
		2020	2021 (Sehingga 31 Julai)
1.	Fakir	5,235,436.93	3,614,161.98
2.	Miskin	40,036,324.07	17,898,314.60
3.	Amil	16,406,161.11	8,677,186.54
4.	Muallaf	1,500,000.00	1,500,000.00
5.	Ghorimin	3,040,879.29	1,853,125.50
6.	Ibnu Sabil	45,157.90	23,000.00
7.	Fisabilillah	60,317,614.91	32,905,098.39
JUMLAH		126,581,574.21	66,470,887.01
JUMLAH BESAR		193,052,461.22	

- (b) Jumlah bantuan Zakat Pulau Pinang (ZPP) yang telah disalurkan mengikut asnaf bagi tahun 2020 dan 2021 adalah sebanyak **RM192,486,672.60** seperti di bawah.

9. Huraikan kedudukan empat (4) projek pencerahan (*columbarium*) haram bukit iaitu di Bukit Botak 1 & 2, projek Air Hitam dan kuari Teluk Bahang.
- (a) Projek-projek ini akan mengakibatkan banjir dan hakisan tanah, apakah tindakan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang?
 - (b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dan kerja-kerja yang telah dibuat?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

9. Kerajaan Negeri memandang serius terhadap pencerahan hutan atau penggondolan bukit secara haram di Pulau Pinang. Tindakan penguatkuasaan dan pemulihan ke atas aktiviti haram yang dilakukan telah pun diambil tindakan tegas oleh Kerajaan Negeri.

Bagi Bukit Botak 1 (Bukit Relau), lot-lot tanah yang terlibat adalah Lot 11396, 303, 34, 6566 dan Lot 343, Mukim 13, Bukit Relau, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Kerja-kerja tanah tanpa kelulusan di atas lot-lot tanah tersebut bermula pada tahun 2014. Buat masa ini, tiada sebarang aktiviti kerja dijalankan di tapak. Tindakan telah diambil di mana pemilik tanah telah didakwa sebanyak tiga (3) kali di mahkamah dan dikenakan denda sejumlah RM130,000.00.

Bagi Bukit Botak 2 (Bukit Relau) pula, lot-lot tanah yang terlibat adalah Lot 271, sebahagian Lot 276 (lot lama), 277, 274, 275 dan sebahagian Lot 6621 (lot lama), Mukim 13, Bukit Relau, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Kerja-kerja tanah tanpa kelulusan di atas lot-lot tanah tersebut bermula pada tahun 2020. Buat masa ini, tiada sebarang aktiviti kerja tanah dijalankan di tapak. Laluan masuk dan keluar ke tapak telah ditutup dan dipagar serta pintu dikunci oleh pemilik tanah bagi menghalang orang awam memasuki tapak. Papan tanda melarang orang awam masuk ke tapak juga telah didirikan. Selain itu, hebahan melalui media untuk melarang orang awam memasuki tapak juga telah dibuat oleh pemilik tanah. Tindakan pendakwaan telah diambil terhadap pemilik tanah dan mahkamah telah mengenakan denda sebanyak RM90,000.00.

Bagi lokasi di Ayer Itam (berhampiran Tokong Kek Lok Si), kesan tompokan tanah tanpa tumbuhan yang diperhatikan pada satu kawasan bukit berhampiran Tokong Kek Lok Si adalah bekas kejadian hakisan/runtuhan tanah yang berlaku pada 29 Oktober 2016. Lot-lot tanah yang terlibat adalah Lot 441 dan 442, Mukim 14, Daerah Timur Laut, Ayer Itam, Pulau Pinang. Pihak Tokong Kek Lok Si telah mula menjalankan kerja-kerja mitigasi susulan kejadian runtuhan tersebut pada bulan Februari 2017. Walau bagaimanapun, kemajuan kerja-kerja mitigasi di tapak telah terjejas sejak awal tahun 2020 kerana Perintah Kawalan Pergerakan. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan terus menjalankan pemantauan di tapak dan memastikan kerja-kerja mitigasi lanjutan serta segala kehendak MBPP dipatuhi.

Bagi Kuari Teluk Bahang pula, lot-lot yang terlibat adalah Lot 376, 508, 513, 527, 528, 536, 581, 582, 583, 584, 31 dan 32 Mukim 2, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Tapak ini merupakan tapak kuari yang lama beroperasi dan kerja-kerja tanah mula dilakukan dengan ketara di atas lot-lot baharu pada tahun 2019. Tindakan pendakwaan telah diambil terhadap pemilik tanah/pengusaha kuari dan mahkamah telah mengenakan denda sejumlah RM65,000.00. MBPP akan terus menjalankan pemantauan di tapak bagi memastikan tiada aktiviti haram dilakukan di tapak kuari tersebut.

- (a) Tindakan yang diambil oleh MBPP bagi mengelakkan aktiviti pencerahan hutan atau penggondolan bukit haram

berlaku sehingga mengakibatkan banjir dan hakisan tanah adalah seperti berikut:-

- (i) Menjalankan pemantauan berkala di tapak;
 - (ii) Memastikan pemilik-pemilik tanah melantik jurutera-jurutera geoteknikal bertauliah dan menyediakan laporan geoteknikal yang komprehensif merangkumi analisa kestabilan cerun, sistem saliran dan ESCP (*Erosion and Sediment Control Plan*);
 - (iii) Memastikan kaedah pembaikan dan mitigasi dilaksanakan termasuk langkah-langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang serta amalan terbaik kejuruteraan (*best engineering practice*); dan
 - (iv) Mengambil tindakan penguatkuasaan termasuk tindakan mahkamah lanjut diambil ke atas pemilik tanah sekiranya berlaku banjir atau hakisan tanah di mana-mana tapak berkenaan.
- (b) Setakat ini, tiada peruntukan yang dibelanjakan oleh MBPP kerana pelantikan jurutera-jurutera perunding dan semua kerja-kerja mitigasi yang dijalankan adalah dibiayai sepenuhnya oleh pemilik tanah sendiri.
10. Semua pengusaha industri pelancongan dan pekerja-pekerja terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), apakah usaha yang diambil dalam membantu mereka?
- (a) Apakah pelan pasca COVID-19 yang telah dirangka oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk sektor pelancongan di Negeri Pulau Pinang.
 - (b) Berapakah jumlah sumbangan sektor pelancongan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Pulau Pinang bagi tahun 2020?

JAWAPAN OLEH YAB.KETUA MENTERI:

10. Berikut merupakan bantuan kewangan dan subsidi yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu sektor pelancongan di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2021.
- (a) Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.0
 - (i) Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM200 secara *one-off* kepada penarik beca;
 - (ii) Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara *one-off* kepada peniaga yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang merangkumi peniaga perkhidmatan spa, refleksologi dan sebagainya.
 - (b) Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1

Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 secara *one-off* kepada :-

 - (i) pemandu bas/van persiaran, kereta sewa / limosin pelancongan;
 - (ii) pemandu pelancong berdaftar;
 - (iii) pengusaha kuda rekreasi Pulau Pinang;
 - (iv) pengendali perkhidmatan *mobile spa*;
 - (v) pengusaha lancang air (*watercraft operator*) di Pulau Pinang; dan

- (vi) bantuan Khas Kewangan sebanyak RM 1000 secara *one-off* kepada *Tourist Attraction Operators*.
- (c) Pengecualian fi hotel sehingga 31 Disember 2021;
- (d) Pemberian subsidi untuk bil Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada penggiat-penggiat industri pelancongan dengan tabung sebanyak RM1 juta.
- (e) Melancarkan *SKIM Pinjaman Kelangsungan Perusahaan (PEKA)*, yang memperuntukkan RM10 juta pinjaman tanpa faedah untuk menyokong perniagaan yang terjejas dalam industri pelancongan.
- (f) Pemberian bantuan secara moratorium untuk bil air, cukai petak, cukai tanah, cukai pintu dan fi lesen perniagaan kepada pengusaha-pengusaha sektor pelancongan

Kerajaan Negeri telah menghasilkan Pelan Tindakan Pemulihan Pelancongan setelah beberapa siri perbincangan dibuat bersama antara Kerajaan Negeri dengan penggiat-penggiat pelancongan di negeri ini sejak tahun lepas. Dalam pelan tindakan tersebut, perancangan telah dibahagikan kepada TIGA (3) fasa seperti berikut:-

(i) Tindakan Segera (*Immediate Action*)

(a) Kempen media sosial

Sejak permulaan penularan wabak COVID-19, Kerajaan Negeri Pulau Pinang lebih memberi fokus kepada usaha untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan melalui media sosial. Bagi memastikan Pulau Pinang kekal sebagai destinasi pelancongan utama pilihan pelancong, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meningkatkan kekerapan hantaran (*posting*) dalam media sosial sehingga berakhirnya Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah menjalankan pengiklanan di media sosial untuk menonjolkan keistimewaan Pulau Pinang. Pengiklanan di media sosial akan dipaparkan di laman web *penangtraveldeals.com* di mana pembelian pakej secara langsung dengan penggiat-penggiat pelancongan yang berkenaan dapat dilaksanakan.

(b) Kempen “*Yes, This is Penang & Penang Through Lenses*”

Kempen ini akan menggalakkan lawatan semula (*revisitation*) ke Pulau Pinang dengan memberi tumpuan kepada pemasaran destinasi seperti Seberang Perai, Balik Pulau dan juga Teluk Bahang di mana destinasi-destinasi ini menawarkan seribu satu keistimewaan tersendiri yang menggambarkan keunikan yang terdapat di Negeri Pulau Pinang.

(c) Kempen *7 World Wonders of Penang*

Pulau Pinang juga terkenal dengan tempat tarikan pelancong yang tiada bandingan di dunia yang kini

dijenamakan sebagai “7 World Wonders of Penang” iaitu *The Habitat, Penang Hill, The Top Penang, The Gravityz, Tech Dome Penang, Entopia by Penang Butterfly Farm dan Escape Theme Park*. Kempen ini akan mempromosikan ketujuh-tujuh tempat tarikan pelancong ini melalui media sosial, saluran-saluran Astro Radio dan di kawasan pejalan kaki tertutup (*covered walkways*) di Jalan Sultan Ismail dan Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur. Kempen ini juga telah mendapat sambutan baik daripada media-media tempatan seperti RTM, surat khabar dan majalah-majalah tempatan.

(d) *Penang Give You Peace of Mind*

DUA (2) video promosi iaitu “*Your Safety is Our Priority*” dan “*Thank You for Keeping Penang Safe*” telah dihasilkan untuk kempen ini, di mana ia menonjolkan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh semua pihak dalam meningkatkan imej Pulau Pinang sebagai destinasi yang selamat.

(e) Sistem Akreditasi bagi Kesiapsiagaan COVID-19 di Pulau Pinang (*COVID-19 Safety Accreditation Programme*)

Akreditasi ini akan diberikan kepada penggiat-penggiat industri pelancongan yang telah memenuhi dan mematuhi garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) kebersihan dan keselamatan yang ditetapkan. Proses audit yang menyeluruh juga akan dijalankan untuk memastikan semua garis panduan dan SOP dipatuhi sebelum kelulusan permohonan akreditasi tersebut. Pihak yang telah memenuhi SOP akreditasi ini akan diberi logo rasmi untuk dipamerkan di premis serta untuk kegunaan promosi dan pemasaran. Dengan mempamerkan logo akreditasi di premis-premis hotel dan tempat-tempat daya tarikan, ia akan memberi keyakinan dan kepercayaan yang tinggi kepada pelancong semasa melancong di Pulau Pinang.

(f) Kempen “Pelancongan Bertanggungjawab”

Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang melancarkan kempen “Pelancongan Bertanggungjawab”. Kempen ini merupakan satu pendekatan berhemah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memberi peringatan kepada semua pihak mengenai kepentingan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dan menjaga kebersihan diri sendiri semasa melancong di Pulau Pinang.

(ii) Tindakan Jangka Pendek dan Pertengahan (*Short-Midterm Action*)

Kempen promosi dan pemasaran akan diteruskan dengan penggiat industri pelancongan seperti syarikat penerbangan, hotel penginapan, tempat tarikan dan ejen pelancongan untuk mengadakan pakej pelancongan yang menarik dengan tujuan memulihkan pasaran pelancongan domestik dan antarabangsa.

Kempen-kempen yang telah dilaksanakan dalam fasa ini adalah seperti berikut:-

(a) *Outdoor Advertising Campaign in Kuala Lumpur – Covered Walkways*

Kempen pengiklanan di kawasan pejalan kaki tertutup (*covered walkways*) pusat bandar Kuala Lumpur sedang diadakan selama 12 bulan mulai Disember 2020 di Jalan Sultan Ismail dan Jalan Raja Chulan.

(b) *JOM! Experience Penang Campaign*

Dalam usaha mengukuhkan pelancongan domestik dalam kalangan penduduk tempatan, laman web *penangtraveldeals.com* telah dilancarkan untuk memberikan maklumat tumpuan kepada pelancong yang ingin melawat Pulau Pinang. “JOM! *Experience Penang Campaign*” menawarkan platform yang sesuai bagi mereka yang merancang perjalanan mereka dengan tawaran terbaik yang dibekalkan oleh hotel, tempat tarikan pelancong, pakej pelancongan, makanan dan gaya hidup (*Best Hotel Deals, Best Attraction Deals, Best Tour Packages, Best Food and Lifestyle Deals*) dan akan merangkumi tawaran syarikat penerbangan pada masa hadapan.

(c) *Penang Tour Packages Promotion Best Tour Packages*

Negeri Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang bekerjasama dengan persatuan pelancongan iaitu *Malaysian Chinese Tourism Association* (MCTA) dalam mempromosikan pakej pelancongan Pulau Pinang secara konsortium. MCTA mempromosikan pakej pelancongan Pulau Pinang secara pakej berkumpulan untuk menggalakkan pelancongan domestik ke Pulau Pinang.

(d) Pakej dengan Malaysia Airlines

Malaysia Airlines Holidays: MHHolidays sedang membangunkan pakej untuk Pulau Pinang dan akan dipromosikan melalui media sosial dan laman web Malaysia Airlines.

(e) Kempen Media dengan Sojern Travellers

Platform Sojern Traveller akan mengenal pasti, memahami dan mensasarkan pelancong pada semua peringkat perbelanjaan pengguna sambil menjalankan penyelidikan pasaran dan melaksanakan strategi pemasaran.

(f) Kempen media dengan Family Mart

Kempen media ini dijalankan dengan Family Mart bermula dari Disember 2020 sehingga Mac 2021 untuk mempromosi Pulau Pinang sebagai destinasi melancong.

Kerajaan Negeri juga giat mempromosikan Pulau Pinang sebagai satu destinasi pilihan utama MICE (

Meetings, Incentives, Conventions & Exhibitions) melalui program *Business Events Penang Rejuvenation Plan 2021-2023*. Program ini bertujuan untuk mengembangkan industri 'business events' berdasarkan 3 teras, iaitu Kerjasama, Sokongan dan Digitalisasi.

(iii) **Tindakan jangka panjang (Long Term Action)**

Pada fasa ini, Kerajaan Negeri akan memfokuskan pada pasaran antarabangsa setelah sempadan antarabangsa dibuka semula dan pelancongan antarabangsa diizinkan.

Kempen pemasaran akan dilakukan untuk memulihkan pasaran tumpuan pelancongan serta menerokai pasaran baharu dengan melibatkan pasaran antarabangsa dan domestik melalui iklan jenama untuk menggalakkan penambahan pelancong ke Pulau Pinang.

Pelaksanaan pelbagai fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang turut membataskan aktiviti rentas negeri serta penutupan sempadan antarabangsa telah merencatkan pertumbuhan ekonomi negara. Industri berasaskan pelancongan adalah yang paling terjejas menerima impak daripada pelaksanaan PKP ini seperti perhotelan, makanan dan minuman. Penularan pandemik COVID-19 yang turut membelenggu rakan dagangan utama Malaysia telah menjejaskan permintaan barangan dan perkhidmatan.

Jabatan Perangkaan Malaysia masih belum mengeluarkan sebarang butiran terperinci tentang sumbangan sektor pelancongan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Pulau Pinang pada bagi tahun 2020.

11. Berapakah jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk mencegah banjir atau Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Pulau Pinang daripada tahun 2009 hingga 2021? Senaraikan.

(a) Bentangkan hasil dan kesan daripada pelaksanaan projek-projek tersebut.

(b) Apakah punca banjir tidak dapat diselesaikan di kawasan Sungai Puyu dan Bagan Dalam walaupun RTB Mak Mandin telah dilaksanakan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

10. Jumlah perbelanjaan yang direkodkan melalui Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) hingga Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) adalah sebanyak RM1,168,398,732.23. Jumlah ini termasuk bayaran projek, bayaran perunding dan bayaran pengambilan balik tanah. Senarai projek yang dilaksanakan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

RMK-9 sehingga RMK-12			
Bil.	RMK	Dibelanja (RM Juta)	Catatan
1	9 (2006-2010)	305,747,141.85	Rujukan Dari Sistem Pemantauan Projek II
2	10 (2011-2015)	709,979,946.20	
3	11 (2016-2020)	32,220,497.49	
4	12 (2021-2025)	7,963,210.00	
5	Projek <i>High Impact</i> (Kerajaan Negeri)	112,487,936.69	
Jumlah		1,168,398,732.23	

- (a) Hasil dan kesan daripada pelaksanaan projek-projek tebatan banjir tersebut adalah pengurangan risiko banjir mengikut tahap perlindungan di kawasan yang terlibat. Sehingga kini hampir 15 peratus kawasan *hotspot* banjir telah dan akan menerima manfaat selepas siapnya sembilan (9) projek RTB di seluruh Negeri Pulau Pinang. Projek-projek ini turut dinyatakan seperti di **Lampiran B**.
- (b) Punca banjir tidak dapat diselesaikan di kawasan Sungai Puyu dan Bagan Dalam kerana Projek Tebatan Banjir kawasan Mak Mandin meliputi lembangan Sungai Mak Mandin dan Lembangan Parit Monsun ke Bagan Specialist Centre sahaja. Manakala kawasan Sungai Puyu dan sebahagian kawasan Bagan Dalam berada dalam lembangan Sungai Nyior dan sublembangan Parit Monsun berhampiran Lebuhraya Kampung Benggali.

LAMPIRAN B

Peruntukan Persekutuan RMK-9 (2006 - 2010)			
Bil.	Butiran Projek	Dibelanja (RM)	Rujukan
1	PENGURUSAN INFRASTRUKTUR PANTAI, KAWASAN TSUNAMI PULAU PINANG	1,192,453.25	Sistem Pemantauan Projek II
2	PROGRAM PEMULIHARAAN SUNGAI-SUNGAI PULAU PINANG DI DAERAH BARAT DAYA, SEBERANG PERAI UTARA, TIMUR LAUT, SEBERANG PERAI TENGAH & SEBERANG PERAI SELATAN	8,999,980.71	Sistem Pemantauan Projek II
3	PROJEK PEMBERSIHAN DAN RAWATAN AIR SUNGAI PINANG	15,862,010.43	Sistem Pemantauan Projek II
4	PEMULIHAN SUNGAI JURU, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG	1,899,975.00	Sistem Pemantauan Projek II
5	PEMULIHAN SUNGAI-SUNGAI CYBER CITY, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG	2,547,000.00	Sistem Pemantauan Projek II
6	SALIRAN BANDAR, PULAU PINANG	3,093,217.50	Sistem Pemantauan Projek II
7	RTB BANDAR PULAU PINANG	10,685,869.00	Sistem Pemantauan Projek II
8	RANCANGAN TEBATAN BANJIR PULAU PINANG : SG. PERAI (DI IBU PEJABAT)	123,306,965.96	Sistem Pemantauan Projek II
9	RTB SUNGAI JUNJUNG	17,224,414.00	Sistem Pemantauan Projek II
10	KAJIAN / REKABENTUK DAN PELBAGAI RTB PULAU PINANG	7,225,584.00	Sistem Pemantauan Projek II
11	BAYARAN BALIK DEFERRED PAYMENT – BERTAM / KEPALA BATAS	113,709,672.00	Sistem Pemantauan Projek II
	Jumlah	305,747,141.85	
Peruntukan Persekutuan RMK-10 (2011 - 2015)			
Bil.	Butiran Projek	Dibelanja (RM)	Rujukan
1	PEMULIHARAAN MUARA SUNGAI PERAI (FASA 3) (2013-2014)	39,776,263.21	Sistem Pemantauan Projek II
2	PEMULIHARAAN PANTAI DAN PEMBAIKAN KUALITI AIR LAUT DI BATU FERRINGHI, PULAU PINANG. (2015)	4,242,398.00	Sistem Pemantauan Projek II
3	PEMBERSIHAN DAN RAWATAN AIR SUNGAI PINANG (2013-2014)	2,495,819.65	Sistem Pemantauan Projek II
4	PEMBERSIHAN DAN RAWATAN AIR SUNGAI JURU (2012-2013)	1,999,940.00	Sistem Pemantauan Projek II
5	RTB SUNGAI JUNJUNG (2012-2013)	745,108.25	Sistem Pemantauan Projek II
6	KAJIAN / REKABENTUK DAN PELBAGAI RTB PULAU PINANG (2012-2013)	26,550.00	Sistem Pemantauan Projek II
7	BAYARAN BALIK DEFERRED PAYMENT – BERTAM / KEPALA BATAS, PULAU PINANG (2012-2013)	41,711,949.55	Sistem Pemantauan Projek II
8	RANCANGAN TEBATAN BANJIR BERTAM / KEPALA BATAS (2013-2014)	3,004,957.01	Sistem Pemantauan Projek II
9	RANCANGAN TEBATAN BANJIR TASEK GELUGOR (2015)	25,721,327.13	Sistem Pemantauan Projek II
10	RANCANGAN TEBATAN BANJIR KEPALA BATAS (2011-2012)	2,000,000.00	Sistem Pemantauan Projek II
11	RANCANGAN TEBATAN BANJIR TASEK GELUGOR (2011-2012)	2,000,000.00	Sistem Pemantauan Projek II
12	MASALAH PERPARITAN DI KUALA BEKAH, BERTAM, KG PADANG, PENAGA DAN KG TG RAMBAI, PINANG TUNGGAL (2012-2013)	1,020,633.40	Sistem Pemantauan Projek II
	Jumlah	124,744,946.20	
Senarai Projek Yang Diperolehi Daripada Bahagian Pembangunan Korporat Ibupejabat JPS			
Bil.	Butiran Projek	Dibelanja (RM)	Rujukan

Butiran Terperinci

1	PROJEK 1 NEGERI, 1 SUNGAI	16,000,000.00	Bahagian Korporat Ibu pejabat JPS
2	PEMBERSIHAN DI LEMBANGAN SUNGAI - SUNGAI PINANG	9,000,000.00	Bahagian Korporat Ibu pejabat JPS
3	RANCANGAN TEBATAN BANJIR LEMBANGAN SUNGAI KERIAN - JAJARAN PULAU PINANG	88,000,000.00	Bahagian Korporat Ibu pejabat JPS
4	RANCANGAN TEBATAN BANJIR SUNGAI MUDA	466,000,000.00	Bahagian Korporat Ibu pejabat JPS
6	KERJA-KERJA KECIL (BUTIRAN 15000)	6,235,000.00	Bahagian Korporat Ibu pejabat JPS
Jumlah		585,235,000.00	
Peruntukan Persekutuan RMK-11 (2016 - 2020)			
Bil.	Butiran Projek	Dibelanja (RM)	Catatan
1	PEMULIHARAAN PANTAI DAN PEMBAIKAN KUALITI AIR LAUT DI BATU FERRINGHI, PULAU PINANG. (2016-2018)	4,099,896.86	Kos Keluruhan Projek adalah sama dengan RMK-10
2	RANCANGAN TEBATAN BANJIR LEMBANGAN SUNGAI PINANG. (2017-2018)	12,688.27	Projek baru di dalam RMK-11
3	RANCANGAN TEBATAN BANJIR TASEK GELUGOR (2016-2018)	8,054,912.36	Kos Keluruhan Projek adalah sama dengan RMK-10
4	PROJEK KERJA-KERJA KECEMASAN DI LUAR JANGKA (SEBELUM DAN SELEPAS BANJIR)-NEGERI PULAU PINANG	2,281,000.00	Projek baru di dalam RMK-11
5	PROJEK PEMULIHARAAN SUNGAI UNTUK MENGURANGKAN RISIKO BANJIR PELBAGAI NEGERI (PULAU PINANG)	17,772,000.00	Projek baru di dalam RMK-11
6	PERBELANJAAN LAIN-LAIN		1. PRAB II (Anggaran Kos Projek di Pulau Pinang): RM 50,000,000.00 2. Kajian water balance : RM 2,000,000.00 3. M&E - Perolehan dan naik taraf pam , jentera dan kelengkapan menghadapi banjir: RM 2,000,000.00
Jumlah		32,220,497.49	

Peruntukan Persekutuan RMK-12 (2021-2025)			
Bil.	Butiran Projek	Dibelanja (RM)	Rujukan
1	RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) TELUK KUMBAR, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG	7,963,210.00	Kos Projek Semasa
2	RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) LEMBANGAN SUNGAI PINANG, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG		Peruntukan Yang Diluluskan RM150,000,000.00
3	RANCANGAN TEBATAN BANJIR TAMAN SIAKAP, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG		Peruntukan Yang Diluluskan RM20,000,000.00
	RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) PONDOK UPEH / SUNGAI BURONG, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG		Peruntukan Yang Diluluskan RM10,000,000.00
	RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) TELUK BAHANG, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG		Peruntukan Yang Diluluskan RM8,000,000.00
	RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) SUNGAI KECHIL, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG		Peruntukan Yang Diluluskan RM16,500,000.00
Jumlah		7,963,210.00	
PERUNTUKAN NEGERI PROJECT HIGH IMPACT			
Bil.	Butiran Projek	Dibelanja (RM)	Rujukan
1	Projek Tebatan Banjir Sg. Permatang Rawa di Kampung Tanah Liat, Taman Guru, Padang Lalang dan Kampung Permatang Rawa, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang JPS PP.	4,382,598.97	Peruntukan Yang Diluluskan RM31,700,000.00
1a	Projek Tebatan Banjir Sg. Permatang Rawa (Hilir) di Kampung Padang Lalang dan Kampung Permatang Rawa, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang JPS PP.		
1b	Projek Tebatan Banjir Sg. Permatang Rawa (Hulu) di Kampung Tanah Liat dan Taman Guru, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang		
2	Projek Tebatan Banjir Parit 4 di Bukit Tengah, Taman Desa Damai, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	14,945,200.00	Peruntukan Yang Diluluskan RM19,000,000.00
3	Projek Tebatan Banjir Parit 5 di Taman Mangga dan Jalan Juru, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	13,054,500.00	Peruntukan Yang Diluluskan RM11,500,000.00
4	Projek Tebatan Banjir Kawasan Mak Mandin, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.	40,942,700.00	Peruntukan Yang Diluluskan RM40,000,000.00
5	Projek Tebatan Banjir Sg. Nipah di Taman Iping, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	11,176,101.97	Peruntukan Yang Diluluskan RM13,600,000.00
6	Projek Tebatan Banjir Bayan Baru, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	9,283,356.00	Peruntukan Yang Diluluskan RM20,100,000.00
7	Projek Tebatan Banjir Membina Kolam Takungan Banjir Di Alma, Daerah Seberang perai Tengah, Pulau Pinang.	2,777,059.75	Peruntukan Yang Diluluskan RM9,600,000.00
8	Projek Tebatan Banjir Sg. Tiram di kg. Naran, Bayan Lepas, daerah Barat Daya, Pulau Pinang. JPS PP.		Peruntukan Yang Diluluskan RM4,500,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		112,487,936.69	

12. Sila berikan kaedah yang dilaksanakan dalam menangani isu *short stay home* yang menjurus kepada banyak kesan sampingan dari aspek sosial, kebersihan, kesihatan, keselamatan dan lain-lain.

(a) Apakah status penyediaan garis panduan *short stay home*?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

12. Bagi menangani isu *short home stay* atau *short term accommodation* (STA) di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menggunakan kaedah melalui pengeluaran notis kacau ganggu di bawah peruntukan Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang mengkehendaki pemilik premis tersebut menghapuskan kacau ganggu. Kegagalan mematuhi notis tersebut boleh dikenakan kompaun sebanyak RM1,000.00.

Sekiranya isu tersebut melibatkan aspek sosial dan keselamatan, perkara tersebut akan dirujuk kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk tindakan selanjutnya. Operasi bersepadu juga diadakan bersama pihak PDRM, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi membendung masalah seperti kacau ganggu awam, dadah dan ketidakpatuhan Standard Operasi Prosedur (SOP) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pada masa ini, bagi kediaman berstrata, pihak Badan Pengurusan (MC) atau Badan Pengurusan Bersama (JMB) boleh membuat undang-undang kecil sendiri untuk mengawal aktiviti STA di dalam bangunan kawal selainya selaras dengan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Bagi kediaman bertanah pula, Kerajaan Negeri sedang dalam usaha untuk mewujudkan satu Garis Panduan STA memandangkan pada tiada apa-apa peruntukan untuk mengawal aktiviti STA di kediaman bertanah di Malaysia.

13. Jelaskan status Project City of Dreams dan berapakah jumlah yang sepatutnya menjadi perolehan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

(a) Berapa banyak yang telah digunakan untuk pembiayaan projek lebuh raya dan yang berkaitan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

13. Projek City of Dreams adalah projek swasta melibatkan pemajuan dua (2) buah blok bangunan pangsapuri perkhidmatan 39 tingkat yang telah siap dibina di atas Lot 702, Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang dengan keluasan 3.67 ekar. Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) projek tersebut telah dikeluarkan pada 16 Ogos 2020.

Projek ini dilaksanakan di atas tanah yang diberi milik oleh Kerajaan Negeri kepada syarikat Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (CZC) yang bernilai RM135,086,094.00 sebagai sebahagian bayaran secara *in-kind* untuk kajian *Feasibility Studies & Preliminary Detailed Design* seperti termaktub di dalam *Preliminary Agreement* (Part 1) bagi komponen Projek Jalan-jalan Utama di Pulau Pinang.

(a) Kos pembiayaan bagi pembinaan projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang yang dilaksanakan oleh syarikat Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (CZC) adalah melalui kaedah pembayaran *in-kind* dengan menggunakan sebahagian tanah rezab kerajaan yang telah dikenalpasti di Plot 3B dan Plot 4A kawasan tambakan Gurney Wharf berkeluasan 50 ekar serta tanah rezab

kerajaan di kawasan tambakan Sri Tanjung Pinang 2 (STP 2) dengan keluasan 60 ekar. Perkara ini adalah sejajar dengan keperluan *Part 2 Preliminary Agreement* dan tidak melibatkan sebarang perolehan hasil daripada pembangunan di atas Lot 702.

Walau bagaimanapun, bayaran kepada pihak CZC bagi kos pembinaan lebuhraya hanya akan dibuat berdasarkan pencapaian kemajuan projek serta jadual pembayaran seperti yang termaktub di dalam Sub Agreement Pakej 2 - Jalan Pintasan dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam di bawah komponen Projek Jalan-Jalan Utama.

14. Belanjawan 2021 adalah belanjawan yang membantu rakyat dalam mendepani cabaran ekonomi.
- (a) Bentangkan apa yang telah dibuat sehingga bulan Ogos 2021 dalam membantu rakyat mendepani cabaran ekonomi.
 - (b) Bentangkan perancangan yang telah disusun oleh Penang Socio Economic Recovery Consultative Council (PSERCC) dalam merangsang pertumbuhan ekonomi pasca COVID-19.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

14. (a) Dalam membantu rakyat mendepani cabaran ekonomi, Kerajaan Negeri telah meluluskan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang yang bertujuan untuk mengurangkan beban golongan paling terkesan serta mengaktifkan kembali sektor ekonomi negeri yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pelaksanaan pakej bantuan ini diteruskan pada tahun 2021 melalui Fasa 3 dan 3.1. Sehingga 17 Ogos 2021, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan berjumlah RM21.21 juta dan perincian bantuan adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Perancangan yang telah disusun di bawah Jawatankuasa *Penang Socio Economic Recovery Consultative Council* (PSERCC) untuk merangsang pertumbuhan ekonomi pasca COVID-19 adalah seperti di **Lampiran B**.

**SENARAI BANTUAN DI BAWAH PAKEJ BANTUAN RAKYAT PULAU PINANG
(PENANG LAWAN COVID-19)**

FASA 3.0

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.0)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM500 kepada: i) peniaga dan penjaja berlesen; ii) penjaja/penggerai yang berniaga dalam kompleks makanan/kedai persendirian (shoplot); iii) penjaja/penggerai yang mempunyai tagging dan berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan iv) peniaga pasar tani (FAMA)	7,356,000.00	16,322 peniaga [(i) MBPP - 6,930, MBSP - 5,770; (ii) MBPP - 1,296, MBSP - 661; (iii) MBPP - 1,410, MBSP - 173; (iv) FAMA – 82]	8,161,000.00
2	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM200 kepada penarik beca	57,600.00	157 penarik beca	31,400.00
3	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM500 kepada pengusaha kantin sekolah berdaftar di Pulau Pinang	231,000.00	435 pengusaha kantin	217,500.00
4	Bantuan Khas Kewangan <i>one-off</i> RM500 kepada peniaga yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT): i) perkhidmatan gunting rambut/salun rambut; ii) perkhidmatan salun kecantikan dan spa; iii) perkhidmatan pusat refleksologi; dan iv) perkhidmatan bekam	1,464,500.00	869 peniaga [(i) MBPP - 225, MBSP - 354; (ii) MBPP - 95, MBSP - 137; (iii) MBPP - 38, MBSP - 19; (iv) MBPP - 0, MBSP - 1]	434,500.00
5	Peruntukan Khas RM30,000 kepada semua ADUN, Ahli Parlimen Kerajaan Negeri, ADUN Angkat, Pegawai Penyelaras KADUN dan Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri untuk membantu rakyat yang terkesan dengan PKP 2.0	1,770,000.00	59 penerima	1,770,000.00
JUMLAH BESAR		10,879,100.00	17,842	10,614,400.00

FASA 3.1

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
1	Geran pensijilan halal berjumlah RM320 kepada usahawan mikro baharu dan sedia ada melalui Penang Halal International	288,000.00	88 usahawan	10,720.00
2	Bantuan Khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada SME yang berdaftar dengan SME Association Malaysia (SAMENTA)	1,000,000.00	333 SME	333,000.00
3	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha kegiatan sukan dan aktiviti kecergasan yang berdaftar dengan PBT	97,000.00	38 pengusaha	19,000.00
4	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada pengendali perkhidmatan Mobile SPA	31,500.00	42 pengusaha	21,000.00
5	Insentif makanan ternakan bagi penternak tradisional untuk komoditi unggas, ruminan dan babi di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	574,424.00	1,088 penternak	0.00
6	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pemandu bas/van persiaran, kereta sewa / limosin pelancongan	175,500.00	142 pemandu	71,000.00
7	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pemandu pelancong berdaftar	683,500.00	587 pemandu pelancong	293,500.00
8	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha lancang air (watercraft operator) di Pulau Pinang	11,500.00	21 pengusaha lancang air	10,500.00
9	Bantuan Khas Kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha kuda rekreasi Pulau Pinang	4,500.00	9 pengusaha kuda	4,500.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
10	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada pengusaha kantin dan kafeteria di IPTA/IPTS/Kolej/Institut Latihan	250,000.00	31 pengusaha kantin	15,500.00
11	Bantuan Peralatan Kesihatan Dan Penyediaan Kelengkapan Program Imunisasi COVID-19 Negeri Pulau Pinang	2,000,000.00	5 PDT	1,351,420.95
12	Bantuan khas kewangan RM5,000 secara one-off kepada pusat jagaan kanak-kanak / warga emas/ OKU /perlindungan wanita di Pulau Pinang	520,000.00	94 pusat jagaan	470,000.00
13	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada <i>Tourist Attraction Operators</i>	60,000.00	10 pengusaha	10,000.00
14	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada kuil-kuil yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	83,000.00	46 pertubuhan	46,000.00
15	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada Rumah Ibadat Bukan Islam yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia	539,000.00	286 pertubuhan	286,000.00
16	Bantuan khas kewangan RM1,000 secara one-off kepada surau berdaftar di bawah JHEAIPP	600,000.00	600 surau	600,000.00
17	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada guru-guru sekolah agama rakyat berdaftar di bawah JHEAIPP	467,500.00	935 guru	467,500.00
18	Bantuan khas kewangan RM500 secara one-off kepada Pemegang Tauliah Mengajar yang berdaftar dan diperakukan oleh JHEAIPP	27,500.00	55 pemegang tauliah mengajar	27,500.00
19	Program kerjasama pintar dengan penyedia platform marketplace digital commerce	1,000,000.00	-	353,438.00

BIL.	INSENTIF / BANTUAN (FASA 3.1)	ANGGARAN PERUNTUKAN (RM)	BILANGAN PENERIMA SEBENAR	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)
20	Bantuan khas kewangan RM10,000.00 kepada Persatuan BOMBA Sukarela dan Pasukan CERT	360,000.00	36 persatuan	360,000.00
21	Pengecualian 2 bulan sewaan dan pajakan bagi projek-projek CMI dan SSI yang berkaitan kepada pengusaha/syarikat	381,000.00	20 pengusaha/ syarikat	381,000.00
22	Peruntukan tambahan RM20,000.00 kepada YB ADUN Kerajaan Negeri, YB Parlimen Kerajaan Negeri, YB ADUN Angkat, Pegawai Penyelaras KADUN dan Pegawai Penyelaras Khas YAB Ketua Menteri bagi membantu golongan terjejas	1,180,000.00	59 penerima	1,180,000.00
JUMLAH BESAR		10,333,924.00	4,525	6,311,578.95

LAMPIRAN B

PELAN TINDAKAN PEMULIHAN NEGERI PULAU PINANG
DI BAWAH PENANG SOCIO ECONOMIC RECOVERY CONSULTATIVE
COUNCIL (PSERCC)

A) SEKTOR INDUSTRI/SMI/SME/PERUNCITAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Cadangan memudahkan kelulusan <i>Special Relief Fund</i> (SRF)	<i>Special Relief Fund</i> (SRF) diluluskan tetapi perlu menunggu sokongan CGC untuk pelepasan dana. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk memohon proses permohonan dapat dipermudah dan pembayaran SRF dipercepatkan.
2	Cadangan mempercepatkan proses bayaran balik tuntutan GST	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempercepatkan proses bayaran balik tuntutan GST kepada syarikat-syarikat berkaitan
3	Cadangan pekerja asing turut dipertimbangkan dalam insentif subsidi upah	Pekerja asing tidak termasuk dalam insentif subsidi upah. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan cadangan insentif subsidi upah kepada pekerja asing.
4	Cadangan penambahan pelanjutan moratorium selama enam (6) bulan lagi	Moratorium penangguhan pembayaran pinjaman ditetapkan sehingga September 2020 sahaja. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan cadangan pelanjutan moratorium untuk tempoh enam (6) bulan berikutnya

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
5	Penambahbaikan ke atas isu sekatan terhadap <i>foreign key personnel</i> dan pasukan teknikal yang memasuki Malaysia serta kekeliruan akibat SOP yang kurang jelas yang melibatkan pelbagai agensi	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Jabatan Imigresen untuk mempertimbangkan pelaksanaan proses kelulusan dalam tempoh dua (2) minggu bagi kemasukan perniagaan atau Professional Visit Pass (PVP) dan diuruskan oleh satu (1) agensi pusat serta mempunyai tempat perhubungan dari mula hingga selesai permohonan.
6	Kelulusan pengambilan pekerja asing untuk sektor terpilih tidak termasuk pembuatan	Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk mempertimbangkan pengambilan pekerja asing bagi sektor pembuatan
7	Cadangan mewujudkan kempen jualan Pulau Pinang dan menggalakkan SME menggunakan platform digital	Kerajaan Negeri melalui Penang Halal International (PHI) telah melancarkan " <i>Penang EMall</i> " secara atas talian melalui platform e-dagang " <i>Shopee</i> " bagi membantu peniaga mikro dan perusahaan sederhana kecil. Kempen ini telah berjaya membantu sejumlah 36,507 peniaga.
8	Meningkatkan kadar penyertaan PKS dalam perolehan kerajaan dan MNC	Kadar penyertaan PKS masih rendah dalam perolehan kerajaan dan MNC. InvestPenang telah menganjurkan Hari Pembekal "<i>Supplier's Day</i>" secara atas talian pada 1 Julai 2021 dengan kerjasama syarikat Lam Research Malaysia. Sejumlah 256 peserta dari syarikat-syarikat tempatan telah mengambil bahagian. Mengkaji cadangan untuk mempertimbangkan penetapan kuota khusus untuk syarikat tempatan dalam aktiviti perolehan (Jabatan Kerajaan Negeri

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		/ Persekutuan yang berkaitan). MNC pula mempertimbangkan untuk membuka perolehan bahan tidak langsung kepada PKS tempatan (FMM, FREPENCA) untuk mendorong perolehan tempatan.
9	Cadangan pelanjutan Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan (PEKA) oleh PDC	Pada masa ini, Skim PEKA tidak akan dilanjutkan kerana peruntukan telah digunakan sepenuhnya. Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan untuk menyediakan pinjaman secara bersasar kepada penerima sektor yang memerlukan.
10	Cadangan supaya sektor pembuatan dikecualikan daripada ditutup sepenuhnya sekiranya PKP diperkenalkan semula	Kilang-kilang di Pulau Pinang mengamalkan pematuhan SOP keselamatan dan kebersihan dalaman yang ketat. Kerajaan Negeri telah mengemukakan cadangan kepada Majlis Keselamatan Negara dan MITI untuk mempertimbangkan sektor pembuatan dikecualikan untuk ditutup sepenuhnya sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan semula.

B) SEKTOR PASARAN TENAGA KERJA

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Platform berkenaan maklumat dan statistik sektor pasaran tenaga kerja di Pulau Pinang	Satu sekretariat untuk mengumpulkan maklumat dan statistik sektor pasaran tenaga kerja telah ditubuhkan yang merangkumi Penang CAT Centre, Penang Skills Development Centre, Penang Institute, PERKESO, FREPENCA dan BPEN. Secretariat ini akan menyediakan maklumat dan statistik berkaitan situasi pasaran tenaga kerja di Pulau Pinang kepada YB EXCO Pembangunan Modal Insan.
2	Memperkasakan peranan Penang CAT Centre	Penang CAT Centre terus memainkan peranannya untuk meningkatkan pembangunan sumber manusia melalui kempen My Penang, My Workplace yang bertujuan untuk menarik bakat-bakat dari seluruh negara bagi memilih Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya. Di bawah kempen ini terdapat dua (2) siri webinar bertajuk <i>"Onwards & Upwards: Explore New Careers in Penang"</i> yang dihadiri oleh hampir 700 orang pencari kerja, lepasan graduan dan pelajar-pelajar institut pengajian tinggi di seluruh negara. Kempen ini dianjurkan oleh Penang CAT Centre dan disertai oleh syarikat-syarikat di Pulau Pinang seperti Micron, Clarivate, Keysight, ViTrox, Jabil, Pentamaster, Teleperformance dan ManpowerGroup.
3	Syarikat memainkan peranan dengan mendaftarkan pekerja yang bakal kehilangan kerja di sistem Penang CAT Centre/MyFutureJobs	Individu kehilangan pekerjaan yang membuat permohonan untuk mendapatkan Skim Insurans Pekerja akan memperoleh ID MyFutureJobs secara automatik dan seorang <i>caseworker</i> akan ditugaskan untuk membantu setiap pencari kerja

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
4	Program peningkatan kemahiran pekerja	Di bawah PenjanaKerjaya, majikan yang mengambil pekerja layak memohon subsidi agar pekerja tersebut menjalani latihan semula atau peningkatan kemahiran (<i>re-skilling & upskilling</i>) berdasarkan keperluan pekerjaan atau industri berkenaan, tertakluk kepada kadar antara RM4,000 hingga RM7,000. PSDC juga menawarkan pelbagai kursus-kursus jangka pendek dan seminar dalam bidang teknikal, soft skills dan IT yang boleh diambil oleh pekerja bagi meningkatkan kemahiran mereka.
5	Kajian untuk mengenal pasti pengangguran yang bakal berlaku dan puncanya serta meneliti dan menangani persaingan antara pekerja yang kehilangan kerja dan pencari kerja lepasan universiti	Penang Institute telah memulakan kajian tersebut dan dalam proses pengumpulan data. Kajian dijangka akan disiapkan pada akhir tahun 2021. Kos pelaksanaan kajian termasuk dalam permohonan peruntukan Penang Institute kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 2021

C) SEKTOR PERUMAHAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Insentif kepada pembeli	a) Had siling maksima RMM diturunkan sebanyak 10 peratus bagi projek baru. b) Keluasan RMM ditingkatkan 50kps jika pemaju ingin mengekalkan harga maksima asal. c) Skor minima 70% Qlassic CIDB.
2	Insentif kepada pemaju	a) Pengurangan harga had siling hartanah pembelian warga asing bagi tempoh 1 tahun.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		b) Pengurangan Fi Kelulusan (State Consent Fees) sebanyak 50% secara menyeluruh bagi tempoh 1 tahun. c) Pengecualian levi pembelian warga asing bagi tempoh 1 tahun. d) Penggunaan kuota RMM mengikut PBT. e) Nisbah Plot 1:4 pembinaan RMM. f) Pengurangan kos pembangunan bagi tempoh 1 tahun.
3	Insentif tambahan kepada pemaju serta kajian dan syor pengurangan kos pembangunan dan pematuhan	a) Pengurangan kadar sumbangan <i>in kind</i> pembukaan pasaran terbuka RMM 100 peratus kepada LPNPP. b) Pengecualian Pemeriksa Bebas bagi Laporan Kajian Lalu Lintas (TIA) dan Penyediaan Laporan Kajian Impak Sosial (SIA). c) Cadangan diskaun 50% dari 15% premium nilai tanah dikenakan dan pengiraan premium dipinda daripada nilai tanah kepada perbezaan nilai tanah. d) Cadangan pengiraan premium dipinda daripada nilai tanah kepada perbezaan nilai tanah.
4	Penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) melalui konsep sewa beli	Sebanyak 10 skim perumahan RMM telah siap dan sedia untuk ditawarkan, manakala dua (2) skim perumahan di peringkat pembinaan dan dua (2) skim perumahan lagi di peringkat perancangan.

D) SEKTOR INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	<i>Penang Connectivity Master Plan (PCMP)</i> a) Projek Penaiktarafan Infrastruktur <i>Copper</i> Milik Telekom Malaysia (TM) kepada Fiber Optik di seluruh Negeri Pulau Pinang. b) Projek <i>Allo Nationwide Fiberisation Plan (AFNP)</i> c) Projek <i>Fiber Clip On Solution (FTTL)</i> d) Projek <i>Smart Street Pole</i> di Negeri Pulau Pinang	53% kawasan di seluruh Negeri Pulau Pinang telah dinaik taraf kepada jajaran fiber optik Unifi sehingga bulan Jun 2021. Dijangka akan mencapai 100% fiberisation menjelang Jun 2022. Sedang dalam proses pemasangan yang melibatkan 11,000 home premises di seluruh kawasan Seberang Jaya. Pemasangan telah siap sepenuhnya melibatkan 8,711 premis rumah di seluruh Negeri Pulau Pinang sehingga Jun 2021. Pelaksanaan projek masih di peringkat <i>Proof of Concept (POC)</i> oleh Syarikat Webe Digital Sdn Bhd dan Celcom Berhad.
2	Cadangan Pembinaan Pencawang Masuk Utama (PMU) 275 kV	Perbincangan TNB bersama JKPTG akan dibuat bagi membincangkan proses pemindahan 12 buah rumah transit. Perbincangan bersama Lembaga Perumahan Pulau Pinang juga akan dijalankan bagi memohon rumah PPRT bagi tujuan perpindahan penghuni rumah transit. TNB akan membincangkan perkara di atas bersama KeTSA bagi tujuan kelulusan untuk menanggung kos perpindahan secara keseluruhan seperti yang dimohon oleh MINDEF.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
3	Ekonomi Digital	<i>Startups</i> - Meningkatkan penglibatan komuniti kejuruteraan/perisian melalui pendekatan <i>engagement</i>. Pembangunan program dan perkhidmatan untuk <i>Startups</i>. <i>Local Enterprise Development</i> - Meningkatkan penglibatan PKS. Membangunkan aliran urus niaga untuk syarikat ICT. Beralih dari pendedahan asas ke digitalisasi proses perniagaan untuk PKS mikro. Pelabur (<i>Investor</i>) - Menyediakan petunjuk selaras dengan matlamat Ekonomi Digital. Mengenal pasti peluang semasa yang sesuai untuk pelaburan digital.
4	Pembangunan Projek Lebuhraya <i>Northern Corridor Highway</i> (NCH)	NCIA dan LLM dalam tindakan untuk memuktamadkan <i>Statement of Needs</i> (SON) projek. Model pelaksanaan akan dikemukakan untuk kelulusan Jemaah Menteri. Cadangan jajaran hubungan dari Serdang ke Jambatan Kedua Pulau Pinang sepanjang 25.5km.

E) SEKTOR PELANCONGAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Program promosi dan rangsangan pasaran tempatan	a) Kempen taktikal merangkumi produksi video (<i>Experience it all in Penang, The other side of the Island, The opposite side of the Island, Penang through the lens</i> dan lain-lain), kempen <i>Penang Tour Packages</i> dan kempen <i>Penang Frontliners</i> .

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		b) Kempen pengiklanan di <i>family mart retails</i>, <i>covered walkaways</i>, <i>giant cubes</i> dan laman web <i>Penang Travel Deals</i>. c) Kempen media dengan kerjasama Astro Radio. d) Promosi muslim-friendly dan halal melalui risalah. Risalah Jalan-Jalan Penang dan Muslim Travel Guide yang masih dalam peringkat penyediaan.
2	Kempen <i>Responsible Tourism</i>	Promosi melalui badan bas (<i>bus wrap</i>) perhentian bas bagi mewujudkan kesedaran masyarakat akan pelancongan bertanggungjawab
3	Promosikan Pulau Pinang secara digital untuk mencapai sasaran pelancong lebih tinggi dan impak media sosial yang diinginkan	a) Promosi melalui kolaborasi dengan Penang Foodie, Penang Hidden Gems dan pengiklanan media sosial. Kempen akan dimulakan pada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian. b) Pengiklanan digital dengan Sojern bagi mempromosikan <i>Jom! Experience Penang Campaign</i> telah diselesaikan. c) Pengiklanan atas talian melalui laman web rasmi <i>Going Places (Malaysia Airlines inflight magazine)</i> ditangguhkan sementara. d) Penambahbaikan laman web pelancongan mypenang.gov.my
4	Meningkatkan daya perbelanjaan dan menjana pendapatan untuk pemain industri tempatan	Tarikh permulaan kempen akan ditentukan setelah perjalanan merentas negeri dibenarkan semula. Kempen dengan kerjasama Shopee.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
5	Kerjasama dengan penggiat-penggiat pelancongan untuk merangsang pelancongan domestik	Kolaborasi dengan Klook, Booking.com, Shopback dan AirAsia. Kempen telah diluluskan pada tahun 2020, namun telah ditangguhkan sehingga sektor pelancongan dapat beroperasi semula.
6	Mengekalkan penjenamaan Pulau Pinang di pasaran luar negara	a) Penglibatan dalam pameran perdagangan luar negara secara maya seperti <i>ITB Asia Virtual</i>, <i>Virtual Wedding Festival</i>, <i>Malaysia Meet 2021 - Istanbul, Moscow and Almaty</i>, <i>Travel Meet Asia Virtual</i> dan <i>ITB China</i>. b) Penglibatan dalam webinar secara atas talian seperti <i>New Zealand Travel Agents together with Malaysia Airlines</i>, <i>Online Cooking Class with Malaysia Airlines Australia and Travel Agents</i>, <i>Virtual Tour – The Habitat with Scandinavia Travel Agents</i> dan <i>Nordic Travel Agents together with Tourism Malaysia</i>.

F) SEKTOR INDUSTRI MAKANAN

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
1	Penguatkuasaan Rumah Sembelih (Akta rumah sembelihan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang adalah meliputi rumah sembelihan babi dan ruminan sahaja)	a) Sehingga kini, 5 buah rumah sembelihan babi telah dilesenkan dan 2 buah rumah sembelihan ruminan swasta dilesenkan serta 1 rumah sembelihan ruminan JPV. b) 5 buah rumah sembelihan babi tersebut terbahagi kepada 1 di SPS, 2 di SPU, 1 di DBD dan 1 di DTL manakala rumah sembelihan ruminan di DTL dan SPT. c) JPV telah menghantar notis kepada pemilik Rumah Sembelih yang tidak berlesen untuk tidak beroperasi dan tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas aduan yang diterima oleh Jabatan.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
2	Wabak penyakit <i>Lumpy Skin Disease</i> (LSD) pada ternakan lembu	a) Kertas MMK telah dibentangkan dan diluluskan pada 23 Julai 2021 dan pewartaan dalam peringkat proses dokumentasi. b) Permohonan peruntukan perolehan vaksin dengan anggaran RM72,000 setahun dipohon untuk tahun 2022. Bagi tahun 2021, perolehan vaksin menggunakan penjimatan daripada peruntukan tahun Jabatan semasa. c) Peruntukan wang ehsan/saguhati bagi ternakan yang diarahkan dilupus akibat penyakit dengan anggaran RM30,000 setahun. Sehingga 21 Ogos 2021, sebanyak 11 ekor lembu telah dilupus oleh pihak Jabatan. Tuntutan akan dikemukakan untuk mendapatkan wang ehsan/saguhati daripada Kerajaan Negeri.
3	Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta - Pusat Pemberian Vaksin Industri (PIKAS-PPVIN) (Permohonan telah dihantar oleh Persatuan Penternak dan Peladang Negeri Pulau Pinang)	a) Dalam pertimbangan program PIKAS-PPVIN awam di EQ kepada pekerja yang terlibat dalam rantai bekalan makanan dalam sektor ternakan seramai 1,570 orang. b) Program pemvaksinan bagi pekerja yang terlibat dengan industri unggas turut dilaksanakan di bawah program Program Vaksinasi Barisan Sektor Ekonomi Pulau Pinang (PVac). c) Seramai 70 orang telah menerima suntikan dos pertama vaksin dan sedang menunggu suntikan dos kedua vaksin, manakala seramai 2,039 orang telah mendapat temujanji untuk suntikan dos pertama vaksin bermula pada 9 Ogos 2021. d) Status pelaksanaan program pemvaksinan telah diurus dan mencapai kadar 90%.
4	Masalah dalam pembekalan kepada usahawan	a) Bermula 1 Jun 2021, permohonan sokongan untuk pengoperasian penternak atau usahawan Industri Asas Ternakan

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
	(Pertubuhan Usahawan Industri Desa - kebanyakan kilang dalam pembuatan pembungkusan plastik tidak dapat dibuka menyebabkan masalah dalam pembekalan)	(IATn) yang berdaftar dengan JPV dan mempunyai Sijil SSM perlu melalui Sistem CIMS 3.0 di mana pertimbangan dan kelulusan akan diberikan oleh pihak MAFI. b) Pihak JPV Pulau Pinang hanya akan mengeluarkan surat sokongan pengoperasian kepada penternak dan usahawan IATn yang berdaftar dengan pihak Jabatan, tidak mempunyai sijil SSM, merupakan penternak / pengusaha IATn kecil atau tergolong dalam kategori isi rumah B40 selaras dengan arahan daripada pihak MAFI. c) Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Putrajaya (IPPV) telah memberi taklimat pada 19 Ogos 2021 berkenaan pelaksanaan sistem eTernak kepada pegawai di semua negeri untuk menyelaraskan permohonan surat sokongan bagi pengoperasian di dalam tempoh COVID-19 kepada para penternak / pengusaha IATn.
5	Isu kenaikan harga makan ternakan susulan daripada kenaikan bekalan bahan mentah yang diimport	a) Perundingan dengan MPOB mengurangkan kapasiti eksport PKE yang merupakan sumber bahan mentah dalam negara. b) Insentif bekalan makanan dan bahan makanan tambahan kepada penternak terkesan. Pemberian Bantuan Makanan Ternakan & Penokok Diet (Supplement) Ternakan telah dilaksanakan melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 berjumlah RM 200,001.50 dengan 988 orang penerima pada tahun 2020 dan melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 3.1 melibatkan peruntukan sebanyak RM574,424,00 dengan 1,088 penerima pada tahun 2021.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		c) Cadangan kajian berterusan sumber bahan mentah alternatif yang tersedia dalam negara sebagai bahan mentah. d) Mempertimbangkan lebih banyak bantuan sokongan tanaman fodder untuk penternakan ruminan dan makanan alternatif bagi ternakan lain sebagai bekalan makanan utama untuk mengurangkan kebergantungan kepada makanan komersial/pallet melalui permohonan bantuan Jabatan.
6	Pelaksanaan Sistem Penternakan Moden mampu meningkatkan pengeluaran melalui peningkatan populasi ternakan dalam kapasiti ladang yang sama dengan lebih berkualiti dan mesra alam	Pelaksanaan merangkumi dua pendekatan seperti berikut: a) Pelaksanaan Enakmen Penternakan Babi yang bermula tahun 2020 dengan penguatkuasaan pelesenan ladang ternakan di atas kepatuhan syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan. Sebanyak 147 ladang ternakan babi telah dilesenkan mengikut kriteria dan syarat yang telah ditetapkan dalam pelesenan. Verifikasi ladang babi sedang dilaksanakan bermula 2 Ogos 2021 dan seterusnya semua ladang babi perlu mengamalkan penternakan secara kandang tertutup sepenuhnya mulai tahun 2022. b) Enakmen Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang 2020 telah diwartakan pada 19 Oktober 2020 dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2021 bagi memastikan ladang-ladang ternakan beroperasi mengikut keperluan dan mematuhi kehendak asas regulatori veterinar. Peraturan-Peraturan Pengawalan Perladangan Unggas dalam proses semakan undang-undang sebelum ianya diimplementasi dan dilaksanakan oleh pihak Jabatan.
7	Keselamatan Makanan (<i>Food Safety</i>)	a) Penguatkuasaan Akta Rumah Sembelih (Penswastaan 1993) – Pemeriksaan Ante / Post Mortem bagi memastikan prosedur

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		pemeriksaan daging dipatuhi untuk menjamin keselamatan kepada pengguna. b) Penempatan Pegawai Pemeriksa Daging (Meat Inspector) – Kemasukan sebanyak 12 orang pegawai (<i>contract of service</i>) pada Mac 2021 untuk pemeriksaan daging di rumah sembelih swasta yang terlibat memastikan bekalan daging suci, sihat serta selamat untuk dimakan.
8	Penstrukturan Semula Kawasan Kekal Ternakan	Mewujudkan kawasan penternakan dirancang sebelum ini sebagai kawasan pembangunan industri penternakan di kawasan khas penternakan (dicadangkan seumpama ini dalam Deraf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030) sebagai kawasan pengeluaran ternakan berpusat dan kekal bagi jaminan pengeluaran hasil makanan dan keselamatan makanan (<i>food security</i>).
9	Projek 'Farmer to Farmer'	a) Telah mendapat persetujuan penggunaan peruntukkan Pembangunan di bawah P01. Program dijangka akan dilaksanakan pada Ogos 2021. b) Terdapat 10 projek sebagai projek "pilot" merangkumi 8 projek fertigasi dan 2 projek Cendawan. c) Manakala projek Industri Asas Tani lebih kepada pembangunan berpusat iaitu menyediakan kemudahan pembungkusan berpusat (Penggunaan Mesin <i>Retort</i>).
10	Projek Pembangunan Pusat Agro Pelancongan Relau	Projek untuk dimohon melalui NCIA di bawah RMKe-12. Walau bagaimanapun, belum mendapat perakuan daripada pihak JPM. Dalam pertimbangan untuk pelaksanaan secara "Request for Proposal".
11	Isu pengeluaran dan penjualan buah-buahan	Jabatan Pertanian sedang dalam tindakan untuk menyediakan ruang pasaran kepada petani secara kerjasama dengan AEON.

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
12	Isu kenaikan harga bahan tanaman padi	a) Terdapat aduan dari petani di mana peningkatan dari segi kos seperti racun dan baja yang naik antara 20% hingga 40% berikutan pandemik COVID-19. b) Jabatan Pertanian telah mengadakan sesi hands-on kepada petani melalui penyediaan baja sendiri.
13	Isu harga sayur naik turun sepanjang PKP	Pemantauan dari Jabatan Pertanian mendapati penjualan sayur-sayuran masih terkawal dengan harga yang berpatutan. Petani lebih bijak dalam pengaturan penjualan sayuran.
14	Projek 'Farm to Farm' - Projek ternakan keli	a) BQ untuk projek berkenaan telah disiapkan oleh Jabatan Perikanan dan telah diserahkan kepada BPEN. BPEN akan menjalankan proses sebutharga tersebut. b) Data Sistem Ternakan Air Tawar 2020: tangki air tawar – pengeluaran 56.33 mt dengan nilai RM498,891.60.
15	Projek TOL Kerang	a) Kajian telah dilaksanakan di daerah SPU dan di Beting Selatan. Pada masa ini, dalam proses untuk menyelesaikan kajian biomass di daerah SPT dan SPS. b) Sebanyak 13 Lot Penternakan Kerang di SPU akan dibuka. Iklan penyertaan peserta kebun kerang telah dikeluarkan pada 18 Ogos 2021. c) Data Sistem Kultur Laut (SKL) 2020: Kerang – pengeluaran 2,691.32 mt dengan nilai RM21,531,887.61
16	Lesen Sampan Khas Negeri Pulau Pinang	Permohonan oleh nelayan dari tahun 2018 hingga 2020. Kelulusan – 535 Lesen yang telah keluar - 326 KIV untuk siasatan semula – 38 Tidak disokong – 72 Tidak Hadir (Tidak hadir sewaktu program sukat sampan bagi tujuan pelesenan) – 51

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		Baki (Nama duplicate) – 48 Data Perikanan Tangkapan 2020: Pendaratan untuk perikanan tangkapan yang meliputi kesemua zon (A, B, C, C2/C3) ialah sebanyak 56,848.53 mt dengan nilai RM513,426,731.71
17	Isu kesukaran menjual ternakan ikan sangkar a) PENKUA Persatuan Penternak Akuakultur Pulau Pinang – Ikan ternakan tidak dapat dieksport kerana isu permit bot Hong Kong dan harga ikan merosot disebabkan tiada pembeli b) Vaksinasi kepada pekerja asing sangkar ikan	a) Surat Kementerian Pengangkutan Malaysia bertarikh 15 Julai 2021 memaklumkan bahawa YB Menteri Pengangkutan telah memberi pengecualian dan membenarkan vesel ikan hidup Hong Kong memasuki perairan Malaysia dan tempoh pengecualian adalah pada 13 Julai sehingga 31 Disember 2022. b) Pihak Industri telah memohon kepada PIKAS untuk menyegerakan vaksin dalam industri makanan. c) Data Sistem Ternakan Air Payau 2020: Sangkar air payau - pengeluaran 18,684.35 mt dengan nilai RM427,685,546.52
18	Projek HUB Tuna di Jeti Batu Maung	a) Penang Development Corporation (PDC) tidak meluluskan permohonan Syarikat Abadi Utama Food Industries Sdn. Bhd. kerana bekas Restoran Jeti Batu Musang tersebut akan dirobohkan untuk tujuan pembangunan lain (Ecotourism dan Pembangunan Bercampur). b) Mesyuarat di antara pihak PDC bersama PPN Pulau Pinang telah diadakan pada 18 Ogos 2021 bagi membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut. Satu penyelesaian terbaik akan dicapai setelah pembentangan lanjut oleh pemohon kelak. c) 93,898 tan metrik hasil perikanan yang dianggarkan bernilai RM1.16 bilion setahun. Terdapat 11 buah vesel tuna di Pulau Pinang. Pendaratan di Dermaga Dalam, Penang Port. Untuk tahun 2020,

BIL.	PERKARA	BUTIRAN PELAKSANAAN
		sebanyak 30 kali pendaratan telah dicatatkan iaitu melibatkan 11 vesel tempatan dan 2 vesel asing. Sebanyak 1,943,843.53 kg ikan tuna telah didaratkan di Penang Port yang membawa nilai USD7,775,374.12 atau RM31,196,496.48.
19	Industri Asas Tani (IAT) - <i>Retort Technology</i>	a) Bagi mempromosikan penggunaan teknologi retort dalam industri makanan, pengusaha IAT di Pulau Pinang digalakkan untuk menggunakan teknologi tersebut. Oleh itu, pada tahun 2021, sebanyak 2 projek yang menggunakan teknologi retort akan dilaksanakan. Projek tersebut akan diperluaskan lagi pada masa hadapan. b) Penggunaan <i>Easy Pack Retort</i> sebab mereka merupakan syarikat tempatan dan berada dalam Jawatankuasa Keselamatan Makanan yang melibatkan USM dan UITM. c) Mewujudkan komuniti <i>Retort</i>, untuk membantu usahawan terutamanya jika mempunyai automated sealer. d) Buat satu <i>Retort</i> machine dahulu untuk diletakkan di satu tempat dan dapat melatih dan memberi perkhidmatan kepada peniaga-peniaga). e) Pihak jabatan juga telah melaksanakan kajian penggunaan mesin "<i>retort</i>" kepada PKS Industri Asas Tani.

15. Huraikan pencapaian Penang Smart Centre, Pusat IKS Pulau Pinang dan Perkampungan SME hingga Ogos 2021.
- (a) Berapakah jumlah perbelanjaan bagi ketiga-tiga pendekatan di atas?
 - (b) Berapakah sumbangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Pulau Pinang pada tahun 2019, 2020 dan 2021.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

15. Antara pencapaian Pusat S.M.A.R.T sejak penubuhannya pada bulan Jun 2010 sehingga bulan Ogos 2021, adalah seperti berikut:

- (i) Memberi khidmat nasihat kepada 1,902 kes/syarikat yang terdiri daripada pelbagai sektor industri. Kebanyakan pertanyaan kini dikendalikan melalui atas talian disebabkan mesyuarat bersemuka tidak dibenarkan sejak bulan Mac 2020;
- (ii) Menganjurkan sebanyak 87 bengkel pembangunan/ seminar/webinar untuk menyampaikan maklumat terkini dan meningkatkan kesedaran penggiat industri kecil tempatan mengenai trend pasaran terkini dan teknologi baharu dalam rantai bekalan; dan
- (iii) Menganjurkan Hari Pembekal bersama syarikat multinasional setiap tahun. Hari Pembekal ini bertujuan untuk membolehkan syarikat-syarikat multinasional berkongsi kriteria-kriteria *local sourcing* serta senarai bahan-bahan yang sedang dicari di pasaran tempatan oleh syarikat berkenaan. Ini membolehkan IKS tempatan yang menepati kriteria berhubung dengan pihak multinasional untuk perbincangan selanjutnya. Bagi tahun 2021, seramai 256 peserta telah menyertai sesi Hari Pembekal tersebut secara maya pada 1 Julai 2021.

Manakala Bangunan Pusat IKS Pulau Pinang (SME Centre) di Bayan Lepas yang mempunyai ruang seluas 129 ribu kaki per segi yang mula beroperasi pada bulan Oktober 2012 telah mencapai 70 peratus kadar penghunian di mana terdapat sebanyak 13 syarikat sedang beroperasi dalam bangunan tersebut. Pusat ini bertujuan untuk membantu IKS tempatan untuk meningkatkan status mereka dalam rantai nilai (*value chain*) melalui pengurangan kos penubuhan perniagaan tahap awal dan pengembangan syarikat-syarikat IKS. Syarikat-syarikat tempatan yang menyewa ruangan dalam pusat ini dapat meneruskan operasi mereka dengan kadar sewaan bersubsidi dan membantu mereka dalam situasi pandemik yang tidak menentu ini.

Bagi Perkampungan SME, kadar penghunian sama ada dijual atau disewa bagi bangunan sedia ada telah mencapai hampir 90 peratus. Di mana bangunan IKS Semi-D di Kawasan Perindustrian Batu Kawan telah habis dijual 100 peratus kepada syarikat IKS. Dalam kawasan yang sama, plot kosong sebesar 150 ekar yang dibangunkan sebagai salah satu perkampungan IKS juga telah berjaya dijual sebanyak 80 peratus kepada syarikat SME.

- (a) Jumlah perbelanjaan bagi Pusat IKS Pulau Pinang dan Perkampungan SME adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Jumlah perbelanjaan Pusat SMART dari tahun 2010 sehingga 2018 adalah sebanyak RM451,023.00. Kos operasi Pusat SMART adalah termasuk dalam perbelanjaan operasi Invest Penang dan tidak mempunyai perbelanjaan yang ketara.

- (b) Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, penyediaan statistik Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia hanya tersedia di peringkat nasional sahaja. Secara umumnya, sumbangan PKS kepada ekonomi dari segi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) nasional menyusut berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara yang merangkumi pelbagai langkah bagi membendung penularan COVID-19.

Sumbangan KDNK PKS Malaysia mengecil kepada 38.2 peratus pada tahun 2020 dengan nilai ditambah sebanyak RM512.8 bilion berbanding 38.9 peratus (nilai ditambah: RM553.5 bilion) pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2020, pertumbuhan KDNK PKS Malaysia telah merosot kepada negatif 7.3 peratus berbanding pertumbuhan positif 5.9 peratus pada tahun 2019. Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan kekal sebagai pemacu utama terhadap aktiviti KDNK PKS yang mana kedua-dua sektor telah menyumbang lebih daripada 80 peratus kepada KDNK PKS.

Dari segi sumbangan mengikut jenis aktiviti ekonomi, sektor pertanian terus mendominasi KDNK PKS dengan sumbangan 54.0 peratus (2019 : 53%) diikuti oleh sektor pembinaan yang menyumbang 48.7 peratus (2019 : 46.4%), sektor perkhidmatan (2020: 41.0%; 2019:42.7%), sektor pembuatan (2020:34.5%; 2019:34.6%) dan sektor perlombongan dan pengkuarian (2020:3.0%; 2019:2.9%).

Statistik PKS peringkat negeri dapat dilihat menerusi dapatan daripada Banci Ekonomi yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia setiap lima tahun yang mengumpulkan maklumat secara komprehensif pertumbuhan-pertumbuhan di Malaysia. Berdasarkan penerbitan parameter PKS Banci Ekonomi 2016, perusahaan kecil & sederhana di negeri Pulau Pinang telah mencatatkan nilai tambah sebanyak RM30,184 juta pada tahun 2015. Perincian mengikut lima (5) aktiviti utama adalah seperti pada Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: KDNK pada Harga Semasa dan Nilai Ditambah PKS, Pulau Pinang, 2015

2015	NILAI (RM JUTA)
KDNK pada harga semasa	78,146
Nilai ditambah PKS	30,184
Nilai ditambah PKS sektor Pertanian	349
Nilai ditambah PKS sektor Perlombongan & pengkuarian	46
Nilai ditambah PKS sektor Pembuatan	8,223
Nilai ditambah PKS sektor Pembinaan	1,823
Nilai ditambah PKS sektor Perkhidmatan	19,743

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia.

LAMPIRAN A

Pencapaian dan Jumlah Perbelanjaan bagi Penang Smart Centre, Pusat IKS Pulau Pinang dan Perkampungan SME

			Pencapaian	
		Jumlah Kawasan	Sewaan	Jualan
Penang SME Centre	Pusat IKS Pulau Pinang	126,723 kaki persegi	62%	-
Perkampungan SME Village	65 unit IKS	522,114.54 kaki persegi	100%	100%
	Plot Tanah	53.17 Ekar	-	100%

	Jumlah Perbelanjaan (kos pembinaan) (RM)
Penang SME Centre (Pusat IKS Pulau Pinang)	27.18 juta
Perkampungan SME Village	168.60 juta

16. Sejauh manakah perkembangan Ladang Vanilla pintar yang telah dilaksanakan di Permatang Pauh Agro Park.
- Berapa banyakkah pulangan ekonomi kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam 1 tahun?
 - Bentangkan jumlah pinjaman tabung usahawan tani, bilangan peminjam, perbelanjaan dan bayaran balik hingga Ogos 2021.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

16. Projek pembangunan Permatang Pauh Agro Park telah dimulakan sejak tahun 2017 selepas mengambil kira inisiatif Kerajaan Negeri untuk menarik lebih ramai golongan petani muda terutamanya dari Pulau Pinang untuk menceburi bidang pertanian. Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan projek ini dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang di atas tanah seluas 22 ekar di atas Lot 311 dan 498, Mukim 19, Jalan Penanti – Ara Kuda, Seberang Perai Tengah iaitu tanah milikan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSI) Pelbagai tanaman diusahakan oleh para peserta Permatang Pauh Agro Park seperti halia, sayur-sayuran serta tanaman unik seperti vanilla yang diusahakan oleh Kairos Agriculture.

First Smart Vanilla Farm di Permatang Pauh Agro Park yang telah dirasmikan pada 15 Ogos 2020 ini telah mendapat pengiktirafan rasmi daripada The Book of Records. Ladang vanilla ini menggunakan sistem *Internet of Things* (IoT) dan *Artificial Intelligence* (AI) dalam proses penanaman termasuk sistem pengairan dan pengumpulan data kelembapan udara, suhu, kesuburan tanah dan intensiti cahaya bagi menghasilkan vanilla yang bermutu tinggi. Konsep organik dan *chemical free* yang dipraktikkan serta penghasilan ekstrak vanilla yang telah disahkan halal juga mampu meningkatkan kebolehpasaran produk secara meluas. Sehingga kini, terdapat 4,000 pokok vanilla yang telah disemai dan 14 rumah hijau telah didirikan di ladang tersebut.

- Antara pulangan ekonomi kepada Kerajaan Negeri adalah bayaran pajakan tahunan sebanyak RM2,400.00 setahun kepada Kerajaan Negeri. Selain itu, penubuhan ladang vanilla tersebut telah menyumbang kepada peluang pekerjaan kepada penduduk setempat serta peningkatan pasaran sayuran organik yang turut ditanam dalam kawasan ladang.

Pihak syarikat juga sedang menjalankan kerjasama bersama Universiti Sains Malaysia (USM) dan Xiamen University Malaysia dalam penyelidikan mengenai teknologi pertanian di samping bekerjasama dengan Yayasan Inovasi Malaysia bagi pembangunan *Vanilla Portable Module* untuk membantu golongan B40 memulakan penanaman vanilla bagi meningkatkan pendapatan isi rumah.

Perincian hasil jualan produk vanilla oleh Syarikat Jubli Rebak Baru Sdn. Bhd. pula adalah seperti berikut:

Bil.	TAHUN	HASIL JUALAN (RM)
1.	2020	57,739.00
2.	2021	82,831.00

* Nilai jualan adalah daripada keratan batang, ekstrak vanilla, sayuran, tanaman kontan dan lain-lain.

- Statistik Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang sejak September 2015 sehingga 31 Julai 2021 adalah seperti di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A

STATISTIK

TABUNG USAHAWAN TANI (TUT) NEGERI PULAU PINANG

SEJAK SEPTEMBER 2015 HINGGA 31 JULAI 2021

PERUNTUKAN DANA TUT

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Peruntukan Dana	750,000.00
2.	Kutipan Bayaran Balik	467,756.00
3.	Dana Yang Dikeluarkan	980,000.00
4.	Baki Peruntukan Dana	237,756.00

PECAHAN ETNIK PEMINJAM TUT

Bil.	Etnik	Jumlah	Peratusan
1.	Melayu	156 orang	89%
2.	Cina	17 orang	10%
3.	India	2 orang	1%
	JUMLAH	175 orang	100%

STATUS KUTIPAN BAYARAN BALIK PINJAMAN TUT

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)	Peratusan
1.	Kutipan Bayaran Balik Pinjaman	467,756.00	52%
2.	Jumlah Tunggakan	428,934.00	48%

PECAHAN PEMINJAM TUT MENGIKUT JANTINA

Bil.	Jantina	Jumlah	Peratusan
1.	Lelaki	140 orang	80%
2.	Wanita	35 orang	20 %
	Jumlah	175 orang	100%

PECAHAN PEMINJAM TUT MENGIKUT AGENSI

Agensi	Bil. Peminjam	Peratusan
Jabatan Pertanian	144	82%
Jabatan Perkhidmatan Veterinar	25	14%
Jabatan Perikanan	6	4%
JUMLAH	175	100%

PECAHAN PEMINJAM MENGIKUT DAERAH

Daerah	Bil. Peminjam	Peratusan
Barat Daya	10	6%
Timur Laut	3	2%
Seberang Perai Utara	32	18%
Seberang Perai Tengah	105	60%
Seberang Perai Selatan	25	14%
JUMLAH	175	100%

17. Berapa ramaiakah penternak khinzir daripada 166 orang yang bersetuju untuk naik taraf ke sistem moden dan mesra alam setelah ditamatkan tawaran pada 31 Disember 2020?
- (a) Apakah tindakan selanjutnya setelah penternak bersetuju dan bilakah enakmen ini dan sistem ladang tertutup akan dikuatkuasakan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

17. (a) Sehingga 31 Disember 2020, JPVPP telah mengeluarkan sebanyak 131 surat sokongan bagi Program Pengecualian Kebenaran Merancang.
- (b) Pada masa kini, JPVPP sedang menjalankan program verifikasi ke atas kesemua ladang babi bermula pada 2 Ogos sehingga 30 November 2021. Pada tahun 2020, terdapat 153 buah ladang babi dan 4 ladang daripadanya telah ditutup dan 13 ladang sedang dalam proses penutupan.

JPVPP akan membentangkan hasil verifikasi ladang terutamanya berkenaan dengan status penaiktarafan kepada sistem kandang tertutup kepada Kerajaan Negeri selepas program verifikasi ladang selesai dijalankan dijangka pada bulan Disember 2021 atau Januari 2022. Oleh kerana wabak Covid-19 yang meruncing di dalam Negara, JPVPP mencadangkan kelonggaran kepada ladang yang telah menaik taraf >50% kepada sistem kandang tertutup akan diberikan lesen untuk meneruskan penternakan babi pada tahun 2022 manakala ladang yang <50% status penaiktarafannya dicadangkan untuk dikosongkan dan ditutup dalam satu tempoh yang bersesuaian.

18. Apakah kelebihan kepada rakyat dalam mewujudkan bandar-bandar baharu setelah pindaan sempadan bandar asal dibuat?
- (a) Tidakkah hasil Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebanyak RM56juta selepas pindaan ini membebaskan rakyat dan ke manakah hasil ini dibelanjakan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

18. Pengkelasan desa ke bandar di bawah Seksyen 11(d) dan Seksyen 11 (ca) Kanun Tanah Negara 1965 adalah untuk menaiktarafkan jenis tanah daripada desa kepada bandar. Hal ini berikutan dengan perkembangan dan kemajuan pesat tanah-tanah desa di Pulau Pinang dalam tempoh 25 tahun sejak 1994. Ada di antara kawasan ini telah membangun menjadi lokaliti perbandaran baharu seperti Bayan Baru, Seberang Jaya, Batu Kawan dan Bertam yang telah berlaku setaraf dengan tanah-tanah bandar yang sedia ada sekarang. Proses perbandaran ini akan dapat meningkatkan penilaian bagi hartanah di tanah-tanah yang kini masih berstatus tanah desa / mukim setaraf dengan hartanah di tanah-tanah bandar sedia ada sekarang. Eksesais ini juga kelak akan memastikan keadilan dalam pengenaan cukai menggunakan status penggunaan tanah mengikut penggunaan dan lokaliti semasa. Sebagai contoh lokaliti Jelutong dikenakan cukai pada kadar bandar, namun lokaliti Bayan Baru dan Seberang Jaya dikenakan cukai pada kadar mukim.

Kadar cukai sedia ada bagi tanah-tanah desa yang berkuatkuasa akan dipinda kepada kadar-kadar baharu mengikut kadar setara dengan tanah bandar. Kadar cukai tanah yang digunakan sekarang merupakan kadar yang telah disemak pada tahun 1994 dan pelaksanaannya bermula 01 Januari 1996. Selepas itu, tiada semakan cukai sehingga sekarang dilaksanakan walaupun

kadar cukai tersebut telah digunakan selama 26 tahun. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri boleh menggunakan kuasa dibawah Seksyen 14(1)(j) Kanun Tanah Negara 1965 untuk memberikan pengurangan, perebatan atau penangguhan bayaran bagi cukai tanah. Selain itu, Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Pulau Pinang 2005 Pg. P.U. 4/2005 para 14(2) menyatakan “Pihak Berkuasa Negeri boleh mengubah kadar cukai yang dinyatakan di bawah subkaedah 14(1) dalam mana-mana keadaan yang difikirkannya patut dan 14(3) menyatakan “Pihak Berkuasa Negeri boleh meremitkan atau merebatkan apa-apa cukai yang kena dibayar, keseluruhannya atau sebahagiannya, menangguhkan pembayaran cukai sebagaimana yang difikirkannya patut dalam keadaan tertentu.” Kerajaan Negeri akan mengalami kerugian hasil sekiranya kadar cukai tanah bagi tanah-tanah desa tidak dipinda kepada kadar cukai tanah bagi tanah-tanah bandar kerana tanah-tanah desa telah mengalami pembangunan yang pesat setaraf dengan tanah-tanah bandar.

- (a) Kerajaan Negeri di Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri Pulau Pinang pada 19 Ogos 2021 telah memutuskan untuk menangguhkan pelaksanaan bagi meminda kadar cukai tanah desa yang telah dikelaskan menjadi tanah bandar pada ketika ini disebabkan penularan COVID-19 bagi mengurangkan bebanan rakyat Negeri Pulau Pinang pada masa kini. Kesemua kutipan hasil cukai dan bukan cukai akan diperakaunkan kepada Jabatan Kewangan Negeri (JKN) sebagai hasil negeri dan ia akan diuruskan oleh JKN sebagai belanja mengurus dan belanja pembangunan.

19. Sejauh manakah pencapaian Pelan Kesalinghubungan Negeri Pulau Pinang yang telah dicapai hingga Ogos 2021?

- (a) Kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) banyak menumpukan pengurusan kawasan bandar, sila senaraikan pengurusan luar bandar yang telah dibuat sepanjang 2019 hingga 2021 (Ogos).
- (b) Senaraikan projek yang dilaksanakan dalam membangunkan Robina Eco Park dengan peruntukan RM2 juta.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

19. Berdasarkan pelaksanaan Pelan Induk Kesalinghubungan Negeri Pulau Pinang atau *Penang Connectivity Master Plan* (PCMP), sehingga Ogos 2021, sebanyak 46% daripada jumlah keseluruhan inisiatif strategik PCMP telah siap sepenuhnya mengikut perancangan. Antara inisiatif strategik PCMP yang berjaya dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- (i) Pelaksanaan Projek POC *Smart Bus Stop* di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2019;
- (ii) Penyediaan *Standard of Procedure* (SOP) Bantahan Penduduk di Negeri Pulau Pinang yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2020;
- (iii) Penyediaan Garis Panduan Pembinaan Menara Telekomunikasi di Atas Tanah Kerajaan oleh Syarikat Anak Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berkuatkuasa pada 1 Ogos 2020;
- (iv) Penguatkuasaan Pemasangan Infrastruktur Komunikasi Sebagai Perkhidmatan Asas di Negeri Pulau Pinang pada 17 Disember 2020;
- (v) Pelaksanaan Projek *Clip On Solution* di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2020;

- (vi) Pelaksanaan Projek Penaiktarafan Infrastruktur *Copper* Milik TM kepada Fiber Optik di Seluruh Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2020;
- (vii) Pelaksanaan Projek *Proof of Concept* (POC) *Smart Street Pole* di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2021; dan
- (viii) Pelaksanaan Projek POC Allo Nationwide Fiberisation Plan (ANFP) bermula pada tahun 2021;

Selain itu, sehingga bulan Ogos 2021, syarikat penyedia perkhidmatan (NSP) telah melabur di Negeri Pulau Pinang sebanyak RM143 juta melalui pelaksanaan PCMP.

- (a) Skop pengurusan kawasan luar bandar yang telah dibuat sepanjang 2019 hingga Ogos 2021 oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti berikut:-

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)

- (i) Melaksanakan pengurusan lalulintas termasuk penyusunan semula aliran lalulintas serta pemasangan dan penyelenggaraan lampu isyarat, plat nama jalan dan papan tanda lalulintas;
- (ii) Menyediakan dan menyelenggara petak letak kenderaan;
- (iii) Memasang dan menyelenggara lampu jalan;
- (iv) Memasang dan menyelenggara kamera litar tertutup (CCTV); dan
- (v) Melaksanakan projek-projek pembinaan jalan untuk menambah baik aliran lalulintas seperti berikut:
 - (a) Projek pembinaan sebahagian Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong (Jalan Bukit Kukus), Pulau Pinang;
 - (b) Projek Penambahbaikan Aliran Lalulintas di kawasan Ayer Itam - Penyambungan Jalan Kampung Pisang ke Jalan Thean Teik; dan
 - (c) Projek menyambung dan menaiktaraf Jalan Zoo dari simpang Jalan Ayer Itam ke Simpang Jalan Kampung Pisang.

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

- (i) Mengadakan kerjasama dengan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) dalam merancang pemberian bantuan kepada keluarga miskin di luar bandar melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Daerah;
- (ii) Memohon peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk melaksanakan projek-projek naiktaraf rumah daif di luar bandar;
- (iii) Memohon peruntukan daripada agensi-agensi luar, memproses permohonan lampu jalan awam dan melaksanakan projek-projek naiktaraf lampu jalan awam di seluruh Seberang Perai terutamanya di kawasan luar bandar;

- (iv) Menyediakan peruntukan dan membayar bil-bil lampu jalan awam;
 - (v) Memberikan perkhidmatan pembersihan awam dan menjalankan kerja-kerja pemotongan rumput dengan kekerapan sebulan sekali bagi jalan-jalan kampung sejak 2019 hingga kini;
 - (vi) Melaksanakan kerjasama dengan masyarakat tempatan dengan memberi hak pengurusan dewan orang ramai kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di seluruh Seberang Perai; dan
 - (vii) Menjalankan program-program interaksi (engagement) bersama masyarakat di luar bandar seperti Program Halaman Bersih dan Kampung Indah dan Model Kampung 'Circular Economy'.
- (b) Projek-projek yang dilaksanakan bagi pembangunan Robina Eco Park merangkumi skop kerja seperti berikut:-
- (i) Meroboh bangunan gerai dan membuang premis sediaada;
 - (ii) Membina pusat penjaja baharu;
 - (iii) Membina tempat letak kenderaan;
 - (iv) Membina kawasan dataran menggunakan konkrit imprint;
 - (v) Menyediakan kawasan foodtruck;
 - (vi) Menaiktaraf semula tandas sediaada;
 - (vii) Membina pentas terbuka dan papan tanda;
 - (viii) Menyediakan infrastruktur longkang dan,
 - (ix) Menjalankan kerja-kerja elektrik untuk pusat penjaja, dataran dan tempat letak kereta.

20. Sejauh manakah fokus mewujudkan peluang pekerjaan dalam pembasmian kemiskinan dicapai? Huraikan.

- (a) Bagi peningkatan modal insan dan kebolehpasaran rakyat, senaraikan program-program yang telah dilaksanakan dan bilangan peserta terlibat.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

20. Berdasarkan Laporan Survey Pendapatan Isi Rumah Dan Kemudahan Asas Mengikut Negeri Dan Daerah Pentadbiran (HIS & BA) 2019 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), insiden kemiskinan mutlak di Pulau Pinang bertambah baik daripada 2.2 peratus pada 2016 kepada 1.9 peratus. Sementara itu, Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) adalah pengukuran kemiskinan dalam konteks yang lebih luas iaitu melibatkan aspek bukan kewangan seperti kesihatan, pendidikan dan kemudahan asas yang menggambarkan taraf hidup. Nilai MPI adalah di antara 0 dan 1 di mana nilai MPI yang semakin meningkat menggambarkan tahap ketersisihan pelbagai dimensi yang semakin tinggi. Penemuan HIS & BA 2019 juga menunjukkan bahawa MPI di Pulau Pinang semakin bertambah baik kepada 0.0007 mata (0.07 peratus) berbanding 0.00153 mata (0.15 peratus) pada 2016.

Manakala berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dijalankan oleh DOSM juga, penduduk bekerja di Pulau Pinang juga meningkat sebanyak 8,200 orang iaitu 827,400 orang pada tahun 2016 kepada 835,600 orang pada tahun 2019. Keadaan ini memberi gambaran bahawa fokus mewujudkan peluang pekerjaan dalam pembasmian kemiskinan telah mencapai objektifnya.

- (a) Kerajaan Negeri menyokong pelbagai program peningkatan modal insan dan kebolehpasaran rakyat yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) seperti berikut:
- (i) NCIA *Talent Enhancement Program* (NTEP@NCER) yang bertujuan meningkatkan kebolehpasaran dan memberi peluang pekerjaan kepada graduan yang menganggur melalui rakan sektor swasta dengan pemberian insentif modal insan;
 - (ii) Program *empowerNCER* yang merupakan program latihan peningkatan kemahiran yang merangkumi akademik dan keusahawanan; dan
 - (iii) Program *JomKerja@NCER* yang menawarkan peluang pekerjaan untuk pekerja yang diberhentikan kerja dan graduan yang menganggur sebagai pekerja kontrak, pekerja sambilan dan pelatih siswazah bagi meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran peserta selepas tamat program ini.

Bilangan peserta yang terlibat dalam program-program di atas adalah seperti berikut:

Program	Bilangan peserta (orang)
NTEP@NCER	397
<i>empowerNCER</i>	1,651
JomKerja@NCER	2,121
JUMLAH	4,169

21. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan RM1 juta untuk Penang Young Digital Talent dan Portal Pekerjaan dalam tahun 2021.
- (a) Berapa banyakkah yang telah dibelanjakan dan senaraikan program-program yang telah dilaksanakan?
 - (b) Berapa ramai anak muda yang memperolehi manfaat daripada program-program tersebut?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

21. (a) Peruntukan RM1 juta ini adalah perbelanjaan tahunan Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) yang merangkumi keseluruhan perbelanjaan pengurusan dan program pembangunan dan bukan hanya untuk Penang Young Digital Talent dan Portal Pekerjaan. Setakat ini, perbelanjaan untuk portal pekerjaan “*We Want You*” adalah percuma dan ditaja sepenuhnya oleh pihak swasta, manakala

perbelanjaan untuk program *Penang Young Digital Talent* adalah sebanyak **RM17,624.94 setakat 31 Julai 2021**.

Senarai program-program yang telah dilaksanakan setakat 31 Julai 2021 adalah seperti **Jadual 1** berikut:-

Bil.	Program
1.	Platform Kerjaya "We Want You"
2.	<i>Penang Young Digital Talent</i> Suku tahun pertama (i) Kursus <i>Key Opinion Leader</i>; (ii) Kursus <i>Digital Marketing</i>; (iii) Kursus <i>e-Commerce</i>; dan (iv) Kursus <i>Web Design</i>. Suku tahun kedua (i) Kursus <i>Digital Marketing</i>; (ii) Kursus <i>e-Commerce</i>; (iii) Kursus <i>Web Design</i>; dan (iv) Kursus <i>Basic Graphic Design</i>.
3.	<i>Soft Skills Development Programme</i> (i) Modul 1: <i>Personal Profile Building & Job Hunting</i>; (ii) Modul 2: <i>Self-Leadership for Personal Success</i>; (iii) Modul 3: <i>Personal Branding & Grooming</i>; (iv) Modul 4: <i>Communication & Interpersonal Skills</i>; (v) Modul 5: <i>Effective Time Management</i>; (vi) Modul 6: <i>Managing Job & Workshop Stress</i>; (vii) Modul 7: <i>Professional Writing Skills</i>; dan (viii) Modul 8: <i>Selling Through The Language Of The Mind</i>.
4.	<i>Career Readiness Workshop</i>
5.	<i>Reskilling, Upskilling & New Skilling: PYDC Essential Skills Programme</i> (i) <i>The Art of Self-Coaching</i>; (ii) <i>Personal Financial Planning</i>; (iii) <i>Innovative and Resilient Mindset</i>; (iv) <i>Public Speaking</i>; (v) <i>Develop Amazing Social Skills</i>; (vi) <i>Crisis Leadership</i>;

	(vii) <i>Managing Transition Effectively</i> ; dan (viii) <i>Critical Thinking & Effective Problem-Solving</i>
6.	<i>Penang Young Digital Talent – e-Sports Development Series</i> (i) Kursus <i>3D Development in Games</i> ; (ii) Kursus <i>Game Development</i> ; dan (iii) Kursus <i>Business in the Game</i>
7.	<i>3-Day Digital Marketing Course</i>
8.	<i>Virtual Career Fair 2021</i>
9.	<i>Affiliate Marketing Session</i>

Jadual 1

Nilai bayaran bagi setiap program adalah dalam lingkungan RM1,500 sehingga RM2,000 dalam pasaran. Pihak PYDC telah memberi percuma kepada golongan pelajar yang menyertai program tersebut untuk memastikan golongan belia Pulau Pinang dapat berdaya saing pada peringkat global.

- (b) Seramai **3,567 orang** belia telah menerima manfaat daripada program *Penang Young Digital Talent* dan portal pekerjaan "*We Want You*".

22. Program Penjana NCER Jom Kerja dan Jom Niaga.

- (a) Sila bentangkan pencapaian kedua-dua program ini secara terperinci dari segi bentuk program dan bilangan peserta.
- (b) Sila huraikan impak/kesan yang telah dicapai hasil daripada kedua-dua program.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

22. Berdasarkan maklumat dari Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), pencapaian dan impak program di bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) sehingga Jun 2021 adalah seperti berikut:-

- (i) Program JomKerja@NCER telah memanfaatkan 3,399 peserta melalui penglibatan 74 syarikat di Pulau Pinang. Program ini merupakan sebuah inisiatif di bawah pakej stimulus PENJANA untuk membantu industri dan golongan yang terjejas akibat COVID-19 dengan memberi insentif kepada syarikat untuk mewujudkan pekerjaan. Program ini terbuka kepada pelabur yang sedang atau akan beroperasi, serta syarikat yang meluaskan operasi mereka di Pulau Pinang. NCIA akan membiayai sebahagian atau 50% daripada kos gaji graduan sehingga RM 1,000 melalui kaedah pembayaran semula kepada syarikat. Impaknya, program ini telah berjaya mengurangkan kes buang pekerja dan pengangguran di samping meringankan beban kewangan syarikat.
- (ii) Program JomNiaga@NCER telah memanfaatkan 820 peserta dan membantu 40 syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam penempatan pekerjaan. Program ini berbentuk modal insan inklusif yang dapat meningkatkan taraf hidup golongan B40 di NCER melalui

latihan dalam bidang kemahiran, asas keusahawanan, dan e-dagang. Program ini dapat membantu untuk menjana pendapatan menerusi penempatan pekerjaan ("*train & place*" or "*place & train*") atau menjadi usahawan dengan mendapat kit permulaan perniagaan. Impaknya, program ini telah meningkatkan kemahiran para usahawan dalam bidang perniagaan.

Inisiatif NCIA ini di peringkat negeri ini berkerjasama dengan kelima-lima Pejabat Daerah untuk hebahan maklumat dan rujukan.

23. Sila bantangkan kedudukan penyediaan draf Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam kepada Orang Islam Negeri Pulau Pinang.

- (a) Bilakah jangka masa enakmen ini dapat disiapkan dan dibentangkan untuk kelulusan dan pelaksanaan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

23. (a) Penggubalan Rang Undang-Undang Enakmen Pengembangan Agama Bukan Islam (Kawalan dan Sekatan) kini dalam proses pemurnian melibatkan bidang kuasa penguatkuasaan dan kepolisan. Proses pemurnian ini turut mengambil kira bidang kuasa kehakiman yang tepat berdasarkan anutan agama mereka yang boleh dipertuduhkan untuk kesalahan di bawah Rang Undang-Undang yang dicadangkan.

Jangka masa untuk menyempurnakan Rang Undang-Undang Enakmen Pengembangan Agama Bukan Islam (Kawalan dan Sekatan) bagi kelulusan dan pelaksanaan tidak dapat ditentukan buat masa ini. Hal ini kerana urusan penggubalan ini memerlukan kajian dasar, kebolehlaksanaan pengoperasian serta keharmonian perundangan sivil dan syariah yang menyeluruh di samping memerlukan libat urus dengan pelbagai pihak.

24. Sila nyatakan bilangan kakitangan mengikut kaum untuk pengurusan tertinggi termasuk Ketua Divisyen dan Ketua Jabatan di Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

- (a) Berapakah bilangan anggota Ahli Lembaga Pengarah PBAHP dan PBAPP? Sila nyatakan bilangan Ahli Lembaga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif PBAHP mengikut kaum.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

24. (a) Bilangan kakitangan mengikut kaum untuk pengurusan tertinggi PBAPP sehingga 10 Ogos 2021 (termasuk Ketua Divisyen dan Ketua Jabatan) adalah 15 orang; seperti perincian di **Jadual 1** berikut:-

KRITERIA / KAUM	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN - LAIN	JUMLAH
Ketua Pegawai Eksekutif	1	-			1
Ketua Divisyen	1	1	1	1	4
Ketua Jabatan	5	4	1	-	10
JUMLAH	7	5	2	1	15

- (b) Keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah PBAHP berjumlah 13 orang; terdiri daripada lapan (8) orang Ahli Lembaga Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif (*Non-independent/ Non-Executive Directors*) dan lima (5) orang Ahli Lembaga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif PBAHP (*Independent/ Non-Executive Directors*). Pecahan mengikut kaum adalah seperti **Jadual 2** berikut:-

PBAHB			JUMLAH
KAUM	PENGARAH BUKAN BEBAS	PENGARAH BEBAS	
Melayu	6	0	6
Cina	1	4	5
India	1		1
Lain-lain		1	1
JUMLAH	8	5	13

- (c) Keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah PBAPP terdiri daripada 11 Orang Ahli Lembaga Pengarah Bukan Bebas/ Bukan Eksekutif (*Non-independent/ Non-Executive Director*). PBAPP tidak mempunyai Pengarah Bebas (*Independent Director*) kerana ia tidak tersenarai di Bursa Malaysia dan hanyalah anak syarikat PBAHB. Pecahan mengikut kaum adalah seperti di **Jadual 3** berikut:-

KAUM	PBAPP
	PENGARAH BUKAN BEBAS
Melayu	6
Cina	3
India	2
Lain-lain	
JUMLAH	11

25. Berapakah bilangan anak syarikat Kerajaan Negeri yang ditubuhkan di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan fungsi setiap anak syarikat? Huraikan.

- (a) Sila nyatakan bilangan kakitangan dan Ahli Lembaga Pengarah di bawah setiap anak syarikat tersebut.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

25. Penubuhan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) adalah berasaskan kepada Enakmen 9 Undang-undang Negeri Pulau Pinang iaitu Enakmen Ketua Menteri Pulau Pinang (Pemerbadanan) 2009 yang diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 27 April 2009. Enakmen ini telah diterbitkan dalam warta pada 23 Julai 2009.

Manakala, penubuhan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (SSI) adalah berasaskan Enakmen Setiausaha Kerajaan, Pulau Pinang (Pemerbadanan) 1998 telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 1986. Rang Undang-Undang ini telah diwartakan pada 7 April 1988. Enakmen Settlement Secretary Penang (Incorporation), 1953 yang berkuatkuasa sebelum itu telah dimansuhkan. Enakmen ini telah diterbitkan dalam warta pada 19 Ogos 2010.

Terdapat tujuh belas (17) syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) di bawah CMI dan dua (2) anak syarikat di bawah SSI seperti di **LAMPIRAN A**.

Lampiran

SENARAI SYARIKAT KERAJAAN NEGERI DI BAWAH CMI / SSI

Bil.	Nama Syarikat	Bidang / perniagaan yang dijalankan	CEO / Pengurus Besar	Ahli Lembaga Pengarah	Jumlah kakitangan (orang)
CMI					
1.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	<i>State Tourism Bureau.</i> Menjalankan aktiviti pelancongan untuk Kerajaan Negeri	Encik Ooi Chok Yan	1. YB Yeoh Soon Hin 2. YB Gooi Zi Sen 3. YB Ong Ah Teong 4. Dato' Seri R. Arunasalam s/o V. Ramasamy 5. Dato' Albert Tan Sam Soon 6. Dato' Mustafa Kamal bin Mohd Yusoff 7. Dato' Danny Goon Siew Cheang 8. Dato' Mohd Bazid bin Abd Kahar 9. Mr. Khoo Boo Lim 10. Mr. Kenneth Tan Teong Keen 11. Pn. Bharathi A/P Suppiah	18
2	George Town World Heritage Incorporated	Tidak menjalankan perniagaan dan bukan berasaskan keuntungan. Merupakan <i>site manager</i> yang bertanggungjawab dalam pengurusan Tapak Warisan UNESCO George Town. Urusan utama GTWHI ialah memastikan status UNESCO dikekalkan dengan pembangunan mampan untuk Nilai-Nilai Keunggulan Sejagat Bandar Warisan George Town.	Dr Ang Ming Chee	1. YAB Chow Kon Yeow 2. YB Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar 3. YB Dato' Dr. Mohamad Farazi bin Md Zohari @ Johari 4. YB Yeoh Soon Hin 5. YB Teh Lai Heng 6. YB Gooi Zi Sen 7. YBhg. Dato' Ar Yew Tung Seang 8. Pn. Bharathi A/P Suppiah	23
3	Penang Stem Sdn Bhd	<i>Engage in establishing Penang as a centre of excellence for science and technology and to organize and structure the promotion and dissemination of knowledge relating to science and technology throughout Penang, including investing in buildings, structures and programmes and all other related activities.</i>	Encik Chung Chok Yin (Richard)	1. YB Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy 2. YB Syerleena binti Abdul Rashid 3. YB Dato' Dr. Mohamad Farazi bin Md Zohari @ Johari 4. YB Satees A/L Muniandy 5. YBhg. Dato' Loo Lee Lian 6. En. Ooi Peng Ee 7. En. Muhamed Ali Hajah Mydin 8. YBhg. Dato' Sri Ganes A/L Palaniapan 9. Pn. Bharathi A/P Suppiah	10
4	Digital Penang Sdn Bhd	Perundingan transformasi digital	Encik Tony Yeoh	1. YAB Chow Kon Yeow 2. YB Zairil Khir Johari 3. YB Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy 4. YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh 5. YB Dato' Abdul Halim bin Hussain 6. YB Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar 7. YB Dato' Dr. Mohamad Farazi bin Md Zohari @ Johari 8. YBhg. Dato' Dr. Ooi Kee Beng 9. YBhg. Dato' Tang Ching Siang 10. Pn. Bharathi A/P Suppiah	11
5	Penang Science Cluster	<i>Operating a technology centre to provide education, learning, research and promote interest in science, innovation, technology and engineering</i>	Encik Ooi Peng Ee	1. YB Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy 2. YB Syerleena binti Abdul Rashid 3. YBhg. Dato' Seri Wong Siew Hai 4. YBhg. Dato' Yoon Chon Leong 5. En. Choo Wai Heng 6. En. Dionysius Robin Ashley Martin 7. YBhg. Dato' Noorashidah binti Ahmad 8. En. Chan Kee Siak	20

Bil.	Nama Syarikat	Bidang / perniagaan yang dijalankan	CEO / Pengurus Besar	Ahli Lembaga Pengarah	Jumlah kakitangan (orang)
				9. En. Chu Jenn Weng 10. En. Chai Meng Fee 11. En. Sinon Esermann 12. En. Solomon Arulanandam A/L Lorthu 13. En. Bret Alan Funke 14. En. Tan Siew Jin 15. Pn. Bharathi A/P Suppiah	
6	PGC Strategies Sdn Bhd (Penang Green Council)	Memupuk, menyelaraskan projek-projek sekitar di Negeri Pulau Pinang dan alam	Puan Josephine Tan Mei Ling	1. YAB Chow Kon Yeow 2. YB Phee Boon Poh 3. YBhg. Dato' Ar Lawrence Lim Hua Kwang 4. YBhg. Dato' Dr. Leong Yueh Kwong 5. YB Syerleena binti Abdul Rashid 6. YB Lee Khai Loon 7. Dr. Ahmad Hezri bin Adnan 8. En. Lee Eng Hai 9. Pn. Heng Yeh Shiuan 10. En. Tham Wai Leong 11. Pn. Bharathi A/P Suppiah	19
7	Penang Tech Centre Bhd	<i>To promote innovation, discovery and inspiration in science and technology, to set up a technological centre and to encourage the next generation to develop skill and interest in science and technology and nature of young scientific entrepreneurs</i>	Encik Khoo Boo Wooi	1. YB Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy 2. YB Lee Chun Kit 3. YB Satees A/L Muniandy 4. YB Dato' Dr. Mohamad Farazi bin Md Zohari @ Johari 5. YBhg. Dato' Seri Wong Siew Hai 6. YBhg. Dato' Ir. Lim Kok Khong 7. YBhg. Dato' Ooi Kok Seng 8. YBhg. Dato' Cheok Lay Leng 9. YBhg. Dato' Ir. Yeoh Lean Huat 10. En. Ang Lye Hin 11. Pn. Bharathi A/P Suppiah	20
8	PYDC Strategies Sdn. Bhd.	<i>Engaged in assiting in youth development in all aspects</i>	Dr. Gwee Sai Ling	1. YB Soon Lip Chee 2. YB Kasthuriraani A/P Patto 3. YB Lee Khai Loon 4. YB Joseph Ng Soon Siang 5. YB Kumaresan A/L Aramugam 6. Mr. Lee Wei Seang 7. En. Muhamad Khairul bin Mohd Ali 8. Proffesor Dr. Noor Hazlina binti Ahmad 9. En. Fahmi bin Zainol 10. Pn. Bharathi A/P Suppiah	11
9	PWDC Sdn. Bhd.	Mengarusperdanakan gender ke dalam polisi-polisi utama, program-program dan amalan-amalan sektor awam, dan demi mentransformasikan struktur-struktur dan budaya berkaitan, melalui advokasi, pembangunan kapasiti dan kerjasama strategik dengan sektor berlainan dalam masyarakat. Matlamat untuk mencapai kesaksamaan gender dan keadilan sosial.	Puan Ong Bee Leng	1. YB Chong Eng 2. YB Lim Siew Khim 3. YB Dr. Hajjah Norlela binti Ariffin 4. YB Heng Lee Lee 5. YB Syerleena binti Abdul Rashid 6. YB Kasthuriraani A/P Patto 7. Dato' Azhar bin Arshad 8. Dato' Dr. Manoranjitham A/P Sinniah @ Senaya 9. Dato' Rohana binti Abdul Ghani 10. Dr. Wong Lai Yong 11. Pn. Nurfarah Zafirah Foo binti Abdullah 12. Pn. Goon Phooi Kheng 13. Pn. Bharathi A/P Suppiah	19

Bil.	Nama Syarikat	Bidang / perniagaan yang dijalankan	CEO / Pengurus Besar	Ahli Lembaga Pengarah	Jumlah kakitangan (orang)
10	PICEB Sdn. Bhd. (Penang Convention & Exhibition Bureau)	<i>To promote as well as expend the meetings, conferences and exhibitions (mice) sector and to promote art as an economy driver for Penang</i>	Encik Ashwin Gunasekaran	1. YB Yeoh Soon Hin 2. YB Puan Kiam Wee 3. Sawarn Kaur A/P Gurdip Singh 4. Pn. Bharathi A/P Suppiah	15
11	Penang FC Sdn. Bhd.	Sukan Bola Sepak	Encik Jeffrey Chew Gim Eam	1. YB Soon Lip Chee 2. YB Dato' Dr Mohamad Farazi bin Md Zohari @ Johari 3. YB Dato' Norazmi bin Mohd Narawi 4. YBhg Dato' Azhar bin Arshad 5. Puan Bharathi A/P Suppiah	Jumlah 119 (Pengurusan:7 Pegawai Pasukan:23 Pemain:89)
12	Penang Halal International Sdn. Bhd.	Agensi di bawah Kerajaan Negeri yang berperanan sebagai jawatankuasa untuk merancang, mengurus, mempromosi, membantu dan membangunkan industri, perdagangan dan usahawan dalam ekosistem halal di Pulau Pinang.	Puan Aida Lim Abdullah	1. YB Dato' Hj Abdul Halim Hussain 2. YB Dr. Hajah Norlela binti Ariffin 3. Dato' Dr. Mohamad Farazi bin Md Zohari @ Johari 4. Dato' Azhar bin Haji Arshad 5. YB Syerleena binti Abdul Rashid 6. Encik Mohamed Yusoff bin Mohamed Noor 7. Encik Yasir Hafiz bin Munawar Ali	10
13	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	<i>To carry out commercial activities of holding company and related consultancy services inclusive of but not limited to promoting interfaith and/or living culture and related activities.</i>	Encik Au Chong Yee	1. YB Chong Eng 2. YBhg. Dato' Seri Dr. Anwar Fazal 3. En. Tang Ah Cai 4. Pn. Tan Huck Hong 5. Pn. Jenny Liew Siew Yuen 6. Dr. Kuah Li Feng 7. En. Ooi Chok Yan 8. En. M. Muniandy 9. En. Tharman A/L Anandan 10. Pn. Teoh Yew Nee 11. En. Sukhindarpal Singh a/l Joga Singh 12. En. Lee Khai 13. Pn. Bharathi a/p Suppiah	3
15	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	1. MSIC Code 42909 : Construction of other engineering projects n.e.c 2. MSIC Code 42109 : Construction of roads and railways n.e.c 3. MSIC Code 43126 : Land reclamation work	YBhg. Dato' Seri Farizan bin Darus	1. YAB Tuan Chow Kon Yeow 2. YB. Zairil Khir Johari 3. YB. Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar	4
16	Penang Health Alliance Sdn. Bhd.	Tidak aktif sejak diperbadankan	-	1. YB Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman 2. YB Phee Boon Poh 3. Pn. Bharathi A/P Suppiah	-
17	Penang Asia Pacific Masters Games Sdn. Bhd.	Dalam proses penggulangan	-	1. YB Chong Eng 2. YB Yeoh Soon Hin 3. YB Soon Lip Chee 4. Dato' Danny Goon Siew Cheang	-
SSI					
18	Syarikat Bas Negeri Pulau Pinang	Syarikat tidak aktif	-	1. YAB Tuan Chow Kon Yeow 2. YB Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar 3. YBhg. Dato' Azhar bin Haji Arshad	-

Bil.	Nama Syarikat	Bidang / perniagaan yang dijalankan	CEO / Pengurus Besar	Ahli Lembaga Pengarah	Jumlah kakitangan (orang)
19	Invest-In- Penang Berhad	Menggalak kemasukan pelabur.	YBhg. Dato' Loo Lee Lian	1. YAB Tuan Chow Kon Yeow 2. YB Dato' Ir Hj. Ahmad Zaki Yuddin bin Abd Rahman 3. YB Prof. Dr. Ramasamy A/L. Palanisamy 4. YB Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar 5. YB Dato' Dr. Mohamad Farazi bin Md Zohari @ Johari 6. Y.Bhg Dato' Seri Lee Kah Choon 7. Y.Bhg Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain 8. YB Puan Lim Siew Khim 9. YB Tuan Goh Choon Aik 10. YB Tuan Satees A/L Muniandy 11. YB Tuan Muhammad Faiz bin Fadzil 12. Tuan Ong Chin Wen	19

26. Sila jelaskan kedudukan krisis air mentah dengan Kerajaan Negeri Kedah.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan membayar nilai tertentu kepada Kerajaan Negeri Kedah?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri / Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mempunyai cadangan/ kaedah lain untuk memastikan bekalan air adalah mencukupi? Jelaskan.

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

26. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak berhasrat untuk membayar sebarang nilai tertentu bagi air mentah kepada Kerajaan Negeri Kedah kerana negeri Pulau Pinang menggunakan air dari sungai khususnya di bahagian sempadan negeri Pulau Pinang sejajar dengan undang-undang dan hak antarabangsa. Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mempertahankan hak riparian sumber air negeri (*Penang State Riparian Water Rights*).

Maklum balas surat tuntutan Kerajaan Negeri Kedah telah dirujuk kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang dan perkara ini telah dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara. Dimaklumkan bahawa perkara ini masih belum mendapat maklum balas daripada Pejabat Peguam Negara.

- (b) Kaedah dan cadangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan bekalan air mencukupi adalah seperti berikut:-
 - (i) Memastikan Kerajaan Persekutuan untuk memelihara Kawasan Tadahan Ulu Muda di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) melalui cadangan menubuhkan satu pihak berkuasa bebas untuk memelihara dan mengurus sumber air mentah di kawasan Ulu Muda;
 - (ii) Skim Penyaluran Air Mentah Dari Sungai Perak Ke Pulau Pinang "*Sungai Perak Raw Water Transfer Scheme (SPRWTS)*" sedang diusahakan. Status terkini pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Bahagian Bekalan Air (BBA) sedang menjalankan kajian bagi menentukan opsyen-opsyen penyaluran air tersebut sebelum perbincangan lanjut dilaksanakan; dan
 - (iii) Kajian potensi Sungai Perai sebagai sumber alternatif bekalan air mentah sedang dijalankan oleh pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

27. Dalam Pelan Dasar Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020, terdapat sekurang-kurangnya 4 lagi cadangan tambakan pulau.
- Nyatakan tujuan, keluasan dan status perancangan bagi pulau-pulau tersebut.
 - Bentangkan prestasi dan pencapaian Penang Infrastructure Corporation Sdn Bhd (PICSB) dalam 5 projek yang akan dilaksanakan.
 - Jelaskan status bantahan dan adakah ianya menghalang pelaksanaan projek?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

27. (a) Berdasarkan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020, status cadangan tambakan pulau adalah seperti berikut:-

Bil.	Lokasi Tebusguna Tanah Yang Diluluskan Oleh Kerajaan Negeri	Tujuan	Keluasan	Status Perancangan
1.	Tebusguna Tanah Seri Tanjung Pinang Fasa 2, Tanjong Tokong	Pembangunan bercampur	891 ekar	Telah ditambah sebahagian (belum siap)
2.	Tebusguna Tanah Bayan Mutiara	Pembangunan bercampur	59.992 ekar	Tambakan belum bermula
3.	Tebusguna Tanah di Butterworth, Bagan Ajam hingga Teluk Air Tawar	Pembangunan bercampur	1,606 ekar	Tambakan belum bermula
4.	<i>Penang South Reclamation (PSR)</i>	Pembangunan bercampur	4,500 ekar	Tambakan belum bermula

- (b) *Penang Infrastructure Corporation Sdn Bhd* (PICSB) ditubuhkan bagi memastikan perancangan penambahbaikan pengangkutan awam yang digariskan dalam *Penang Transport Master Plan* (PTMP) dapat dilaksanakan dengan menyeluruh dan teratur. Antara projek-projek infrastruktur mega yang terkandung di dalam PTMP termasuklah Projek Tambakan Selatan Pulau Pinang (PSR), Bayan Lepas Light Transit Rail (BLLRT), Terowong Dasar Laut dan 3 Jalan Utama termasuk Lebuhraya Pan Island Link 1, Pan Island Link 2 dan Pan Island Link 2A.

Projek tambakan pulau yang diuruskan oleh PICSB hanyalah PSR, di mana ia melibatkan cadangan kerja-kerja tambakan 3 buah pulau di bahagian selatan Pulau Pinang dengan keluasan 4,500 ekar. Semua persediaan dan keperluan seperti yang telah ditetapkan oleh undang-undang untuk memulakan kerja-kerja tambakan PSR telah diperolehi kecuali *Environmental Management Plan* (EMP) yang telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang pada 31 Mei 2021 dan masih belum terima keputusan. Kerja-kerja di tapak PSR akan dimulakan setelah EMP diluluskan. Manakala bagi projek pakej 2 di bawah Zenith Consortium Sdn Bhd, pembinaan Projek Pintasan Dari Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu ke Air Itam telahpun bermula pada 1 Februari 2021.

Prestasi dan pencapaian PICSB adalah baik berdasarkan kepada pengurusan projek-projek infrastruktur tersebut yang telah berjalan dengan baik.

- (b) Bagi projek PSR, terdapat sebilangan kecil nelayan yang telah mengemukakan bantahan kepada Panel Rayuan Alam Sekitar terhadap kelulusan *Environmental Impact Assessment* (EIA) yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar. Bantahan tersebut pada awalnya dijadualkan untuk didengar pada 12 hingga 14 Julai 2021, namun telah ditunda ke 6 hingga 9 September 2021. YB Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang memaklumkan bahawa tiada sebarang halangan bagi projek ini diteruskan apabila kelulusan EMP diperolehi kelak walaupun rayuan yang dikemukakan masih belum diputuskan oleh Panel Lembaga Rayuan.
28. Sejauh manakah pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)/ Pihak Berkuasa Tempatan melaksanakan cadangan *material recovery facility* di Tapak Pelupusan Sampah Sungai Burung dan Pusat Kitar Semula Bersepadu sementara?
- (a) Nyatakan progress pelaksanaan empat perancangan jangka pertengahan iaitu penutupan fasa 1 dan 2 Pulau Burung, pembangunan loji rawatan Waste to Energy (WtE), Pusat Kitar Semula Bersepadu dan Waste Eco Park?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

28. Status cadangan pembangunan *Material Recovery Facility* (MRF) dan Pusat Kitar Semula Bersepadu Sementara (*Interim Integrated Recycling Centre*, IIRC) adalah seperti berikut:
- (i) ***Material Recovery Facility (MRF)***
- Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah melantik PLB Terang Sdn. Bhd. (PLBT) sebagai syarikat konsesi untuk melaksanakan pengoperasian, penyelenggaraan dan pembangunan di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung (TPSPB). MRF merupakan salah satu kerja-kerja pembangunan yang perlu dilaksanakan oleh PLBT. MRF yang akan dibangunkan oleh PLBT dianggarkan mampu mengitar semula sisa pepejal yang masuk ke TPSPB sebanyak 40%.
- Berdasarkan jadual pelaksanaan kerja, MRF dijangka akan mula beroperasi pada 30 Oktober 2021. Walau bagaimanapun disebabkan oleh pandemik COVID-19, pembangunan bagi fasiliti ini dijangka berlaku kelewatan memandangkan tenaga pakar pemasangan dan pengoperasian adalah daripada luar negara.
- (ii) ***Integrated Recycling Centre (IIRC)***
- IIRC akan beroperasi di sebahagian Fasa 3, TPSPB dengan keluasan 10 ekar dan dijangka akan beroperasi pada 23 Oktober 2021.
- (iii) ***Pembangunan Loji Rawatan Waste to Energy (WtE)***
- Pembangunan loji rawatan WtE akan dimasukkan dalam *Request for Proposal* (RFP) Pembangunan Pusat Pemprosesan dan Rawatan Sisa Pepejal di Ampang Jajar di mana proses pelantikan kontraktor dijangka akan diselesaikan pada Disember 2021.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga bercadang untuk membangunkan loji rawatan WtE di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung dan satu *Request for Proposal* (RFP) akan disediakan bagi tujuan tersebut.

(iv) ***Integrated Recycling Centre (IRC)***

IRC akan dibangunkan oleh Syarikat PLB Engineering Berhad (PLBE). PLBE akan mendapatkan kawasan yang bersesuaian di Pulau Pinang untuk dijadikan Pusat Kitar Semula Bersepadu dalam tempoh 3 tahun perjanjian *Joint Development Agreement* (JDA) Projek Penutupan Selamat Tapak Pelupusan Sampah Jelutong, Penyediaan Tapak Baharu Bagi Pembuangan Sisa Bahan Binaan dan *Marine Clay* dan Pembangunan Di Tapak Yang Telah Direhabilitasi ditandatangani iaitu pada 21 Februari 2020.

(v) ***Waste Eco Park***

Pembangunan *Waste Eco Park* di Seberang Perai dirancang di Fasa 1 dan 2, TPSPB sejurus tanah tesebut diserahkan semula oleh PLBT kepada MBSP. Walau bagaimanapun, setakat ini tiada lokasi yang sesuai untuk projek pembangunan *Waste Eco Park* di bahagian pulau.

- (a) Status pelaksanaan empat perancangan jangka pertengahan iaitu penutupan Fasa 1 dan 2, TPSPB, pembangunan loji rawatan *Waste to Energy* (WtE), Pusat Kitar Semula Bersepadu (*Integrated Recycling Centre*, IRC) dan *Waste Eco Park* adalah seperti berikut:

Penutupan Fasa 1 dan 2 Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung

Penutupan Fasa 1 dan 2, TPSPB adalah di bawah tanggungjawab syarikat konsesi. Penutupan akan diselesaikan sepenuhnya oleh syarikat konsesi pada penghujung tahun 2021.

29. Pembinaan jambatan di Batu Kawan.

- (a) Bilakah projek ini dimulakan, berapakah nilainya dan bilakah tarikh sepatutnya siap projek?
- (b) Adakah projek ini sudah siap atau dalam kategori projek sakit/lewat siap dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil kepada kontraktor?
- (c) Senaraikan tindakan yang diambil bagi menyiapkan projek ini?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI

29. Projek jambatan di Batu Kawan ini merentasi Bandar Cassia ke Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan dan dilaksanakan oleh pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

- (a) Projek ini mula dilaksanakan pada 3 Mei 2017 dengan nilai kontrak berjumlah RM33,497,238.93 dan tarikh sepatutnya siap adalah pada 8 Januari 2021.
- (b) Projek ini masih dalam peringkat pembinaan dan dikategorikan lewat siap. Tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak PDC kepada kontraktor adalah kontraktor yang bertanggungjawab dikenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan menurut Syarat-syarat Kontrak.
- (c) Tindakan yang diambil bagi menyiapkan projek ini adalah kontraktor diberi peluang untuk meneruskan kerja pembinaan dengan langkah-langkah pemulihan projek yang telah dipersetujui di antara pihak

kontraktor dan pihak PDC. Lanjutan masa akan dipertimbangkan menurut Syarat-syarat Kontrak.

30. 14 Mac 2019 Dewan Dato Hj Ahmad Badawi siap baik pulih. 16 Julai 2019 Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) terima dengan tempoh jaminan sehingga 13 Mac 2020. Oktober 2019 ianya runtuh.
- (a) Nyatakan punca keruntuhan, nilai tender pembaikan keruntuhan serta kerja-kerja yang dilaksanakan.
 - (b) Selain memotong wang tahanan, apakah tindakan lain diambil kepada kontraktor asal?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

30. (a) *Penang Development Corporation* (PDC) telah mengenalpasti punca runtuh sebahagian bumbung Dewan Dato' Hj Ahmad Badawi yang telah berlaku pada bulan Oktober 2019 adalah seperti berikut:
- (i) Rekabentuk struktur kekuda yang tidak mengambil kira faktor 'wind load' dan kekurangan sokongan dalaman pada kekuda;
 - (ii) Kegagalan sebahagian struktur besi kerangka bumbung *light weight*. Ini disahkan oleh *independent checker* jurutera profesional berdaftar; dan
 - (iii) Kejadian Taufan Lekima yang melanda Pulau Pinang pada ketika itu.
- Nilai kos pembaikan runtuh bumbung Dewan Dato Hj Ahmad Badawi adalah berjumlah RM147,730.00 dan ditanggung sepenuhnya oleh pihak kontraktor utama iaitu Syifa Bina Sdn. Bhd. Kerja-kerja pembaikan yang dilaksanakan ialah pembersihan bahagian bumbung yang runtuh, pembaikan kekuda bumbung, *roof tile* dan kerja-kerja elektrik.
- (b) Tindakan yang diambil oleh pihak PDC terhadap pihak kontraktor utama adalah dengan menyenarai hitam (*blacklist*) Syarikat Syifa Bina Sdn. Bhd. daripada menyertai mana-mana tender PDC dan laporan punca keruntuhan telah diserahkan kepada pihak CIDB untuk tindakan lanjut.

XVIII. Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid) bertanya kepada YAB. Ketua Menteri:

1. Apakah status terkini mengenai projek Penang Urban Rejuvenation Project?
- (a) Apakah bajet/peruntukan yang akan digunakan untuk melaksanakan projek ini mengikut pecahan kawasan-kawasan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

1. (a) Berdasarkan Pelan Induk Perancangan Pembangunan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) 2021 hingga 2025, terdapat sejumlah lima (5) skim perumahan telah dikenalpasti sebagai projek perintis dalam pembaharuan semula bandar yang melibatkan skim-skim perumahan. Projek perintis bagi projek Penang Urban Rejuvenation yang telah diluluskan adalah seperti berikut:
- (i) Mahsuri 5 Point Block, Bayan Baru di daerah Barat Daya;
 - (ii) Rumah Pangsa Taman Free School di daerah Timur Laut;

- (iii) Rumah Pangsa Padang Tembak di daerah Timur Laut;
- (iv) Taman Siakap di daerah Seberang Perai Tengah; dan
- (v) Rumah Pangsa Mak Mandin di daerah Seberang Perai Utara.

Projek pembaharuan semula bandar yang pertama dilaksanakan oleh LPNPP adalah melibatkan Mahsuri 5 Point Block, Bayan Baru di daerah Barat Daya. Pada masa ini, perundingan bersama setiap Perbadanan Pengurusan (*Management Corporation-MC*) telah dilaksanakan bagi membincangkan intipati perundingan yang akan dimuktamadkan di peringkat Kerajaan Negeri. Pelan pembangunan induk (*masterplan*) bagi projek ini akan merangkumi tiga (3) fasa, dimana fasa 1 merupakan pembinaan unit gantian yang akan dilaksanakan secara tender pada awal 2022.

- (b) Setakat ini, projek Penang Urban Rejuvenation ini masih dalam tempoh kajian dan perancangan untuk dilaksanakan secara *Request for Proposal* (RFP) pada awal tahun 2022. Sehubungan itu, tiada bajet yang diperuntukkan bagi pelaksanaan projek tersebut buat masa ini.

2. Apakah status terkini pembinaan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu-Air Itam?
 - (a) Bilakah tarikh yang djangka siap?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

2. Projek Pakej 2 – Jalan Pintasan Dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam merupakan salah satu komponen di bawah Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang dengan kos pelaksanaan sebanyak RM851,040,000.00.

Berdasarkan *Sub-Agreement* Pakej 2 di antara Kerajaan Negeri bersama syarikat Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (CZC) yang ditandatangani pada 15 Januari 2021, fasa pembinaan telah dimulakan oleh pihak CZC pada 1 Februari 2021 dan tarikh penyiapan projek adalah pada 3 Januari 2025.

Sejak fasa pembinaan dimulakan pada 1 Februari 2021, kemajuan kerja di tapak projek Pakej 2 telah menghadapi kelewatan ekoran perintah kawalan pergerakan (PKP) 3.0 oleh Kerajaan Pusat dari 18 Mac 2021 sehingga 28 Jun 2021 bagi mengawal penularan wabak COVID-19. Kerja-kerja di tapak dibenarkan semula di bawah PKP 3.0 Fasa 2 hanya pada 9 Ogos 2021. Mengambil kira hal ini, kemajuan kerja di tapak berdasarkan Laporan Kemajuan Bulanan Pakej 2 bertarikh 25 April 2021 oleh CZC mencatatkan kemajuan kerja sebanyak 1.49%.

Walau bagaimanapun, pihak CZC dalam proses mempergiatkan semula kerja-kerja di tapak khususnya di kawasan Ayer Itam setelah sektor pembinaan dibenarkan beroperasi di bawah PKP 3.0 Fasa 2 pada 9 Ogos 2021.

3. Apakah fungsi badan RELANITA?
 - (a) Apakah pecahan peratusan keahlian RELANITA bagi kesemua 40 KADUN di Pulau Pinang?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

3. Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 3 Jun 2021 telah meluluskan penyusunan semula dan penjenamaan Briged Wanita Pulau Pinang kepada satu (1) pasukan sukarela yang baharu iaitu Pasukan Relanita Pulau Pinang (RELANITA). Fungsi RELANITA adalah seperti berikut:
- (i) Menggerakkan peserta untuk aktiviti pembangunan wanita dan keluarga yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK);
 - (ii) Membantu JPWK dalam menjalankan aktiviti atau program di bawah kelolaan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)/ Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK);
 - (iii) Membantu Kerajaan Negeri dalam menyedia dan mengedarkan bantuan serta membantu mangsa semasa krisis termasuk bencana alam dan wabak;
 - (iv) Membantu JPWK dalam perancangan dan pelaksanaan program JPWK; dan
 - (v) Menyertai program JPWK KADUN masing-masing.
- (a) Sehingga Julai 2021, seramai 436 orang sukarelawan wanita daripada 16 KADUN telah menyertai RELANITA. Sehingga kini, tiada lagi penyertaan RELANITA daripada baki 24 KADUN. Pecahan peratusan RELANITA mengikut KADUN adalah seperti di berikut:

KADUN	BIL. RELANITA	SASARAN 2021	% PENCAPAIAN
Bukit Tambun	167	100	167%
Batu Uban	70	100	70%
Sungai Pinang	47	100	47%
Seri Delima	44	100	44%
Padang Kota	21	100	21%
Seberang Jaya	19	100	19%
Batu Maung	15	100	15%
Pulau Betong	13	100	13%
Padang Lalang	10	100	10%
Machang Bubok	8	100	8%
Bertam	6	100	6%
Air Itam	6	100	6%
Berapit	5	100	5%
Permatang Berangan	3	100	3%
Jawi	1	100	1%
Dato Keramat	1	100	1%
JUMLAH	436		

4. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Pulau Pinang bagi membantu golongan ibu tunggal? Majoriti dari mereka tidak layak mendapat bantuan kewangan kerajaan dan lain-lain sebab tidak layak (kerana status perkahwinan masih lagi terpapar berkahwin walaupun sudah terpisah dari suami).

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

4. Berdasarkan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP), status perkahwinan masih kekal selagimana pendaftaran perceraian tidak dibuat permohonan di Pejabat Agama Daerah.

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi membantu golongan wanita termasuk ibu tunggal mahupun ibu tunggal. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah:

- (a) Projek #Sokong BIZ Ibu Tunggal merupakan kerjasama antara PWDC dan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) yang telah dilancarkan pada Julai 2021. Melalui projek ini, PWDC dan JPWK akan mempromosikan produk-produk yang dihasilkan oleh ibu tunggal mahupun ibu tunggal melalui laman *Facebook* PWDC dan JPWK. Sehingga kini, 30 JPWK telah mendaftarkan 100 produk ibu tunggal untuk dipromosikan;
 - (b) Projek Kuih Raya 2020 telah membuka peluang kepada 49 wanita termasuk ibu tunggal dan ibu tunggal untuk menjana pendapatan keseluruhan sebanyak RM62,540.00 iaitu secara purata RM1,276.00 seorang semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri;
 - (c) Projek Kudapan Raya 2021 yang melibatkan 60 orang pengusaha wanita telah menjana pendapatan secara keseluruhan berjumlah RM35,000 dengan penghasilan kuih raya dan kudapan untuk diedarkan kepada petugas barisan hadapan;
 - (d) Projek Wanita Jana Rezeki 2020 telah melibatkan seramai lapan (8) usahawan wanita untuk menerima geran program yang bernilai RM1,000.00 bagi pembelian keperluan perniagaan untuk mengembangkan perniagaan dan meningkatkan produktiviti mereka. Kini, program Wanita Jana Rezeki 2.0 (WJR2.0) diteruskan pada tahun ini. Setakat ini, sebanyak 30 pengusaha dan 58 produk telah dikumpul; dan
 - (e) Program Mentor Usahawan Wanita Pulau Pinang (PWEMP) telah dilancarkan pada tahun 2020. Melalui program ini, peserta akan mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada mentor usahawan berjaya. PWEMP tahun 2020 telah melibatkan seramai 105 orang peserta dan seramai 67 orang peserta telah mendaftar bagi PWEMP tahun 2021. PWEMP 2020 telah meningkatkan pendapatan peserta sebanyak 30 peratus. Program ini adalah terbuka kepada semua wanita termasuk ibu tunggal dan ibu tunggal.
5. Apakah senarai Gym Rakyat di seluruh Negeri Pulau Pinang mengikut daerah?
- (a) Bagaimanakah Gym Rakyat ini dapat diwujudkan sekiranya ada permintaan dan keperluan?

JAWAPAN OLEH YAB. KETUA MENTERI:

5. Sebanyak lima buah (5) Gimnasium Rakyat di seluruh Negeri Pulau Pinang yang berada di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Hanya terdapat satu (1) buah sahaja yang masih beroperasi iaitu di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang dan empat (4) buah lagi sudah diproses untuk pelupusan.

Perincian berkenaan status terkini Gimnasium Rakyat mengikut daerah di seluruh Negeri Pulau Pinang adalah seperti di bawah.

BIL.	DAERAH	STATUS TERKINI
1.	Gimnasium Rakyat Daerah Timur Laut	Penutupan sementara bermula pada 1 Jun 2019 sehingga sekarang (<i>Projek menaik taraf Kompleks Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang</i>)
2.	Gimnasium Rakyat Daerah Barat Daya	Penutupan dan pelupusan aset secara pindahan pada Mei 2019
3.	Gimnasium Rakyat Daerah Seberang Perai Utara	Penutupan dan pelupusan aset secara pindahan pada Mei 2019
4.	Gimnasium Rakyat Daerah Seberang Perai Tengah	Penutupan dan pelupusan secara pindahan pada Februari 2016
5.	Gimnasium Rakyat Daerah Seberang Perai Selatan	Dalam proses pelupusan setelah mendapat syor pelupusan pada April 2020

- (a) Permohonan untuk mewujudkan Gimnasium Rakyat boleh dibuat dan dikemukakan kepada MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang.

Untuk makluman, sebuah Gimnasium Rakyat telah diwujudkan pada tahun 2019 di Kawasan Telok Ayer Tawar dan di bawah seliaan ADUN Kawasan.

Setakat ini perancangan Gimnasium Rakyat di bawah MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang termasuklah kawasan Sungai Pinang, Seri Delima, Seberang Jaya dan Penanti.

Perancangan mewujudkan Gimnasium Rakyat ini adalah hasil kerjasama di antara MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang dan ADUN Kawasan serta Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

